



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

Memperkukuhkan Perlindungan Konsumer Kewangan






Perlindungan konsumer kewangan adalah bagaikan sekaki payung yang sedia berfungsi dalam apa jua keadaan cuaca. Sejak 31 Disember 2010, perlindungan konsumer kewangan di Malaysia telah diperkukuhkan dalam pelbagai cara. Perlindungan oleh PIDM kini disediakan bukan sahaja kepada pendeposit tetapi juga kepada pemilik sijil insurans dan peserta takaful.

Objektif kami adalah untuk memastikan kami memainkan peranan sebagai peserta jaringan keselamatan dan pihak berkuasa resolusi. Kesediaan untuk bertindak dan melaksanakan mandat kami sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli juga kritikal kepada perlindungan konsumer kewangan dan keyakinan awam dan justeru, membentuk asas tumpuan utama kerja kami. Oleh itu, kami memastikan semua inisiatif kami dipacu oleh strategi yang jelas, perancangan yang wajar dan persediaan yang terperinci.

Di PIDM, kami mencapai objektif menerusi semangat kerja berpasukan yang teguh oleh kumpulan kakitangan dengan pelbagai latar belakang dan kemahiran, diselaraskan dengan teliti oleh kepimpinan yang mahir, dan dengan memupuk hubungan perkongsian efektif dengan pemegang kepentingan utama kami.

PIDM komited, sepanjang masa, untuk melindungi kepentingan konsumer kewangan, baik hujan mahupun cuaca panas.



PIDM mengutamakan pengurusan bertanggungjawab dalam setiap aspek operasi kami. Ini jelas terbukti daripada penggunaan kertas mesra alam yang dipilih khas untuk penerbitan Rancangan Korporat ini. Kertas ini disahkan oleh *Forest Stewardship Council* (FSC), iaitu organisasi antarabangsa yang menyokong piawaian tertinggi dalam pengurusan hutan.

VISI KAMI

Menjadi organisasi perlindungan konsumen kewangan dengan amalan terbaik

MISI KAMI

Kami berusaha menggalak dan menyumbang kepada keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan negara dengan:

- melindungi deposit Islam dan konvensional;
- melindungi manfaat takaful dan insurans; dan
- memenuhi mandat perlindungan konsumen kewangan kami dengan cara yang efisien dan efektif, dengan mengambil kira kepentingan pemegang kepentingan utama dan kakitangan kami.



TERAS STRATEGIK KAMI

- Tadbir urus yang mantap
- Kesediaan dan kecemerlangan operasi
- Keyakinan awam terhadap sistem kewangan

NILAI KORPORAT KAMI

- Pengelolaan Kewangan yang Berhemat
- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Hormat dan Adil
- Integriti dan Kebolehpercayaan
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan

OBJEKTIF KORPORAT KAMI

- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat
- Perkongsian efektif
- Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik
- Penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta keupayaan resolusi yang kukuh
- Amalan urusan dan kewangan yang mantap
- Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan
- Persekitaran korporat yang kondusif

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

Profil Korporat	4
Sekilas Pandang Tahun 2011	6
Sorotan Pencapaian Kami Sepanjang Lima Tahun	9
Ringkasan Kewangan: Prestasi Lima Tahun	10
Perutusan Pengerusi, Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias	12
Lembaga Pengarah: Ahli dan Profil	18
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif, Jean Pierre Sabourin	20
Carta Organisasi	25
Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli dan Profil	28
Jawatankuasa Pengurusan Lain	32

BAHAGIAN 2: NUKILAN Pengerusi PERTAMA KAMI

Nukilan Pengerusi Pertama Kami	35
--------------------------------	----

BAHAGIAN 3: TADBIR URUS KORPORAT

Mengurus Risiko Kami	39
Penyataan Tadbir Urus	44
Penyataan Kawalan Dalaman	61

BAHAGIAN 4: PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

Persekitaran Operasi Kami	69
Kajian Semula Operasi dan Pencapaian Tahun 2011	69
Tinjauan Kewangan	86
Ringkasan Rancangan Korporat 2012 - 2014	98

BAHAGIAN 5: PENYATA KEWANGAN

Laporan Lembaga Pengarah	102
Pernyataan Pengarah	105
Akuan Berkanun	106
Persijilan Ketua Audit Negara	107
Penyata Kedudukan Kewangan	108
Penyata Pendapatan Komprehensif	109
Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab	110
Penyata Aliran Tunai	112
Nota kepada Penyata Kewangan	113

BAHAGIAN 6: TINJAUAN KEAHLIAN

Tinjauan Keahlian	153
-------------------	-----

BAHAGIAN 7: ARTIKEL

Dana Sasaran Bagi Sistem Insurans Deposit	159
---	-----

BAHAGIAN 8: INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Inisiatif Kesedaran Awam	167
Tanggungjawab Sosial Korporat	175

BAHAGIAN 9: KALENDAR PERISTIWA

Kalendar Peristiwa	178
--------------------	-----

LAMPIRAN

Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus	189
Piagam Jawatankuasa Ganjaran	192
Piagam Jawatankuasa Audit	194
Kad Skor Korporat 2012 - 2014	199
Senarai Institusi Ahli	201
Glosari Istilah	202
Butir-Butir Hubungan	205

Bahagian 1 Pengenalan



PIDM
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

PIDM
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

MFI INDUNGI SIMPANAN
INSURANS ANDA
MALAYSIA

PROTECTING YOUR
INSURANCE AND DEPOSITS
IN MALAYSIA

**Business
WANI**

PROD.
ROLL **B** SCENE **1F** TAKE **3**
DIRECTOR:
CAMERA:
DATE: **07.12.2010** Day Nite-Int Ext Mos
Filter Sync

DIRECTOR

PENGENALAN

PROFIL KORPORAT



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) untuk melindungi konsumer kewangan. Sebagai bahagian yang penting dalam sistem jaringan keselamatan kewangan negara, kami mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM melindungi pendeposit terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit mereka dan melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat mereka sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli. Kami juga diberi mandat untuk menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan, serta menggalakkan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Institusi ahli kami terdiri daripada semua bank perdagangan berlesen (termasuk subsidiari bank-bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) di bawah Akta

Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983, serta semua syarikat insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1996 dan semua pengendali takaful berdaftar di bawah Akta Takaful 1984. Pada 1 Februari 2012, keahlian PIDM terdiri daripada 41 bank (25 bank perdagangan dan 16 bank Islam) dan 47 ahli penginsurans (35 syarikat insurans dan 12 pengendali takaful).

Sistem insurans deposit Malaysia melindungi deposit Islam dan konvensional secara berasingan. Sistem ini dibiayai oleh premium tahunan yang diperolehi daripada bank ahli bagi deposit Islam dan konvensional dan kedua-dua Kumpulan Dana ditadbir secara berasingan. Dana Insurans Deposit Islam ditadbir mengikut prinsip-prinsip Syariah.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans juga dibiayai oleh premium tahunan yang diperoleh daripada ahli penginsurans bagi manfaat takaful dan insurans. Dengan mandat PIDM yang diperluaskan, kami kini mentadbir enam Kumpulan Dana yang berbeza secara berasingan:

1. Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam;
2. Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional;
3. Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Keluarga;
4. Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat;
5. Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am; dan
6. Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am.

PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan dan pada masa ini, ditadbir oleh Lembaga Pengarah yang dianggotai oleh sembilan orang pengarah. Di peringkat antarabangsa, kami juga dikenali sebagai *Malaysia Deposit Insurance Corporation*.

PERLINDUNGAN KONSUMER KEWANGAN YANG DIPERKUKUHKAN

Di bawah Akta PIDM 2011 yang baharu, perlindungan konsumer kewangan di Malaysia telah diperkukuhkan. Berkuat kuasa pada 31 Disember 2010, had insurans deposit telah dinaikkan kepada RM250,000 daripada RM60,000 manakala skop perlindungan diperluaskan bagi merangkumi deposit mata wang asing. Pelaksanaan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit pada bulan April 2011 telah mengukuhkan lagi Sistem Insurans Deposit. Peraturan ini bertujuan memastikan institusi ahli memberikan kepada pendeposit maklumat yang tepat, relevan dan terkini mengenai perlindungan deposit dan perlindungan bagi produk deposit yang ditawarkan.

Akta PIDM yang baharu ini memberikan tanggungjawab tambahan kepada PIDM untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans bagi menyediakan perlindungan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans.

Sekiranya ada institusi ahli yang mengalami masalah, PIDM akan bertindak dengan segera untuk melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans, walau apa pun masalahnya, dan akan mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi menggalakkan dan mengekalkan keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan Malaysia.

KESTABILAN SISTEM KEWANGAN

Dalam melaksanakan fungsi kami, kami bekerjasama rapat dengan Bank Negara Malaysia (BNM), iaitu badan pengawal selia utama. Hubungan kerja kami dimandatkan dalam Akta PIDM dan diperincikan dalam Perjanjian Perikatan Strategik. Perkongsian kami dengan BNM adalah penting kerana ia memastikan pertukaran maklumat terkini mengenai institusi kewangan. Ia juga memastikan kerjasama dalam semua aspek penting aktiviti penilaian dan pemantauan risiko serta aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

PIDM juga melengkapkan rangka kerja pengawalseliaan yang sedia ada dengan menyediakan insentif bagi institusi ahli untuk melaksanakan amalan pengurusan risiko yang wajar. Kami juga diberi kuasa untuk melaksanakan intervensi lebih awal bagi mengurangkan atau mengelakkan kerugian kepada sistem kewangan, dan kami dilengkapkan dengan pelbagai instrumen perundangan untuk mengurus institusi ahli yang menghadapi masalah.

PIDM melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa pengawalseliaan bagi memastikan isu berkenaan urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Bagaimanapun, kami perlu bergantung pada pihak berkuasa pengawalseliaan untuk mengambil tindakan pembetulan dengan segera bagi mengurangkan kemungkinan kegagalan institusi ahli. Kuasa intervensi dan resolusi kami membolehkan kami, antara lain, menjalankan penyiasatan wajar atau pemeriksaan khas ke atas institusi ahli yang bermasalah. Sebaik sahaja sesebuah institusi ahli ditentukan oleh badan pengawalseliaan sebagai tidak lagi berdaya maju, kami boleh melaksanakan intervensi dan sekiranya perlu, mengambil alih kawalan institusi itu atau mengambil tindakan resolusi lain yang dapat meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Komunikasi secara jelas dan tepat pada masanya dalam usaha memupuk keyakinan awam terhadap Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, ialah kunci kepada kejayaan kami dalam menggalakkan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Justeru, kami melaksanakan program kesedaran awam dan inisiatif pendidikan pelbagai tahun bagi meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman tentang manfaat dan had perlindungan konsumer kewangan kami.

PENGENALAN

SEKILAS PANDANG TAHUN 2011

Sejak penubuhannya pada tahun 2005, PIDM telah mewujudkan dan mengekalkan rangka kerja tadbir urus yang mantap, sistem kawalan dalaman yang kukuh serta amalan dan proses urusan yang berkesan. Pada tahun 2011, kami terus menumpukan usaha teras kami untuk menyokong tahap kesediaan Perbadanan dalam bidang utama berikut:

- membina kapasiti dan keupayaan kami dari segi kesediaan beroperasi serta memantapkan aktiviti penilaian dan pemantauan risiko;
- menggalakkan kesedaran awam termasuk meningkatkan inisiatif pendidikan;
- memantapkan kecekapan dan keberkesanan operasi kami; dan
- memantapkan infrastruktur, sistem, polisi dan amalan untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dengan berkesan.

Akta PIDM 2011 baharu, yang berkuat kuasa pada 31 Disember 2010, telah mempertanggungjawabkan Perbadanan dengan mandat yang diperkukuhkan, kuasa dan tanggungjawab yang lebih besar, untuk terus menggalakkan dan menyumbang kepada keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan. Pada tahun 2011, kami menyempurnakan sejumlah inisiatif berkaitan dengan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, dan kempen kesedaran awam kami diperluaskan untuk meliputi inisiatif berkaitan pendidikan pemilik polisi insurans dan sijil takaful.

Kami menyempurnakan hampir kesemua inisiatif utama yang dirancang, kecuali enam inisiatif berkaitan teknologi maklumat yang diberi keutamaan semula. Inisiatif ini berjaya dilaksanakan di bawah peruntukan bajet, seperti yang digariskan dalam rancangan kewangan yang diluluskan.



Pemegang Kepentingan

- Melaksanakan “Projek PIDM MoneySmart 2011” yang dimantapkan, iaitu suatu program pendidikan untuk pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Kami juga memasukkan soalan berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dalam Permainan Dalam Talian MoneySmart.
- Melaksanakan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit.
- Terus mengekalkan hubungan kerja yang baik dengan penginsurans deposit dan bank pusat lain di seluruh dunia melalui penyertaan dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers – IADI*) dan menjadi tuan rumah bagi lawatan sambil belajar.
- Memeterai Memorandum Persefahaman dengan *Central Deposit Insurance Corporation*, Taiwan untuk menggalakkan kerjasama dan usaha sama melalui perkongsian dan pemindahan pengetahuan.

Tadbir Urus dan Proses Dalaman

- Mengadakan beberapa sesi pendidikan Lembaga Pengarah untuk pelbagai bidang seperti penilaian dan pemantauan risiko, dana sasaran, Intervensi dan Resolusi Kegagalan serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Meneruskan usaha pelaksanaan pelan pengurusan penggantian untuk Pengarah dan Pengurusan.
- Meneruskan usaha kami dalam Tanggungjawab Sosial Korporat termasuk pelaksanaan Program Biasiswa pelbagai tahun dan penajaan bengkel pengurusan wang dan perancangan kerjaya untuk masyarakat cacat pendengaran.
- Menyempurnakan baki Polisi Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah dalam Risiko Reputasi, Risiko Penilaian dan Pemantauan, Risiko Strategik dan Tadbir Urus, Risiko Operasi serta Risiko Intervensi dan Resolusi Kegagalan.
- Terus menyokong Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (*Financial Institutions Directors’ Education – FIDE*) dan persatuan Alumninya (FIDE Forum).
- Mengeluarkan garis panduan kepada ahli penginsurans dan memantapkan garis panduan yang diguna pakai oleh bank ahli.
- Membangunkan Metodologi dan Rangka Kerja Penilaian Risiko menyeluruh serta Pengesahan Penyelia untuk Penyata Pengiraan Premium bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Mengendalikan sesi latihan mengenai intervensi dan resolusi kegagalan untuk semua kakitangan serta dua latihan simulasi kecil dan satu latihan simulasi selama dua setengah hari.
- Menyempurnakan penyepaduan antara modul-modul Sistem Pembayaran Balik Deposit, dan pembangunan program pengauditan untuk Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit bagi memastikan integriti data pembayaran balik deposit.
- Membangunkan Matriks Autoriti, yang meringkaskan bidang kuasa bagi pentadbiran harian urusan dan hal ehwal Perbadanan.
- Menyempurnakan pembangunan Tapak Pemulihan Bencana sementara dan menguji Pelan Kesenambungan Urusan.

Pembelajaran dan Pembangunan

- Meneruskan pembangunan tenaga kerja melalui Pelan Pembelajaran dan Pembangunan menyeluruh.
- Membangunkan rangka kerja Pengurusan Pengetahuan untuk menyokong perkongsian pengetahuan berterusan di kalangan kakitangan.
- Meneruskan pelaksanaan model kecekapan dan perancangan pengurusan penggantian berdasarkan rangka kerja yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk jawatan-jawatan utama.
- Menjalankan kaji selidik tahap kepuasan kerja kakitangan.

Pengiktirafan Luar

- Menerima anugerah “Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2011” daripada Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (IADI).
- Menerima anugerah “Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam” untuk Laporan Tahunan 2010 kami di majlis Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards – NACRA*).



Anugerah dan Pengiktirafan

Berpandukan misi dan visi, PIDM mencapai kemajuan besar sejak penubuhannya pada tahun 2005. Dengan semangat kerja berpasukan yang tinggi dan budaya kecemerlangan, Perbadanan maju ke tahap yang lebih tinggi ke arah pengiktirafan sebagai organisasi perlindungan konsumen kewangan dengan amalan terbaik.

NACRA 2011 Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam

PIDM menerima Anugerah “Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senaraian Awam” daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards – NACRA*) bagi tahun ketiga berturut-turut. Anugerah ini merupakan pengiktirafan atas kejayaan mencapai penanda aras NACRA bagi piawaian tadbir urus tinggi, kecemerlangan dalam pelaporan korporat dari segi piawaian ketelusan dan pendedahan maklumat tinggi serta kebertanggungjawaban korporat yang baik.

Kejayaan memenangi pengiktirafan berprestij ini untuk tiga tahun berturut-turut merupakan bukti lanjutan usaha berterusan kami untuk meningkatkan kualiti pendedahan dan pelaporan kami.

Anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2011 Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa

Usaha berterusan PIDM dalam pemantapan dan penggunaan pakai amalan terbaik telah membuahkan hasil dengan penerimaan anugerah ini daripada Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa. Penerimaan anugerah ini merupakan pengiktirafan bagi pencapaian dan sumbangan PIDM dalam bidang insurans deposit di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Dalam ucapan beliau di majlis penyampaian anugerah itu, Presiden Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa, Martin Gruenberg, berkata:

“PIDM dipilih sebagai penerima Anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik tahun ini hasil daripada pencapaiannya dalam mengukuhkan sistem insurans deposit dan sumbangannya kepada kestabilan kewangan di Malaysia. PIDM diberi pengiktirafan atas kesediaannya untuk berkongsi pengetahuan dan sokongan dalam menyediakan latihan kepada ahli Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa lain, dan menerusi semua usahanya dalam membantu mencapai objektif Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa”.

Sijil Semakan Semula Jaminan Kualiti oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia

PIDM telah diberi pengesahan oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (*Institute of Internal Auditors Malaysia – IIAM*) dengan pengiktirafan bahawa amalan pengauditannya mematuhi Piawaian Antarabangsa Amalan Profesional Audit Dalaman. Pengesahan ini memperakui bahawa fungsi audit dalaman PIDM mengekalkan prestasi kerja yang berkualiti dan mengguna pakai amalan pengauditan yang berkesan, mempamerkan profesionalisme serta mematuhi piawaian antarabangsa.

2006

Pemegang Kepentingan

- Memeterai Perjanjian Perikatan Strategik dengan Bank Negara Malaysia (BNM).
- Menjadi tuan rumah mesyuarat Majlis Eksekutif IADI.
- Menggalakkan kesedaran awam menerusi pelbagai aktiviti.

Tadbir Urus

- Membentuk piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah.
- Melaksanakan polisi tadbir urus utama termasuk Kod Etika dan Tata Laku Urusan, Polisi Pendedahan Maklumat berkaitan Salah Laku di Tempat Kerja dan Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.
- Merumus rangka kerja dan konsep utama termasuk kawalan dalaman dan pengurusan risiko organisasi.
- Menubuhkan jawatankuasa pengurusan iaitu Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti dan Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat.
- Membangunkan Rangka Kerja Tadbir Urus Teknologi Maklumat.
- Mengemukakan Laporan Tahunan 2006 yang pertama kepada Menteri Kewangan sebelum tarikh akhir berkanun, 31 Mac 2006.

Proses Dalaman

- Membangunkan rangka kerja utama bagi aktiviti penilaian dan pemantauan risiko serta pembayaran balik deposit.
- Memulakan pembangunan Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza.
- Mengeluarkan Garis Panduan bagi Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Garis Panduan mengenai Keperluan Pendedahan bagi Akaun Amanah dan Akaun Bersama.
- Melaksanakan sistem perakaunan yang baharu dan menyeluruh.
- Membangunkan polisi komunikasi.

Pengiktirafan Luar

- Penginsurans deposit pertama yang diterima oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam sebagai ahli bersekutu.

2007

Pemegang Kepentingan

- Menumpukan usaha kepada aktiviti meningkatkan kesedaran awam termasuk mengadakan Pameran Kewangan Malaysia 2007 dan menganjurkan Persidangan Tahunan IADI keenam.
- Melaksanakan Fasa 1 Pelan Komunikasi Bersepadu 2007 - 2011 kami termasuk program Capaian Korporat pertama dan Minggu Kesedaran Insurans Deposit.

Tadbir Urus

- Mengendalikan empat sesi Pendidikan Lembaga Pengarah dan satu program Orientasi Lembaga Pengarah.
- Membentuk rangka kerja pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman.
- Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi.
- Membangunkan Rangka Kerja Pematuhan Korporat.
- Membangunkan rangka kerja pengurusan penggantian untuk Lembaga Pengarah.

Proses Dalaman

- Melaksanakan Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko.
- Membentuk rangka kerja bagi pengurusan krisis komunikasi.
- Membangunkan Pusat Data Teknologi Maklumat.

Pembelajaran dan Pembangunan

- Membangunkan rangka kerja pengurusan penggantian untuk Pengurusan.
- Menjalankan tinjauan pendapat kakitangan yang pertama.
- Melaksanakan mekanisme maklum balas 360-darjah mengenai Pengurusan.
- Membentuk Polisi bagi Gangguan di Tempat Kerja.
- Menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan.
- Menganjurkan Hari Keluarga dan Majlis Makan Malam Tahunan PIDM yang pertama.
- Pejabat kami dipindahkan ke 1 Sentral, Kuala Lumpur Sentral.

Pengiktirafan Luar

- Menerima anugerah "Sijil Merit" untuk Laporan Tahunan 2006 oleh NACRA.

2008

Pemegang Kepentingan

- Menganjurkan seminar insurans deposit Islam antarabangsa yang pertama.
- Meneruskan pelaksanaan Fasa 2 Pelan Komunikasi Bersepadu 2007 - 2011.

Tadbir Urus

- Mengendalikan tiga sesi Pendidikan Lembaga Pengarah.
- Melaksanakan rangka kerja kawalan dalaman.
- Melaksanakan proses perancangan audit dan pengauditan berasaskan risiko.

Proses Dalaman

- Melaksanakan rangka kerja Sistem Premium Berbeza.
- Mengeluarkan Peraturan-Peraturan bagi Tema dan Syarat-Syarat Keahlian dan Sistem Premium Berbeza.
- Melaksanakan Sistem Penilaian Risiko.
- Membangunkan Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan serta Pelan Kontingensi.
- Memulakan pembangunan Sistem Pembayaran Balik Deposit.
- Mengendalikan pemantapan infrastruktur Teknologi Maklumat.

Pembelajaran dan Pembangunan

- Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja Pengurusan Tenaga Kerja dan Model Kecekapan.
- Melaksanakan analisis keperluan Pembelajaran dan Pembangunan serta Program Pengiktirafan dan Ganjaran.

Pencapaian Lain

- Membangunkan rangka kerja untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan.
- Membangun dan melaksanakan Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE) secara usaha sama dengan BNM.
- Dilantik sebagai ahli Majlis Eksekutif, badan pentadbir IADI.
- Ketua Pegawai Operasi PIDM mengetuai dan mempengerusikan penubuhan Kumpulan Insurans Deposit Islam IADI.

Pengiktirafan Luar

- Menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan dalam Kategori Badan Berkanun Persekutuan daripada Jabatan Audit Negara.
- Dicalonkan untuk Anugerah "Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2008".
- Menerima anugerah "Sijil Merit" untuk Laporan Tahunan 2007 oleh NACRA.

2009

Pemegang Kepentingan

- Menyertai Mesyuarat Lembaga Pengarah Tiga Pihak antara PIDM, *Deposit Protection Agency Thailand* (DPA Thailand) dan Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia (*Indonesia Deposit Insurance Corporation* - IDIC).
- Menganjurkan seminar insurans deposit Islam antarabangsa yang kedua.
- Membangunkan Program Biasiswa untuk pengajian ijazah sarjana muda.

Tadbir Urus

- Mengendalikan dua sesi Pendidikan Lembaga Pengarah.
- Mewujudkan piagam Pengurusan Risiko Organisasi dan pelaporan Ketua Pegawai Risiko secara langsung kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit.
- Menjalankan penilaian sendiri bagi keberkesanan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi.
- Menubuhkan Jawatankuasa Pematuhan Korporat.
- Melaksanakan pelan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah jangka panjang.

Proses Dalaman

- Memulakan pembangunan proses, polisi dan prosedur yang terperinci untuk aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.
- Melaksanakan Fasa 1 Sistem Pembayaran Balik Deposit, iaitu Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit.
- Membangunkan Dana Sasaran dan Rangka Kerja Peruntukan.
- Melaksanakan Polisi Klasifikasi Maklumat serta Polisi dan Prosedur bagi Pendedahan Umum Maklumat.
- Melaksanakan Program Pengesahan Juruaudit Luaran bagi Sistem Premium Berbeza dan Penyata Jumlah Deposit Diinsuranskan.
- Mengendalikan pemantapan Rangkaian Teknologi Maklumat dan infrastruktur keselamatan.
- Membangunkan Pelan Kesinambungan Urusan serta Pelan Tindakan Jerebu dan Penyakit Berjangkit.

Pembelajaran dan Pembangunan

- Melaksanakan pelan pengurusan penggantian pihak pengurusan kanan utama.
- Menyepadukan Model Kecekapan ke dalam Sistem Pengurusan Prestasi.

Pencapaian Lain

- Membentangkan undang-undang Insurans Penstabilan di Parlimen, yang telah dikuatkuasakan pada Januari 2010.

Pengiktirafan Luar

- Dicalonkan untuk Anugerah "Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2009".
- Menerima Anugerah "Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam" untuk Laporan Tahunan 2008 oleh NACRA 2009.

2010

Pemegang Kepentingan

- Melancarkan secara rasmi Projek PIDM MoneySmart.
- Melaksanakan Program Biasiswa pelbagai tahun.
- Menyertai Mesyuarat Lembaga Pengarah Tiga Pihak antara PIDM, DPA Thailand dan IDIC.
- Membangunkan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011.

Tadbir Urus

- Mengendalikan dua sesi Pendidikan Lembaga Pengarah.
- Melaksanakan pelan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah dan mencadangkan pelantikan dua ahli Lembaga Pengarah yang baharu.
- Membangunkan dan melaksanakan tiga Polisi Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah, iaitu Polisi Risiko Kuasa Insurans, Polisi Risiko Pasaran dan Polisi Risiko Kecairan.
- Mengendalikan Kaji Selidik Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman serta Ujian Pematuhan yang pertama.
- Menyokong Program FIDE dan penubuhan syarikat terhad oleh jaminan untuk Alumni FIDE.

Proses Dalaman

- Membangunkan Rangka Kerja dan peraturan-peraturan Sistem Premium Berbeza yang diperkukuhkan.
- Membangunkan Fasa 1 Sistem Amaran Awal.
- Meneruskan pembangunan polisi, proses dan prosedur intervensi dan resolusi kegagalan yang terperinci.
- Menjalankan latihan simulasi yang pertama bagi intervensi dan resolusi kegagalan.
- Melaksanakan Portal Enterpris Korporat.
- Menjalankan latihan *desktop* untuk menguji Pelan Kesinambungan Urusan.

Pembelajaran dan Pembangunan

- Mengendalikan dua sesi latihan kakitangan di seluruh organisasi bagi Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan, Pelan Kontingensi dan dua pilihan resolusi.
- Menganjurkan sesi aktiviti berpasukan luar premis yang pertama untuk kakitangan.
- Pejabat kami dipindahkan ke Quill 7, Kuala Lumpur Sentral.

Pencapaian Lain








- Membangunkan dan melaksanakan pakej peralihan untuk beralih daripada Jaminan Deposit Kerajaan.
- Mencadangkan Akta baharu untuk menggantikan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 dan membangunkan peraturan yang diperlukan.
- Menjalankan pembangunan dan pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Pengiktirafan Luar

- Menerima Anugerah "Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam" untuk Laporan Tahunan 2009 oleh NACRA 2010.

PENGENALAN

RINGKASAN KEWANGAN: PRESTASI LIMA TAHUN



BUTIRAN PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF TERPILIH BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER

	2011	2010	2009 RM Juta	2008	2007
Hasil Premium	201.2	105.7	131.8	90.0	110.1
Kumpulan Dana Insurans Deposit	120.5	105.7	131.8	90.0	110.1
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	80.7	-	-	-	-
Pendapatan Pelaburan	21.8	9.3	7.6	8.5	5.8
Kumpulan Dana Insurans Deposit	12.9	9.3	7.6	8.5	5.8
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	8.9	-	-	-	-
Keuntungan / (kerugian) daripada penjualan pelaburan tersedia-untuk-dijual	3.7	-	-	-	-
Kumpulan Dana Insurans Deposit	-	-	-	-	-
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	3.7	-	-	-	-
Perbelanjaan Operasi	69.6	54.2	44.9	34.5	27.1
Lebih Bersih Operasi	157.1	60.8	94.5	64.0	88.8
Wang dan pelaburan yang diterima daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	922.4	-	-	-	-
Lebih Bersih Tahun Tersebut	1,079.5	60.8	94.5	64.0	88.8
Keuntungan / (kerugian) bersih tidak terealisasi bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual	(0.6)	-	-	-	-
Jumlah Pendapatan Komprehensif	1,078.9	60.8	94.5	64.0	88.8

BUTIRAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN TERPILIH PADA 31 DISEMBER

	2011	2010	2009	2008	2007
Jumlah Aset	1,518.1	438.0	375.9	276.8	215.1
Jumlah Liabiliti	8.4	7.3	6.0	1.5	3.8
Kumpulan Dana dan Rizab	1,509.7	430.7	369.9	275.3	211.3
Kumpulan Dana Insurans Deposit	518.5	430.7	369.9	275.3	211.3
Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional	450.0	374.6	320.9	243.0	190.4
Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam	68.5	56.1	49.0	32.3	20.9
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	991.2	-	-	-	-
Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Keluarga	4.4	-	-	-	-
Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Nyawa	36.7	-	-	-	-
Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am	2.1	-	-	-	-
Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am	948.0	-	-	-	-
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab	1,518.1	438.0	375.9	276.8	215.1

PENGENALAN

MELANGKAH KE HADAPAN



Rancangan Korporat 2012 - 2014 kami menetapkan hala tuju strategik, tumpuan dan keutamaan yang menjadi panduan utama kami untuk memastikan pengurusan urusan dan hal ehwal Perbadanan yang cekap dan berkesan, sejajar dengan mandat berkanun kami. Kami juga terus menjadikan visi kami sebagai panduan untuk menjadi organisasi perlindungan konsumer kewangan dengan amalan terbaik.

Melangkah ke hadapan, kami akan memantapkan usaha untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan organisasi dengan memberi tumpuan kepada kompetensi kakitangan, mengukuhkan kesediaan operasi Perbadanan dan terus menggalakkan kesedaran dan pendidikan awam mengenai mandat dan aktiviti kami. Kami juga akan terus membina dan membangunkan polisi, prosedur, sistem dan infrastruktur berkaitan untuk operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, dan pada masa yang sama, mengukuhkan amalan yang sedia ada untuk Sistem Insurans Deposit. Dalam usaha membina keyakinan dalam keupayaan kami untuk memenuhi mandat, kami juga terus mendukung amalan terbaik dalam tadbir urus.



PERUTUSAN PENGERUSI

TAN SRI DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS

Saya amat berbesar hati dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia berkuat kuasa mulai 14 Ogos 2011. Saya ingin melahirkan penghargaan ikhlas saya kepada Lembaga Pengarah kami kerana mencadangkan saya kepada Menteri Kewangan bagi penghormatan ini.

Sistem Insurans Deposit

Saya bernasib baik dilantik sebagai Pengerusi PIDM pada peringkat perkembangan yang mana kami mula melihat hasil usaha-usaha gigih kami. Pada tahun 2011, kami diberi penghormatan dengan penerimaan Anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2011 daripada Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers – IADI*). Anugerah ini merupakan pengiktirafan antarabangsa atas pencapaian kami dalam mengukuhkan sistem insurans deposit dan sumbangan kami kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia. Ia juga mengiktiraf sokongan besar kami terhadap objektif IADI menerusi perkongsian pengetahuan kami dengan ahli IADI lain.

Saya memerhatikan bahawa penyertaan kami di peringkat antarabangsa dalam IADI mempunyai kepentingan lebih besar daripada tanggapan umum. Perkongsian di peringkat antarabangsa membantu kami menduga cabaran dan merancang langkah masa depan, sambil mempelajari pengalaman pihak lain. Menerusi aktiviti IADI, kami juga berpengetahuan tentang perkembangan terkini dalam aliran global bidang insurans deposit dan pengawalseliaan. Kepimpinan dan penyertaan kami dalam Kumpulan Insurans Deposit Islam IADI juga menyediakan peluang kepada kami untuk menerajui kepimpinan dari segi pemikiran serta mempelajari pengalaman pihak lain dalam bidang unik ini.

Sejak penubuhan kami, kami menanda aras organisasi kami berbanding amalan terbaik antarabangsa, termasuk yang ditetapkan oleh IADI. Sesetengah para pembaca Laporan Tahunan pastinya mengingati artikel kami dalam Laporan Tahunan 2009, yang merupakan penilaian sendiri Perbadanan terhadap Prinsip Teras IADI bagi Sistem Insurans Deposit Efektif.

Aspek utama Prinsip-Prinsip Teras ini adalah menetapkan keperluan bagi rangka kerja pembiayaan efektif, yang mana ia penting untuk mengekalkan keyakinan awam terhadap keupayaan penginsurans deposit untuk melaksanakan pembayaran balik deposit dengan segera kepada pendeposit sekiranya berlaku kegagalan bank. Sehubungan ini, anda akan perhatikan dalam laporan ini, penekanan besar kepada usaha kami untuk mengunjurkan saiz sasaran dalaman bagi kumpulan dana kami, berikutan usaha penandaarasan dan penyelidikan ekstensif. Kami mensasarkan pencapaian, di masa depan, paras dana yang mencukupi untuk memenuhi obligasi masa hadapan yang dikehendaki bagi menyediakan perlindungan insurans deposit. Bagi pembiayaan luaran, kami juga bekerjasama rapat dengan jabatan relevan di Kementerian Kewangan untuk memuktamadkan perjanjian pembiayaan kerajaan bagi sokongan kecairan, sekiranya perlu.

PENGENALAN

PERUTUSAN PENERUSI

Berkeinginan kesediaan kami untuk menjalankan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan bank-bank ahli, saya dengan sukacita melaporkan bahawa kami telah menyempurnakan satu set garis panduan, agar semua pihak yang terlibat memahami, dari mulanya, peranan dan tanggungjawab mereka serta kehendak daripada peranan mereka. Kami juga mengendalikan simulasi pelbagai senario intervensi dan resolusi kegagalan. Dalam sesuatu krisis, pemahaman yang jelas tentang kuasa Pengurusan dan Lembaga Pengarah serta pertanggungjawapan di kalangan peserta jaringan keselamatan adalah penting, dan kami telah menetapkan kejelasan berhubung perkara ini dengan membangunkan matriks autoriti yang komprehensif.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Pengenalan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada tahun 2011 disambut baik oleh orang awam, dalam peralihan kami daripada Jaminan Deposit Kerajaan pada akhir tahun 2010. Inisiatif ini adalah sejajar dengan perkembangan di rantau ini, seperti Singapura, dan baru-baru ini, Hong Kong. Sistem ini bertujuan untuk menyediakan perlindungan kepada pemilik polisi, selaras dengan perlindungan yang diberikan kepada pendeposit justeru, memupuk kesaksamaan antara industri berkaitan serta memantapkan kestabilan dan daya saing industri insurans. Pada tahun 2011, kami mengaluh-alukan institusi ahli baharu daripada industri insurans dan takaful. Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans, yang sebelum ini ditadbir oleh Bank Negara Malaysia (BNM), telah dipertanggungjawabkan kepada PIDM, mengikut kehendak undang-undang, dan akan ditadbir secara berasingan mengikut sektor perniagaan.

Mandat kami yang diperluaskan membawa banyak cabaran, dari segi sumber, keupayaan dan kesegeraan. Pada tahun 2011, Lembaga Pengarah memberi keutamaan dalam menangani cabaran-cabaran ini, memanfaatkan infrastruktur sedia ada kami menerusi penaiktarafan, penambahbaikan dan inisiatif baharu, sekiranya perlu. Secara khususnya, kami menumpukan usaha terhadap kempen kesedaran awam kami bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, dan kami berasa sukacita dengan keputusan kaji selidik kami yang menunjukkan kesedaran yang wajar mengenai sistem ini. Salah satu keutamaan kami adalah untuk mendidik kakitangan kami mengenai selok-belok industri. Memandangkan peranan kami yang telah diperluaskan, kami juga memulakan pembangunan metodologi dan rangka kerja penilaian risiko komprehensif untuk ahli penginsurans dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, dan kami menetapkan inisiatif khusus bagi tahun 2012 seperti membangunkan sistem levi berbeza bagi ahli penginsurans.

Pembangunan Tadbir Urus Korporat

Kami sebagai Lembaga Pengarah terus menumpukan kepada aspek tadbir urus yang diperlukan untuk memastikan keberkesanan berterusan. Pengurusan perancangan penggantian Lembaga Pengarah dan pengenalan calon-calon yang sesuai bagi kekosongan jawatan Lembaga Pengarah merupakan satu aktiviti penting pada tahun 2011, dan kami berpuas hati dengan hasil yang dicapai. Encik Alex Foong dilantik berkuat kuasa pada Ogos 2011 dan Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff serta Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad dilantik berkuat kuasa pada Januari 2012. Lembaga Pengarah juga bertekad bahawa pengurusan perancangan penggantian Lembaga Pengarah akan menjadi aktiviti jangka panjang berterusan bagi Lembaga Pengarah.

Saya juga amat bersukacita untuk melaporkan usaha berterusan kami dalam menggalakkan tadbir urus korporat lebih meluas dalam industri. Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan, yang ditaja oleh BNM dan PIDM sejak tahun 2008, terus mencatatkan kejayaan yang baik. Bukan itu sahaja, ia juga telah memberi inspirasi bekas peserta untuk menubuhkan persatuan alumni, dengan Gabenor BNM sebagai penaungnya. Alumni itu, dikenali sebagai FIDE Forum, dengan saya sebagai pengerusi masa ini, merancang untuk memimpin dan menggalakkan piawaian tinggi tadbir urus korporat di kalangan institusi kewangan di Malaysia. Antara lain, persatuan ini akan menganjurkan acara bagi perangkaian pengarah dan pembelajaran sepanjang hayat serta akan berfungsi sebagai mangkin perhubungan antara industri dan pengawal selia. Kami yakin institusi-institusi kewangan akan menyertai inisiatif ini, yang bukan sahaja memanfaatkan mereka secara institusi, tetapi juga keseluruhan sistem kewangan. Ini sejajar dengan matlamat berkanun PIDM bagi menggalakkan pengurusan risiko mantap dalam sistem kewangan.

Rakaman Penghargaan

Sebelum saya mengakhiri perutusan ini, dan sebagai mewakili Lembaga Pengarah kami, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha, Pengerusi pertama kami, atas kepimpinan dan komitmen utuh beliau. Tumpuan beliau yang teguh dalam memastikan pelaksanaan tadbir urus dan kawalan dalaman yang mantap, kecemerlangan dan tingkah laku beretika, telah menetapkan piawaian bagi semua inisiatif masa depan kami, dan selepas enam tahun di bawah bimbingan beliau, Perbadanan mempunyai asas yang kukuh. Sebagai mewakili kami semua, saya merakamkan penghargaan besar kami kepada beliau.

Saya juga berterima kasih terhadap sokongan padu dan nasihat arif daripada ahli-ahli Lembaga Pengarah, dan sokongan berterusan daripada Pengarah *ex officio*, Tan Sri Dato' Dr. Zeti Akhtar Aziz, Gabenor BNM dan Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Seperti yang saya nyatakan sebelum ini, kami bertuah untuk mengalu-alukan Encik Alex Foong sebagai ahli Lembaga Pengarah pada Ogos 2011. Kami juga sukacita mengalu-alukan dua ahli baharu, Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad dan Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff, yang dilantik pada Januari 2012. Saya juga gembira untuk melaporkan bahawa Menteri Kewangan telah melanjutkan pelantikan Encik David Dass sebagai Pengarah kami bagi tempoh dua tahun. Bersama-sama dengan ahli Lembaga Pengarah sedia ada, kami kini memiliki kepakaran dan pengalaman yang lengkap untuk mencapai aspirasi masa hadapan kami.

Jelas sekali segala pencapaian organisasi kami tidak akan menjadi kenyataan tanpa kepimpinan unggul daripada Ketua Pegawai Eksekutif kami dan sokongan padu pasukan beliau. Kegigihan dan semangat Encik JP Sabourin jelas terbukti menerusi pencapaian yang diketengahkan dalam Laporan Tahunan ini. Kami juga berkongsi berita baik bahawa Menteri Kewangan telah melanjutkan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif kami, Encik JP Sabourin, untuk satu lagi tempoh perkhidmatan berkuat kuasa dari Ogos 2011.

Sudah tentunya, saya tidak melupakan pasukan kakitangan kami yang berbakat dan bersemangat tinggi, dengan usaha gigih dan dedikasi mereka yang mesti dihargai dan kesungguhan mereka untuk memantapkan diri, justeru menjadi aspirasi kejayaan berterusan Perbadanan kami.

Masa Hadapan

Kesimpulannya, jelas sekali bahawa prospek bagi masa hadapan masih mencabar dan tidak menentu seperti tahun 2011, atau lebih mencabar dan tidak menentu. Walaupun kami mengunjurkan kestabilan dalam sistem kewangan negara, namun kami tetap memantau dengan waspada risiko-risiko utama dan terus memantapkan kesediaan kami, memandangkan pergolakan sedunia terutamanya di Eropah terus memberikan risiko terbesar kepada prospek kami. Pada masa yang sama, kami menyedari bahawa kemunculan institusi kewangan yang lebih pelbagai dari segi urus niaga dan aktiviti yang lebih rumit juga boleh membawa pendedahan risiko, memandangkan institusi kewangan domestik mengembangkan urus niaga di luar sempadan negara. Dalam persekitaran ekonomi yang pantas berubah, kita perlu sentiasa peka dan memantau secara berterusan perkembangan baharu dan risiko-risiko yang berpotensi.

Dengan mengambil pandangan jangka panjang, saya memerhatikan Pelan Sektor Kewangan 10 Tahun Bank Negara Malaysia 2011 - 2020 yang mencarta hala tuju masa depan sistem kewangan ketika peralihan Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, dengan tokokan nilai tinggi. Ini juga akan menyediakan agenda bagi PIDM, di masa hadapan, untuk membangunkan rangka kerja yang akan membolehkan kami melaksanakan peranan kami sebagai Agensi Resolusi Nasional yang berurusan dengan pelbagai jenis dan bilangan institusi kewangan yang semakin berkembang di Malaysia.

Dalam tempoh terdekat ini, seperti yang anda akan maklum daripada Penyata Tadbir Urus kami (halaman 44), Lembaga Pengarah juga meminda Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah untuk memberikan penekanan kepada kepentingan menyokong tenaga kerja produktif dalam Perbadanan. Ketika Perbadanan melangkah ke fasa baharu pembangunan, kami perlu memastikan perancangan berterusan tenaga kerja dan menyepadukan pengetahuan dan kemahiran bagi memastikan kemampuan jangka panjang dari segi keberkesanan dan kecekapan. Model "tenaga kerja asas tetapi profesional" kami bermakna cabaran modal insan – termasuk pengkalan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran – adalah lebih unik berbanding kebanyakan organisasi lain. Justeru, selain inisiatif-inisiatif utama kami, pengurusan pengetahuan dan pengkalan serta bimbingan mentor dan pembelajaran, perlu menjadi tema utama dalam kerja kami di masa hadapan. Saya memetik kata-kata Wilbur Wright (daripada adik-beradik Wright), "Kita boleh terbang tanpa motor, tetapi tidak boleh terbang tanpa pengetahuan dan kemahiran."

Dengan ini, saya dengan sukacitanya menyampaikan kepada anda Laporan Tahunan PIDM, yang memperincikan pencapaian kami pada tahun 2011.



TAN SRI DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS

PENGENALAN
LEMBAGA PENGARAH



Dari kiri ke kanan:

Encik George Anthony David Dass, Dato' Halipah Esa, Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz,
Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias, Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah,
Encik Alex Foong Soo Hah, Encik Lim Tian Huat



PENGENALAN

LEMBAGA PENGARAH: AHLI DAN PROFIL

Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias

Pengerusi

Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias dilantik sebagai Pengerusi PIDM pada 15 Ogos 2011 dan tempoh pelantikan beliau berlanjutan sehingga 14 Ogos 2014.

Tan Sri Dr. Abdul Samad merupakan seorang Felo di Institute of Chartered Accountants di Australia dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengauditan dan perakaunan. Beliau juga memegang jawatan Pengerusi Malaysia Venture Capital Management Bhd dan Malaysia Debt Venture Bhd, dan baru-baru ini telah dilantik sebagai Pengarah bukan eksekutif bebas Bursa Malaysia. Beliau juga ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Pada tahun 2006, Tan Sri Dr. Abdul Samad menerima pengiktirafan antarabangsa dalam bentuk Anugerah Pencapaian di Asia oleh Association of Chartered Certified Accountants.

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dilantik sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia sejak Mei 2000 dan merupakan seorang daripada dua ahli *ex officio* Lembaga Pengarah.

Sebagai Gabenor, beliau memainkan peranan penting dalam merumuskan dan melaksanakan polisi kewangan serta memastikan kestabilan sistem kewangan Malaysia. Beliau juga menyelia transformasi sistem kewangan Malaysia sehingga berjaya menjadi salah satu sistem kewangan dalam ekonomi pesat membangun yang maju dan berdaya tahan.

Dr. Zeti terlibat secara aktif dalam membentuk masa hadapan kerjasama kewangan di rantau Asia dan merupakan jurucakap utama di forum kewangan antarabangsa bagi ekonomi pesat membangun. Beliau mempengerusi Mesyuarat Eksekutif Pasukan Petugas Khas Bank-Bank Pusat Asia Pasifik Timur (*Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks – EMEAP*) untuk merangka pelan tindakan bagi kerjasama kewangan masa hadapan di rantau ini. Beliau juga ialah ahli Kumpulan Tadbir Urus Bank Pusat, *Bank for International Settlements* (BIS) dan merupakan salah seorang ahli pengasas Majlis Perundingan Asia BIS. Dr. Zeti juga aktif mempromosikan pembangunan kewangan Islam di peringkat tempatan dan antarabangsa. Beliau mempengerusikan Majlis Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam untuk penggal 2007 dan juga Pengerusi Lembaga Pentadbiran Perbadanan Pengurusan Kecairan Islam Antarabangsa (*International Islamic Liquidity Management Corporation – IILM*) sehingga tahun 2011. Kini Dr. Zeti mempengerusikan Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah IILM. Beliau juga mempengerusikan pasukan petugas antarabangsa peringkat tinggi yang diilhamkan oleh Bank Pembangunan Islam, yang mengkaji peranan dan kerelevanan kewangan Islam dalam mempromosikan kestabilan kewangan antarabangsa. Dr. Zeti merupakan ahli Suruhanjaya Pakar Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengkaji reformasi yang boleh dijalankan ke atas sistem kewangan antarabangsa.

Dr. Zeti menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya dan Ijazah Doktor Falsafah daripada University of Pennsylvania.

Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah

Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan sejak 28 Februari 2007 dan memegang jawatan ahli *ex officio* dalam Lembaga Pengarah PIDM.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 36 tahun dalam sektor awam, terutamanya dalam bidang perancangan ekonomi. Beliau memulakan kerjaya di Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1975, menyandang pelbagai jawatan dalam bidang ekonomi makro, sumber manusia dan sektor tenaga. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif (Bergilir) bagi World Bank Group di Washington DC dan mewakili beberapa negara Asia. Beliau kemudiannya kembali ke Malaysia dan berkhidmat di Kementerian Kewangan, dan pada tahun 2007 beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Ketika ini, beliau menjadi ahli Lembaga Pengarah di pelbagai organisasi seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Malaysia Airlines System Berhad, Petrolim Nasional Berhad (PETRONAS), MISC Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS), Cyberview Sdn. Bhd., Pembinaan BLT Sdn. Bhd. dan Bank Negara Malaysia. Tan Sri Dato' Dr. Wan Abdul Aziz menerima Ijazah Doktor Falsafah Ekonomi daripada University of Leeds, United Kingdom.

Dato' Halipah Esa

Dato' Halipah Esa dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 14 Ogos 2010 dan tempoh pelantikannya adalah sehingga 15 Ogos 2013.

Beliau memulakan kerjaya dalam sektor awam di Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1973. Semasa tempoh perkhidmatannya di UPE, beliau berkhidmat dalam pelbagai bidang seperti infrastruktur, bekalan air, sumber tenaga, kesihatan, pendidikan, perumahan, telekomunikasi, perkhidmatan bandar, ekonomi makro, ekonomi antarabangsa, alam sekitar dan pembangunan serantau. Beliau telah menyandang pelbagai jawatan kanan di UPE, antaranya sebagai Pengarah Tenaga, Pengarah Kanan Ekonomi Makro dan Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Perancangan Makro sebelum persaraan sebagai Ketua Pengarah pada tahun 2006. Beliau juga pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Polisi) dari tahun 2004 hingga 2005.

Ketika ini, beliau merupakan Pengerusi Cagamas SME Bhd dan ahli lembaga pengarah di MISC Berhad, KLCC Property Holdings Berhad, Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad, Northport (Malaysia) Bhd dan juga Pusat Resolusi Pertikaian Industri Sekuriti. Beliau sebelum ini merupakan Pengerusi Pengurusan Aset Air Berhad dan juga ahli Lembaga Pengarah Petroliaam Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri, FELDA dan UDA Holdings Berhad. Beliau pernah menjadi pakar perunding untuk Bank Dunia dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan Diraja Arab Saudi mengenai perancangan ekonomi dan juga pernah menyediakan khidmat nasihat teknikal kepada agensi-agensi perancangan di Vietnam, Kemboja, Indonesia dan beberapa negara Afrika.

Dato' Halipah menerima Ijazah Sarjana Muda Kesenian (Kepujian) dalam jurusan Ekonomi dan Ijazah Sarjana Ekonomi daripada Universiti Malaya. Beliau juga memiliki Sijil Pengurusan Ekonomi Lanjutan daripada IMF Institute, Washington dan Kiel Institute for World Economics, Jerman serta Sijil Program Pengurusan Lanjutan daripada Adam Smith Institute, London.

Encik George Anthony David Dass

Encik George Anthony David Dass dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 3 Februari 2009 dan tempoh pelantikannya adalah sehingga 2 Februari 2012. Tempoh perantaraan ini telah dilanjutkan selama dua tahun lagi sehingga 2 Februari 2014.

Beliau pernah menjadi rakan kongsi di firma guaman, Shahrizat, Rashid & Lee (sebelum ini dikenali sebagai Rashid & Lee) melebihi 25 tahun. Beliau mempunyai kepakaran yang luas dalam pemindahhakan, perbankan, pembinaan, usaha sama, penswastaaan, kontrak dan undang-undang korporat. Beliau pernah berkhidmat sebagai pengarah beberapa syarikat senaraian awam dan sebagai Pengarah Lembaga Utama di Costain PLC, salah sebuah syarikat pembinaan yang tertua di United Kingdom, antara tahun 1997 dan 2000. Pada masa ini, beliau meneruskan penglibatan dalam bidang khidmat pakar runding setelah bersara daripada praktik perundangan yang aktif pada Disember 2004.

Encik Dass menjadi ahli Majlis Peguam di Malaysia pada tahun 1971 dan memulakan kerjaya perundangannya di firma guaman Ng Ek Teong & Partners. Pada tahun 1975, beliau mula berkhidmat di Institut Teknologi MARA (kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA atau UiTM) sebagai pensyarah undang-undang. Pada Jun 1977, beliau melanjutkan pelajaran ke London dalam Sarjana Undang-Undang dan kemudiannya, bergiat semula dalam praktik perundangan pada tahun 1979.

Encik Dass memiliki Ijazah Sarjana Muda Perundangan daripada University of Singapore dan Sarjana Perundangan (LLM) daripada Kings College, University of London. Ketika ini, beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah di United Bintang Berhad dan Montfort Boys Town serta bekas Presiden Kelab Rotary Damansara.

Encik Lim Tian Huat

Encik Lim Tian Huat dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 14 Ogos 2010 dan tempoh pelantikannya adalah sehingga 15 Ogos 2013.

Beliau ialah Rakan Kongsi Pengurusan Lim Tian Huat & Co., Akauntan Bertauliah dan seorang juruaudit dan pembubar berlesen. Encik Lim pernah menjadi rakan kongsi Ernst & Young (2002 - 2009) dan Arthur Andersen & Co. (1990 - 2002).

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Suruhanjaya Pampasan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dari tahun 1998 hingga 2002 dan menjadi penulis bersama buku berjudul "Undang-Undang dan Amalan Penerimaan (*Receivership*) Korporat di Malaysia dan Singapura".

Beliau merupakan Presiden pengasas Persatuan Ahli Praktik Insolvensi Malaysia (*Insolvency Practitioners Association of Malaysia - IPAM*) yang ditubuhkan pada tahun 2010 oleh sekumpulan akauntan, peguam dan ahli perbankan. Beliau ialah ahli Institut Akauntan Malaysia, ahli Majlis Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan juga Felo Association of Chartered Certified Accountants. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kesenian (Kepujian) dalam jurusan Ekonomi.

Encik Alex Foong Soo Hah

Encik Alex Foong Soo Hah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 15 Ogos 2011 dan tempoh pelantikannya adalah sehingga 14 Ogos 2014.

Encik Foong merupakan ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional dan Institut Insurans Malaysia serta ahli Jawatankuasa Penarafan Malaysian Rating Corporation Bhd. Beliau memiliki pengalaman luas dalam industri insurans dan pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di sebuah syarikat insurans terkemuka dari tahun 1996 hingga 2009. Sebelum itu, beliau juga memegang jawatan yang sama di sebuah syarikat insurans senaraian awam. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Presiden kepada Persatuan Insurans Hayat Malaysia dan Persatuan Aktuari Malaysia.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains Aktuari daripada Northeastern University, Boston, USA, dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam jurusan Matematik daripada Universiti Malaya. Beliau merupakan Felo di Society of Actuaries di Amerika Syarikat dan Perancang Kewangan Berlesen dengan Malaysian Financial Planning Council.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

JEAN PIERRE SABOURIN

PENGENALAN

Pakar ekonomi Profesor Frank Knight daripada University of Chicago berpandangan bahawa terdapat keadaan tertentu apabila "...hasil daripada aktiviti manusia tidak boleh dijangka dan kemudiannya, sehingga tahap malahan hitungan kemungkinan mengenainya adalah mustahil dan tidak bermakna". Sama ada atau tidak dunia pada tahun 2011 secara rasmi menyedari keadaan tidak menentu seperti pandangan Knight, peristiwa kebelakangan ini jelas membuktikan industri perbankan sedunia, pelabur dan penggubal dasar hari ini berdepan dengan cabaran yang tidak dapat ditangani dengan analisis perangkaan atau respons polisi tradisional semata-mata.

Pada tahun 2011, ketika krisis kewangan global mendominasi halaman muka depan berita perniagaan dan membuatkan kita mempersoalkan kekukuhan pelbagai asas institusi, pemulihan global jatuh menjunam – buat kali kedua dalam tempoh tiga tahun. Dunia baru sahaja merasai sedikit kelegaan daripada krisis subprima Amerika Syarikat apabila krisis hutang Zon Eropah pula muncul. Pada akhir tahun, krisis hutang Eropah yang berlarutan selama dua tahun itu menyaksikan usaha menyelamatkan tiga negara yang terbabit tetapi masih lagi tidak mencapai penyelesaian. Peristiwa yang pada awalnya bermula sebagai krisis kewangan di beberapa ekonomi kecil dan kurang penting kini mengancam Zon Eropah, menyuramkan prospek ekonominya. Di tengah-tengah pelan dan tindakan terselaras yang diambil untuk meningkatkan keyakinan terhadap sistem kewangan, bank-bank global menghadapi peningkatan tekanan daripada kebimbangan terhadap keteguhan negara, modal dan kecairan.

Namun begitu, meskipun pergolakan ekonomi global ini, ekonomi Malaysia masih lagi berdaya tahan dan sistem kewangannya kekal stabil. Pengurusan monetari berhemat, sokongan perbelanjaan kerajaan menerusi pelaksanaan projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi, permintaan domestik dan asas ekonomi yang kukuh menyokong daya tahan ini. Bagi institusi kewangan kita, Pelan Sektor Kewangan Bank Negara Malaysia baru-baru ini mencerminkan keadaan berikut:

"Institusi kewangan Malaysia hari ini mempunyai permodalan yang baik dengan penimbang kukuh, pengurusan risiko dan amalan tadbir urus korporat yang bertambah baik dan pertapakan kukuh di peringkat serantau. Infrastruktur kewangan di Malaysia mengukuh dengan ketara, termasuk pembangunan pasaran bon yang kukuh dan dinamik, sistem pembayaran dan penyelesaian yang teguh dan jaringan keselamatan kewangan yang efektif. Ini disokong oleh rangka kerja pengawalseliaan yang komprehensif dan mantap serta penyeliaan efektif yang menumpukan dan menyasarkan untuk menangani risiko kepada keseluruhan kestabilan kewangan. Tambahan lagi, Malaysia mempunyai sistem kewangan Islam komprehensif yang diiktiraf sebagai antara yang paling maju di dunia".

Walaupun kita tidak dan tidak boleh mengambil ringan risiko-risiko luar, jelasnya kami, sebagai pengawal selia di Malaysia, agak bernasib baik. Keadaan stabil di Malaysia memberi kesempatan kepada kami di PIDM untuk meneruskan usaha-usaha pemantauan dan kesediaan operasi kami yang penting dan segera. Bukan itu sahaja, ia membolehkan kami mempertimbangkan langkah-langkah yang perlu diambil pada masa depan untuk memperkukuh asas sistem kewangan ketika ia semakin matang dan ketika institusi kita semakin aktif di peringkat serantau dan menjadi semakin rumit.





PENGENALAN

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

TAHUN 2011 DI PIDM

Memandangkan persekitaran yang berubah dengan pantas, dalam tempoh beberapa tahun lepas kami berjaya menangani cabaran dengan tindak balas yang pragmatik, dan dalam masa yang sama mengekalkan tumpuan kepada perkara yang mustahak. Walaupun ketika cabaran muncul dengan Jaminan Deposit Kerajaan serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, kami meneruskan usaha untuk membangunkan dan memantapkan infrastruktur dan kapasiti organisasi. Seperti yang anda perhatikan daripada laporan-laporan kami sebelum ini, usaha-usaha penting kami termasuklah tadbir urus korporat, pemantauan dan penilaian risiko, dan usaha untuk mencapai tahap tinggi kesediaan operasi bagi melaksanakan mandat kami dengan efektif.

Saya berasa sukacita untuk melaporkan tahun yang produktif dan bermakna kepada PIDM. Tahun ini merupakan tahun yang produktif, seperti yang anda akan maklum daripada butiran terperinci dalam Laporan Tahunan ini, kerana kami memberi keutamaan kepada sumber kami untuk melaksanakan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dalam tahun pertamanya di samping tanggungjawab lain kami dalam Sistem Insurans Deposit.

Tahun ini juga tahun yang bermakna, dengan penerimaan anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik Tahun 2011 daripada Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa. Ini merupakan pengiktirafan luar di peringkat antarabangsa terhadap kualiti tugas dan sumbangan kami dalam bidang insurans deposit. Selain itu, sebagai bukti berterusan komitmen kami kepada ketelusan dan tadbir urus korporat yang baik, Laporan Tahunan 2010 kami sekali lagi menerima anugerah Laporan Tahunan Terbaik NACRA bagi kategori Organisasi Bukan Senaraian Awam.

Premium

Dengan kemasukan ahli penginsurans sebagai ahli baharu kami, kutipan premium bagi tahun 2011 berjumlah RM201.2 juta, yang terdiri daripada RM120.5 juta daripada bank ahli dan RM80.7 juta daripada ahli penginsurans. Premium yang ditaksir terhadap bank-bank ahli mencatatkan peningkatan sebanyak RM14.8 juta atau 14% berbanding RM105.7 juta yang diterima bagi tahun 2010. Ini disebabkan terutamanya daripada kenaikan had perlindungan daripada RM60,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli kepada RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli.

Hasil operasi

Jumlah perbelanjaan operasi kami bagi tahun semasa adalah sebanyak RM69.7 juta, iaitu RM15.5 juta atau 29% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya, disebabkan terutamanya daripada operasi yang diperluaskan bagi mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, perbelanjaan tersebut adalah RM20 juta atau kurang 22% berbanding bajet. Perbelanjaan modal kami berjumlah RM2 juta atau kurang 73% berbanding bajet, disebabkan pengutamaan semula projek-projek tertentu. Kami kini menguruskan enam, berbanding dua, Kumpulan Dana yang berbeza dan berasingan. Setelah mengambil kira wang dan pelaburan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang dipindahkan kepada PIDM dengan nilai saksama sebanyak RM922 juta, lebih bersih kami bagi tahun semasa berjumlah RM1.1 bilion.

Persekitaran operasi

Bagi tahun ini, keseluruhan prestasi kewangan institusi ahli kekal kukuh dengan pertumbuhan baik meskipun sentimen kewaspadaan yang wujud memandangkan persekitaran ekonomi global yang lembap. Meskipun tahun 2012 dijangka agak mencabar, kami tidak menjangkakan sebarang isu utama dengan ahli-ahli kami yang akan menjejaskan daya maju mereka.

Inisiatif utama di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta Sistem Insurans Deposit

Pada tahun 2011, memandangkan mandat kami yang diperluaskan, kami menyempurnakan sejumlah besar inisiatif utama berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan pada masa yang sama, kami mengukuhkan amalan sedia ada bagi sistem insurans deposit. Antara lainnya, kami membangunkan sistem pengesahan bagi pulangan pengiraan premium dan membangunkan konsep bagi metodologi dan rangka kerja penilaian risiko.

Pembangunan utama bagi Sistem Insurans Deposit adalah pelaksanaan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit, sebagai sebahagian daripada pakej perlindungan konsumen kewangan yang diperkukuhkan. Peraturan ini bertujuan untuk memastikan pelanggan menerima maklumat yang jitu dan terkini mengenai insurans deposit di terminal tempat jualan (contohnya, kaunter bank) dan justeru, mereka akan dimaklumkan tentang produk deposit yang diinsuranskan dan cara ia diinsuranskan.

Keseluruhannya, kami berjaya menyempurnakan kebanyakan inisiatif kami dalam pelan korporat dan kewangan yang diluluskan. Aspek-aspek utama lain tugas kami termasuk:

- (a) **Kesediaan operasi.** Kami terus menumpukan usaha kami untuk membina kapasiti dan keupayaan kami – terutamanya dalam membangunkan kesediaan operasi dan memperkukuh penilaian dan pemantauan risiko. Berikutan penyempurnaan polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi insurans deposit, kami telah menjalankan latihan ekstensif bagi keseluruhan organisasi dan dua simulasi besar selama beberapa hari bagi setiap satu simulasi. Bagi memastikan integriti data pembayaran balik deposit, kami juga menyelesaikan penyepaduan antara model sistem pembayaran balik deposit kami, dan membangunkan program audit bagi “Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit”. Justeru, saya berasa sukacita untuk melaporkan kemajuan menggalakkan berkaitan dengan Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi Sistem Insurans Deposit, dan inisiatif seumpama ini untuk Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans telahpun bermula. Berkaitan perkara ini, kami juga menghantar pasukan kami ke negara Indonesia dan Filipina untuk belajar daripada penginsurans deposit lain mengenai pengalaman mereka dalam pengurusan pembayaran balik deposit dan krisis. Semua aktiviti ini bertujuan untuk memastikan satu elemen penting sekiranya berlaku pembayaran balik deposit, iaitu pembayaran balik deposit dengan segera dan tepat serta pengendalian pendeposit dengan efektif.
- (b) **Pembiayaan.** Kami juga mencatatkan kemajuan besar dalam inisiatif kritikal, iaitu menetapkan paras dana dalaman yang kami menyasar pencapaiannya. Latihan rumit ini melibatkan banyak penyelidikan dan dibimbing oleh pendekatan dan metodologi penginsurans deposit daripada bidang kuasa negara lain. Kami akan membangunkan dana sasaran yang sama bagi ahli penginsurans dalam tempoh beberapa tahun lagi. Artikel mengenai Dana Sasaran bagi Sistem Insurans Deposit boleh dibaca di Halaman 159 Laporan Tahunan ini.
- (c) **Kesedaran awam dan pendidikan.** Tahun 2011 menyaksikan peringkat akhir Pelan Komunikasi Bersepadu lima tahun kami dan pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans sebagai sebahagian daripada pakej perlindungan konsumer kewangan yang diperkukuhkan. Seajar dengan strategi kami untuk beralih daripada Jaminan Deposit Kerajaan, kami melaksanakan kempen komunikasi komprehensif untuk mendidik orang awam dan pemegang kepentingan lain mengenai

pakej perlindungan yang diperkukuhkan, termasuk peningkatan had dan skop perlindungan bagi insurans deposit. Kami memantapkan aktiviti pengiklanan dalam media cetak dan elektronik, dan mengendalikan 67 sesi taklimat bagi pelbagai kumpulan pemegang kepentingan termasuk institusi ahli, dan pada masa yang sama, menggunakan saluran media bagi capaian lebih meluas. Kami juga memperluaskan skop dan capaian program pendidikan kami, meneruskan ceramah dan jerayawara di 250 sekolah dan 50 institusi pengajian tinggi. Hasilnya, tahap kesedaran insurans deposit meningkat kepada 27% daripada 21% pada tahun 2010, manakala tahap kesedaran tentang PIDM dicatatkan pada 40% berbanding dengan 18% pada tahun sebelumnya. Kaji selidik yang dijalankan secara luaran juga menunjukkan paras kesedaran tentang Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada 37%, dalam tahun pertama pelaksanaannya.

Berkenaan proses tadbir urus kami, kami mencatatkan kemajuan yang menggalakkan dengan memperoleh hasil cemerlang susulan penilaian bebas luaran bagi bahagian kawalan dalaman kami. Kami juga menyempurnakan baki polisi risiko Lembaga Pengarah kami. Langkah-langkah ini telah memberi pengesahan lanjutan bahawa PIDM mempunyai kawalan operasi dan tadbir urus yang sewajarnya.

Seperti yang diulaskan dalam perutusan Pengerusi kami, falsafah kami untuk membangun dan mengekalkan tenaga kerja yang terlatih, bermotivasi dan berpuas hati merupakan suatu yang wajib bagi kemampanan dan kejayaan operasi kami. Kaji selidik kepuasan kerja kakitangan muktahir kami, yang dijalankan pada penghujung tahun 2011, menunjukkan indeks kepuasan kerja kakitangan pada 90%, yang melebihi indeks purata (sasaran kami ialah 75%), dan justeru, mencerminkan tahap tinggi kepuasan kakitangan dengan PIDM sebagai tempat kerja. Keputusan yang dicapai ini adalah mengkagumkan, dan PIDM komited untuk terus menyediakan persekitaran seumpama itu.

Kata-kata penutup

Pada penghujung bicara ini, saya ingin merakamkan penghargaan tidak terhingga kami kepada segala jasa dan bakti Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha, yang bersara pada tahun lepas sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah. Tan Sri Aziz telah meninggalkan kesan mendalam di organisasi yang tidak mungkin dapat dilupakan dan menyampaikan kepada kami pengajaran yang bernilai tentang disiplin, kesungguhan dan integriti dalam perkhidmatan awam. Pada masa yang sama, kami juga mengalu-alukan pelantikan Pengerusi baharu kami Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias, yang sehingga pelantikan beliau sebagai Pengerusi telah mempengerusikan Jawatankuasa Audit kami. Pemahaman beliau tentang urusan dan hal ehwal Perbadanan menjadikan peralihan kepimpinan Lembaga Pengarah pada Ogos 2011 berjalan lancar, dan kami meyakini kepimpinan dan bimbingan

PENGENALAN

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

beliau untuk membawa kami ke fasa seterusnya. Ia juga satu penghormatan untuk bekerja bersama-sama dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah lain, termasuk Encik Alex Foong, yang menyertai Lembaga Pengarah pada tahun lepas. Saya yakin kami akan memperoleh lebih banyak manfaat daripada kebijaksanaan strategik Lembaga Pengarah secara kolektif, termasuk Pengarah baharu kami yang menyertai Lembaga Pengarah mulai 1 Januari 2012, Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad dan Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff.

Saya sudah tentunya ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan kami atas usaha gigih dan komitmen mereka, dan jelasnya hanya dengan kerjasama dan ketabahan mereka barulah tahap kejayaan paling cemerlang boleh dicapai demi organisasi dan masyarakat secara umumnya.

MASA HADAPAN

Dalam tempoh terdekat ini, kami akan meneruskan pembangunan pada asas kekukuhan kami, mengguna pakai amalan tadbir urus dan pengurusan yang mantap serta meneruskan inisiatif kami bagi kesedaran awam, infrastruktur dan kesediaan kami, agar memastikan PIDM terus efektif dan efisien dalam mentadbir dua sistem perlindungan konsumer kewangan.


Meninjau ke tahun-tahun yang akan datang, kami tidak meragui bahawa kewaspadaan terhadap pengurusan ekonomi dan risiko akan diperlukan di tengah-tengah persekitaran global di luar jangkaan. Bagaimanapun, seperti yang saya nyatakan pada awalnya, kedudukan kami adalah lebih teguh berbanding kebanyakan yang lain, dan kami mempunyai peluang untuk memerhati dan belajar daripada kesukaran yang dihadapi di negara-negara lain. Yang lebih mengujakan, kami mempunyai visi jelas bagi masa depan sektor kewangan, seperti yang tertera dalam Pelan Sektor Kewangan Bank Negara Malaysia. Oleh itu, kami juga berkedudukan baik untuk meramalkan perkembangan dalam sektor kewangan dan ekonomi negara, untuk memantau dan mengenal pasti risiko-risiko yang mengiringinya dan mengambil langkah bagi memastikan jaringan keselamatan kewangan negara terus utuh. Dengan pengukuhan rangka kerja pengawalseliaan kami, saya mengunjurkan bahawa aspek utama bagi usaha polisi kami mestilah untuk mengkaji semula rangka kerja resolusi kami secara berterusan bagi memastikan resolusi semua institusi kewangan, termasuk yang beroperasi rentas sempadan, boleh diurus dengan selamat dan pantas, dengan sewajarnya, tanpa menjejaskan kestabilan sistem kewangan dan mendedahkan pembayar cukai kepada risiko kerugian.

Saya akan mengakhiri perutusan saya ini dengan ungkapan daripada bekas Presiden Amerika Syarikat John F. Kennedy – “Dalam suatu program tindakan tentunya terdapat risiko dan kos, namun ia kurang memudaratkan berbanding risiko jangka panjang dan kos yang berbangkit apabila tiada sebarang tindakan diambil”.



JEAN PIERRE SABOURIN

PENGENALAN CARTA ORGANISASI



PENGENALAN

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF



Dari kiri ke kanan:

Chua Ee Leen, Lim Yam Poh, Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi, Lee Yee Ming, Rafiz Azuan Abdullah, Jean Pierre Sabourin, Md Khairuddin bin Hj Arshad, Lim Kong Kuan, Noorida Baharuddin, Chong Chen Voon, Patricia Griffin, Hasina Mohamed.



PENGENALAN

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF: AHLI DAN PROFIL

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang bukan ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini merupakan forum perbincangan isu-isu berkaitan dengan pengurusan dan operasi harian PIDM. Ahlinya terdiri daripada Ketua-ketua Bahagian yang juga bertanggungjawab menyokong Lembaga Pengarah dalam menjalankan tanggungjawab tadbir urusnya. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memupuk komunikasi yang efektif, kerja berpasukan, keupayaan menyesuaikan diri kepada perubahan dan kerjasama efektif dalam semua bahagian kerja PIDM serta bertindak sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.

Jean Pierre Sabourin

Ketua Pegawai Eksekutif

Jean Pierre Sabourin ialah Ketua Pegawai Eksekutif PIDM sejak penubuhannya pada tahun 2005. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam semua aspek insurans deposit sepanjang kerjayanya selama 35 tahun. Pelbagai negara telah meminta bantuan beliau untuk menubuhkan atau memantapkan sistem insurans deposit mereka.

Antara pencapaian beliau termasuk mempengerusikan kajian antarabangsa dan kumpulan kerja insurans deposit anjuran Forum Kestabilan Kewangan¹ dan mempengerusikan Dialog Polisi APEC mengenai Insurans Deposit yang pertama. Pada Mei 2002, beliau menerajui penubuhan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers* - IADI) dan dilantik sebagai Pengerusi Majlis Eksekutif dan Presidennya yang pertama, jawatan yang beliau pegang sehingga akhir tahun 2007.

Beliau bertugas di Canada Deposit Insurance Corporation (CDIC) sejak tahun 1976 dan memegang pelbagai jawatan dalam CDIC sebelum dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 1990, jawatan yang disandang selama 15 tahun sehingga persaraan beliau pada April 2005. Pada Ogos 2005, beliau dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pertama PIDM. Tempoh perkhidmatannya akan berakhir pada Ogos 2014. Beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF dan ahli Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan Bank Negara Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada University of Toronto.

Md Khairuddin bin Hj Arshad²

Ketua Pegawai Operasi

Md Khairuddin bin Hj Arshad dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi pada tahun 2010 dan beliau menyokong Ketua Pegawai Eksekutif dalam pengurusan operasi harian Perbadanan. Sebelum pelantikan ini, beliau merupakan Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko yang bertanggungjawab bagi analisis dan pemantauan tahap risiko bank serta intervensi dan resolusi kegagalan bank-bank bermasalah.

Khairuddin berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia (BNM) selama lebih 15 tahun di Jabatan Pengawasan Bank dan Jabatan Perbankan Islam dan Takaful. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang perbankan dan kewangan Islam dan merupakan peneraju bagi bidang insurans deposit Islam. Kini beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Insurans Deposit Islam IADI dan pemerhati bagi Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia mengenai urus niaga kewangan Islam. Beliau juga memberi nasihat teknikal kepada beberapa negara dalam pembangunan industri perbankan Islam dan sistem insurans deposit Islam mereka serta sering membenteng kertas kerja di seminar tempatan dan antarabangsa. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Lim Yam Poh²

Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat

Lim Yam Poh dilantik sebagai Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat pada tahun 2006 dan beliau bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang dan khidmat setiausaha korporat di PIDM.

Tanggungjawab beliau termasuklah menyediakan pelbagai khidmat perundangan yang diperlukan oleh PIDM, termasuk memastikan PIDM mematuhi semua peruntukan berkanun dan pensijilan produk deposit. Beliau juga menyediakan perkhidmatan guaman kepada Lembaga Pengarah serta menyokong Jawatankuasa Tadbir Urus dan Lembaga Pengarah dalam membangunkan dan mengekalkan amalan terbaik tadbir urus dengan memberikan nasihat dan penyelidikan.

Beliau mempunyai pengalaman lebih tujuh tahun dengan sebuah firma perundangan terkemuka di Kuala Lumpur. Beliau berkhidmat dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia antara tahun 1997 hingga 2000 dan di Hong Kong Securities and Futures Commission antara tahun 2000 dan 2005. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perundangan dengan kepujian daripada University of Birmingham, England dan menjadi ahli Bar of England and Wales dan Majlis Peguam Malaysia.

¹ Kini dikenali sebagai Lembaga Kestabilan Kewangan

² Pegawai korporat yang dilantik oleh Lembaga Pengarah

Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi²

Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Besar, Kewangan dan Pentadbiran

Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan pada tahun 2006 dan bertanggungjawab ke atas keseluruhan hal ehwal kewangan dan pentadbiran pejabat PIDM. Beliau bertanggungjawab terutamanya bagi hala tuju, pengurusan dan kawalan fungsi perakaunan dan perbendaharaan serta fungsi-fungsi berkaitan dengan pengurusan sistem maklumat dan teknologi, pentadbiran pejabat serta proses, polisi dan kawalan urusan operasi.

Sebagai Akauntan Bertauliah terlatih, beliau merupakan ahli Institute of Chartered Accountants di Australia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau memulakan kerjaya dengan Telekom Malaysia Berhad sebelum menceburi kerjaya perakaunan profesional dengan firma KPMG di Melbourne, Australia. Sekembalinya ke Malaysia, beliau menyertai Tahan Insurance Malaysia Berhad sebagai Ketua Audit Dalaman dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan pada Mac 2004. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan daripada University of Melbourne, Australia.

Chong Chen Voon²

Ketua Pegawai Risiko dan Pengurus Besar, Pengurusan Risiko Organisasi

Chong Chen Voon dilantik sebagai Ketua Pegawai Risiko pada tahun 2011 dan mengetuai Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi. Beliau bertanggungjawab ke atas pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi Perbadanan yang meliputi seluruh organisasi dan menyokong Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan dengan memastikan risiko-risiko utama PIDM dikenal pasti, dinilai, diuruskan, dipantau dan dilaporkan secara tetap dan berterusan.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 17 tahun dalam menyediakan perkhidmatan jaminan kepada syarikat awam dan swasta di Malaysia dan di luar negara. Pengalaman beliau tertumpu kepada bidang pengurusan risiko organisasi, audit dalaman, tadbir urus korporat, Seksyen 404 Akta Sarbanes-Oxley, audit berkanun dan perkhidmatan perakaunan. Beliau ialah seorang kolumnis untuk sebuah majalah tempatan dan menulis topik berkaitan pengurusan risiko organisasi dan juga merupakan seorang penceramah berkenaan topik berkaitan isu tadbir urus, risiko dan pematuhan.

Beliau memulakan kerjaya sebagai juruaudit luaran dan seterusnya menyertai firma KPMG di Kuala Lumpur dan Taipei. Kemudian, beliau memegang jawatan Pengarah Eksekutif di sebuah firma rundingan sebelum menyertai PIDM.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada Edith Cowan University Australia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) daripada Universiti Putra Malaysia. Beliau juga merupakan Juruaudit Dalaman Bertauliah (USA), Akauntan Bertauliah (Malaysia), *Certified Practising Accountant* (Australia) serta ahli Institut Akauntan Malaysia dan Institut Juruaudit Dalaman Malaysia. Beliau juga diberi akreditasi oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia untuk melaksanakan Penilaian Kualiti Dalaman / Pengesahan Fungsi Audit Dalaman.

Noorida Baharuddin²

Ketua Audit Dalaman dan Pengurus Besar, Audit dan Khidmat Perundingan

Noorida Baharuddin dilantik sebagai Ketua Audit Dalaman pada tahun 2006 dan mengetuai Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan. Tanggungjawab utama beliau termasuk menyediakan perkhidmatan jaminan dan rundingan secara bebas dan objektif, bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi PIDM, kebolehpercayaan dan integriti pelaporan kewangan PIDM serta memastikan pematuhan PIDM terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan.

Beliau mempunyai 20 tahun pengalaman dalam bidang audit, pengurusan risiko dan pembangunan polisi daripada kerjaya beliau dengan firma audit luaran, badan-badan pengawalselia dan syarikat senarai awam. Pengalaman audit beliau termasuk audit dalaman dan luaran serta pemeriksaan pengawalseliaan. Dalam pemeriksaan kawal selia, beliau mengetuai pemeriksaan terhadap institusi-institusi dan pengantara-pengantara pasaran modal berlesen yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti, serta institusi-institusi kewangan dan insurans luar pesisir yang dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), sebelum ini dikenali sebagai Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan. Beliau juga terlibat dengan pembangunan dan pelaksanaan pengurusan risiko organisasi bagi Labuan FSA. Semasa berkhidmat dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, beliau menimba pengalaman dalam pembangunan piawaian untuk industri perkhidmatan kewangan Islam.

Noorida berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dalam jurusan perakaunan daripada University of Tasmania, Australia dan Ijazah Sarjana Muda Perundangan daripada Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM), Malaysia. Beliau merupakan ahli *Certified Practising Accountant* (Australia), Institut Juruaudit Dalaman Malaysia dan Perancang Kewangan Bertauliah dengan Persatuan Perancang Kewangan Malaysia (*Financial Planning Association of Malaysia* - FPAM).

Lee Yee Ming

Pengurus Besar, Polisi dan Antarabangsa

Lee Yee Ming ialah Pengurus Besar, Bahagian Polisi dan Antarabangsa. Beliau bertanggungjawab bagi polisi-polisi penting dan perhubungan antarabangsa PIDM. Tanggungjawab utama beliau ialah menilai, membangunkan dan mencadangkan polisi-polisi berkaitan dengan mandat dan operasi PIDM yang membantu memenuhi pandangan dan kepentingan PIDM serta memperkukuhkan PIDM di peringkat antarabangsa selaras dengan visi dan misinya. Pada Oktober 2011, beliau telah dipilih menjadi ahli Majlis Eksekutif (EXCO) IADI bagi tempoh tiga tahun. Peranan EXCO IADI termasuklah mencadangkan proses untuk membangunkan garis panduan bagi meningkatkan keberkesanan sistem insurans deposit dan membangunkan polisi untuk khidmat nasihat berkaitan isu-isu insurans deposit.

Sebelum ini, beliau memegang jawatan Ketua Pegawai Risiko PIDM dan mengetuai Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi.

PENGENALAN

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF: AHLI DAN PROFIL

Beliau mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dalam bidang perundangan dan perbankan berkenaan Pengurusan Risiko Organisasi, Basel II, tadbir urus korporat dan audit dalaman. Beliau memulakan kerjaya di Amerika Syarikat di sebuah institusi kewangan di Illinois dan kemudiannya menyertai Ernst & Young di pejabat Kuala Lumpur, Malaysia dan Taipei, Taiwan. Beliau memberi khidmat nasihat kepada organisasi di Malaysia dan antarabangsa mengenai pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi masing-masing. Beliau juga membantu bank-bank di Taiwan sebagai pengurus projek dalam pelaksanaan sistem Basel II dan projek-projek berkenaan dengan pelaksanaan Basel II.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam jurusan pengurusan perniagaan (*summa cum laude*) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam jurusan kewangan daripada Western Michigan University. Beliau juga merupakan Juruaudit Dalaman Bertauliah.

Lim Kong Kuan

Pengurus Besar, Intervensi dan Resolusi Kegagalan

Lim Kong Kuan dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan pada tahun 2010. Tanggungjawab beliau termasuklah membangunkan infrastruktur bagi pengendalian aktiviti berkaitan intervensi dan resolusi kegagalan yang tepat pada masa secara efektif oleh PIDM. Sebelum ini, beliau merupakan Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko.

Sebelum menyertai PIDM, beliau berkhidmat selama 11 tahun di BNM dari tahun 1995 dan jawatannya termasuk sebagai Pengurus Bahagian Polisi Pruden, Jabatan Pengawasan Bank. Pengalaman beliau dengan BNM termasuklah membangunkan dan menyemak semula polisi-polisi berhemat berkaitan keperluan kecukupan modal dan pengurusan risiko perbankan, khususnya risiko pasaran dan peraturan-peraturan berkaitan Basel II.

Beliau merupakan pemegang biasiswa BNM dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (pengkhususan jurusan Perakaunan) daripada University of Sydney, Australia. Beliau juga menerima biasiswa lanjutan daripada BNM untuk menyempurnakan pengajian Sarjana Sains dalam jurusan Dagangan dan Kewangan Matematik daripada City University Business School, City University London, United Kingdom pada tahun 2001 dengan mencapai keputusan tahap cemerlang.

Patricia Griffin

Pengurus Besar, Sumber Manusia

Patricia Griffin berkhidmat sebagai Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia sejak April 2011. Tanggungjawab beliau termasuk strategi modal insan dan menyediakan polisi, program dan perkhidmatan modal insan secara strategik untuk memastikan PIDM berjaya melantik, membangunkan dan mengekalkan tenaga kerja yang diperlukan bagi memenuhi mandat PIDM.

Patricia mempunyai pengalaman yang luas dalam menguruskan fungsi sumber manusia di pelbagai organisasi kerajaan dan berkaitan kerajaan (NGO) di Kanada, termasuk selama 14 tahun sebagai Ketua Bahagian Sumber Manusia di Canada Deposit Insurance Corporation (CDIC). Beliau juga pernah memegang jawatan di peringkat Pengurus Besar di beberapa organisasi kerajaan Kanada seperti Revenue Canada, Kerja Raya dan Arkib Negara. Sejak tahun 2007 beliau merupakan perunding bebas yang menyediakan khidmat berkaitan penyelesaian modal insan kepada beberapa pelanggan termasuk PIDM.

Beliau merupakan ahli Profesional Sumber Manusia Bertauliah (Kanada) dan ahli Persatuan Profesional Sumber Manusia Kanada. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (English) dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani daripada McMaster University, Hamilton, Canada dan telah menghadiri Program Pembangunan Eksekutif di Queen's University School of Business, Kingston, Canada.

Rafiz Azuan Abdullah

Pengurus Besar, Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko

Rafiz Azuan Abdullah dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko pada tahun 2010. Beliau bertanggungjawab bagi analisis dan pemantauan tahap risiko bank-bank ahli serta fungsi-fungsi insurans dan penaksiran premium PIDM. Beliau menyertai PIDM pada Januari 2007 dan menerajui penyempurnaan Sistem Penilaian Risiko bagi PIDM.

Sebelum menyertai PIDM, Rafiz berkhidmat lebih 10 tahun dengan Agensi Penarafan Malaysia (*Ratings Agency Malaysia* – RAM) dengan pengkhususan dalam penarafan institusi kewangan, syarikat hartanah dan pembinaan. Sepanjang tempoh itu, Rafiz juga dipinjamkan sementara selama setahun kepada Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat di BNM pada Disember 1999 untuk membantu penyusunan semula syarikat-syarikat yang bermasalah akibat kemelesetan ekonomi.

Rafiz memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan daripada Lancaster University, United Kingdom.

Chua Ee Leen

Pengurus Besar, Perancangan Strategik

Chua Ee Leen dilantik sebagai Pengurus Kanan, Bahagian Perancangan Strategik pada tahun 2010. Bermula dari 1 Januari 2012, beliau mengetuai Bahagian ini sebagai Pengurus Besar. Beliau bertanggungjawab bagi pelaksanaan proses perancangan strategik PIDM serta menyokong Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam menetapkan hala tuju dan pembangunan rancangan strategik dengan mengambil kira peluang serta risiko yang dihadapi oleh Perbadanan. Beliau menyertai Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi PIDM pada Disember 2007 dan membantu Ketua Pegawai Risiko dalam pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM.

Beliau mempunyai pengalaman lebih tujuh tahun dalam bidang pengauditan, pengurusan risiko, serta pembangunan polisi dan prosedur di pejabat Ernst & Young di Kuala Lumpur, termasuk dipinjamkan sementara kepada sebuah kumpulan global bagi syarikat-syarikat tenaga dan petrokimia. Pengalaman pengauditannya termasuklah pengauditan dalaman dan luaran, penilaian semula pematuhan bebas Sarbanes-Oxley, serta penilaian semula berkaitan pensijilan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dalam jurusan perakaunan dan kewangan daripada Curtin University of Technology, Perth, Western Australia. Beliau ialah *Certified Practising Accountant* (Australia) dan ahli Institut Akauntan Malaysia.

Hasina Mohamed

Timbalan Pengurus Besar, Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

Hasina Mohamed dilantik sebagai Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam pada tahun 2008. Ketika ini, beliau mengetuai Bahagian ini dan bertanggungjawab terhadap inisiatif komunikasi keseluruhan berkaitan program kesedaran awam, perhubungan awam, penerbitan dan program melibatkan pemegang kepentingan.

Hasina mempunyai lebih 19 tahun pengalaman dalam bidang pemasaran dan penjenamaan strategik, komunikasi pemasaran, penyelidikan pemasaran, audit peruncitan, pengurusan produk, pengurusan projek, pengurusan acara, pengurusan media, perkhidmatan pelanggan, pengiklanan dan promosi. Beliau memulakan kerjaya sebagai Eksekutif Pemasaran di MBF Leisure Holidays Sdn Bhd antara tahun 1991 dan 1992. Antara tahun 1992 dan 1997, beliau memegang jawatan Eksekutif Kanan Pengiklanan dan

Promosi dan kemudian memperluaskan kerjayanya ke dalam bidang Pengurusan Produk dengan Sanofi Direct Malaysia. Pada tahun 1997, Hasina menyertai Padi Beras Nasional Berhad (Bernas) sebagai Pengurus di Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif dan telah menerajui pelbagai jabatan dan projek utama sepanjang perkhidmatan di Bernas selama 10 tahun. Jawatan terakhir beliau di Kumpulan Bernas ialah sebagai Ketua Komunikasi Pemasaran sebelum menyertai Pakarmedia Sdn Bhd di bawah Carat Group of Media Specialists sebagai Pengarah Akaun dan beliau juga merupakan sebahagian daripada kumpulan pakar runding penjenamaan. Hasina juga merupakan seorang jurulatih separuh masa di Mark Plus Institute of Marketing.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Diploma Lanjutan Pemasaran dan kelulusan Profesional Lulusan Ijazah dalam jurusan Pemasaran (*Chartered Marketer*, Chartered Institute of Marketing, United Kingdom). Beliau kini mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Komunikasi di Lim Kok Wing University of Creative Technology.

PENGENALAN

JAWATANKUASA PENGURUSAN LAIN

Jawatankuasa Pengurusan Kanan

Jawatankuasa Pengurusan Kanan PIDM dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Jawatankuasa ini merupakan forum perkongsian maklumat dan mengetengahkan isu-isu utama yang memberi kesan kepada bahagian-bahagian atau fungsi masing-masing. Mesyuarat jawatankuasa ini diadakan selepas setiap mesyuarat Lembaga Pengarah bagi memaklumkan perbincangan dan keputusan penting yang dibuat oleh Lembaga Pengarah. Ahli-ahlinya terdiri daripada Pengurus-pengurus Besar, Timbalan Pengurus-pengurus Besar atau Pengurus Kanan yang melapor secara langsung kepada Ketua-ketua Bahagian. Jawatankuasa Pengurusan Kanan berfungsi untuk memudahcarakan komunikasi yang berkesan, kerja berpasukan dan kerjasama efektif dalam semua bahagian kerja PIDM, serta bertindak sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi menyediakan hala tuju dan pengawasan bagi pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi Korporat dan pengurusan kesinambungan urusan secara konsisten. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi menerajui pengurusan risiko dan memantau pendedahan risiko serta aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi PIDM di peringkat korporat.

Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi adalah seperti berikut:

- Ketua Pegawai Eksekutif (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Operasi
- Ketua Pegawai Kewangan
- Kaunsel Am
- Ketua Pegawai Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia
- Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
- Pengurus Besar, Bahagian Polisi dan Antarabangsa
- Pengurus Besar, Bahagian Perancangan Strategik
- Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Timbalan Pengurus Besar, Ekonomi dan Penyelidikan, Bahagian Polisi dan Antarabangsa

Timbalan Pengurus Besar Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi bertindak sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi, manakala Ketua Audit Dalaman hadir dalam semua mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi sebagai pemerhati.

Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Organisasi dan Perancangan Strategik

Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Organisasi dan Perancangan Strategik menyokong peranan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi di peringkat operasi di seluruh PIDM. Ini termasuk mengemas kini pelan kesinambungan urusan bahagian, penilaian dan penarafan risiko sedia ada, memantau kemajuan berbanding pelan mitigasi bahagian masing-masing dan mengemas kini pelan-pelan tersebut.

Jawatankuasa Kerja ini terdiri daripada ahli berikut:

- Ketua Pegawai Risiko (Pengerusi)
- Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi
- Wakil Bahagian-bahagian berikut di PIDM:
 - Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
 - Bahagian Kewangan dan Pentadbiran
 - Bahagian Sumber Manusia
 - Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
 - Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
 - Bahagian Perundangan
 - Bahagian Polisi dan Antarabangsa
 - Bahagian Perancangan Strategik
- Penolong Pengurus, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi (Setiausaha)
- Pengurus Kanan, Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan (Pemerhati)

Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti

Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti merupakan jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan untuk membantu dan menyokong Ketua Pegawai Kewangan mengenai isu-isu berkaitan dengan pengurusan aset dan liabiliti PIDM. Jawatankuasa ini juga menyediakan bantuan, maklumat dan sokongan bagi pembiayaan, kecairan, pelaburan dan pengurusan risiko kewangan. Ia juga berfungsi sebagai forum untuk membincangkan implikasi keputusan berkenaan dengan pengurusan aset dan liabiliti PIDM.

Ahli Jawatankuasa ialah:

- Ketua Pegawai Kewangan (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
- Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Timbalan Pengurus Besar, Ekonomi dan Penyelidikan, Bahagian Polisi dan Antarabangsa
- Timbalan Pengurus Besar, Kewangan
- Pengurus Kanan, Kewangan (Setiausaha)

- Ketua Audit Dalaman (Pemerhati)
- Ketua Pegawai Eksekutif (*ex officio*)
- Ketua Pegawai Operasi (*ex officio*)

Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat

Fungsi utama Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat adalah untuk menyediakan pengawasan, mengurus dan melaksanakan strategi, rancangan dan bajet Teknologi Maklumat (IT). Pengawasan oleh Jawatankuasa ini adalah menyediakan hala tuju dan garis panduan bagi memastikan pelaksanaan strategi teknologi maklumat yang sejajar dengan matlamat PIDM. Jawatankuasa menyemak semula status rancangan strategi, kemajuan projek secara keseluruhan, pemerolehan utama dan penggunaan bajet IT serta membincangkan IT korporat dan polisi maklumat pada setiap suku tahun. Jawatankuasa ini juga membenarkan Pengurusan memantau, mengurus serta menangani risiko dan peluang berkaitan IT daripada sumber atau peristiwa luaran.

Ahli Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat ialah:

- Ketua Pegawai Operasi (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Kewangan
- Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
- Timbalan Pengurus Besar, Pentadbiran
- Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Timbalan Pengurus Besar, Teknologi Maklumat
- Kaunsel Kanan Perundangan
- Ketua Audit Dalaman (Pemerhati)
- Ketua Pegawai Risiko (Pemerhati)
- Ketua Pegawai Eksekutif (*ex officio*)

Jawatankuasa Pematuhan Korporat

Jawatankuasa Pematuhan Korporat menyediakan bantuan kepada Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab pengawasan dan tadbir urus korporat berkaitan pematuhan PIDM terhadap undang-undang, peraturan, kod-kod industri, polisi dan prosedur, obligasi kontrak dan piawaian organisasi yang terpakai kepada PIDM disebabkan aktiviti urusan dan fungsi-fungsinya.

Jawatankuasa Pematuhan Korporat memastikan penggunaan pakai ini disepadukan ke dalam pelbagai Bahagian dan membolehkan pengenalanpastian bidang-bidang penambahbaikan ke atas pematuhan di seluruh organisasi. Bidang penambahbaikan termasuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai polisi dan prosedur utama serta pelaksanaan amalan yang berkaitan bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang yang diguna pakai.

Ahli-ahlinya ialah:

- Kaunsel Am (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Kewangan
- Ketua Pegawai Risiko
- Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Pengurus Kanan, Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan
- Pengurus, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

- Pengurus Kanan, Bahagian Sumber Manusia
- Pengurus Kanan, Jabatan Organisasi dan Kaedah
- Kaunsel Kanan Perundangan (Setiausaha)

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan yang ditubuhkan mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996, membantu Pengurusan menggalakkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif bagi semua kakitangan, kontraktor, pakar perunding, pelawat dan pihak-pihak lain berurusan dengan Perbadanan. Fungsi-fungsi utama Jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji semula langkah-langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, menyiasat sebarang isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan serta berusaha untuk menangani perkara-perkara tersebut.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini ialah:

- Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia (Pengerusi)
- Pengurus Besar, Bahagian Perancangan Strategik
- Timbalan Pengurus Besar, Pentadbiran
- Timbalan Pengurus Besar, Kewangan
- Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Pengurus, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko (Setiausaha)
- Wakil-wakil kakitangan daripada:
 - Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
 - Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
 - Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi
 - Bahagian Kewangan dan Pentadbiran
 - Bahagian Sumber Manusia / Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan
 - Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
 - Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
 - Bahagian Perundangan
 - Mana-mana pegawai atau kakitangan PIDM lain yang akan ditentukan oleh Pengerusi mengikut keperluan semasa

Bahagian 2
NUKILAN Pengerusi
PERTAMA KAMI



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

PROTECTING YOUR
INSURANCE AND DEPOSITS
IN MALAYSIA



PIDM

NUKILAN Pengerusi Pertama Kami

Pengenalan

Sepanjang lima tahun yang lalu, pada setiap awal tahun, saya diberi penghormatan untuk menulis perutusan Pengerusi bagi laporan tahunan PIDM. Saya sekali lagi diberi peluang untuk menyampaikan sepatah dua kata, dan saya amat berterima kasih kepada Lembaga Pengarah PIDM atas kesempatan yang diberikan ini.

Pertamanya, Anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2011 daripada Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa. Makna anugerah ini sudahpun saya ketahui – sistem insurans deposit PIDM sememangnya bertaraf dunia. Tahniah kepada anda semua!

Mengenai Persaraan

Saya bersara sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah PIDM pada bulan Ogos 2011 selepas enam tahun bersama PIDM.

Doktor W. Gifford Jones, salah seorang penulis ruangan akhbar perubatan terkemuka di Kanada, berpendapat seseorang tidak harus bersara. Beliau menegaskan bahawa Michelangelo masih mengukir *Rondanini Pietà* ketika pada usia 89 tahun sementara Verdi menyempurnakan opera *Falstaff* apabila beliau mencapai usia 80 tahun. Pengunduran saya sebagai Pengerusi PIDM bukan disebabkan keperluan untuk bersara, tetapi saya percaya perubahan merupakan ramuan penting bagi mengoptimumkan prestasi korporat.

Perubahan, walaupun dalam kepimpinan, merupakan pemangkin kuat bagi pertumbuhan. Sesungguhnya, kekukuhan sesebuah organisasi memerlukan gabungan kestabilan dan keupayaan untuk membuat perubahan. PIDM berhak untuk meraih manfaat daripada budaya pengurusan yang mantap dan stabil, dan pada masa yang sama berupaya mengekalkan kefleksibelan yang perlu untuk terus berjaya mengharungi arus persekitaran yang bergolak.

Bagi mencapai kestabilan, Lembaga Pengarah telah membuat perancangan teliti, agar pada bulan Ogos 2011, PIDM mempunyai pengganti yang sesuai, lebih-lebih lagi seorang yang berkeupayaan tinggi. Saya dengan berbesar hati menyerahkan jawatan Pengerusi kepada Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias, yang saya yakini, kemahiran, pengalaman dan kepakarannya akan membawa kestabilan dan kemajuan kepada Perbadanan.

Mengenai Persekitaran Yang Berubah-Ubah Dan Perkembangan PIDM

Mengimbas kembali semua peristiwa yang berlaku ketika saya memegang jawatan Pengerusi PIDM, harus saya katakan apabila saya mula dilantik pada bulan Ogos 2005, saya tidak menyangka betapa besarnya cabaran yang akan kita hadapi pada awal-awal tahun penubuhan Perbadanan. Saya sememangnya tidak menjangka bahawa PIDM kini telahpun mengembangkan peranan dan mandatnya, dan semua ini tercapai dalam tempoh yang singkat.

Bagi satu setengah tahun pertama selepas penubuhan PIDM, persekitaran operasinya agak luar biasa. Pada permulaan tahun 2008, saya berupaya melaporkan kemajuan yang menggalakkan dalam asas-asas yang ditetapkan di PIDM. Lembaga Pengarah mematuhi kesemua kecuali satu piawai pengatur tadbir urusnya. Model sumber dan strategi modal insan Perbadanan amat mantap. Sistem penilaian dan pemantauan risiko PIDM bagi insurans deposit telah diwujudkan. Kita bersedia untuk melaksanakan sistem premium berbeza; dan telahpun memulakan kerja bagi memastikan bahawa kita membuat perancangan untuk menghadapi semua perkara luar jangkaan dan kegagalan. PIDM juga pada masa itu, menerima anugerah merit kedua daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards – NACRA*) bagi Laporan Tahunan 2007 kami dalam organisasi bukan senarai awam. Semuanya berjalan lancar dan teratur.

Pada bulan Oktober tahun yang sama, di serata dunia, lebih 25 bank mengalami kegagalan atau diselamatkan dengan intervensi pihak berkuasa. Walaupun terdapat bank-bank yang dikawal selia dengan terbaik di dunia, kebimbangan dan kerisauan mengenai krisis kewangan dunia terus wujud. Negara-negara yang tidak dijejaskan oleh krisis, turut campur tangan melalui jaminan kerajaan dan mengambil langkah lain, bagi memastikan keyakinan awam dan menghalang pengaliran keluar modal.¹ Bagi PIDM, ini melibatkan pindaan perundangan untuk memberikan Menteri Kewangan kuasa penstabilan dan membenarkan PIDM mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan dengan berkesan. Bagi PIDM, ini merupakan satu perkembangan penting yang pertama dalam peranannya.

Menjelang tahun 2010, sempena peralihan kita daripada Jaminan Deposit Kerajaan, pihak Kerajaan membuat keputusan polisi untuk menubuhkan skim perlindungan insurans. Ketika itu, penubuhannya memang tepat pada masa, untuk memperluas perlindungan dan had insurans deposit. Ciri utama pengembangan PIDM ialah penyepaduan peranannya untuk melindungi konsumer kewangan, agar bukan hanya bank, malah syarikat insurans juga diliputi di bawah perlindungan oleh PIDM. Langkah ini dipacu dengan sewajarnya dengan faktor ekonomi dan keupayaan PIDM untuk memanfaatkan infrastruktur sedia ada. Malaysia juga telah menjadi negara pertama di dunia yang menyediakan jaringan keselamatan kewangan bagi industri takaful dan insurans konvensional yang ditadbir oleh satu entiti. Ini merupakan satu lagi perkembangan penting dalam peranan yang dimainkan oleh PIDM.

Kita sering mengambil mudah akan peristiwa yang berlaku di dunia. Tetapi yang semakin jelas – khususnya berikutan Jaminan Deposit Kerajaan – sistem insurans deposit kini menjadi semakin relevan dan penting sejak mula diwujudkan. Objektif polisi awam sistem insurans deposit telah diperkembangkan agar penginsurans deposit juga dapat membantu menggalakkan kestabilan sistem kewangan dalam tempoh krisis.

¹ Negara yang menyediakan jaminan kerajaan termasuk Austria, Australia, Jerman, Denmark, Portugal, Singapura, Taiwan dan Malaysia.

NUKILAN PENGERUSI PERTAMA KAMI



MENGENAI TENAGA KERJA PIDM

Sesungguhnya saya tidak dapat menafikan kelebihan PIDM yang mempunyai individu-individu tekun dan gigih dalam pelaksanaan operasi organisasi ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, atas pandangan jauh beliau meyakinkan Encik Sabourin untuk menerajui PIDM sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, dan atas kesudian dan kemurahan hati pihak Bank untuk berkongsi tenaga kerjanya dalam pasukan petugas yang berkhidmat di PIDM pada awal penubuhannya untuk membangunkan reka bentuk sistem ini.

Sekali lagi, bukan secara kebetulan, organisasi ini telah meraih manfaat besar daripada Lembaga Pengarah yang terdiri daripada gabungan mantap kemahiran, ciri-ciri, daya pertimbangan dan visi yang diperlukan. Saya perlu merakamkan penghargaan kepada bekas-bekas Pengarah, bekas hakim Mahkamah Persekutuan, Allahyarham Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Azmi bin Dato' Haji Kamaruddin, bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dato' Sri Izzuddin Dali, Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob dan Encik Michael Wong, atas sumbangan dan sokongan tidak ternilai mereka kepada Lembaga Pengarah dan Perbadanan. Saya berasa amat berbesar hati kerana dapat berkhidmat bersama-sama mereka serta ahli Lembaga Pengarah pada tahun 2011, iaitu Tan Sri Gabenor, Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah,

Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias, Dato' Halipah Esa, Encik Lim Tian Huat dan Encik David Dass. Kami berkongsi falsafah yang sama mengenai peranan Lembaga Pengarah dalam sesebuah organisasi. Ini melibatkan pencapaian tugas Lembaga Pengarah berhubung strategi dan pengawasan, dengan tahap keyakinan yang tinggi terhadap Pengurusan untuk melaksanakan strategi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Mereka memahami kepentingan menjadi teladan dalam tingkah laku dan etika dalam perkhidmatan awam.

Saya juga mengucapkan syabas kepada Ketua Pegawai Eksekutif PIDM, Encik JP Sabourin, atas kecekapan pasukan beliau. Inilah pasukan kerja yang tidak pernah mengecewakan harapan dalam ketekadan untuk mencapai kecemerlangan, dedikasi dan keinginan terhadap pencapaian. Keyakinan saya dalam keupayaan PIDM bagi menempuh cabaran daripada tanggungjawab yang diperluaskan adalah disebabkan kecekapan tenaga kerjanya. Kejayaan PIDM dalam penerimaan pengiktirafan antarabangsa dan pembinaan rangkaian kerja pakar-pakar dan rakan sekerja di peringkat antarabangsa untuk panduan, perkongsian pengetahuan dan penandaarasan adalah sesuatu yang amat membanggakan. Kepimpinan Encik Sabourin mencerminkan kebijaksanaan beliau ke arah pemikiran, psikologi dan komunikasi yang maju ke hadapan.

Andainya saya mengakui bahawa tuah merupakan kunci kejayaan sepanjang perkhidmatan saya sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah, saya mengaitkannya kepada kelicinan pelaksanaan kerja saya dengan sokongan individu-individu ini.

MENGENAI INSTITUSI-INSTITUSI AHLI

Memandangkan kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata, saya akan membuat nukilan mengenai keahlian kami. Sebelum itu, dengan ikhlasnya saya menyampaikan penghargaan kepada ahli-ahli PIDM atas kerjasama mereka sebagai peserta dan penggiat sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans yang sedia ada. Seterusnya, saya ingin membuat percubaan untuk menangani satu persoalan yang kadangkala didengari – Mengapa kita memerlukan insurans yang disokong oleh kerajaan, jika industri ini dikawal selia dengan teratur dan institusi ahli tidak akan gagal?

Saya masih ingat tidak berapa lama dahulu, kita mengalami krisis kewangan Asia dengan skala ekonomi yang besar dan pelbagai implikasi sosial. Kapitalisme kroni telah dipersalahkan dan ini menyeru kepada kerangka kewangan yang baharu. Walaupun demikian, kita dapati bahawa kita menyaksikan satu lagi krisis global, yang akan terpahat dalam lipatan sejarah sebagai punca krisis ekonomi, dan di sesetengah negara, berlaku krisis pekerjaan, seperti yang kita lihat pada hari ini, dan di kebanyakan negara pula, membawa kepada krisis sosial dan politik.

Bagi krisis di Amerika Syarikat, Suruhanjaya Inkuiri Krisis Kewangan Amerika Syarikat, pada Januari 2011, telah membuat kesimpulan, bahawa ia "... telah disebabkan oleh: Kegagalan yang merebak dalam pengawalseliaan kewangan, termasuk kegagalan Rizab Persekutuan untuk memberhentikan kebanjiran cagaran yang tidak berguna; kegagalan dalam tadbir urus korporat apabila banyak firma kewangan yang bertindak secara melulu dan mengambil terlalu banyak risiko; Gabungan pinjaman yang berlebihan dan risiko isi rumah dan pihak Wall Street yang telah meletakkan sistem kewangan di ambang krisis; Pembuat dasar utama tidak bersedia untuk krisis tersebut, dan oleh sebab kurangnya kefahaman mengenai sistem kewangan, mereka terlepas pandang; serta pelanggaran secara sistemik dari segi kebertanggungjawaban dan etika di semua peringkat." Setakat bulan Mac 2011, di peringkat kebangsaan, Perbadanan Insurans Deposit Persekutuan Amerika Syarikat telah membayar sebanyak \$9 bilion untuk menampung kerugian pinjaman tidak berbayar 165 institusi kewangan yang gagal.² Di peringkat antarabangsa pula, krisis tersebut telah menyebabkan timbulnya kos dan hutang bagi kerajaan-kerajaan yang tidak pernah wujud sebelum ini, dan kesannya akan dirasai dalam beberapa dekad akan datang.

Terlalu banyak sebab bagi imbasan, perubahan dan tindakan, yang dimainkan oleh "pelakon" dalam "pementasan dramatik" ini. Jelas sekali penyelesaian oleh sektor swasta dalam

menangani ketidakstabilan sistemik global yang berskala besar ini tidak mencukupi, dan zaman pengawalseliaan yang kurang ketat dan inovasi kewangan tidak terhad sudahpun menjadi sejarah.


Bagaimanapun, kita masih menjangka pasaran akan diberi peluang untuk meningkatkan inovasi, pelaburan dan menghasilkan peningkatan produktiviti, apabila rangka kerja pengawalseliaan untuk mengurus risiko dan membetulkan kegagalan pasaran disemak dan dimantapkan. Tetapi sejarah telah membuktikan, tidak akan ada jalan mudah dan mutlak untuk menangani penipuan, kepentingan diri atau pengambilan risiko; yang adanya hanya usaha-usaha untuk mengurangkannya.

Oleh itu, bank-bank dan institusi kewangan lain mempunyai keutamaan untuk mengekalkan keyakinan terhadap kestabilan sistem kewangan, dan orang awam akan hanya yakin sekiranya mereka diberi jaminan bahawa langkah akan diambil dengan segera untuk melindungi mereka apabila berlaku sesuatu kegagalan. Oleh itu, jawapan kepada persoalan tadi – mengapa perlu ada insurans yang disokong kerajaan – adalah gerak hati. Petikan daripada artikel majalah *The Economist*: "... Yang sebenarnya, walau apapun rungutan oleh pihak bank mengenai halangan dan obligasi yang dikenakan oleh kerajaan dan pengawal selia, mereka tahu bahawa inilah sesuatu yang menghendaki kos daripada mereka bagi manfaat yang tinggi nilainya. Dan ini ... wujud dalam bentuk insurans deposit."³

Akhirnya, sekali lagi saya akui bahawa saya berasa amat bangga bersama PIDM sejak permulaannya. Saya berharap semua warga kerja di PIDM akan turut berasa sama bangga, apabila mereka bersara nanti, kerana dapat berkhidmat dengan sebuah organisasi yang komited untuk menyumbang kepada masyarakat dengan cara yang saksama dan progresif.

Sebagai mengakhiri tugas menyediakan perutusan ini, saya ingin mengungkapkan beberapa kata hikmah daripada Konfusius:

"Untuk mencapai keamanan di dunia, kita mesti meraih keamanan dalam negara; untuk mencapai keamanan negara, kita perlu mencapai keamanan dalam keluarga; untuk mencapai keamanan dalam keluarga, pertamanya kita perlu perbaiki kehidupan kita sendiri; kita perlu perbetulkan hati-hati kita".



TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ HAJI TAHA

² Sidel, Robin (Mac 16, 2011). "FDIC's Tab For Failed U.S. Banks Nears \$9 Billion". (*Wall Street Journal*. http://online.wsj.com/article/SB10001424052748704396504576204752754667840.html?mod=WSJ_hp_LEFTWhatsNewsCollection.)

³ "Still Money in that Franchise" April 30, 1994

Bahagian 3

TADBIR URUS KORPORAT



TADBIR URUS KORPORAT

MENGURUS RISIKO KAMI



TINJAUAN

Sejajar dengan visi kami untuk menjadi organisasi perlindungan konsumer kewangan dengan amalan terbaik, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi PIDM telah ditubuhkan pada tahun 2007 bagi membantu Perbadanan memenuhi mandat, misi dan visinya. Sejak ditubuhkan, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi terus berkembang dan matang bersama Perbadanan. Pada tahun 2011, kami meneruskan proses Pengurusan Risiko Organisasi kami, menyediakan khidmat nasihat berkaitan risiko dan berkongsi maklumat mengenai risiko di PIDM serta meningkatkan lagi rangka kerja dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi kami.

PENCAPAIAN UTAMA KAMI PADA TAHUN 2011

Pada tahun 2011, kami menyempurnakan satu lagi kitaran lengkap proses Pengurusan Risiko Organisasi, membangunkan Polisi Risiko Lembaga Pengarah dan mencapai kemajuan dalam program Pengurusan Kesenambungan Urusan kami. Secara lebih terperinci, pencapaian utama Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi adalah seperti berikut:

Proses Tahunan Pengurusan Risiko Organisasi

Kami menyempurnakan satu lagi kitaran lengkap proses Pengurusan Risiko Organisasi, iaitu mengenal pasti, menaksir, menilai, mengendali, memantau, melapor dan menyelaras komunikasi risiko yang memberi kesan kepada Perbadanan. Aktiviti utama proses Pengurusan Risiko Organisasi diringkaskan dalam gambar rajah di halaman seterusnya.

TADBIR URUS KORPORAT

MENGURUS RISIKO KAMI



Aspek utama proses tahunan Pengurusan Risiko Organisasi ialah bengkel kerja penilaian risiko. Sebanyak 14 bengkel kerja penilaian risiko berasingan di peringkat Bahagian atau jabatan bagi kakitangan telah dijalankan sebelum bengkel kerja penilaian risiko yang melibatkan seluruh organisasi, yang mana risiko Korporat dan antara Bahagian dibincangkan dan dinilai.

Susulan bengkel kerja penilaian risiko Bahagian dan seluruh organisasi, kami membangunkan Laporan Penilaian Risiko Pengurusan Risiko Organisasi, termasuk daftar risiko, yang mengandungi huraian dan penilaian terperinci semua risiko Perbadanan serta kawalan dan pelan tindakan untuk mengurangkan risiko tersebut.

Polisi dan Laporan Risiko Lembaga Pengarah

Polisi Risiko Lembaga Pengarah menjelaskan fungsi pengawasan Lembaga Pengarah berkaitan dengan risiko tertentu dan menggariskan harapan Lembaga Pengarah daripada Pengurusan dalam menyokong Lembaga Pengarah.

Laporan Risiko Lembaga Pengarah, iaitu bagi makluman Lembaga Pengarah, menggariskan kawalan, proses dan pengawasan Pengurusan terkini yang sedia ada dalam mengurus kategori risiko tertentu. Ketua Pegawai Risiko juga menyediakan penilaian keseluruhan dan kesimpulan setiap kategori risiko dalam Laporan Risiko Lembaga Pengarah.

Berikutan penyempurnaan polisi dan laporan Risiko Kewangan: Risiko Pasaran, Risiko Kewangan: Risiko Kecairan dan Risiko Insurans: Risiko Kuasa Insurans pada tahun 2010, kami juga telah melengkapkan pembangunan polisi dan laporan Risiko Lembaga Pengarah yang berikut pada tahun 2011:

- Risiko Reputasi
- Risiko Operasi
- Risiko Strategik dan Tadbir Urus
- Risiko Insurans: Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Risiko Insurans: Intervensi dan Resolusi Kegagalan

Dengan penyempurnaan Polisi Risiko Lembaga Pengarah ini, Perbadanan telah melengkapkan pembangunan kesemua Polisi Risiko Lembaga Pengarah utama berdasarkan kategori risiko Perbadanan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.


Di samping Polisi dan Laporan Risiko Lembaga Pengarah, kami juga telah memulakan proses membangunkan Laporan Risiko Lembaga Pengarah di peringkat Korporat yang memberikan Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit, antara lain, penilaian bebas sama ada Pengurusan memenuhi harapan Lembaga Pengarah sebagaimana yang digariskan dalam Polisi Risiko Lembaga Pengarah, dan status inisiatif utama yang akan diambil untuk mengurangkan risiko sisa bagi setiap kategori risiko atau kategori risiko kecil.

Pelan Kesenambungan Urusan

Perbadanan telah mencapai satu lagi pencapaian utama dalam program Pengurusan Kesenambungan Urusan. Sejak pembangunan Pelan Kesenambungan Urusan bagi Perbadanan pada tahun 2009, kami telah mengukuhkan pelan tersebut dan mengujinya setiap tahun bagi memastikan bahawa PIDM boleh meneruskan fungsi urusan kritikalnya sekiranya berlaku bencana.

Pada tahun 2011, kami telah menyempurnakan pembangunan tapak pemulihan bencana kami bagi membolehkan kami meneruskan operasi kritikal kami sekiranya terjadi sesuatu bencana yang merosakkan pejabat utama kami atau menyebabkannya tidak boleh digunakan. Setelah tapak pemulihan bencana tersebut siap dibina, kami berjaya menguji Pelan Kesenambungan Urusan kami melalui satu latihan simulasi krisis. Sejumlah 46 kakitangan termasuk Pengurusan dan kakitangan Teknologi Maklumat mengambil bahagian secara aktif dalam latihan simulasi krisis tersebut.

STRUKTUR PENGAWASAN PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI



* Ketua Pegawai Risiko melapor secara fungsian kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan melapor dari segi pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif.

Struktur Pengawasan Pengurusan Risiko Organisasi kami menjelaskan kebertanggungjawaban dan tanggungjawab bagi proses pengurusan risiko. Ini memastikan aktiviti pengurusan risiko kekal sesuai dan berhemat, dan risiko utama diurus dan dipantau secara berterusan.

Pada tahun 2011, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi masing-masing bermesyuarat sebanyak enam dan tujuh kali bagi membincangkan dan memutuskan pelbagai perkara berkaitan risiko.

Sepanjang tahun 2011, fungsi Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi juga dilaporkan secara kerap kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan mendapatkan panduan mereka mengenai hal-hal Pengurusan Risiko Organisasi.

TADBIR URUS KORPORAT

MENGURUS RISIKO KAMI

Berikut ialah huraian tanggungjawab bagi risiko di PIDM:

- (a) Lembaga Pengarah bertanggungjawab penuh ke atas pengawasan dan pengurusan risiko utama PIDM. Lembaga Pengarah, menerusi Jawatankuasa Audit, memastikan sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat tersedia untuk mengurus risiko utama yang ada akibat daripada urusan dan hal ehwal PIDM.
- (b) Jawatankuasa Audit bertanggungjawab untuk memastikan polisi, prosedur dan amalan yang kukuh dilaksanakan untuk mengurus risiko utama PIDM. Jawatankuasa akan mengkaji semula dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai polisi bagi mengurus pendedahan risiko PIDM. Jawatankuasa Audit juga bertanggungjawab ke atas pengawasan kerja Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dan bagi ganjaran, prestasi dan pengawasan Ketua Pegawai Risiko. Jawatankuasa Audit memastikan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi mempunyai jumlah dan kualiti sumber untuk melaksanakan peranannya.
- (c) Ketua Pegawai Risiko melapor secara terus kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit, dan kepada Ketua Pegawai Eksekutif dari segi pentadbiran. Justeru, hubungan ini memerlukan Jawatankuasa Audit dan Ketua Pegawai Risiko mempunyai akses tidak terhad dan secara langsung antara satu sama lain. Ketua Pegawai Risiko menghadiri semua mesyuarat Lembaga Pengarah secara kerap. Ketua Pegawai Risiko, sebagai ketua Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, bertanggungjawab ke atas pelaksanaan, pembangunan dan penyenggaraan Polisi dan Prosedur Pengurusan Risiko Organisasi serta menyediakan maklumat kepada Jawatankuasa Audit mengenai semua aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi dan hasil proses Pengurusan Risiko Organisasi. Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi juga menyediakan penilaian pendedahan risiko PIDM dan mencadangkan kepada Jawatankuasa Audit, langkah-langkah untuk menambah baik keupayaan pengurusan risiko Perbadanan. Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi juga bertindak sebagai sekretariat bagi kedua-dua Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi.
- (d) Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan merupakan jawatankuasa pengurusan kanan. Jawatankuasa ini menyediakan pengawasan dan hala tuju bagi pelaksanaan dan penguatkuasaan secara konsisten sistem Pengurusan Risiko Organisasi bagi keseluruhan organisasi. Jawatankuasa pengurusan ini menerajui pengurusan risiko serta mengurus dan memantau pendedahan risiko dan aktiviti Pengurusan Risiko

Organisasi PIDM di peringkat keseluruhan organisasi. Di setiap mesyuarat, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi akan mempertimbangkan apa-apa perkara penting yang perlu diberi perhatian dan sekiranya pelan tindakan diperlukan untuk dilaksanakan bagi mengurus risiko berkenaan.

- (e) Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi menyokong peranan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi. Ia memudah cara dan menyelaraskan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi dan perancangan strategik di peringkat operasi. Ini termasuk mengemas kini penilaian dan penarafan risiko yang sedia ada, memantau prestasi terhadap pelan mitigasi setiap bahagian dan mengemas kini pelan tersebut. Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi terdiri daripada wakil daripada setiap bahagian.
- (f) Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan bertanggungjawab untuk menjalankan penilaian bebas dan pengesahan keberkesanan dan pematuhan proses Pengurusan Risiko Organisasi serta menyediakan jaminan kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit bahawa PIDM mempunyai proses Pengurusan Risiko Organisasi yang efektif dan polisi pengurusan risiko dipatuhi.
- (g) Kakitangan PIDM adalah bertanggungjawab untuk mengurus dan melaporkan sumber risiko.

Secara ringkasnya, pengurusan risiko ialah tanggungjawab semua kakitangan PIDM.

RISIKO UTAMA YANG MEMBERI KESAN KEPADA PIDM

Proses penilaian risiko tahunan Pengurusan Risiko Organisasi melibatkan pengenalanpastian dan penilaian risiko utama yang memberi kesan kepada Perbadanan dan membangunkan pelan tindakan dan inisiatif bagi menangani risiko ini.

Bidang risiko utama bagi tahun 2011 ialah "Risiko Strategik dan Tadbir Urus", "Risiko Insurans", "Risiko Operasi" dan "Risiko Reputasi". "Risiko Kewangan" dinilai sebagai "diurus dengan baik" dan tiada inisiatif tambahan korporat dicadangkan untuk menangani risiko tersebut.

Pihak Pengurusan telah memulakan pelan tindakan risiko utama bagi menangani risiko-risiko utama ini:

Risiko Strategik dan Tadbir Urus

Perbadanan akan terus melaksanakan latihan simulasi tahunan Pelan Kesenambungan Urusan bagi memastikan kesediaan Perbadanan untuk meneruskan fungsi urusan kritikalnya di tapak pemulihan bencana sekiranya berlaku bencana.



Risiko Insurans

Kesediaan operasi Perbadanan khususnya yang berkaitan dengan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, kekal sebagai faktor risiko utama dalam kategori Risiko Insurans. Sehubungan ini, Perbadanan telah memulakan pembangunan Kaedah dan Sistem Penilaian dan Pemantauan Risiko bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang merangkumi pembangunan Sistem Penilaian Risiko, rangka kerja dan garis panduan Sistem Levi Berbeza, Peraturan Terma dan Syarat Keahlian, dan Peraturan Maklumat.

Kami juga memanfaatkan pengalaman kami daripada projek Intervensi dan Resolusi Kegagalan ke atas Sistem Insurans Deposit untuk menggabungkan mana-mana aplikasi berkaitan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dalam polisi, prosedur dan infrastruktur Intervensi dan Resolusi Kegagalan, termasuk pembangunan sistem pengurusan tuntutan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Di samping itu, kami sedang membangunkan program pematuhan untuk mengurangkan risiko ketidakpatuhan oleh institusi ahli terhadap Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) 2011 dan peraturan berkaitan.

Risiko Operasi

Terdapat proses berterusan untuk melaksanakan rangka kerja Kecekapan dan rangka kerja Pengurusan Pengetahuan. Ini mengambil kira keperluan bagi pengurusan modal insan dan keperluan untuk mencapai kesediaan operasi.

Kami juga akan terus mengukuhkan Polisi Klasifikasi Maklumat dan meningkatkan Sistem Pengurusan Maklumat Korporat kami, melalui polisi dan prosedur untuk mengurus pentadbiran dan operasi serta untuk menangani risiko keselamatan maklumat.

Risiko Reputasi

Kami akan meneruskan usaha kami untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai Perbadanan, Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta untuk mencapai indeks kesedaran awam yang kami sasarkan dengan melaksanakan Pelan Komunikasi Bersepadu 2012 - 2016 kami.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, tahun 2011 menandakan satu lagi pencapaian penting bagi Perbadanan dan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasinya. Kami telah mengambil satu lagi langkah ke hadapan dalam kemajuan kami mengurus risiko.

Kami merancang untuk meneruskan usaha kami mengekalkan sistem Pengurusan Risiko Organisasi yang berkesan dengan memberikan khidmat nasihat berkaitan risiko dan berusaha ke arah menyemai budaya pengurusan risiko di semua peringkat.

Bagi tahun 2012, antara inisiatif lain, kami merancang untuk menyempurnakan pembangunan Laporan Risiko Lembaga Pengarah di peringkat keseluruhan organisasi dan membangunkan Polisi dan Prosedur Pengurusan Krisis bagi Perbadanan.

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

PENGENALAN


Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah PIDM telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2006, dan disemak setiap tahun. Polisi ini menggariskan 15 piawaian berdasarkan prinsip dan amalan tadbir urus korporat terbaik di peringkat antarabangsa dan tempatan. Lembaga Pengarah mematuhi sepenuhnya Polisi tersebut. Setiap tahun, ia melapor kepada pemegang kepentingannya mengenai piawaian ini.

Perbadanan sejak dari mula lagi, menekankan kepentingan mempunyai persekitaran organisasi yang menggalakkan tingkah laku dan etika yang betul dalam kalangan kakitangannya. Pada tahun 2011, bagi menekankan peranan yang dimainkan oleh Lembaga Pengarah berhubung dengan ini, Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah telah dipinda untuk menyatakan bahawa Lembaga Pengarah akan:

“... mengarahkan Pengurusan untuk membangunkan polisi, strategi, proses dan kawalan yang mencukupi di dalam Perbadanan untuk mengekalkan persekitaran organisasi yang menggalakkan tingkah laku beretika, komitmen kakitangan kepada operasi Perbadanan dan tahap kepuasan kakitangan yang tinggi”.

Pernyataan Tadbir Urus kami menerangkan cara PIDM mematuhi amalan terbaik ini sebagaimana yang ditetapkan dalam setiap piawaian Polisi tersebut.

RANGKA KERJA TADBIR URUS KAMI



PERNYATAAN KAMI

Sebagai sebuah badan berkanun, tidak seperti entiti tersenarai, tiada keperluan bagi PIDM untuk membuat pernyataan pematuhan dengan mana-mana kod tadbir urus tertentu di dalam laporan tahunan kami. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah kami komited terhadap kebertanggungjawaban dan ketelusan dan percaya bahawa ia amalan tadbir urus korporat yang baik untuk menyediakan pernyataan sedemikian. Walaupun tiada "kod" yang boleh disahkan oleh Lembaga Pengarah bahawa ia telah dipatuhi, Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah menetapkan piawaian-piawaian, yang diambil daripada pelbagai amalan terbaik dalam sektor awam di bidang kuasa lain¹ serta daripada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, yang mana terpakai.

Bagi tahun 2011, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan pematuhan penuh terhadap piawaian dalam Polisi Tadbir Urus Korporat Lembaga Pengarah. Butiran lanjut terdapat di bahagian mengenai "Tugas Lembaga Pengarah".

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi, Pelantikan dan Ganjaran

Pada tahun 2011, Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh orang Pengarah dengan pelbagai bidang kemahiran dan pengalaman luas daripada sektor awam dan swasta. Dua daripada Pengarah ini merupakan Pengarah *ex officio*, iaitu Gabenor BNM dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Kesemua Pengarah adalah bukan eksekutif, bagi mengekalkan kebebasan Lembaga Pengarah, dan Ketua Pegawai Eksekutif bukan ahli Lembaga Pengarah.

Menteri Kewangan melantik kesemua Pengarah bukan *ex officio*, atas cadangan Lembaga Pengarah. Lanjutan daripada Akta PIDM yang baharu, dua daripada Pengarah merupakan Pengarah "sektor awam" untuk memberikan perspektif sektor awam. Pengarah bukan *ex officio* yang selebihnya adalah daripada sektor swasta, dengan sekurang-kurangnya salah seorang daripada mereka mempunyai pengalaman dalam sektor perbankan dan kewangan yang berkaitan. Pengerusi juga mesti mempunyai pengalaman sektor swasta yang berkaitan.

Pada 14 Ogos 2011, bekas Pengerusi Lembaga Pengarah, Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha, bersara daripada Lembaga Pengarah selepas berkhidmat sebagai Pengerusi sejak bulan Ogos 2005. Menteri Kewangan, atas cadangan Lembaga Pengarah, telah melantik Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias sebagai Pengerusi baharu berkuat kuasa 15 Ogos 2011. Menteri (atas cadangan Lembaga Pengarah) juga melantik Encik Alex Foong Soo Hah sebagai Pengarah sektor swasta yang mempunyai pengalaman dalam industri insurans, berkuat kuasa 15 Ogos 2011.

Pada tahun 2011, sebelum menjalankan peranannya sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah yang baharu, dan untuk memastikan beliau berupaya memenuhi keperluan jawatannya,

Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias bersara daripada keanggotaan Lembaga Pengarah dalam lima entiti lain termasuk sebagai Pengarah Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Beliau kekal sebagai Pengerusi Malaysia Venture Capital Management Bhd dan Malaysia Debt Venture Bhd, dan baru-baru ini dilantik sebagai Pengarah bebas bukan eksekutif Bursa Malaysia. Profil beliau dan Pengarah Perbadanan yang lain boleh didapati di halaman 18 Laporan Tahunan ini.

Pada tahun 2011, Pengarah-pengarah menerima sejumlah RM468,757 secara kolektif sebagai ganjaran bagi kerja Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Akta PIDM menetapkan tanggungjawab keseluruhan Lembaga Pengarah bagi urusan dan hal ehwal PIDM, dan tanggungjawab kejujuran, ketekunan serta tanggungjawab Pengarah untuk bertindak bagi kebaikan Perbadanan.

Peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah juga dinyatakan dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dan dalam huraian jawatan mereka. Akta PIDM yang baharu, Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, dan huraian tugas tersebut boleh didapati dalam laman sesawang PIDM di www.pidm.gov.my di Bahagian "Tadbir Urus PIDM".

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah

Pada tahun 2011, empat mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan. Rekod kehadiran adalah seperti yang berikut:

LEMBAGA PENGARAH	KEHADIRAN
Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha, Pengerusi* (Bersara pada 14 Ogos 2011)	2/2
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (<i>ex officio</i>)	2/4
Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah (<i>ex officio</i>)	3/4
Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias (Dilantik sebagai Pengerusi pada 15 Ogos 2011)	4/4
Encik George Anthony David Dass	4/4
Dato' Halipah Esa	4/4
Encik Lim Tian Huat	4/4
Encik Alex Foong Soo Hah** (Dilantik pada 15 Ogos 2011)	2/2

* Sehingga tarikh persaraannya

** Dari tarikh pelantikannya

¹ Rujukan ini boleh didapati di Polisi Tadbir Urus

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

TUGAS LEMBAGA PENGARAH

Bahagian yang berikut menghuraikan pematuhan Lembaga Pengarah terhadap kesemua piawaian Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.

Tahun-tahun Awal Penubuhan 2006 – 2009

Lembaga Pengarah mula menubuhkan pengaturannya pada tahun 2006, dan telah berusaha sejak itu untuk mematuhi sepenuhnya Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah. Pada tahun 2008, Lembaga Pengarah berupaya melaporkan pematuhan penuh terhadap Polisi tersebut.

Tinjauan Tugas Lembaga Pengarah Pada Tahun 2011

Sejak tahun 2009, pada permulaan setiap tahun, Lembaga Pengarah mengenal pasti beberapa bidang fokus tertentu bagi tahun berkenaan, dan akan berusaha ke arah memenuhi objektif tersebut.

Pada tahun 2011, antara lain, objektif Lembaga Pengarah adalah untuk melaksanakan langkah-langkah untuk memenuhi mandat Perbadanan yang telah diperluaskan menurut Akta PIDM bagi merangkumi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, dan memastikan fokus ke atas perkara yang paling kritikal kepada Perbadanan di peringkat strategik. Ini merupakan jangkaan terhadap urusan dan hal ehwal Perbadanan yang semakin rumit.

Bagi mencapai matlamat ini, Lembaga Pengarah menggunakan pakai pelan tindakan utama berikut bagi memastikan Lembaga Pengarah memenuhi peranan dan tanggungjawabnya dengan berkesan:

(a) melaksanakan Pelan Pengurusan Penggantian Lembaga Pengarah yang diluluskan dan menjalankan pelantikan ahli Lembaga Pengarah sebagai aktiviti berterusan;

- (b) memastikan penggunaan masa Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang efektif, Pengarah boleh memohon sesi bersemuka dengan Pengarah atau Pengurusan sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Audit. Ini adalah untuk mengenal pasti isu-isu penting untuk dibincangkan, serta menjelaskan perkara-perkara kepada Pengarah yang lebih baharu, oleh itu menjadikan mesyuarat lebih tertumpu dan berkesan;
- (c) mempertimbangkan perkara strategik yang ditumpukan kepada penilaian risiko dan pemantauan institusi ahli; tahap kesediaan Perbadanan bagi melaksanakan intervensi dan resolusi kegagalan; Dana Sasaran; dan melaksanakan program latihan mengenai industri insurans untuk Lembaga Pengarah dan kakitangan yang sesuai. Satu senarai perkara ini dimasukkan ke dalam setiap fail mesyuarat Lembaga Pengarah sebagai peringatan kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah;

Lembaga Pengarah melaksanakan pelan tindakan utamanya dan memberi tumpuan kepada kesemua hal strategik dan polisi utama. Satu sesi Perancangan Strategik juga telah diadakan pada bulan September 2011².

² 29 September 2011

Jadual yang berikut memperinci kemajuan Lembaga Pengarah berkenaan dengan setiap piawaian dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2011
Piawaian 1: Kebebasan Lembaga Pengarah	
Ahli Lembaga Pengarah akan melaksanakan penilaian dengan bebas.	Akta PIDM membezakan peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, bagi memastikan kebebasan. Ketua Pegawai Eksekutif bukan seorang ahli Lembaga Pengarah. Seperti yang dinyatakan dalam Akta PIDM, semua Pengarah adalah bukan eksekutif dan mesti menggunakan penilaian bebas mereka untuk bertindak demi kepentingan PIDM.
Piawaian 2: Keberkesanan dan tanggungjawab tadbir urus Lembaga Pengarah	
<p>Lembaga Pengarah akan memperoleh dan mengekalkan kefahaman mengenai matlamat dan kuasa Perbadanan, serta tanggungjawab tadbir urusnya.</p> <p>Untuk mencapai piawaian ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <p>(i) membangunkan dan mengekalkan pendekatan untuk memenuhi tanggungjawab itu dan akan menilai secara objektif, keberkesanan dalam tindakan sedemikian dari semasa ke semasa; dan</p> <p>(ii) memastikan Perbadanan mempunyai perancangan bagi program orientasi pengarah baharu dan latihan berterusan yang sesuai kepada tanggungjawab dan keperluan Lembaga Pengarah dari segi tadbir urus.</p>	<p>Pada tahun ini, ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri empat Sesi Pendidikan Lembaga Pengarah mengenai pelbagai tajuk seperti berikut:</p> <p>(a) industri insurans dan takaful di Malaysia;</p> <p>(b) keadaan ekonomi bagi tujuan perancangan strategik;</p> <p>(c) penilaian risiko kualitatif bank ahli; dan</p> <p>(d) pendekatan terhadap Intervensi dan Resolusi Kegagalan serta peranan Lembaga Pengarah.</p> <p>(i) Proses untuk menilai keberkesanannya. Seajar dengan amalan terbaik, Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah menilai keberkesanan mereka secara kolektif dan sebagai individu, pada setiap tahun. Soal selidik, yang dikemas kini pada tahun 2010 untuk memberi tumpuan kepada aspek tingkah laku keberkesanan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, juga digunakan pada tahun 2011 dan hasil penilaian telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus dan Lembaga Pengarah.</p> <p>Pada tahun 2011, Lembaga Pengarah juga telah menyemak semula pendekatan penilaian Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Keputusan telah dibuat, iaitu pada tahun 2012, Lembaga Pengarah akan memperuntukkan satu sesi penuh Lembaga Pengarah pada pertengahan tahun untuk membincangkan mana-mana bidang yang boleh ditambah baik. Ia akan menumpukan kepada bidang-bidang yang boleh ditambah baik oleh Lembaga Pengarah, Jawatankuasanya, serta kualiti dan cara Pengurusan menyediakan maklumat kepada Lembaga Pengarah. Sesi ini dijadualkan pada bulan Julai 2012 dan perbincangan akan dipimpin oleh Pengerusi Lembaga Pengarah.</p> <p>(ii) Orientasi. Pada tahun 2010, Program Orientasi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah telah dijalankan bagi Pengarah baharu kami. Objektif utama Program Orientasi tersebut adalah untuk memastikan Pengarah baharu tersebut dapat menyesuaikan diri mereka dengan kerja-kerja Perbadanan dengan secepat mungkin, agar Lembaga Pengarah boleh memanfaatkan pandangan mereka. Sebagai sebahagian daripada program ini, Pengarah baharu akan menerima maklumat penting mengenai Perbadanan termasuk Panduan Pengarah³. Pengarah baharu akan diberi Buku Rujukan Pengarah komprehensif yang mengandungi semua maklumat penting dan maklumat untuk perhubungan, bertemu dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang sedia ada, dan diberi taklimat oleh pengurusan kanan mengenai setiap bidang kerja utama, sebelum mereka menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah.</p> <p>(iii) Sesi pendidikan. Seperti tahun-tahun sebelum ini, Lembaga Pengarah mengenal pasti sesi-sesi pendidikan yang akan dihadiri oleh Lembaga Pengarah pada permulaan tahun. Pada tahun 2011, ahli Lembaga Pengarah terus mengambil bahagian dalam sesi pendidikan, seperti yang dilaporkan di atas. Beberapa ahli tertentu juga mengikuti Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (<i>Financial Institutions Directors' Education</i> - FIDE), dan menghadiri program elektif anjuran FIDE⁴.</p> <p>(iv) Mesyuarat Bersama Tiga Pihak Penginsurans Deposit Serantau. Mesyuarat tiga pihak antara PIDM dan penginsurans deposit Indonesia dan Thailand diteruskan lagi bagi meningkatkan kerjasama dan perkongsian maklumat.</p>

³ Panduan Pengarah boleh didapati di www.pidm.gov.my di bawah Bahagian "Tadbir Urus PIDM"

⁴ Diwujudkan pada tahun 2008, program FIDE merupakan inisiatif bersama PIDM dan BNM yang memberi tumpuan kepada meningkatkan amalan tadbir urus korporat dalam institusi kewangan di Malaysia

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2011
Piawaian 3: Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa	
<p>Apabila melantik sesebuah jawatankuasa, Lembaga Pengarah akan menentukan tanggungjawab dan kuasa Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta keperluan kebertanggungjawaban bagi jawatankuasa ini.</p>	<p>Tanggungjawab, kuasa dan keperluan kebertanggungjawaban Jawatankuasa Lembaga Pengarah dihuraikan dalam piagam masing-masing.</p> <p>Kesemua piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah disemak semula setiap tahun bagi memastikan piagam kekal terkini dan relevan. Pada tahun 2011, perubahan telah dibuat kepada Piagam Jawatankuasa Ganjaran, Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus dan Piagam Jawatankuasa Audit seperti yang dilaporkan di halaman 189 hingga 198.</p> <p>Setiap Jawatankuasa menilai sama ada ia memenuhi tanggungjawab utamanya pada setiap mesyuarat, serta pelan tindakan yang berkaitan.</p>
Piawaian 4: Komposisi dan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah	
<p>Komposisi Lembaga Pengarah hendaklah mengekalkan unsur kebebasan serta mempunyai gabungan kemahiran dan keupayaan yang sesuai, memandangkan objektif dan hala tuju strategik Perbadanan.</p> <p>Bagi mencapainya, Lembaga Pengarah, melalui rundingan bersama Ketua Pegawai Eksekutif, akan:</p> <p>(i) membangunkan satu profil kemahiran dan keupayaan yang diperlukan bagi menyokong pelaksanaan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan menasihati Menteri Kewangan berkenaan dengan gabungan sesuai yang diperlukan bagi memenuhi kekosongan jawatan ahli Lembaga Pengarah bukan <i>ex officio</i>;</p> <p>(ii) mempunyai pelan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah untuk dikemukakan kepada Menteri bagi memastikan pengurusan penggantian Pengarah secara teratur.</p>	<p>Latar Belakang. Pada tahun 2007, Lembaga Pengarah mewujudkan pelan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah, yang merangkumi Polisi Tempoh Pemegangan Jawatan, Persaraan dan Penggantian, serta proses membangunkan profil Lembaga Pengarah dan profil individu ahli Lembaga Pengarah bagi menilai gabungan kemahiran dan kepakaran yang sesuai yang tersedia dalam Lembaga Pengarah. Rancangan ini telah dimaklumkan kepada Menteri Kewangan sebagai sebahagian daripada cadangan Lembaga Pengarah bagi pelantikan Pengarah.</p> <p>(i) Profil Lembaga Pengarah. Proses membangunkan profil Lembaga Pengarah (berkumpulan dan individu) telah diwujudkan pada bulan November 2006. Profil tersebut telah dibangunkan dan disemak semula setiap tahun, dengan mempertimbangkan keperluan semasa, tahap pembangunan, dan aspirasi Perbadanan. Profil tersebut kemudian membentuk asas bagi menentukan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk memenuhi kekosongan Lembaga Pengarah akan datang dan dipertimbangkan dalam penyediaan senarai calon yang sesuai.</p> <p>(ii) Analisis kesesuaian tahap kemahiran. Seperti pada tahun sebelum ini, pada tahun 2011 Lembaga Pengarah telah menjalankan analisis tahunan kesesuaian tahap kemahiran dengan membandingkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada dalam Lembaga Pengarah dengan profil yang diperlukan. Ini adalah bagi menentukan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan oleh Lembaga Pengarah, yang masih belum ada ketika ini.</p> <p>Pelan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah dan pelaksanaannya merupakan satu pelan tindakan khusus bagi Lembaga Pengarah pada tahun 2011. Lembaga Pengarah telah mengenal pasti beberapa bidang iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • menangani keperluan Perbadanan yang timbul daripada mandatnya yang diperluaskan bagi merangkumi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans; • memastikan peralihan lancar dalam kepimpinan Lembaga Pengarah sempena persaraan Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha bersara sebagai Pengerusi pada bulan Ogos 2011; dan • melaksanakan perancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah sebagai suatu rancangan jangka panjang dan berterusan, kerana ia adalah penting bagi memastikan keberkesanan berterusan PIDM dan keupayaan untuk memenuhi mandatnya. <p>Kemahiran tambahan. Pada tahun 2011, kemahiran khusus dalam industri insurans untuk Lembaga Pengarah diperlukan apabila mandat Perbadanan diperluaskan bagi merangkumi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Oleh yang demikian, atas cadangan Lembaga Pengarah, Menteri Kewangan telah melantik Encik Alex Foong Soo Hah sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 15 Ogos 2011.</p>

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2011
Piawaian 4: Komposisi dan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah	
	<p>Peralihan kepimpinan. Pada tahun 2011, dengan peluasan mandat PIDM untuk merangkumi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, Lembaga Pengarah mempertimbangkannya sebagai penting untuk memastikan kestabilan dan kesinambungan bagi Lembaga Pengarah. Oleh itu, Lembaga Pengarah telah membuat cadangan kepada Menteri agar Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias dilantik sebagai Pengerusi pada 15 Ogos 2011. Pelantikan beliau telah memastikan peralihan lancar dalam kepimpinan Lembaga Pengarah.</p> <p>Pengarah tambahan. Susulan Akta PIDM 2011, bilangan maksimum Pengarah telah ditambah daripada tujuh kepada sembilan. Lembaga Pengarah telah membuat cadangan kepada Menteri Kewangan untuk memenuhi dua jawatan baharu, dan jawatan tersebut telah dipenuhi berkuat kuasa 1 Januari 2012.</p> <p>Pelantikan semula Encik George Anthony David Dass. Bagi memastikan kesinambungan dan persaraan berperingkat, dan Menteri Kewangan juga telah melantik semula Encik George Anthony David Dass, atas cadangan Lembaga Pengarah, sebagai ahli Lembaga Pengarah berkuat kuasa 3 Februari 2012 sehingga 2 Februari 2014.</p> <p>Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mengumumkan bahawa perancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah bagi tahun 2011 telah dilengkapkan, tetapi akan terus melaksanakan pelan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah sebagai aktiviti berterusan.</p>
Piawaian 5: Peranan dan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif	
<p>Tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dibezakan dan didokumentasikan dengan jelas. Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) membangunkan huraian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif; (ii) membangunkan satu set objektif korporat sekurang-kurangnya sekali setahun yang mana Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab untuk mencapainya, dan menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif terhadap objektif tersebut; dan (iii) mewujudkan hubungan kebertanggungjawaban Ketua Pegawai Eksekutif kepada Lembaga Pengarah. 	<p>Tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif telah dibezakan dan didokumentasikan dengan jelas dalam huraian jawatan bagi kedua-dua jawatan tersebut.</p> <p>Sehubungan dengan ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Huraian jawatan bagi Ketua Pegawai Eksekutif telah disemak semula setiap tahun sejak penubuhan PIDM. Tiada pindaan ketara dibuat susulan semakan semula pada tahun 2011. (ii) Petunjuk Prestasi Utama bagi Ketua Pegawai Eksekutif ditentukan setiap tahun berdasarkan objektif korporat PIDM. Prestasi beliau terhadap Petunjuk Prestasi Utama tersebut dipantau dan dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah, dengan bantuan Jawatankuasa Ganjaran, pada penghujung tahun. Ini telah dijalankan bagi tahun 2011 seperti biasa; dan (iii) Di bawah Akta PIDM, Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah bagi pelaksanaan kuasa dan prestasi tugasannya. Huraian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif juga menerangkan hubungan kebertanggungjawaban.
Piawaian 6: Pelantikan pegawai korporat kanan	
<p>Lembaga Pengarah akan melantik pegawai korporat kanan Perbadanan (selain Ketua Pegawai Eksekutif) dan menentukan tempoh jawatan dan ganjaran bagi mereka.</p>	<p>Pegawai-pegawai korporat dilantik oleh Lembaga Pengarah dan terma-terma perkhidmatan dan pampasan mereka ditentukan oleh Lembaga Pengarah.</p>
Piawaian 7: Ganjaran pegawai	
<p>Lembaga Pengarah akan memastikan, secara berterusan, bahawa ganjaran yang diterima oleh pegawai dan kakitangan PIDM adalah sejajar dengan pencapaian mapan objektif Perbadanan, pengurusan berhemat hal ehwal dan risiko yang dihadapinya, serta pematuhan kepada polisi dan prosedur.</p> <p>Lembaga Pengarah akan mengkaji semula program ganjaran bagi semua pengarah, dan mengemukakan cadangan kepada Menteri Kewangan berkenaan dengannya.</p>	<p>Jawatankuasa Ganjaran bertanggungjawab untuk melaporkan dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai hal-hal ganjaran. Polisi ganjaran dan manfaat kakitangan serta polisi pengurusan prestasi telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Polisi-polisi tersebut adalah sejajar dengan model urusan kami, yang memerlukan pasukan individu khusus yang berupaya mencapai mandat kami dan bekerjasama dengan rakan strategik dan penyedia perkhidmatan utama apabila diperlukan. Lembaga Pengarah menanda aras secara tetap tahap penggajian berbanding pasaran bagi memastikan program ganjaran PIDM kekal berdaya saing.</p> <p>Sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta PIDM, Menteri Kewangan menentukan ganjaran bagi Lembaga Pengarah atas cadangan Lembaga Pengarah. Setiap ahli Lembaga Pengarah dibayar fi tahunan, dan elaun juga dibayar bagi kehadiran di setiap mesyuarat. Lembaga Pengarah mengkaji semula program ganjaran pada tahun 2010 dan membuat cadangan kepada Menteri Kewangan, yang telah diluluskan pada tahun 2011.</p>

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2011
Piawaian 8: Perancangan pengurusan penggantian	
<p>Lembaga Pengarah akan merancang penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan menyemak semula rancangan pengurusan penggantian bagi jawatan pengurusan kanan utama.</p>	<p>Pada tahun 2011, Lembaga Pengarah telah mempertimbangkan laporan mengenai perancangan pengurusan penggantian dan gantian kerja bagi jawatan pengurusan kanan utama dan berpuas hati bahawa rancangan yang sesuai telah tersedia. Pelaksanaan rancangan tersebut adalah secara berterusan.</p>
Piawaian 9: Piawaian tatalaku dan etika	
<p>Lembaga Pengarah akan mewujudkan piawaian tatalaku dan etika bagi Pengarah, pegawai dan kakitangan lain di Perbadanan, dan memperoleh jaminan secara berterusan, bahawa Perbadanan mempunyai proses berterusan, sesuai dan berkesan bagi memastikan kepatuhan terhadap piawaian tersebut.</p> <p>Lembaga Pengarah juga mengarahkan Pengurusan untuk membangunkan polisi, strategi, proses dan kawalan bagi Perbadanan untuk mengekalkan persekitaran organisasi yang memupuk tingkah laku beretika, komitmen kakitangan terhadap operasi Perbadanan dan tahap kepuasan kerja kakitangan yang tinggi.</p>	<p>Lembaga Pengarah mewujudkan piawaian tatalaku dan etika yang patut diamalkan oleh Pengarah dan kakitangan melalui Kod Tatalaku dan Etika Urusan, serta Kod Konflik Kepentingan, yang boleh didapati dalam laman sesawang PIDM di www.pidm.gov.my di Bahagian bertajuk "Tadbir Urus PIDM". Pengurusan melaporkan pematuhan kepada kod ini kepada Lembaga Pengarah setiap tahun.</p> <p>Kesemua kakitangan menjalani latihan mengenai Kod-kod tersebut dan mesti mengisytihar kepatuhan mereka setiap tahun. Polisi Pendedahan Maklumat Berkenaan Salah Laku Di Tempat Kerja (Polisi Pendedahan Maklumat), juga menyediakan mekanisme yang membolehkan kakitangan dan pemegang kepentingan lain membuat laporan mengenai salah laku di tempat kerja. Kod-kod dan polisi ini juga disemak setiap tahun bagi memastikan kod dan polisi tersebut sejajar dengan amalan terbaik dan kekal terkini dan relevan.</p> <p>Polisi Pendedahan Maklumat disemak semula baru-baru ini dan dikemas kini dengan mengambil kira peruntukan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Garis Panduan berkaitan. Pindaan utama adalah bagi memastikan bahawa individu boleh membuat laporan mengenai kesalahan terhadap Akta PIDM serta pelanggaran kepada Kod-kod PIDM, dan ini tidak terhad kepada salah laku di tempat kerja.</p> <p>Terdapat juga program pematuhan rasmi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, yang boleh didapati di laman sesawang PIDM di www.pidm.gov.my di Bahagian "Tadbir Urus PIDM". Program pematuhan ini juga merangkumi penubuhan Jawatankuasa Pematuhan Korporat, dengan objektif memastikan pelaksanaan tanggungjawab pemantauan berkaitan dengan pematuhan PIDM terhadap undang-undang, peraturan, kod industri, polisi dan prosedur, obligasi kontrak dan piawaian organisasi yang diguna pakai oleh Perbadanan. Laporan mengenai pematuhan dibuat setiap tahun kepada Lembaga Pengarah (melalui Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Audit) mengenai kepatuhan kepada piawaian-piawaian ini, dan Kaunsel Am juga memberikan jaminan mengenai pematuhan melalui surat representasi rasmi kepada Ketua Pegawai Eksekutif.</p> <p>Terdapat Polisi Pelantikan Kaunsel Perundangan Berasingan Bebas dan Kaunsel yang Lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, yang membolehkan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah melantik penasihat bebas untuk membantu dalam memenuhi tanggungjawab mereka.</p> <p>Pada masa yang sama, Lembaga Pengarah mempunyai keyakinan tinggi terhadap sistem pematuhan yang sedia ada dan ia dipatuhi.</p> <p>Melalui Jawatankuasa Ganjaran, Lembaga Pengarah menerima laporan mengenai kemajuan kepada pelan strategi Modal Insan Perbadanan. Pada tahun 2011, Tinjauan Pendapat Kakitangan telah dijalankan oleh perunding luar, bagi memperoleh tahap kepuasan kakitangan dengan persekitaran kerja mereka serta pengurusan kanan. Hasil tinjauan tersebut menunjukkan skor kepuasan kerja kakitangan ialah sebanyak 90%, yang melebihi penanda aras norma di Malaysia dan syarikat-syarikat global berprestasi tinggi.</p>

Piawaian 10: Risiko utama kepada Perbadanan

Lembaga Pengarah akan:

- (i) mencapai kefahaman mengenai risiko utama urusan Perbadanan;
- (ii) memastikan sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat dilaksanakan dan sentiasa disemak semula; dan
- (iii) memperoleh jaminan yang wajar, secara berterusan bahawa sistem ini dipatuhi dan risiko yang memberi kesan kepada Perbadanan terus diurus secara efektif.

(i) Pada tahun 2011, Lembaga Pengarah memastikan bahawa sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat untuk mengurus risiko telah dilaksanakan. Antara lain, dan sejajar dengan komitmennya terhadap Penyataan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi, Lembaga Pengarah:

- memantau pematuhan terhadap program Pengurusan Risiko Organisasi bagi memastikan pelaksanaan amalan pengurusan risiko secara konsisten dalam mengenal pasti, menaksir, menilai, memantau dan melaporkan risiko di seluruh PIDM;
- memantau pelaksanaan satu lagi kitaran lengkap proses Pengurusan Risiko Organisasi oleh Pengurusan, dan menerima laporan risiko yang tetap yang mengenal pasti kawalan dan pelan tindakan risiko bagi menangani risiko yang dikenal pasti;
- mengambil kira dan bersetuju dengan profil risiko utama;
- meluluskan Polisi Risiko Lembaga Pengarah; dan
- menerima laporan terperinci setiap polisi.

Dari segi pelaksanaan fungsi, Ketua Pegawai Risiko melapor secara langsung kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit, bagi memastikan kebebasan daripada Pengurusan.

(ii) Pada tahun 2011, Lembaga Pengarah meluluskan polisi risiko tertentu sebagaimana yang dijelaskan dalam artikel "Mengurus Risiko Kami" di halaman 39.

(iii) Lembaga Pengarah memperoleh kefahaman mengenai risiko utama PIDM dengan menerima dan menyemak laporan tetap mengenai kekukuhan institusi ahli. Lembaga Pengarah juga menerima dan menyemak laporan tetap daripada Pengurusan dan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi mengenai risiko terhadap urusan dan hal ehwalnya, bagi memahami jenis dan saiz risiko utama kepada PIDM.

(iv) Lembaga Pengarah juga menerima laporan tetap daripada Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan mengenai pematuhan terhadap kawalan dalaman dan bidang audit utama yang tertentu. Ketua Juruaudit Dalaman juga mengesahkan laporan Pengurusan Risiko Organisasi, melalui audit ke atas pematuhan terhadap kawalan dalaman. Ini membolehkan Lembaga Pengarah mempunyai keyakinan yang wajar bahawa polisi pengurusan risiko dipatuhi. Setiap tahun, Ketua Pegawai Risiko menyediakan surat representasi rasmi kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan Lembaga Pengarah. Pada masa yang sama, Lembaga Pengarah mempunyai keyakinan tinggi bahawa sistem Pengurusan Risiko Organisasi tersedia dan sentiasa dipatuhi.

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2011
Piawaian 11: Persekitaran kawalan dan audit dalaman	
<p>Lembaga Pengarah akan memastikan Perbadanan mempunyai persekitaran kawalan yang menyokong pengurusan berhemat ke atas operasi dan risiko yang berkenaan (termasuk risiko yang menghalang pencapaian matlamatnya) serta mempunyai polisi dan amalan efektif bagi memastikan integriti kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat.</p> <p>Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) memperuntukkan sumber dan menubuhkan kumpulan audit dalaman serta menetapkan mandatnya; (ii) meluluskan pelan audit setiap tahun; dan (iii) memperoleh jaminan wajar daripada kumpulan audit dalaman secara tetap berkaitan dengan pemantauan dan pematuhan kawalan dalaman, integriti sistem dan tindakan sepatutnya telah diambil bagi menangani sebarang kelemahan atau kegagalan yang dikenal pasti. 	<p>Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko PIDM dan memperoleh jaminan masing-masing daripada Pengurusan, Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Juruaudit Dalaman.</p> <p>Sehubungan ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Lembaga Pengarah telah menubuhkan fungsi audit dalaman, meluluskan piagamnya, dan memperuntukkan sumber bagi memastikan ia memenuhi peranan dan tanggungjawabnya. Piagam tersebut disemak setiap tahun. (ii) Lembaga Pengarah telah menyediakan satu proses untuk meluluskan pelan audit tiga tahun pada setiap tahun. Pada tahun 2011, Lembaga Pengarah meluluskan pelan bagi tempoh 2012 hingga 2015. Prestasi menurut pelan audit dilaporkan dan disemak dua kali setahun. (iii) Rangka kerja kawalan dalaman Perbadanan disempurnakan pada Februari 2007. Pada Januari 2011, Lembaga Pengarah mempertimbangkan laporan audit dalaman mengenai penilaian pematuhan Pengurusan terhadap kawalan dalaman dengan menggunakan kriteria yang diluluskan. Ketua Juruaudit Dalaman menyediakan jaminan yang wajar mengenai pematuhan terhadap kawalan dalaman dan integriti sistem kawalan dalaman melalui pemfailan surat representasi rasmi kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. (Lihat Penyataan Kawalan Dalaman di halaman 61).
Piawaian 12: Dalam kawalan	
<p>Lembaga Pengarah akan mendapatkan jaminan sewajarnya secara tetap bahawa Perbadanan berada "dalam keadaan terkawal".</p> <p>(Nota: Konsep "dalam keadaan terkawal" merujuk kepada keadaan operasi Perbadanan di bawah tadbir urus Lembaga Pengarah yang berkesan dan diurus berpandukan proses pengurusan strategik dan risiko yang berterusan dalam persekitaran kawalan yang sesuai. Kelemahan yang berkaitan akan dikenal pasti, ditangani dan dikemukakan untuk perhatian Lembaga Pengarah).</p>	<p>Pada tahun 2011, sejajar dengan kriteria yang ditetapkan dalam rangka kerja, Lembaga Pengarah memperoleh jaminan yang wajar bahawa urusan dan hal ehwal PIDM diurus secara berkesan menurut proses pengurusan strategik dan risiko yang tersedia dalam persekitaran kawalan yang sesuai. (Lihat Penyataan Kawalan Dalaman di halaman 61, dan artikel mengenai "Mengurus Risiko Kami" di halaman 39.</p> <p>Secara khususnya, pada tahun 2011, satu semakan penilaian kualitatif ke atas Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan mengenai kecekapan dan keberkesanan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan pematuhannya terhadap Piawaian Antarabangsa bagi Amalan Profesional Pengauditan Dalaman, yang dirumus oleh <i>Institute of Internal Auditors Inc.</i> (IIA). Lembaga Pengarah telah menerima pandangan daripada penilai luar yang bebas mengenai spektrum keseluruhan fungsi audit dan perundingan dan kerja Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan. Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit sedia maklum bahawa Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan telah dinilai dan mencapai "pematuhan am" terhadap Piawaian IIA serta berfungsi secara berkesan dan cekap. Ini dihuraikan lagi dalam Penyataan Kawalan Dalaman, di halaman 61.</p>

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2011
Piawaian 13: Proses pengurusan strategik	
<p>Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi menyemak dan mengawasi pembangunan dan meluluskan rancangan dan hala tuju strategik Perbadanan, dengan mengambil kira kelebihan dan risiko yang dihadapi oleh Perbadanan.</p> <p>Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) menilai objektif Perbadanan dari semasa ke semasa bagi memastikan objektif kekal relevan dan, sekiranya perlu, mencadangkan perubahan untuk pertimbangan Menteri Kewangan; (ii) melaksanakan proses perancangan strategik; (iii) sekurang-kurangnya sekali setahun, meluluskan objektif dan strategi operasi, bajet operasi, bajet modal, rancangan peminjaman, rancangan korporat dan kadar premium yang sesuai dan berhemat memandangkan objektif Perbadanan, persekitaran terkini dan yang dijangka, risiko, sumber dan kedudukan kewangan; (iv) sentiasa menilai prestasi Perbadanan dalam melaksanakan perancangan dan bajet yang diluluskan; dan (v) memperoleh jaminan secara tetap bahawa Perbadanan mempunyai proses pengurusan strategik yang berkesan. 	<p>Setiap tahun, sesi Perancangan Strategik diadakan untuk mempertimbangkan hala tuju strategik PIDM. Pada September 2011, Lembaga Pengarah bermesyuarat untuk mempertimbangkan dan meluluskan hala tuju strategik Perbadanan serta objektif, matlamat dan aktiviti utamanya bagi tempoh Rancangan Korporat 2012 - 2014. "Analisis risiko dan peluang" juga telah dijalankan. Lembaga Pengarah kemudiannya telah meluluskan Rancangan Korporat bagi 2012 - 2014 pada mesyuarat Disember 2011.</p> <p>Setiap tahun Lembaga Pengarah menilai objektif PIDM bagi memastikan ia kekal relevan. Akta PIDM disemak semula secara berterusan. Sekiranya perlu, cadangan kepada pindaan akan diajukan kepada Menteri Kewangan.</p> <p>Proses perancangan strategik telah dilaksanakan oleh PIDM sejak penubuhannya.</p> <p>Setiap tahun, Lembaga Pengarah meluluskan Rancangan Korporat tiga tahun sejajar dengan piawaian ini, dan Rancangan Korporat ini diterbitkan dan diedarkan kepada pemegang kepentingan utama sebagai sebahagian daripada sistem ketelusan dan kebertanggungjawaban PIDM.</p> <p>Laporan tetap mengenai prestasi Rancangan Korporat diedarkan kepada ahli Lembaga Pengarah, dan dipertimbangkan secara terperinci oleh Jawatankuasa Audit.</p> <p>Lembaga Pengarah mempunyai pengawasan secara langsung terhadap proses pengurusan strategik melalui pembabitannya dalam sesi perancangan strategik tahunan di pelbagai peringkat termasuk yang dinyatakan sebelum ini. Jaminan tambahan diperoleh melalui penglibatan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan ketika sesi perancangan strategik tahunan dan bengkel perancangan strategik Pengurusan. Ini memudahkan integrasi berkesan antara proses Pengurusan Risiko Organisasi dengan proses perancangan strategik dan audit. Maklumat dalaman yang penting kepada pelaksanaan objektif korporat PIDM, seperti penyata kewangan suku tahun dan laporan kemas kini suku tahun Rancangan Korporat, dilaporkan secara kerap kepada Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM yang dianggotai oleh kedua-dua Ketua Juruaudit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko.</p>

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2011
Piawaian 14: Komunikasi yang berkesan	
<p>Lembaga Pengarah akan memastikan bahawa Perbadanan berkomunikasi secara berkesan dengan orang ramai, BNM, badan berkanun atau pengawal selia yang lain, pendeposit, institusi ahli dan pihak berkaitan yang lain.</p>	<p>Lembaga Pengarah terus mengekalkan hubungan dan interaksi dengan pelbagai pemegang kepentingan menerusi beberapa saluran dan Rancangan Korporat merangkumi pengurusan perhubungan dengan pemegang kepentingan sebagai petunjuk prestasi utama.</p> <p>Setiap tahun, Rancangan Korporat dan Laporan Tahunan PIDM diedarkan kepada pemegang kepentingan utama. Bersempena dengan penerbitan laporan tahunan kami, sesi dialog tahunan diadakan dengan pemegang kepentingan. Mesyuarat dan perbincangan terus diadakan antara pegawai PIDM dan BNM berkaitan dengan isu-isu pengawalseliaan. Terdapat satu program kesedaran awam pelbagai tahun yang komprehensif untuk mendidik orang ramai mengenai manfaat dan had sistem insurans deposit. Brosur maklumat telah diedarkan dan tersedia di semua bank ahli. Kami mengadakan rundingan berterusan bersama pemegang kepentingan utama mengenai pembangunan undang-undang, peraturan dan garis panduan utama yang dikeluarkan oleh PIDM. PIDM merupakan peserta aktif dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (<i>International Association of Deposit Insurers – IADI</i>).</p> <p>Taklimat khusus diberikan kepada penggiat industri insurans serta industri perbankan mengenai enakmen Akta PIDM yang baharu. Beberapa naskhah Akta PIDM juga telah diberikan kepada setiap ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif institusi ahli.</p> <p>Pada tahun 2011, dialog tahunan bersama pemegang kepentingan diadakan pada 12 Mei. Lembaga Pengarah juga terus memantau usaha komunikasi oleh Pengurusan pada tahun 2011. Ahli Lembaga Pengarah sendiri mengambil bahagian dalam program Capaian Korporat yang dianjurkan di salah sebuah negeri di luar Wilayah Persekutuan setiap tahun dan bertemu dengan pegawai Kerajaan dan pemimpin komuniti dan perniagaan yang lain. Pada tahun 2011, program Capaian Korporat telah diadakan di Johor Bahru.</p>
Piawaian 15: Kajian semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah	
<p>Lembaga Pengarah akan mengkaji semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah setiap tahun bagi memastikan polisi ini kekal responsif terhadap situasi dan keperluan Perbadanan dan ia terus sejajar dengan perundangan yang dipatuhi oleh Perbadanan, mandat Perbadanan, panduan hal tadbir urus yang khusus bagi badan berkanun dan amalan terbaik yang diiktiraf.</p>	<p>Dalam semakan semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah pada Mei 2011, Lembaga Pengarah mendapati bahawa Polisi ini kekal terkini dan relevan dengan keperluan dan situasi PIDM serta sejajar dengan perkembangan dalam tadbir urus korporat.</p> <p>Seperti sedia maklum sebelum ini, Piawaian No. 9 telah dipinda pada tahun 2011 bagi mencerminkan peranan Lembaga Pengarah untuk "... mengarah Pengurusan untuk membangunkan polisi, strategi, proses dan kawalan yang mencukupi dengan Perbadanan bagi mengekalkan persekitaran organisasi yang memupuk tingkah laku beretika, komitmen kakitangan terhadap operasi Perbadanan dan tahap kepuasan kerja kakitangan yang tinggi".</p> <p>Lembaga Pengarah juga mempertimbangkan perkembangan penting dalam tadbir urus korporat masa kini dan kaitannya dengan konteks pendekatan dan amalan tadbir urus Perbadanan, khususnya tumpuan yang diperbaharui dalam Panduan Majlis Pelaporan Kewangan (<i>Financial Reporting Council - FRC</i>) UK yang dikeluarkan pada bulan Mac 2011, mengenai (a) tingkah laku, (b) proses yang mana Lembaga Pengarah mencapai keputusan, serta (c) kepelbagaian Lembaga Pengarah, dan berpendapat bahawa amalan Lembaga Pengarah Perbadanan adalah sejajar dengan cadangan panduan tersebut. Oleh itu, tiada perubahan dibuat kepada pendekatan tadbir urus sedia ada.</p>

Keandalan maklumat

Bagi memastikan Lembaga Pengarah boleh menentukan keandalan maklumat yang disediakan oleh Pengurusan, Lembaga Pengarah menerima surat-surat representasi yang komprehensif daripada Pengurusan berkenaan ketepatan dan keandalan maklumat yang diberikan kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah menerima pengesahan daripada Ketua Juruaudit Dalaman, pada setiap tahun, sebagai asas bagi keandalan. Lembaga Pengarah juga menghendaki Pengurusan untuk menyediakan laporan Lembaga Pengarah komprehensif yang memperincikan tujuan laporan, isu-isu untuk dipertimbangkan dan menghendaki Pengurusan menyediakan penilaian dan analisis berkualiti, serta cadangan yang mantap. Pada penghujung setiap tahun, Lembaga Pengarah menilai sokongan yang diberikan oleh Pengurusan dari segi maklumat yang diberikan kepada Lembaga Pengarah, dan memberikan Pengurusan maklum balas terperinci dan penarafan keseluruhan, serta sekiranya perlu, Lembaga Pengarah boleh menyoal Pengurusan berkenaan hal-hal Perbadanan. Ketua Pegawai Risiko bukan hanya melapor secara langsung kepada Lembaga Pengarah, tetapi Lembaga Pengarah juga boleh meminta Ketua Pegawai Risiko mengesahkan sama ada beliau mempunyai pandangan dan pendapat berbeza mengenai hal-hal penting yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah, dan menyoal Ketua Pegawai Risiko mengenai risiko utama yang berkaitan dengan isu dan pandangan beliau mengenai keandalan maklumat yang diberikan. Ketua Pegawai Risiko dikehendaki menghadiri kesemua mesyuarat Lembaga Pengarah. Kesimpulannya, Lembaga Pengarah berpuas hati dengan kualiti maklumat yang disediakan kepada Lembaga Pengarah dan keupayaannya memperoleh maklumat yang utuh daripada Pengurusan yang tepat pada masa.

JAWATANKUASA

Lembaga Pengarah telah melantik tiga Jawatankuasa Lembaga Pengarah iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran. Piagam jawatankuasa tersebut boleh didapati di Lampiran Laporan Tahunan.

Jawatankuasa Audit

Keahlian dan Kehadiran Mesyuarat

Pada tahun 2011, Jawatankuasa Audit mengadakan lima mesyuarat. Kehadiran ahli Jawatankuasa Audit di mesyuarat adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA AUDIT	KEHADIRAN MESYUARAT
Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias (<i>Pengerusi</i>) (<i>Bersara sebagai Pengerusi pada 14 Ogos 2011</i>)*	4/4
Encik Lim Tian Huat (<i>Naib Pengerusi</i>) (<i>Dilantik sebagai Pengerusi pada 15 Ogos 2011</i>)	6/6
Encik George Anthony David Dass	5/6
Dato' Halipah Esa	6/6
Encik Alex Foong Soo Hah** (<i>Dilantik sebagai Ahli pada 4 Oktober 2011</i>)	1/1

* *Sehingga tarikh persaraannya*

** *Dari tarikh pelantikannya*

Lembaga Pengarah juga telah melantik seorang lagi ahli tambahan Jawatankuasa Audit. Dengan persaraan Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha sebagai Pengerusi Perbadanan, Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias telah dilantik sebagai pengganti beliau. Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah, Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad kemudian dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus dan mengosongkan jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit pada 15 Ogos 2011.

Encik Lim Tian Huat, yang telah dilantik oleh Lembaga Pengarah sebagai Naib Pengerusi Jawatankuasa Audit pada 2010, menjadi Pengerusi Jawatankuasa tersebut pada 15 Ogos 2011. Encik Alex Foong, Pengarah sektor swasta yang baru dilantik, telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Audit pada 4 Oktober 2011.

Piagam Jawatankuasa Audit

Piagam Jawatankuasa Audit telah dipinda pada tahun 2011 seperti berikut:

- dengan memasukkan perenggan baharu 4.7(h), yang menyatakan bahawa Jawatankuasa Audit bersama Pengurusan akan menyemak dan menasihati Lembaga Pengarah sama ada pendekatan yang mantap dan efektif telah diikuti dalam mewujudkan pengaturan perancangan kesinambungan urusan Perbadanan, termasuk sama ada rancangan pemulihan bencana telah diuji pada tempoh tertentu;
- dengan meminda perenggan 4.6 untuk menyatakan bahawa pelantikan Ketua Juruaudit Dalaman mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- dengan meminda perenggan 4.7 untuk menyatakan bahawa pelantikan Ketua Pegawai Risiko mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- dengan menyatakan bahawa mana-mana pindaan yang dicadangkan kepada Piagam Jawatankuasa Audit juga akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus, bersama dengan Piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang lain, dan perubahan seterusnya boleh dicadangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus kepada Lembaga Pengarah;
- dengan meminda takrifan "kepakaran kewangan", yang menjadi satu syarat bagi kedudukan Pengerusi atau Naib Pengerusi, untuk memastikan Pengerusi dan Naib Pengerusi mempunyai kelayakan perakaunan profesional dan pengalaman luas dalam pengauditan; dan
- dengan menyatakan bahawa pelantikan Naib Pengerusi dibuat secara tidak mandatori, dan Lembaga Pengarah boleh melantik Naib Pengerusi sekiranya ia mempertimbangkan jawatan tersebut adalah sesuai.

Piagam Jawatankuasa Audit menghendaki mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun. Jawatankuasa Audit perlu memastikan penyata kewangan disediakan mengikut prinsip perakaunan yang diluluskan dan memberi maklumat tepat mengenai hal ehwal kewangan PIDM dengan cara yang paling komprehensif. Jawatankuasa ini juga perlu memastikan bahawa juruaudit dalaman dan luaran tidak

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

mempunyai sebab untuk meragui sebarang aspek akaun atau kawalan dan prosedur audit di PIDM. Jawatankuasa ini juga menasihati Lembaga Pengarah mengenai isu-isu pelaporan kewangan, perakaunan dan kawalan dalaman yang lain serta pengurusan kewangan, dan menyemak dan membuat cadangan mengenai Pelan Korporat tahunan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Audit juga memainkan fungsi pengawasan risiko utama dan peranan ini didokumentasikan dengan lengkap dalam Rangka Kerja dan Garis Panduan Pengurusan Risiko Organisasi.

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Audit

Laporan ringkasan kerja utama Jawatankuasa pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

Audit dalaman: Pada tahun 2011, Jawatankuasa Audit mempertimbangkan empat laporan audit dalaman yang dikeluarkan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan. Ini termasuk audit yang dijalankan ke atas:

- pelaporan kewangan dan pendedahan Perbadanan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010;
- proses pemerolehan dan pengurusan pembekal Perbadanan;
- proses pengurusan dan jaminan kualiti berkaitan dengan pembangunan dan pelaksanaan polisi dan prosedur Perbadanan; dan
- keberkesanan sistem keselamatan fizikal, amalan, polisi, prosedur Perbadanan dan pematuhan Perbadanan terhadap keperluan ke atas keselamatan dan kesihatan.

Jawatankuasa Audit menyemak piagam audit dalaman, pelan audit tiga tahun fungsi audit dalaman, bajet, dan mempertimbangkan keperluan sumber bagi Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan. Ia memantau prestasi fungsi audit dalaman berbanding pelan auditnya dua kali setahun, dan memastikan kebebasan fungsi audit dalaman.

Perkara yang memerlukan perhatian: Jawatankuasa Audit mempunyai akses secara langsung kepada juruaudit luaran dan Pengurusan, serta kaunsel luaran bebas menurut Polisi Penglibatan Badan Asing dan Kaunsel Lain. Pada tahun 2011, jawatankuasa ini menganjurkan dua sesi perbincangan tertutup bersama Pengurusan, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Juruaudit Dalaman dan juruaudit luar sebagai amalan tadbir urus yang baik. Sesi perbincangan ini turut menyediakan peluang untuk membincangkan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian berkaitan audit tahunan.

Pelaporan secara langsung: Ketua Juruaudit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko melapor secara langsung kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit. Pada tahun 2011, Jawatankuasa Audit terus menyemak laporan mengenai prestasi setiap fungsi.

Pelaporan kewangan: Jawatankuasa Audit memperoleh kefahaman mengenai laporan kewangan dan memantau

ketepatan, kebolehpercayaan dan kejelasan maklumat kewangan. Jawatankuasa ini juga mempertimbangkan maklumat yang terdapat di dalam Laporan Tahunan dan Rancangan Korporat. Seperti yang dinyatakan dalam Akta PIDM, Laporan Tahunan PIDM (termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit luaran) mesti dihantar kepada Menteri Kewangan dalam tempoh tiga bulan selepas penghujung tahun kewangan (31 Disember).

Proses pelaporan kewangan, polisi perakaunan dan struktur kawalan dalaman: Jawatankuasa Audit mempertimbangkan:

- polisi perakaunan dan pertukaran utama dalam polisi perakaunan untuk tahun 2011;
- menyemak dan menasihati Lembaga Pengarah berkaitan dengan penyata kewangan tahunan, perbincangan dan analisis pengurusan, laporan audit luaran dan menyemak ketelusan proses pelaporan kewangan, laporan kawalan dalaman serta perwakilan pengurusan;
- mendapatkan pengesahan bertulis daripada Ketua Juruaudit Dalam mengenai sistem kawalan dalaman; dan
- mencadangkan tahap sasaran dana serta membuat pendedahan yang sewajarnya mengenai Dana Sasaran dalam Laporan Tahunan bagi 2011.

Secara khusus pada tahun 2011, untuk mencapai cadangan “Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit yang Berkesan” oleh Jawatankuasa Basel mengenai Pengawasan Perbankan dan IADI, Jawatankuasa Audit memberi tumpuan untuk memastikan Perbadanan mewujudkan rangka kerja yang berkesan untuk membangunkan dan mengurus dana dalaman. Jawatankuasa Audit menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, tahap dana dalaman yang mencukupi untuk mencapai objektifnya dan memenuhi mandatnya (Dana Sasaran) serta masa yang diperlukan untuk mencapai tahap tersebut. Artikel mengenai Dana Sasaran boleh didapati di halaman 159.

Pengawasan pengurusan kewangan dan strategi:

Pada tahun 2011, Jawatankuasa Audit telah menjalankan tanggungjawabnya berkaitan pengawasan pengurusan kewangan, termasuk pengawasan bajet tahunan dan pelaburan. Jawatankuasa Audit secara tetap menerima laporan mengenai perkembangan berbanding Rancangan Korporat 2011 - 2013 dan mempertimbangkan serta mencadangkan Rancangan Korporat 2012 - 2014, termasuk bajet operasi tahunan dan pelan modal.

Pengurusan risiko: Berkaitan pengurusan risiko, Jawatankuasa Audit memberikan nasihat dan sokongan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara yang dilaporkan di bawah Piawaian No. 10 hingga 12 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, seperti yang dibincangkan di halaman 51 Laporan Tahunan ini. Jawatankuasa Audit juga menjalankan semakan ke atas penaksiran risiko dalaman pada tahun 2011 menurut rangka kerja kawalan dalaman

Perbadanan, yang berasaskan rangka kerja *Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission* (COSO) yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Berdasarkan keputusan penaksiran, Jawatankuasa Audit berpendapat bahawa kawalan dalaman yang kukuh di dalam Perbadanan telah dapat diwujudkan melalui kepimpinan yang mampan, nilai korporat dan budaya yang dikongsi, dan persekitaran korporat yang kondusif yang menekankan kebertanggungjawaban kepada pengurusan kawalan dan risiko.

Dalam menjalankan tugasnya, Jawatankuasa Audit mendapat akses langsung kepada Ketua Pegawai Risiko, yang secara tetap akan melaporkan aktiviti Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dan risiko korporat kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

Pematuhan etika dan perundangan: Jawatankuasa Audit menyemak semula laporan mengenai pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, serta kod dan polisi utama. Tiada kejadian ketidakpatuhan yang ditemui. Jawatankuasa Audit juga menyemak laporan aktiviti berkaitan dengan program pematuhan PIDM.

Semakan Piagam: Pada bulan Oktober 2011, beberapa pindaan tertentu kepada Piagam Jawatankuasa Audit telah dibuat seperti yang dinyatakan di halaman 194 di atas. Semakan tahunan piagam berikutnya akan dijalankan pada tahun 2012.

Jawatankuasa Ganjaran

Keahlian dan Kehadiran Mesyuarat

Jawatankuasa Ganjaran mengadakan dua mesyuarat pada tahun 2011. Kehadiran ahli Jawatankuasa Ganjaran di mesyuarat pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA GANJARAN	KEHADIRAN MESYUARAT
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (<i>Pengerusi</i>)	2/2
Encik George Anthony David Dass	2/2
Dato' Halipah Esa	2/2
Encik Lim Tian Huat	1/2

Piagam Jawatankuasa Ganjaran

Piagam Jawatankuasa Ganjaran digariskan dalam Lampiran di halaman 192. Piagam ini menghendaki Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk menyemak dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai isu-isu sumber manusia, seperti pampasan, pematuhan kepada keperluan undang-undang berkaitan sumber manusia, polisi kakitangan, latihan, perancangan pengurusan penggantian, aduan dan perkara berkaitan sumber manusia yang lain. Pindaan yang dibuat kepada Piagam Jawatankuasa Ganjaran pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

- (a) untuk mencerminkan pindaan kepada Piawaian No. 9 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, agar Jawatankuasa Ganjaran memastikan bahawa

Perbadanan membangunkan, secara berterusan, polisi, strategi, kawalan, proses dan prosedur yang mencukupi, sesuai dan efektif dalam Perbadanan bagi mengekalkan persekitaran organisasi yang memupuk tatalaku urusan dan tingkah laku beretika, komitmen kakitangan kepada operasi Perbadanan dan tahap kepuasan kerja kakitangan yang tinggi serta menyemak semula polisi dan kod berkenaan atas perkara yang sama dan membuat cadangan, sekiranya ada, kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan; dan

- (b) dengan menyatakan bahawa mana-mana pindaan yang dicadangkan kepada piagam Jawatankuasa Ganjaran juga akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus, bersama dengan Piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang lain, dan perubahan seterusnya boleh dicadangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus kepada Lembaga Pengarah.

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Ganjaran

Beberapa perkara utama yang dijalankan atau disemak oleh Jawatankuasa Ganjaran pada tahun 2011 adalah seperti di bawah:

Jawatankuasa Ganjaran:

- (a) meneruskan pemantauan ke atas pelaksanaan Strategi Modal Insan;
- (b) mengambil maklum tentang laporan berkenaan pematuhan kepada polisi dan keperluan perundangan utama berkaitan sumber manusia, Kod Konflik Kepentingan dan Kod Tatalaku Urusan dan Etika untuk Pengarah, serta Kod Tatalaku Urusan dan Etika untuk Kakitangan;
- (c) mempertimbangkan hal-hal pampasan bagi kakitangan termasuk pelarasan gaji sejajar dengan pergerakan pasaran;
- (d) meluluskan polisi pemberian bonus bagi tahun 2011 dan pemberian bonus adalah sejajar dengan rangka kerja pemberian bonus untuk kakitangan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- (e) menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 2011 berbanding objektif yang diluluskan dan Petunjuk Prestasi Utama dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Ganjaran juga mempertimbangkan pernyataan objektif 2012 dan petunjuk prestasi utama bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan membuat cadangan tentang perkara yang sama kepada Lembaga Pengarah;
- (f) mempertimbangkan Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan bagi Perbadanan;
- (g) mempertimbangkan pelan pengurusan penggantian untuk memastikan pemimpin sedia ada digalakkan untuk terus berkhidmat dalam organisasi dan membangunkan kerjaya mereka agar bersedia untuk memegang jawatan utama;
- (h) mempertimbangkan tinjauan pendapat kakitangan bagi tahun 2011 dan cara ia diurus dan dilaksanakan; dan
- (i) memantau pelaksanaan program biasiswa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk warganegara Malaysia yang memerlukan bantuan kewangan. Program ini diteruskan pada tahun 2011 dengan pemberian biasiswa kepada sepuluh orang calon dan dilaporkan di halaman 175 Laporan Tahunan ini.

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

Jawatankuasa Tadbir Urus

Keahlian dan Kehadiran Mesyuarat

Jawatankuasa Tadbir Urus mengadakan tiga mesyuarat pada tahun 2011. Kehadiran ahli Jawatankuasa Tadbir Urus di mesyuarat pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA TADBIR URUS	KEHADIRAN MESYUARAT
Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha (<i>Pengerusi</i>)* (<i>Bersara pada 14 Ogos 2011</i>)	2/2
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz	3/3
Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah	2/3
Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias (<i>Dilantik sebagai Pengerusi pada 15 Ogos 2011</i>)**	1/1

* *Sehingga tarikh persaraannya*

** *Dari tarikh pelantikannya*

Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus

Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus digariskan dalam Lampiran di halaman 189. Piagam tersebut menghendaki Jawatankuasa Tadbir Urus bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Tanggungjawab utama Jawatankuasa Tadbir Urus adalah memastikan struktur dan proses tersedia bagi memastikan pengawasan berkesan dan hala tuju aktiviti PIDM. Jawatankuasa ini juga memastikan pematuhan kepada polisi tadbir urus dan piawaian tadbir urus yang tinggi, menyemak semula keseimbangan kemahiran, pengalaman dan pengetahuan yang sesuai bagi Lembaga Pengarah dan mengenal pasti kesesuaian tahap kemahiran serta membuat cadangan pelantikan jawatan bukan *ex officio* dalam Lembaga Pengarah pada masa hadapan.

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Tadbir Urus

Jawatankuasa Tadbir Urus menyokong usaha Lembaga Pengarah berkenaan tadbir urus korporat, seperti yang dinyatakan dalam laporan Lembaga Pengarah.

Berikut adalah aktiviti utama Jawatankuasa Tadbir Urus pada tahun 2011. Jawatankuasa Tadbir Urus:

- membangunkan objektif Lembaga Pengarah bagi tahun 2011 seperti yang diterangkan di halaman 46;
- memastikan pelaksanaan Pelan Pendidikan tahunan Lembaga Pengarah bagi latihan dan pendidikan berterusan Pengarah mengenai operasi Perbadanan dan tanggungjawab tadbir urusnya;

(c) menyemak semula keahlian sedia ada ketiga-tiga Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah bagi peranan Pengarah baharu di Jawatankuasa tersebut dan penggiliran ahli-ahli Jawatankuasa berkenaan;

(d) menyemak semula pendekatan PIDM terhadap tadbir urus serta polisi berkaitan tadbir urus, termasuk Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, Undang-undang Kecil Korporat, huraian jawatan Pengerusi, ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif;

(e) menyemak semula pendedahan berkenaan tadbir urus yang dibuat kepada orang ramai sejajar dengan amalan terbaik;

(f) menyemak semula kesemua Piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara bersama, bagi memastikan piagam-piagam tersebut konsisten dan tiada pertindihan fungsi;

(g) memantau pelan pengurusan penggantian bagi pegawai korporat; dan

(h) menyemak semula profil Lembaga Pengarah, secara bersama dan secara individu, dan menjalankan analisis kesesuaian tahap kemahiran.

Jawatankuasa Tadbir Urus juga terus memantau perkembangan tadbir urus korporat dan amalan terbaik di Malaysia dan di luar negara.

Kemajuan Jawatankuasa

Semua jawatankuasa mengguna pakai amalan mengikuti perkembangan mereka berbanding tanggungjawab utama yang terkandung dalam Piagam pada setiap mesyuarat, dan mempertimbangkan pelan tindakan pada masa hadapan. Pada penghujung setiap tahun, setiap Jawatankuasa menyemak semula kerja mereka sepanjang tahun tersebut, dan setiap ahli Jawatankuasa mengisi borang kaji selidik untuk menilai keberkesanan Jawatankuasa yang mana maklum balas tersebut dibincangkan pada tahap Lembaga Pengarah.

Setiap Jawatankuasa juga menerima dan mempertimbangkan laporan bergabung kerja yang telah dilaksanakan bagi tahun berkenaan, pada setiap penghujung tahun. Pada tahun 2011, Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab utama masing-masing seperti yang digariskan dalam Piagam.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa ia telah memenuhi tanggungjawabnya di bawah Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dan memenuhi piawaian tadbir urus berdasarkan amalan terbaik.

Pada tahun 2012, Lembaga Pengarah akan mengadakan sesi untuk membincangkan pencapaian dan langkah-langkah untuk menambah baik prestasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa serta prestasi Pengurusan dalam menyediakan maklumat kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah termasuk kualiti dan ketepatan masa pemberian maklumat tersebut.

Bidang strategik yang akan diberi tumpuan oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2012 ialah:

- (a) penilaian dan pemantauan risiko institusi ahli, khususnya, ahli penginsurans;
- b) pembangunan sistem premium berbeza bagi ahli penginsurans;
- (c) tahap kesediaan Perbadanan terhadap intervensi dan resolusi kegagalan; dan
- (d) pengawasan ke atas pelaksanaan strategi bagi memastikan kemampuan jangka panjang Perbadanan seperti rancangan pengurusan penggantian bagi Lembaga Pengarah dan jawatan Pengurusan utama.

MAKLUMAT LAIN

Komunikasi Pemegang Kepentingan

Polisi Komunikasi Perbadanan menggariskan objektifnya, antara lain, untuk:

- (a) mewujudkan kesedaran dan pemahaman mengenai mandat Perbadanan dengan menyebarkan maklumat yang betul, tepat pada masanya dan relevan sebagai respons kepada keperluan pemegang kepentingan dan orang ramai bagi membantu mereka membuat keputusan bermaklumat mengenai simpanan dan pelaburan; dan
- (b) mengalakkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dengan menyediakan maklumat dan akses kepada orang ramai dan pemegang kepentingan bagi membina kepercayaan dan sokongan.

Ini adalah sejajar dengan mandat PIDM, yang merangkumi objektif menyumbang kepada atau mengalakkan kestabilan sistem kewangan.

Kami mengekalkan laman sesawang yang mesra pengguna bagi memudahkan akses kepada maklumat berkaitan urusan dan hal ehwal PIDM. Dari segi ketelusan, kami menyediakan di laman sesawang, maklumat mengenai polisi, amalan dan prosedur utama yang berkaitan dengan tadbir urus, etika dan pemerolehan.

Strategi komunikasi kami juga melibatkan penyebaran bahan maklumat PIDM kepada orang awam. Ini termasuk Rancangan Korporat dan Laporan Tahunan dalam empat bahasa utama. Brosur maklumat kami juga disediakan dalam empat bahasa utama, serta Kadazandusun dan Iban. Maklumat lanjut mengenai inisiatif komunikasi kami boleh didapati di Bahagian

8. PIDM berazam untuk telus dan menyediakan laporan berkualiti dalam Laporan Tahunan. Sejak Laporan Tahunan 2006, Laporan Tahunan PIDM telah diiktiraf dan menerima pengiktirafan NACRA atau anugerah bagi kecemerlangan dalam pelaporan.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Pelaporan Kewangan

Kami telah mengguna pakai Piawaian Perakaunan Malaysia bagi Entiti Selain Entiti Swasta. Kami mengekalkan dan mentadbir dua dana berasingan bagi insurans deposit, satu bagi sistem insurans deposit konvensional dan satu lagi bagi sistem insurans deposit Islam. Berkuat kuasa 31 Disember 2010, kami juga mengekalkan dan mentadbir empat dana tambahan yang berasingan masing-masing bagi segmen perniagaan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, iaitu insurans am, insurans nyawa, takaful am dan takaful perpaduan keluarga. Kami menyediakan perakaunan dan laporan bagi kesemua enam dana tersebut secara berasingan.

Laporan Pengarah bagi penyata kewangan tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2011 dan Penyataan Pengarah yang disertakan bersamanya boleh didapati di halaman 102 dan seterusnya.

Kawalan Dalaman

Penyataan Kawalan Dalaman boleh didapati di halaman 61 dalam Laporan Tahunan ini.

Pengurusan Risiko

Perbincangan dan Analisis Pengurusan mengenai pengurusan risiko PIDM boleh didapati di halaman 39 dalam Laporan Tahunan ini.

Audit

Menurut Akta PIDM, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Juruaudit Negara mengikut Akta Audit 1957. Dari sudut pandangan operasi, kami mengekalkan hubungan kerjasama dengan juruaudit luaran kami daripada Jabatan Audit Negara, yang wakilnya dijemput untuk menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit. Sebagai satu kebiasaan, wakil Jabatan Audit Negara akan menerima semua laporan dan dokumentasi Jawatankuasa Audit sebelum mesyuarat Jawatankuasa Audit. Sehubungan ini, mereka telah menghadiri dua daripada enam mesyuarat Jawatankuasa Audit pada tahun 2011. Fi tahunan mereka boleh didapati di halaman 137 dalam Laporan Tahunan ini.

INSURANS DEPOSIT ISLAM DAN SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL

Perbadanan mendapatkan nasihat dan kelulusan daripada Majlis Penasihat Syariah BNM (Majlis) mengenai mana-mana isu Syariah berkaitan dengan operasi insurans deposit Islam. Pengaturan dan ciri-ciri utama operasi insurans deposit Islam dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful telah diluluskan oleh Majlis. Premium diperolehi daripada institusi ahli Islam dan Takaful yang diuruskan secara berasingan dan dilaburkan mengikut prinsip Syariah.

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

Premium dan pendapatan daripada pelaburan dikumpulkan masing-masing dalam Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam atau dana-dana Takaful. Kumpulan ini, bersama Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional dan Kumpulan Dana Perlindungan Insurans, digunakan untuk membiayai aktiviti Perbadanan. Hanya perbelanjaan yang dibenarkan oleh Syariah sahaja boleh dicajkan kepada Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam atau dana-dana Takaful.

Mana-mana lebihan akan digunakan untuk memenuhi obligasi (jika ada) berkenaan dengan deposit Islam yang diinsuranskan atau sijil takaful. Sekiranya Perbadanan dikehendaki menjana dana kecairan daripada Kerajaan dan pasaran, pengaturannya pembiayaan sedemikian akan disediakan menurut prinsip Syariah.

PENGURUSAN

Pihak Pengurusan Eksekutif bertanggungjawab ke atas pengurusan harian PIDM. Ia adalah di bawah pimpinan Ketua Pegawai Eksekutif, yang memperoleh kuasanya daripada Akta PIDM dan huraian jawatan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Seorang Ketua Pegawai Operasi telah dilantik pada 1 Januari 2010 bagi tujuan perancangan pengurusan penggantian dan carta organisasi yang baharu boleh didapati di halaman 25. Pengurusan Eksekutif bertanggungjawab bagi fungsi masing-masing dan Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Pengurus Besar, Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko, Kaunsel Am, serta Ketua Audit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko semuanya, dikehendaki menyediakan surat representasi rasmi. Pengurusan juga menyediakan surat representasi komprehensif kepada Lembaga Pengarah dan Jabatan Audit Negara sebagai sebahagian daripada audit akhir tahun. Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan juga menyediakan akuan berkanun lanjutan bagi penyata kewangan dan kualiti kawalan dalaman. Akuan berkanun tersebut boleh didapati di halaman 106 Laporan Tahunan ini.

Para Pengarah mempunyai akses kepada rekod dan maklumat Perbadanan, kepada Setiausaha Korporat dan Pengurusan Eksekutif. Mereka menerima laporan terperinci secara tetap mengenai aspek kewangan dan operasi urusan dan hal ehwal Perbadanan serta boleh meminta penjelasan lanjut berkenaan dengan laporan tersebut pada bila-bila masa. Mereka juga menerima maklumat terkini yang mempunyai kesan terhadap persekitaran operasi PIDM, dan perkembangan utama dalam hal-hal insurans deposit.

Jawatankuasa-jawatankuasa utama yang berikut menyokong Ketua Pegawai Eksekutif dalam pengurusan operasi PIDM:

- Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif;
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi yang disokong oleh Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi;
- Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti;
- Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat;
- Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan; dan
- Jawatankuasa Pematuhan Korporat.

Kesemua Jawatankuasa ini memperoleh kuasa mereka daripada Ketua Pegawai Eksekutif. Kehendak Lembaga Pengarah daripada Pengurusan digariskan secara khusus di dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN KAWALAN DALAMAN

Penyataan Kawalan Dalaman (Penyataan) ini bertujuan menyediakan maklumat peringkat tinggi yang penuh bermanfaat mengenai keadaan sistem kawalan dalaman PIDM kepada pemegang kepentingan.

PENGENALAN

Sebagai sebuah badan berkanun, tidak seperti entiti tersenarai, PIDM tidak dikehendaki membuat penyataan kawalan dalaman dalam Laporan Tahunan kami. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah kami komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh, dan memperakui kepentingan membuat penyataan kawalan dalaman sebagai satu amalan tadbir urus korporat yang baik. Penyataan seumpama ini juga selaras dengan kehendak Lembaga Pengarah di bawah Piawai No. 11 dan 12 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.

Penyataan ini telah disediakan mengikut kesesuaian penggunaan, menurut “Penyataan Kawalan Dalaman – Panduan bagi Pengarah Syarikat Senaraian Awam”, yang diterbitkan sebagai panduan bagi syarikat-syarikat untuk mematuhi Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Penyataan ini menggariskan ciri-ciri dan skop sistem kawalan dalaman PIDM semasa tahun kewangan tersebut.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik keseluruhan bagi PIDM. Ia memainkan fungsi pengawasan utama, dan memastikan Pengurusan mempunyai sistem pengurusan risiko yang berkesan dan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi mengekalkan tadbir urus korporat yang baik dalam PIDM. Lembaga Pengarah memperakui sistem kawalan dalaman yang kukuh menangani keperluan bagi operasi urusan yang cekap dan berkesan, pelaporan kewangan yang andal, pematuhan ketat terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, serta perlindungan kepentingan aset PIDM yang wajar.

Lembaga Pengarah memperakui keperluan sistem kawalan dalaman PIDM yang dibangunkan oleh Pengurusan untuk mengurus dan mengurangkan risiko, dan bukan menyingkirkan keseluruhan risiko kegagalan bagi mencapai mandat berkanun dan objektif PIDM.

Semakan ke atas keberkesanan, integriti dan kecukupan sistem kawalan dalaman PIDM merupakan satu proses bersepadu dan berterusan, dan melibatkan Jawatankuasa Audit, Pengurusan, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan juruaudit luaran PIDM seperti berikut:

(a) Jawatankuasa Audit

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Piagamnya. Jawatankuasa Audit menasihati Lembaga Pengarah mengenai isu-isu perakaunan dan kawalan dalaman serta pelaporan kewangan dan pengurusan. Jawatankuasa Audit juga menjalankan fungsi pengawasan risiko utama.

Butir-butir terperinci mengenai Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Penyataan Tadbir Urus di halaman 55.

(b) Pengurusan

Ketua Pegawai Eksekutif memperoleh kuasanya daripada Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) dan huraian jawatan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Beliau bertanggungjawab terhadap Lembaga Pengarah bagi pelaksanaan tanggungjawabnya, dan bukan seorang ahli Lembaga Pengarah.

Struktur organisasi PIDM, yang diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif, dibahagikan kepada 10 Bahagian. Bagi operasi harian, Ketua Pegawai Eksekutif disokong oleh Ketua Pegawai Operasi. Sistem semak dan imbang yang bersesuaian telah dilaksanakan dalam PIDM. Ini ditunjukkan oleh pewujudan hubungan pelaporan, yang mana bahagian operasi melapor terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau kepada Ketua Pegawai Eksekutif melalui Ketua Pegawai Operasi, dan bahagian bebas seperti Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan Pengurusan Risiko Organisasi melapor terus kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit.

Ketua Pegawai Eksekutif memenuhi tanggungjawabnya dengan menyediakan kepimpinan dan hala tuju kepada Pengurusan. Beliau memastikan struktur organisasi PIDM dibahagikan mengikut fungsi dengan secukupnya, dan memastikan kuasa dan tanggungjawab diperuntukkan dengan sewajarnya. Ini membolehkan kakitangan di peringkat wajar Perbadanan membuat keputusan, menangani masalah atau melaksanakan penambahbaikan mengikut peringkat sewajarnya bagi menguruskan operasi mereka dengan berkesan. Matriks Autoriti PIDM merupakan dokumen kawalan utama yang menetapkan secara formal peruntukan kuasa. Ia merupakan dokumen komprehensif yang memberikan kompilasi kuasa strategik dan operasi yang terperinci yang ada dalam instrumen bagi pemberian kuasa termasuk Akta PIDM, piagam yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah serta polisi dan prosedur korporat dan operasi PIDM.

Jawatankuasa Pengurusan seperti Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, Jawatankuasa Pengurusan Kanan, Jawatankuasa Pengemudi IT, Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti serta Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi telah dibentuk untuk memberi input, pandangan dan maklumat mengenai hal-hal strategik atau

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN KAWALAN DALAMAN

operasi kepada ahli-ahli yang bertanggungjawab bagi fungsi urusan tertentu, dan membantu Pengurusan untuk memantau pembangunan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dikenal pasti dalam Rancangan Korporat.

Pihak Pengurusan terus membantu Lembaga Pengarah dalam pelaksanaan Pengurusan Risiko Organisasi dan rangka kerja Kawalan Dalaman PIDM. Rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi terus memperuntukkan Lembaga Pengarah dan Pengurusan dengan instrumen untuk mengunjur dan mengurus kedua-dua risiko sedia ada dan yang berpotensi, mengambil kira perubahan dalam persekitaran operasi PIDM serta persekitaran kawal selia dan landskap kewangan negara di sepanjang tahun.

Rangka Kerja Kawalan Dalaman PIDM adalah berasaskan rangka kerja yang ditetapkan oleh *Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission in Internal Control – Integrated Framework*. Rangka Kerja Kawalan Dalaman memperuntukkan Lembaga Pengarah dengan instrumen untuk memastikan sistem kawalan dalaman yang sesuai dan mantap dibangunkan dan untuk membantu Pengurusan menjalankan penilaian tahunan ke atas tahap pematuhan PIDM terhadap kawalan dalaman. Rangka Kerja Kawalan Dalaman merangkumi lima komponen yang saling berkaitan, iaitu persekitaran kawalan, penilaian risiko, aktiviti kawalan, maklumat dan komunikasi, serta proses pemantauan berterusan.

(c) Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi

Piagam Pengurusan Risiko Organisasi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah memperincikan tanggungjawab, kuasa dan keperluan kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit, Ketua Pegawai Risiko, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi, Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi serta kakitangan Perbadanan terlibat dengan Pengurusan Risiko Organisasi. Piagam itu tertakluk kepada semakan berkala bagi memastikan ia sentiasa relevan.

Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi meneruskan pelaksanaan Rangka Kerja dan Garis Panduan Pengurusan Risiko Organisasi. Rangka Kerja dan Garis Panduan ini berfungsi sebagai asas program Pengurusan Risiko Organisasi untuk memastikan pengurusan risiko menjadi tanggungjawab semua kakitangan dan amalan pengurusan risiko diguna pakai secara konsisten di seluruh PIDM. Koordinator Risiko dilantik bagi semua Bahagian untuk membantu menyelaras dan memantau pelaksanaan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi. Koordinator Risiko merupakan ahli Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi.

Setiap tahun, melalui proses Pengurusan Risiko Organisasi, PIDM melaksanakan usaha pengenalanpastian dan penilaian risiko secara menyeluruh menerusi bengkel kerja untuk mengenal pasti dan menilai risiko utama yang memberi kesan kepada PIDM dalam tempoh perancangan tersebut. Latihan kesedaran mengenai pengurusan risiko juga dilaksanakan kepada kakitangan sedia ada dan baharu. Latihan ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai risiko yang dihadapi oleh PIDM dan tindakan yang diperlukan untuk mengurangkan risiko tersebut.

(d) Kakitangan PIDM

PIDM memperakui bahawa setiap kakitangan mempunyai tanggungjawab untuk membantu mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh. Pihak Pengurusan terus memupuk budaya kawalan dalaman dengan menekankan kepentingan latihan dan kesedaran mengenai nilai-nilai Perbadanan, mengelakkan konflik kepentingan, pemakaian Kod Tatalaku dan Etika Urusan dan, menghendaki pengisytiharan tahunan aset dan liabiliti peribadi daripada kakitangan. Satu program orientasi dilaksanakan oleh Bahagian Sumber Manusia kepada kakitangan baharu untuk memperkenalkan kepada mereka struktur, amalan kerja, budaya serta polisi dan prosedur PIDM.

Menerusi Bahagian Sumber Manusia, Pengurusan menekankan nilai-nilai korporat melalui aktiviti melibatkan kakitangan seperti aktiviti berpasukan Pengurusan dan kakitangan, latihan dalaman mengenai kesihatan dan keselamatan, aktiviti hari keluarga dan majlis makan malam tahunan.

Pihak Pengurusan mengalu-alukan cadangan daripada kakitangan berkaitan cara-cara untuk meningkatkan produktiviti, kualiti atau penambahbaikan lain yang serupa. Satu Tinjauan Kepuasan Kerja Kakitangan dijalankan setiap dua tahun bagi menilai tahap kepuasan dan pembabit kakitangan serta menyediakan peluang kepada kakitangan untuk menyuarakan pandangan mereka mengenai kelebihan kerja di Perbadanan dan aspek yang boleh ditambah baik.

Di samping itu, setiap Bahagian terus menjalankan Tinjauan Kepuasan dengan Tahap Perkhidmatan Antara Bahagian tahunannya bagi mengukur keberkesanan perkhidmatan yang diberikan oleh setiap Bahagian kepada pengguna di Bahagian lain.

Pihak Pengurusan memperakui maklumat adalah penting bagi melaksanakan kawalan untuk menambah baik proses dan operasi urusan. Sehubungan ini, Pengurusan memastikan bahawa terdapat saluran komunikasi yang sesuai dan mencukupi bagi semua kakitangan. Dalam mengurus aliran maklumat dan akses kepada



maklumat dalam Perbadanan dan kepada pihak luar, Polisi Klasifikasi Maklumat telah dilaksanakan dan akses kakitangan kepada Internet adalah tertakluk kepada Polisi Penggunaan E-mel dan Internet. Portal Enterpris juga berfungsi sebagai platform untuk mengawal akses kepada maklumat berpandukan klasifikasi maklumat yang diperuntukkan dalam Polisi Klasifikasi Maklumat.

(e) Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan

Tanggungjawab Lembaga Pengarah bagi kawalan

Piawaian No. 11 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah bagi Persekitaran Kawalan dan Audit Dalam menyatakan bahawa Lembaga Pengarah akan memastikan PIDM mempunyai persekitaran kawalan yang menyokong pengurusan operasi dan risiko yang dihadapinya secara berhemat dan mempunyai polisi dan amalan yang berkesan bagi memastikan integriti kawalan dalaman dan pengurusan sistem maklumat. Piawaian No. 12 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah merujuk kepada tanggungjawab Lembaga Pengarah untuk memperoleh jaminan sewajarnya secara kerap bahawa "kawalan dalaman Perbadanan dalam keadaan yang baik".

Peranan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dalam menyokong Lembaga Pengarah dan menilai kawalan dalaman

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan menyokong Lembaga Pengarah dalam pematuhan Piawaian Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dengan menyokong peranan pengawasan Jawatankuasa Audit. Butiran selanjutnya mengenai Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Penyataan Tadbir Urus di halaman 55.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan bertanggungjawab bagi struktur yang bersesuaian dan operasi sistem kawalan dalaman yang berkesan. Bahagian

Audit dan Khidmat Perundingan pula memainkan peranan penting dalam pengesahan pelaksanaan tanggungjawab oleh Pengurusan. Ini dijalankan dengan menilai kawalan, pengurusan risiko, proses urusan dan tadbir urus serta memantau sama ada Pengurusan telah menjalankan pelan tindakan yang dipersetujui sejajar dengan cadangan bagi penambahbaikan dalam kawalan, pengurusan risiko, proses urusan dan tadbir urus. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan menyediakan status perkembangan terkini berkaitan pelaksanaan penambahbaikan yang dicadangkan kepada Jawatankuasa Audit dua kali setahun.

Perancangan audit berasaskan risiko

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan terus mengguna pakai pendekatan berasaskan risiko bagi perancangan audit, dan proses perancangan audit Bahagian itu menyepadukan perancangan korporat dan proses Pengurusan Risiko Organisasi. Profil risiko serta keutamaan dan penetapan masa pembangunan dan pelaksanaan inisiatif korporat ini semasa tempoh perancangan korporat menetapkan keseluruhan hala tuju aktiviti audit dan perundingan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan bagi tempoh perancangan korporat.

Khidmat perundingan dan nasihat

Sepanjang tahun 2011, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan juga memenuhi permintaan dalaman bagi khidmat perundingan dan nasihat. Sebahagian besar operasi harian Bahagian ini diperuntukkan bagi menyediakan khidmat perundingan dan nasihat kepada pelbagai jawatankuasa kerja, pasukan petugas dan setiap Bahagian berkenaan dengan projek atau inisiatif Rancangan Korporat PIDM.

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN KAWALAN DALAMAN

Keberkesanan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan

Pada tahun 2011, Jawatankuasa Audit terus menyemak semula keseluruhan prestasi dan operasi Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dua kali setahun. Ini adalah bagi memastikan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan terus berfungsi dengan berkesan, dan prestasinya dipantau dan dinilai menurut aktiviti audit dan perundingan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi tahun berkenaan. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan juga mendapatkan maklum balas dan cadangan pihak yang diaudit bagi setiap audit yang dijalankan, agar boleh meningkatkan prestasi Bahagian. Secara keseluruhannya, Bahagian ini menerima maklum balas yang positif daripada pihak yang diaudit berkaitan dengan objektif audit, perancangan dan prestasi, kecekapan juruaudit dan kualiti penyampaian audit. Keputusan kaji selidik bagi tahun 2011 juga disemak oleh Jawatankuasa Audit.

Semakan Jaminan Kualiti Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan

Semakan Jaminan Kualiti ke atas Bahagian Audit dan Khidmat Rundingan dilaksanakan pada tahun 2011 oleh Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIAM), penilai pihak ketiga yang dilantik. Objektif utama semakan ini adalah untuk menilai kecekapan dan keberkesanan fungsi audit dalaman; menilai pematuhan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan terhadap Piawaian Institut Juruaudit Dalam dan Kod Etikanya; dan mengenal pasti peluang penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan fungsi audit dalaman. Susulan daripada semakan ini, PIDM telah menerima pengesahan daripada IIAM yang mengiktiraf fungsi audit dalaman PIDM mencerminkan prestasi kerja berkualiti secara berterusan dan mengguna

pakai amalan audit yang berkesan, menunjukkan sikap profesionalisme serta mengikuti piawaian antarabangsa. Keputusan terperinci semakan tersebut telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit.

Latihan

PIDM adalah komited untuk mengekalkan perhubungan baik dan berkongsi pengetahuan dengan penginsurans deposit dan bank-bank pusat serata dunia. Pada bulan Oktober 2011, PIDM menjadi hos kepada latihan Juruaudit Dalam ketiga. Latihan ini mendapat sambutan menggalakkan dan dihadiri oleh juruaudit dalaman dan ahli praktik risiko pelbagai syarikat insurans deposit dari rantau Asia Tenggara, Asia Pasifik, Timur Jauh dan Timur Tengah serta Afrika. Tema bagi acara tersebut adalah "Memahami Risiko Institusi Kewangan dan Bagaimana Juruaudit Dalam Boleh Menambah Nilai Bagi Memastikan Keberkesanan Fungsi Penginsurans Deposit dalam Menilai dan Memantau Risiko Ahli-Ahlinya (Institusi Kewangan)".

(f) Juruaudit Luaran

Jabatan Audit Negara bertindak sebagai juruaudit luaran PIDM, seperti yang digariskan dalam Akta PIDM. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan Jabatan Audit Negara menyelaraskan kerja audit masing-masing. Pada tahun 2011, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan Jabatan Audit Negara terus bekerjasama bagi kecekapan dan keberkesanan. Wakil daripada Jabatan Audit Negara dijemput hadir ke semua mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Jabatan Audit Negara mempunyai akses kepada semua laporan audit yang disediakan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan.



Jabatan Audit Negara menjalankan audit pengurusan ke atas PIDM setiap tiga tahun. Objektif audit pengurusan adalah untuk menilai keberkesanan struktur dan proses tadbir urus, sistem dan pengurusan kewangan serta pelaksanaan polisi utama dan prosedur operasi Perbadanan. Audit pengurusan terakhir ke atas PIDM telah dijalankan pada tahun 2010 dan keputusan audit telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit pada awal tahun 2011. Secara keseluruhannya, keputusan audit menunjukkan bahawa PIDM mengamalkan pengurusan kewangan yang baik dan ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan semua pegawai mempamerkan usaha positif dan komitmen dalam mewujudkan rantaian sistem pengurusan yang berkesan demi mencapai objektif PIDM.

PERSEKITARAN KAWALAN DALAMAN PIDM PADA TAHUN 2011

Teknologi Maklumat (IT)

Pihak Pengurusan meneruskan usahanya membangunkan dan mengukuhkan infrastruktur keselamatan teknologi maklumatnya terhadap ancaman dalaman dan luaran. Dalam tahun berkenaan, Jabatan Teknologi Maklumat melaksanakan pelbagai infrastruktur keselamatan teknologi maklumat bagi meminimumkan gangguan kepada operasi sistem.

Portal Enterpris berfungsi sebagai platform yang mana maklumat dipusatkan bagi membolehkan kakitangan menjalankan tanggungjawab harian mereka. Akses kakitangan kepada maklumat yang disimpan dalam Portal Enterpris dikawal menurut keperluan klasifikasi maklumat mengikut peruntukan Polisi Klasifikasi Maklumat. Pada tahun berkenaan, PIDM memantapkan Portal Enterpris dengan ciri-ciri tambahan bagi meningkatkan sistem dan proses pengurusan dokumen PIDM. Penghasilan borang permohonan bagi barangan dan perkhidmatan serta permohonan pembayaran diautomasikan melalui Portal Enterpris untuk merekod semua maklumat pemerolehan dan pembayaran PIDM.

PIDM terus menganjurkan latihan kesedaran teknologi maklumat tahunan kepada semua kakitangan bagi mengukuhkan konsep bahawa keselamatan maklumat adalah bahagian penting proses urusan. Latihan tersebut yang diadakan pada tahun 2011 bertujuan memberikan motivasi dan mengingatkan kakitangan mengenai kehendak PIDM terhadap kakitangan dalam memastikan keselamatan dan perlindungan maklumat PIDM dengan secukupnya.

Kesinambungan Urusan dan Pemulihan Bencana

Perbadanan berusaha agar sentiasa dalam kesediaan operasi. Sehubungan ini, tapak Pemulihan Bencana sementara Perbadanan telah beroperasi sepenuhnya pada September 2011. Jabatan Teknologi Maklumat menjalankan tiga ujian simulasi ke atas pelayan (*server*) Pemulihan Bencana bagi memastikan keberkesanan keupayaan pelayan apabila berlaku kegagalan kerana pelayan tersebut kini berada di dua lokasi berbeza, iaitu di premis pejabat PIDM dan di tapak Pemulihan Bencana.

Latihan Kesenambungan Urusan dan simulasi Pemulihan Bencana sepenuhnya dijalankan pada bulan November 2011 bagi mempersiapkan kakitangan sekiranya berlaku sesuatu bencana. Latihan tersebut menunjukkan kesediaan kakitangan PIDM dalam membuat persiapan dan meneruskan operasi urusan kritikal ketika berlaku bencana.

Penilaian kebolehlaksanaan bagi tapak dan infrastruktur Pemulihan Bencana yang tetap telah disempurnakan dan pembangunan tapak Pemulihan Bencana tetap dijangka bermula pada tahun 2012.

Kaji Selidik Penilaian Kendiri Risiko dan Kawalan Dalaman

PIDM terus menggalakkan budaya kesedaran risiko dan kawalan dalaman. Khususnya pada tahun 2011, satu kaji selidik penilaian kendiri mengenai pengurusan risiko dan kawalan dalaman disempurnakan. Objektif kaji selidik tersebut adalah untuk mengukur tahap kesedaran kakitangan terhadap sistem dan amalan pengurusan risiko dan kawalan dalaman di PIDM. Kaji selidik penilaian kendiri itu, selain menggalakkan budaya kesedaran risiko dan kawalan dalaman di PIDM, memudahcarakan pemahaman yang sama mengenai risiko dan kebertanggungjawaban bagi kawalan dalaman PIDM. Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa Perbadanan telah mencapai tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan kakitangannya bagi amalan kawalan dalaman dan pengurusan risiko serta peranan mereka dalam melaksanakan kawalan dalaman dan mengurus risiko yang memberi kesan kepada Perbadanan atau bidang tanggungjawab mereka.

Sistem, Polisi, Amalan dan Proses Utama

Pada tahun 2011, sistem, polisi, amalan dan proses utama berikut telah diwujudkan sebagai sebahagian daripada sistem kawalan dalaman kami:

- Kumpulan Kerja untuk Polisi dan Prosedur terus mengenal pasti polisi dan prosedur yang belum disempurnakan dan mengawasi penyeragaman, pemusatan dan penyepaduan polisi dan prosedur utama dan operasi.
- Polisi korporat utama sedia ada, yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah, terus disemak dan dikemas kini setiap tahun. Polisi dan prosedur kewangan dan operasi disemak setiap dua tahun sekali. Polisi dan prosedur ini yang sedia untuk disemak pada tahun 2011 telah dikemas kini. Ini adalah bagi memastikan keupayaan dan integriti kewangan dan operasi PIDM terus diperkukuh dan kekal konsisten dengan undang-undang dan piawaian amalan terbaik yang diguna pakai.
- Satu Matriks Autoriti yang komprehensif telah dilaksanakan. Matriks Autoriti merupakan kompilasi kuasa strategik dan operasi yang ada dalam instrumen bagi pemberian kuasa termasuk Akta PIDM, undang-undang kecil dan polisi.
- Pada tahun berkenaan, PIDM menyempurnakan satu lagi kitaran latihan penilaian risiko organisasi dan menyiapkan baki lima Polisi Risiko Lembaga Pengarah, iaitu Risiko Reputasi, Risiko Penilaian dan Pemantauan, Risiko Strategik dan Tadbir Urus, Risiko Operasi, serta Risiko Intervensi

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN KAWALAN DALAMAN

dan Resolusi Kegagalan. Polisi Risiko Lembaga Pengarah memperjelas fungsi pengawasan Lembaga Pengarah berkaitan dengan risiko tertentu dan menggariskan kehendak Lembaga Pengarah terhadap peranan sokongan yang diberikan oleh Pengurusan. Polisi Risiko Lembaga Pengarah menetapkan kawalan, proses dan pengawasan Pengurusan sedia ada yang telah dikuatkuasakan untuk menguruskan setiap kategori risiko tertentu.

- Pemilihan polisi and prinsip perakaunan berkaitan dengan pengurusan dan pelaporan kewangan PIDM, disemak setiap tahun bagi memastikan mereka menurut keperluan undang-undang, piawaian perakaunan dan prinsip Syariah yang diguna pakai, dan polisi dan prinsip ini diguna pakai secara konsisten. Sekiranya tiada piawaian atau garis panduan perakaunan tertentu untuk mentadbir keperluan pendedahan perkara tertentu, memandangkan keunikan urusan menyediakan insurans deposit, seperti rangka kerja Dana Sasaran, satu kajian komprehensif mengenai keperluan piawaian perakaunan berkaitan, amalan terbaik yang diguna pakai mengenai keperluan pendedahan dan pendekatan pendedahan yang diguna pakai oleh penginsurans deposit di peringkat global telah dilaksanakan. Ini adalah untuk memastikan PIDM terus mematuhi piawaian perakaunan berkaitan dan amalan terbaik yang diguna pakai dalam pendedahan penyata kewangan.
- Berikutan mandat Perbadanan yang telah diperluas untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, sistem perakaunan sedia ada telah dimantapkan untuk memudahkan peruntukan kos umum yang mencukupi dan berkesan kepada Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans masing-masing bagi tahun kewangan 2011.
- PIDM terus membangunkan sistem operasi terasnya. Fasa kedua Sistem Pembayaran merangkumi pembangunan Sistem Pendaftaran Produk, Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Pengurusan Permohonan telah disiapkan. Penyepaduan ketiga-tiga sistem ini kepada Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit akan terus diuji dan diperkukuh pada setiap tahun. Berhubung dengan pembangunan Sistem Pembayaran Balik Deposit, program audit bagi memastikan integriti pengiraan data Jumlah Deposit Diinsuranskan dan data Pembayaran Balik Deposit yang diproses melalui Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit, juga telah disempurnakan.
- Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan PIDM agar dalam keadaan bersedia dari segi operasi untuk melaksanakan aktiviti Intervensi dan Resolusi Kegagalan institusi ahli yang gagal, satu siri sesi latihan kakitangan dan latihan simulasi krisis mengenai Intervensi dan Resolusi Kegagalan telah dijalankan pada tahun 2011 dan ini akan terus dijalankan pada setiap tahun. Usaha

selanjutnya untuk meningkatkan kesediaan intervensi PIDM termasuk penyempurnaan polisi dan prosedur mengenai tindakan Intervensi dan Resolusi Kegagalan yang telah dikenal pasti dalam Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan. Matriks Autoriti yang memperjelas peranan dan tanggungjawab berkaitan dengan tindakan Intervensi dan Resolusi Kegagalan telah disempurnakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2011.

- Polisi dan Prosedur Komunikasi Krisis serta Polisi dan Prosedur Hubungan Media telah dibangunkan. Polisi dan prosedur ini telah diuji ketika latihan simulasi krisis bagi memastikan bahawa PIDM telah menyediakan strategi, sistem dan proses yang mencukupi bagi komunikasi berkesan dengan pendeposit dan pemegang kepentingan lain ketika berlakunya krisis.

SEMAKAN SISTEM KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah menyemak keberkesanan sistem, polisi, amalan dan proses PIDM berpandukan laporan daripada pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan, dan kerja penyemakannya termasuk yang berikut:

- Sebagai amalan, Lembaga Pengarah mempertimbangkan laporan pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara berkala. Ini termasuk laporan semakan penyata kewangan PIDM oleh Jawatankuasa Audit; pematuhannya terhadap undang-undang dan etika serta keberkesanan kawalan yang terdapat dalam sistem atau proses yang diaudit oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan; laporan daripada Jawatankuasa Ganjaran mengenai pematuhan terhadap polisi utama dan undang-undang berkaitan modal insan; dan laporan daripada Jawatankuasa Tadbir Urus mengenai pematuhan dengan polisi utama tadbir urus.
- Lembaga Pengarah mempertimbangkan, pada setiap suku tahun,
 - (i) laporan kewangan PIDM;
 - (ii) penggunaan sumber berbanding bajet yang diluluskan;
 - (iii) pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi dan kemas kini mengenai risiko dan langkah PIDM untuk mengurangkan risiko utama; dan
 - (iv) pengemaskinian dan kemajuan prestasi Pengurusan terhadap inisiatif yang diluluskan yang digariskan dalam Rancangan Korporat serta penilaian Pengurusan terhadap faktor dalaman dan luaran yang boleh menjejaskan prestasi Rancangan Korporat.
- Pada setiap mesyuarat Jawatankuasa, Jawatankuasa Lembaga Pengarah mempertimbangkan kemajuan masing-masing terhadap piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan pelan tindakan Pengurusan yang dicadangkan untuk menyokong Jawatankuasa memenuhi tanggungjawab utamanya. Hasilnya dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.



PENYATAAN KEBERKESANAN SISTEM KAWALAN DALAMAN

Kebekesanan pematuhan PIDM terhadap kawalan dalaman setakat 31 Disember 2011 telah dinilai oleh Pengurusan dan disahkan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan berpandukan kriteria yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Kawalan Dalaman PIDM.

Berasaskan penilaian dan keberkesanan sistem, polisi, amalan dan proses PIDM yang diwujudkan pada tahun 2011, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan bahawa sistem kawalan dalaman yang kukuh dalam PIDM telah diwujudkan. Lembaga Pengarah komited untuk memastikan Pengurusan terus mengambil langkah proaktif untuk:

- (a) mengekalkan budaya dan persekitaran korporat yang kondusif di PIDM yang menekankan kebertanggungjawaban bagi kawalan dan pengurusan risiko;
- (b) mengenal pasti, menilai dan menangani pelbagai risiko yang dihadapi PIDM yang boleh menghalang pencapaian objektif korporat PIDM ketika tempoh perancangan korporat; dan
- (c) menyemak dan memantau secara berterusan keseluruhan sistem kawalan dalaman dan menangani isu-isu atau masalah dengan sewajarnya tepat pada masanya.

Lembaga Pengarah juga dengan sukacitanya melaporkan bahawa bagi tahun 2011, tiada peristiwa kelemahan atau kekurangan dilaporkan terhadap kecukupan dan integriti kawalan dalaman yang terdapat dalam sistem, polisi, amalan dan proses PIDM, dan tiada kerugian kewangan berlaku dalam tahun kewangan berkenaan berbangkit daripada kelemahan dan kekurangan dalam kawalan dalaman.

Penyataan ini dibuat menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 Februari 2012.

Bahagian 4

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

PERSEKITARAN OPERASI KAMI

Meskipun persekitaran ekonomi antarabangsa semakin mencabar, ekonomi Malaysia menunjukkan daya tahan yang kukuh dengan peningkatan sebanyak 5.1% pada tahun 2011. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh pengembangan menyeluruh dalam permintaan domestik, dirangsang oleh permintaan pengguna yang berdaya tahan dan perbelanjaan kerajaan yang konsisten.

Persekitaran ekonomi global akan terus mencabar pada masa hadapan. Pertama, pertumbuhan ekonomi global akan kekal lemah. Walaupun data terkini telah menyediakan bukti tentatif bahawa terdapat pemulihan sederhana dalam ekonomi Amerika Syarikat, keupayaan ekonomi untuk kembali berdaya maju akan terjejas disebabkan oleh krisis hutang Eropah yang berterusan di samping pertumbuhan ekonomi negara China yang perlahan. Kedua, krisis hutang Eropah boleh menjejaskan kestabilan kewangan. Ketiga, ketegangan geopolitik juga boleh mendorong peningkatan harga minyak yang mendadak.

Senario ekonomi global yang tidak menentu boleh menyebabkan prospek pertumbuhan ekonomi yang perlahan di Malaysia pada pertengahan pertama tahun 2012 sebelum pulih secara beransur-ansur pada pertengahan kedua tahun tersebut. Pertumbuhan yang mapan dalam aktiviti sektor swasta, menerusi perbelanjaan sektor awam, boleh memantapkan ekonomi negara terhadap krisis yang wujud hasil daripada permintaan eksport yang rendah. Dengan rizab mata wang asing yang tinggi dan lebihan akaun semasa yang berterusan, menyediakan tahap fleksibiliti yang amat diperlukan bagi penggubal dasar untuk memastikan bahawa risiko kecukupan kecairan yang berpunca daripada krisis hutang kerajaan Eropah dapat terus dikawal. Keseluruhannya, dengan rangsangan daripada permintaan domestik yang terus menjadi penjana utama pertumbuhan, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sebanyak 4% hingga 5% pada tahun 2012.

Oleh sebab, terdapat banyak isu-isu fiskal dan kewangan yang masih belum diselesaikan di peringkat antarabangsa, ketidakpastian ekonomi global masih berterusan. Justeru, prospek bagi persekitaran operasi kami kekal mencabar. PIDM akan terus memantau dengan teliti risiko-risiko luaran ini.

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2011

Memasuki tahun ketujuh operasi, kami meraih lebih pengiktirafan dari dalam dan juga luar negara atas usaha, pencapaian dan sumbangan kami seperti yang dibuktikan menerusi penerimaan anugerah “Organisasi Insurans Deposit Terbaik Tahun 2011” yang disampaikan oleh Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers – IADI*). Anugerah ini akan meletakkan Perbadanan di kedudukan strategik untuk diiktiraf sebagai organisasi perlindungan konsumer kewangan dengan amalan terbaik. Selain itu, PIDM juga menerima Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan 2011 bagi “Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senaraian Awam” untuk Laporan Tahunan 2010 PIDM. Susulan penyempurnaan kajian semula jaminan kualiti, kami juga menerima persijilan daripada Institut Juruaudit Dalam Malaysia (*Institute of Internal Auditors Malaysia - IIAM*) sebagai pengiktirafan atas pematuhan kepada Piawaian Antarabangsa Amalan Profesional Audit Dalam.

Bahagian ini mengemukakan kajian semula operasi kami bagi tahun 2011 dan pencapaian kami berbanding Rancangan Korporat 2011 - 2013. Rancangan Korporat tiga tahun kami menggariskan hala tuju strategik, fokus dan keutamaan bagi memastikan mandat kami dipenuhi dengan efektif dan efisien. Ini diterjemahkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (PPU) atau inisiatif dalam Kad Skor Korporat yang digunakan untuk memantau kemajuan kami ke arah mencapai visi dan misi dan seterusnya, memenuhi mandat kami.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2011

PENCAPAIAN KAMI PADA TAHUN 2011

Kami terus mengguna pakai tiga teras strategik, iaitu tadbir urus yang mantap, kesediaan dan kecemerlangan operasi serta menggalakkan keyakinan awam terhadap sistem kewangan. PPU dan inisiatif 2011 kami diselaraskan dengan objektif korporat dan teras strategik dalam memenuhi visi, misi dan mandat kami. Objektif korporat kami adalah berdasarkan kepada tiga perspektif Kad Skor Terimbang seperti berikut:

Pemegang Kepentingan

Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat

Pemegang kepentingan yang bermaklumat adalah penting kepada keberkesanan sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans. Kami akan memantapkan komunikasi dengan semua pemegang kepentingan, bagi mendidik mereka menerusi kempen kesedaran awam menyeluruh dan program pendidikan serta mengambil kira maklum balas pemegang kepentingan dalam pembangunan Peraturan-Peraturan dan Garis Panduan.

Perkongsiannya efektif

Berdasarkan model urusannya kami, perkongsiannya efektif adalah penting bagi memenuhi mandat kami. Kami akan terus bekerjasama rapat dengan rakan kongsi strategik termasuk Bank Negara Malaysia (BNM), badan pengawal selia lain, penginsurans deposit lain dan penyedia perkhidmatan utama. Kami juga terus mengekalkan hubungan kerjasama yang baik dengan institusi ahli kami.

Tadbir Urus dan Proses Dalaman

Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik

Kami perlu menunjukkan bahawa kami ditadbir dan diurus dengan baik menerusi tata laku urusannya dan amalan tadbir urus yang mantap, serta mengguna pakai rangka kerja pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman yang efektif.

Penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta keupayaan resolusi yang kukuh

Dalam memastikan kami memenuhi mandat dan kesediaan kekal sebagai aspek utama Perbadanan, kami akan terus mengekalkan keupayaan penilaian dan pemantauan risiko yang kukuh, serta membangunkan kapasiti dan keupayaan bagi mengendalikan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan dengan efektif.

Amalan urusannya dan kewangan yang mantap

Bagi mentadbir sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans dengan efektif, kami akan memastikan polisi, proses, prosedur dan infrastruktur yang kukuh kekal relevan dan terkini. Amalan mantap yang mentadbir dan mengurus operasi kami akan didasarkan kepada amalan terbaik domestik dan antarabangsa yang relevan. Kami juga akan terus membangunkan keupayaan dan kapasiti bagi memastikan kami dapat memenuhi peranan dan tanggungjawab kami.

Pembelajaran dan Pembangunan

Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan

Kakitangan kami merupakan aset terpenting. Kami menyediakan pakej penggajian dan program yang kompetitif bagi memperoleh dan mengekalkan kakitangan dengan kepakaran, pengalaman dan tingkah laku yang sesuai. Kami komited terhadap menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan secara berterusan kepada kakitangan kami bagi mencapai potensi penuh mereka.

Persekitaran korporat yang kondusif

Kami memupuk budaya dan persekitaran korporat yang kondusif dengan menerapkan nilai korporat kami serta menggalakkan persekitaran kerja yang selamat, sihat, bebas daripada gangguan dan keseimbangan kerja dan kehidupan.

Dalam tahun 2011, kami menumpukan usaha untuk terus menyokong tahap kesediaan Perbadanan dalam membangunkan kapasiti dan keupayaan dari segi kesediaan operasi serta memantapkan aktiviti penilaian dan pemantauan risiko; menggalakkan kesedaran awam termasuk meningkatkan inisiatif pendidikan; menambah baik keberkesanan dan kecekapan operasi; dan meningkatkan infrastruktur, sistem, polisi dan amalan untuk mentadbir dengan efektif Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Keseluruhannya, kami menyempurnakan majoriti inisiatif utama yang dirancang dengan pengecualian bagi enam inisiatif berkaitan teknologi maklumat yang telah diberi pengutamaan semula mengikut pelan kewangan yang diluluskan. Ini termasuk pelbagai inisiatif berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang telah mengukuhkan asas kami ke arah memastikan mandat peluasan kami dipenuhi. Sorotan pencapaian kami diringkaskan dalam Kad Skor Korporat 2011 di halaman-halaman berikut.

P Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan / atau dalam lingkungan bajet

F Belum dimulakan / tarikh bermula pada masa hadapan

N Sasaran tidak dicapai, kelewatan berbanding jadual; dan / atau di bawah sasaran; dan / atau >±10% perbezaan bajet (tahun penuh)

A Sasaran dicapai, inisiatif disempurnakan

D Ditangguhkan disebabkan pengutamaan semula inisiatif tertentu

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2011	Keputusan Dis 2011	
Pemegang Kepentingan	A Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	1. Indeks kesedaran awam:		
		a. Kesedaran umum mengenai PIDM	35%	A
		b. Kesedaran umum mengenai sistem insurans deposit	30%	N ¹
		c. Kesedaran umum mengenai sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans	10%	A
		2. Interaksi dan responsif terhadap keperluan pemegang kepentingan	Tahap responsif 100%	A
		3. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
		a. Mengkaji semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu	Disempurnakan	A
	b. Program pendidikan	Dilaksanakan dan kajian semula	A	
	c. Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011	Dilaksanakan	A	
	B Perkongsian efektif	4. Hubungan PIDM dengan:		
		a. Bank Negara Malaysia	Kukuh	A
		b. Institusi ahli	Memuaskan	A
c. Penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik		Kukuh	A	
d. Penginsurans deposit lain		Kukuh	A	
e. Pemegang kepentingan lain		Memuaskan	A	
5. Menyertai forum antarabangsa	Penyertaan aktif	A		
Tadbir Urus dan Proses Dalam	C Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	6. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap:		
		a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai	Tahap kepuasan tinggi	A
		b. Polisi dan amalan utama yang dipatuhi	Tahap kepuasan tinggi	A
		c. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah bagi membuat keputusan yang bermaklumat dan memenuhi tanggungjawab	Tahap kepuasan tinggi	A
		7. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
		a. Polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah:		
		i. Risiko Strategik dan Tadbir Urus	Dibangunkan dan dilaksanakan	A
	ii. Risiko Operasi	Dibangunkan dan dilaksanakan	A	
iii. Risiko Intervensi dan Resolusi Kegagalan	Dibangunkan	A		
b. Penglibatan dalam Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan	Penyertaan aktif	A		

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2011	Keputusan Dis 2011
D Tadbir Urus dan Proses Dalam Penilaian dan pemantauan risiko serta keupayaan resolusi yang kukuh	8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
	a. Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza, Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Jumlah Polisi Dilindungi:		
	i. Mengkaji semula dan mempertingkatkan peraturan-peraturan dan perintah bagi Sistem Premium Berbeza dan rangka kerja Jumlah Deposit Diinsuranskan bagi Sistem Insurans Deposit	Dibangunkan dan dilaksanakan	A
	ii. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Premium Berbeza dan rangka kerja Penyata Jumlah Polisi Dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
	a(ii)(1). Premium dinilai terhadap syarikat insurans	Dilaksanakan	A
	a(ii)(2). Garis panduan bagi Penyata Jumlah Polisi Dilindungi: Pengiraan Jumlah Polisi Dilindungi, Premium dan Penyediaan Penyata	Dibangunkan dan dilaksanakan	A
	a(ii)(3). Pengesahan pengawal selia terhadap Penyata Jumlah Polisi Dilindungi	Dibangunkan	P ²
	a(ii)(4). Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza	Dikaji selidik dan dibangunkan	A
	a(ii)(5). Garis Panduan Sistem Premium Berbeza dan peraturan	-	F
	a(ii)(6). Pengesahan juruaudit luar terhadap garis panduan bagi Penyata Jumlah Polisi Dilindungi	-	F
	b. Pengukuhan berterusan bagi Metodologi serta Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko:		
	i. Bank-bank	Kajian semula dan dilaksanakan	D
	ii. Syarikat insurans dan pengendali takaful:		
	b(ii)(1). Metodologi dan Rangka Kerja Penilaian Risiko	Dibangunkan dan dilaksanakan	A
	b(ii)(2). Sistem Penilaian Risiko Insurans	Dikaji selidik	A
	c. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Amaran Awal bagi bank-bank	Dikaji selidik dan dibangunkan	P ³
	d. Komponen Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan termasuk proses, polisi dan prosedur:		
	i(1). Membangunkan dan melaksanakan komponen akhir bagi bank-bank	Disempurnakan	P ⁴
	i(2). Membangunkan dan melaksanakan Model dan Sistem Kos Paling Minimum (<i>Least Cost</i>)	Dikaji selidik	A
	ii(1). Mengkaji pindaan yang diperlukan kepada polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi syarikat insurans dan pengendali takaful	Dibangunkan	P ⁵
	e. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan peraturan bagi bank-bank:		
	i. Garis panduan / peraturan faedah dan dividen boleh dibayar	Dibangunkan dan dilaksanakan	P ⁶
	ii. Surcaj premium	Dibangunkan dan dilaksanakan	P ⁷
	iii. Mengkaji selidik piawaian amalan urusan dan kewangan mantap bagi bank ahli	Disempurnakan	A
	f. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan peraturan bagi syarikat insurans dan pengendali takaful:		
	i. Terma dan syarat keahlian	Dibangunkan	P ⁸
	ii. Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dikaji selidik	P ⁹
	g. Menjalankan simulasi bagi:		
	i. Pembayaran Balik Deposit	Disempurnakan	P ¹⁰
	ii. Intervensi dan Resolusi Kegagalan	Disempurnakan	A

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2011	Keputusan Dis 2011	
D	Penilaian dan pemantauan risiko serta keupayaan resolusi yang kukuh	h. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur Pembayaran Balik Deposit:			
		i. Fasa 2 – Menyepadukan Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit	Dibangunkan	A	
		ii. Fasa 3 – Membangunkan Pangkalan Data Deposit Dinamik	-	F	
		i. Membangunkan program audit bagi memastikan integriti Data, Sistem dan Proses Pembayaran Balik Deposit	Dibangunkan dan dilaksanakan	P ¹¹	
		j. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi syarikat insurans dan pengendali takaful:			
		i. Fasa 1a: Sistem Pendaftaran Produk	Dikaji selidik	A	
		ii. Fasa 1b: Sistem Pengurusan Tuntutan	Dikaji selidik	D	
		iii. Fasa 1c: Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	Dikaji selidik	D	
		iv. Fasa 2: Sistem Pengurusan Pembayaran	-	F	
		k. Program pematuhan institusi ahli	Dibangunkan	A	
	E	Amalan urusan dan kewangan yang mantap	9. Pelaporan menerusi:		
			a. Laporan Tahunan	Disempurnakan	A
			b. Rancangan Korporat	Disempurnakan	A
			10. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	A ¹²
			11. Pematuhan Kawalan Dalaman	Kukuh	A
			12. Tahap kepuasan terhadap perkhidmatan antara Bahagian	75%	A
			13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
			a. Sistem berkaitan perakaunan kewangan dan proses penaiktarafan dan peningkatan	Dibangunkan dan dilaksanakan	P ¹³
			b. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja pembiayaan bagi Fasa 1 – Pinjaman Kerajaan, Fasa 2 – Pembiayaan daripada pasaran modal	Disempurnakan	A
			c. Melaksanakan rangka kerja Dana Sasaran bagi bank-bank	Disempurnakan	A
d. Melaksanakan inisiatif Pelan Strategik Teknologi Maklumat tahunan			Disempurnakan	P ¹⁴	
e. Pelan Kesenambungan Urusan			Kajian semula dan diuji	A	
f. Pelan Pemulihan Bencana dan infrastruktur			Kajian semula dan diuji	A	
g. Sistem Pengurusan Maklumat Korporat:					
i. Fasa 2: Pengukuhan			Dibangunkan dan dipertingkatkan	A	
ii. Fasa 3: Komunikasi Portal Intranet			Dibangunkan dan dilaksanakan	D	
h. Infrastruktur Keselamatan Maklumat Korporat:					
i. Fasa 1(a): Keselamatan Maklumat			Dibangunkan	D	
ii. Fasa 1(b): Pengurusan Identiti dan Tandatangan Digital	Dilaksanakan	D			
iii. Fasa 2: Akses Terpencil	-	F			
i. Sistem Maklumat Eksekutif:					
i. Fasa 1: Kaji Selidik	-	F			
ii. Fasa 2: Papan Pemuka Korporat	-	F			

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2011	Keputusan Dis 2011	
Pembelajaran dan Pembangunan	F	Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	14. Membangunkan dan melaksanakan pelan pembelajaran dan pembangunan kakitangan tahunan	Dibangunkan	A
			15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
			a. Meneruskan pelaksanaan model Kecekapan	Dilaksanakan	A
			b. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja dan sistem Pengurusan Pengetahuan:		
			i. Fasa 1: Rangka kerja Pengurusan Pengetahuan	Dibangunkan dan dilaksanakan	A
			ii. Fasa 2: Polisi dan proses Pengurusan Pengetahuan	-	F
	G	Persekitaran korporat yang kondusif	16. Indeks kepuasan kerja kakitangan (tinjauan dijalankan dua tahun sekali)	75%	A
			17. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
			a. Melaksanakan program berkaitan kakitangan bagi menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif	Disempurnakan	A

¹ Tahap kesedaran mengenai sistem insurans deposit pada akhir tahun 2011 berada pada 27% (2010: 21%). Selain itu, bagi kalangan mereka yang tahu mengenai insurans deposit, 60% daripada responden mengetahui bahawa deposit mereka dilindungi oleh sistem.

² Pengesahan Pengawal selia terhadap Penyata Jumlah Polisi Dilindungi akan dimuktamadkan pada tahun 2012.

³ Pembangunan Model Ramalan Penarafan berjalan lancar mengikut jadual.

⁴ Pembangunan komponen akhir aktiviti Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi bank ahli berjalan lancar.

⁵ Projek ini untuk meminda polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan dengan mengambil kira operasi ahli penginsurans dan projek ini berjalan lancar mengikut jadual. Setakat ini, kami telah memulakan pembangunan rangka kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan dan dua bidang utama telah dikenal pasti, iaitu Kajian Terperinci dan Pindahan Urusan.

⁶ Peraturan boleh bayar faedah dan dividen akan dilaksanakan pada tahun 2012.

⁷ Draf rangka kerja surcaj premium akan diusulkan bagi kelulusan Lembaga Pengarah pada tahun 2012.

⁸ Terma dan syarat keahlian ahli penginsurans akan dimuktamadkan pada tahun 2012.

⁹ Penyelidikan selanjutnya perlu dijalankan bagi pembangunan Peraturan-Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

¹⁰ Latihan percubaan pengesahan Piawaian Format Fail berjalan lancar mengikut jadual dan disasarkan untuk disempurnakan pada pertengahan tahun 2013.

¹¹ Pembangunan program audit bagi Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Pendaftaran Produk berjalan lancar dan dijangka disempurnakan pada tahun 2012.

¹² Kami mencapai perbezaan positif bagi kedua-dua perbelanjaan operasi dan modal.

¹³ Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kewangan yang Diperkukuhkan akan bermula pada tahun 2012.

¹⁴ Kami telah menyempurnakan kebanyakan inisiatif strategik dan operasi seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat PIDM kecuali bagi inisiatif korporat berikut yang telah ditangguhkan disebabkan kenaikan tarif yang tidak dirancang Sharepoint Portal dan Microsoft Office 2007 kepada 2010:

- Fasa 3: Komunikasi Portal Intranet bagi Sistem Pengurusan Maklumat Korporat; dan
- Fasa 1(a) dan 1(b) Infrastruktur Keselamatan Maklumat Korporat bagi:
 - Keselamatan Maklumat; dan
 - Pengurusan Identiti dan Tandatangan Digital.

KAJIAN SEMULA OPERASI MENGIKUT BAHAGIAN

Semua inisiatif utama pada tahun 2011 disempurnakan menerusi 10 Bahagian dalam PIDM. Jadual berikut menyediakan huraian ringkas bagi fungsi-fungsi setiap Bahagian serta aktiviti utama dan pencapaian pada tahun 2011, termasuk inisiatif baharu dan yang kini diusahakan.

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2011	MASA HADAPAN
<p>Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan</p> <p>Bahagian ini memberi jaminan objektif dan bebas serta khidmat perundingan, dengan bekerjasama bersama Pengurusan, bertujuan untuk menambah nilai dan memantapkan operasi Perbadanan.</p>	<p>Audit: Menyempurnakan audit 2011 mengikut Pelan Audit 2011 - 2013 yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah termasuk audit berkenaan Pelan dan Infrastruktur Pemulihan Bencana; Pengurusan Kesenambungan Urusan; Keberkesanan Keselamatan Fizikal, Sistem, Amalan, Polisi, Prosedur dan Pematuhan Perbadanan terhadap Keperluan untuk Melindungi Keselamatan Kakitangan; Pengurusan dan Proses Jaminan Kualiti berkaitan dengan Pembangunan dan Pelaksanaan Polisi dan Prosedur Perbadanan; serta Pelaporan dan Pendedahan Kewangan bagi tahun yang berakhir pada 31 Disember 2011. Menilai tahap kawalan dalaman PIDM. Butiran lanjut boleh didapati dalam Penyataan Kawalan Dalaman di halaman 61 Laporan Tahunan ini. Berkenaan dengan Pembayaran Balik Deposit, prosedur audit bagi Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit sedang dikaji semula dan dipertingkatkan. Memulakan pembangunan program audit bagi Sistem Pengurusan Pembayaran Balik dan Sistem Pendaftaran Produk.</p> <p>Penilaian keberkesanan: Menyempurnakan Kajian Semula Jaminan Kualiti bahagian, dikendalikan oleh penaksir pihak ketiga yang dilantik, dengan objektif utama untuk menilai kecekapan dan keberkesanan fungsi audit dalaman; menilai pematuhan Bahagian ini kepada Piawaian Juruaudit Dalaman dan Kod Etikanya serta mengenal pasti peluang penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan fungsi audit dalaman.</p> <p>Perkongsian pengetahuan: Menganjur dan menjadi tuan rumah bagi latihan Juruaudit Dalaman ketiga dengan tema “Memahami Risiko Institusi Kewangan dan Cara Juruaudit Dalaman Boleh Menambah Nilai Dalam Memastikan Keberkesanan Fungsi Penginsurans Deposit Menilai dan Memantau Risiko Ahli-Ahlinya (Institusi Kewangan)” yang dihadiri oleh juruaudit dalaman dan ahli praktik risiko pelbagai perbadanan insurans deposit dan bank-bank pusat dari Asia Tenggara, Asia Pasifik, serta rantau Timur Jauh, Timur Tengah dan Afrika.</p> <p>Khidmat perundingan dan nasihat: Terus menyokong bahagian-bahagian relevan dalam projek utama PIDM, termasuk Intervensi dan Resolusi Kegagalan, Pembayaran Balik, Pengurusan Kesenambungan Urusan dan juga terlibat dalam pembangunan sistem teknologi maklumat utama.</p>	<p>Audit: Meneruskan pelaksanaan Pelan Audit yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah menggunakan pendekatan pengauditan berasaskan risiko dan menjalankan kajian semula tahunan mengenai keadaan kawalan dalaman PIDM. Berkenaan dengan Pembayaran Balik Deposit, Bahagian ini akan terus mengkaji semula dan memantapkan prosedur audit bagi memastikan integriti data, sistem dan proses Pembayaran Balik Deposit bagi bank-bank ahli.</p> <p>Polisi dan amalan audit: Meneruskan kajian semula dan pemantapan Piagam Audit dan Khidmat Perundingan, Manual Prosedur Audit dan Khidmat Perundingan serta Rangka Kerja Kawalan Dalaman.</p> <p>Khidmat perundingan dan nasihat: Terus menyediakan khidmat perundingan dan nasihat bagi projek-projek utama PIDM atau inisiatif Rancangan Korporat.</p>

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2011

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2011	MASA HADAPAN
<p>Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam</p> <p>Peranan utama Bahagian ini adalah untuk membangunkan dan menyampaikan mesej yang efektif kepada orang awam dan segmen pasaran yang disasar menerusi inisiatif kesedaran awam dan pendidikan untuk meningkatkan pemahaman awam mengenai Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta peranan PIDM dalam menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan Malaysia.</p>	<p>Pengiklanan dan perhubungan awam: Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif inisiatif tahun terakhir Pelan Komunikai Bersepadu 2007 - 2011. Dalam usaha kami untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, kami menghasilkan dan menyiarkan tiga rangkaian iklan menerusi saluran televisyen dan radio, iklan cetak dan iklan dalam talian. Kami juga menyiarkan iklan dalam akhbar mengenai Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011.</p> <p>Program pendidikan: Melaksanakan dengan jayanya tahun kedua Projek PIDM MoneySmart yang dimantapkan bagi pelajar-pelajar di 250 sekolah menengah dan 50 institusi pengajian tinggi serta guru sekolah menengah menerusi 30 sesi seminar pengurusan kewangan. Peraduan Permainan Dalam Talian MoneySmart 2011 juga menarik minat kira-kira 8,000 peserta.</p> <p>Berinteraksi dengan pemegang kepentingan: Mengadakan sejumlah 67 sesi taklimat bagi pelbagai pemegang kepentingan termasuk institusi ahli, agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi dan orang awam. Mengadakan sesi dialog dengan pegawai perhubungan serta menyertai pameran dan jerayawara. Mengendalikan dengan jayanya Program Capaian Korporat di Johor Bahru, yang juga dihadiri oleh wakil-wakil daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dan agensi Kerajaan lain.</p>	<p>Pengiklanan dan perhubungan awam: Melaksanakan inisiatif Pelan Komunikai Bersepadu 2012 - 2016 dengan tumpuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan menggalakkan keyakinan terhadap peranan PIDM; menyumbang secara aktif kepada pemantapan kesedaran dan celik kewangan menerusi inisiatif dan program pendidikan; dan memantapkan interaksi dengan institusi ahli dan rakan kongsi strategik relevan.</p> <p>Program pendidikan: Meneruskan kajian semula dan pemantapan strategi, pendekatan dan kandungan program bagi pelaksanaan di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.</p> <p>Berinteraksi dengan pemegang kepentingan: Terus membina dan mengekalkan hubungan kerja dengan pelbagai pemegang kepentingan menerusi taklimat dalaman dan luaran serta penyertaan dalam pameran dan jerayawara.</p>

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2011	MASA HADAPAN
<p>Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi</p> <p>Bahagian ini melaksanakan, memantau dan menyenggara proses dan prosedur utama Pengurusan Risiko Organisasi dalam PIDM, agar PIDM dapat menangani pelbagai pendedahan risiko dalaman dan luaran dengan efektif. Bahagian ini juga menyokong dan menyediakan khidmat nasihat risiko kepada semua Bahagian dan bagi semua projek utama. Satu lagi peranan utama Bahagian ini ialah Pengurusan Kesenambungan Urusan.</p>	<p>Proses Pengurusan Risiko Organisasi: Menyepadukan dengan jayanya proses Pengurusan Risiko Organisasi ke dalam sistem Penaksir Risiko Organisasi.</p> <p>Polisi-Polisi Risiko Lembaga Pengarah: Membangunkan dan melaksanakan Polisi-Polisi Risiko Lembaga Pengarah yang masih ada, iaitu Risiko Reputasi, Risiko Penilaian dan Pemantauan, Risiko Strategik dan Tadbir Urus, Risiko Operasi serta Risiko Intervensi dan Resolusi Kegagalan. Selain Polisi-Polisi Risiko Lembaga Pengarah, melengkapkan Laporan Risiko Lembaga Pengarah Peringkat Korporat yang disediakan kepada Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit, antara lainnya, penilaian bebas sama ada Pengurusan memenuhi kehendak Polisi-Polisi Risiko Lembaga Pengarah, dan status inisiatif-inisiatif utama yang akan diambil untuk mengurangkan baki risiko bagi setiap kategori risiko / sub-risiko.</p> <p>Pengurusan Kesenambungan Urusan: Mengendalikan dengan jayanya Latihan Simulasi Krisis Pelan Kesenambungan Urusan di Tapak Pemulihan Bencana sementara untuk mempersiapkan kakitangan dan memastikan agar PIDM boleh meneruskan fungsi-fungsi urusan kitikalnya sekiranya berlaku bencana.</p> <p>Perkhidmatan nasihat berkaitan risiko: Terus menyokong Bahagian-Bahagian relevan dalam projek utama PIDM termasuk Intervensi dan Resolusi Kegagalan serta Pembayaran Balik.</p> <p>Butiran lanjut mengenai pencapaian utama, Struktur Pengawasan Pengurusan Risiko Organisasi dan cara PIDM menangani risiko-risiko utamanya dijelaskan dalam Bahagian 3, halaman 39 hingga 43.</p>	<p>Proses Pengurusan Risiko Organisasi: Meneruskan aktiviti pengenalpastian, penaksiran, penilaian, pemantauan, pelaporan dan komunikasi risiko dalaman dan luaran yang memberi kesan kepada PIDM. Bahagian ini juga akan mengkaji semula dan memantapkan Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi.</p> <p>Polisi Risiko Lembaga Pengarah: Mengkaji semula dan memantapkan Polisi Risiko Lembaga Pengarah termasuk Laporan Risiko Lembaga Pengarah Peringkat Korporat.</p> <p>Pengurusan Kesenambungan Urusan: Meneruskan pengujian dan pemantapan Pelan Kesenambungan Urusan.</p> <p>Perkhidmatan nasihat berkaitan risiko: Terus menyokong dan menyediakan khidmat nasihat berkaitan risiko kepada Bahagian-Bahagian relevan dalam projek-projek utama PIDM atau inisiatif Rancangan Korporat.</p>

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2011

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2011	MASA HADAPAN
<p>Bahagian Kewangan dan Pentadbiran</p> <p>Bahagian ini terdiri daripada Jabatan Kewangan, Jabatan Pentadbiran, Jabatan Teknologi Maklumat (IT) serta Jabatan Organisasi dan Kaedah yang menumpukan usaha kepada menyediakan perkhidmatan sokongan yang efektif dan efisien dalam bidang pengurusan kewangan, pentadbiran pejabat am, pengurusan IT serta proses, polisi dan kawalan urusan operasi bagi memastikan kelancaran operasi PIDM.</p>	<p>Pembiayaan: Berkenaan dengan pelaksanaan prosedur bagi perolehan pinjaman daripada Kerajaan dan pembiayaan daripada pasaran modal, kami telah memulakan pembangunan polisi dan prosedur berkaitan. Pada tahun 2011, kami juga membentuk rangka kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit untuk menentukan paras dana yang perlu dikumpulkan bagi memenuhi obligasi kami dalam menyediakan perlindungan insurans deposit kepada pendeposit.</p> <p>Infrastruktur dan Pelan Pemulihan Bencana: Menyempurnakan pembangunan Tapak Pemulihan Bencana sementara kami. Kami juga menyempurnakan penilaian kebolehlaksanaan dan memulakan perancangan bagi pembangunan Tapak Pemulihan Bencana tetap kami.</p> <p>Strategi IT: Menyempurnakan sejumlah besar inisiatif strategik dan operasi seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat PIDM kecuali tiga inisiatif korporat yang telah ditangguhkan. Butiran lanjut boleh didapati di halaman 74 Laporan Tahunan ini.</p> <p>Pengurusan kewangan: Memulakan perancangan dan perbincangan mengenai penaikan taraf serta pemantapan sistem dan proses berkaitan perakaunan kewangan.</p> <p>Organisasi dan kaedah: Mengkaji semula dan memantapkan polisi dan prosedur sedia ada bagi memastikannya kekal terkini dan relevan. Selain itu, Manual bagi Pembangunan Polisi dan Prosedur dan Matriks Autoriti, yang meringkaskan autoriti bagi pentadbiran harian urusan dan hal ehwal Perbadanan, dibangunkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.</p>	<p>Pembiayaan: Meneruskan pembangunan polisi dan prosedur bagi perolehan pinjaman daripada Kerajaan dan pembiayaan daripada pasaran modal. Meneruskan kajian semula dan pengesahan Dana Sasaran setiap tahun bagi memastikan kerelevanan dan mengambil kira sebarang perubahan dalam andaian atau input. Kami juga akan mengkaji semula dan menyelaraskan kadar premium kami bagi bank-bank ahli untuk mencapai tahap dana yang disasarkan dalam tempoh masa yang bersesuaian.</p> <p>Infrastruktur dan Pelan Pemulihan Bencana: Menyempurnakan perolehan tanah bagi Tapak Pemulihan Bencana tetap serta spesifikasi dan reka bentuk bagi memulakan pembinaan.</p> <p>Strategi IT: Meneruskan pelaksanaan inisiatif strategik dan operasi seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat bagi menyokong keperluan urusan Perbadanan untuk memantapkan Sistem Penilaian Risiko bagi bank-bank ahli, membangunkan Sistem Penilaian Risiko bagi ahli penginsurans, membangunkan dan melaksanakan Sistem Pengurusan Kewangan yang Dimantapkan serta melaksanakan infrastruktur keselamatan maklumat.</p> <p>Rangka Kerja Keselamatan Maklumat Korporat: Mengkaji semula dan memantapkan proses, polisi dan prosedur pengurusan rekod. Ini juga termasuk kesedaran dan sesi latihan bagi pengurusan rekod seperti yang digariskan dalam Polisi Klasifikasi Maklumat serta polisi dan prosedur pengurusan rekod berkaitan lain.</p>

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2011	MASA HADAPAN
<p>Bahagian Sumber Manusia Bahagian ini bertanggungjawab bagi semua aspek pengurusan sumber manusia PIDM.</p>	<p>Pengurusan modal insan: Pembangunan berterusan kakitangan kami dilaksanakan menerusi program Pembelajaran dan Pembangunan menyeluruh berasaskan kecekapan. Ini termasuk pelbagai jenis latihan seperti kepemimpinan, kemahiran insaniah berkaitan dan kepakaran teknikal menggunakan gabungan pendekatan lawatan sambil belajar, seminar dan taklimat luar, persidangan, sesi latihan dalaman dan latihan sambil bekerja. Sesi latihan dalaman dianjurkan untuk sebilangan besar kakitangan dengan keperluan Pembelajaran dan Pembangunan yang sama. Purata jumlah hari latihan luaran dan dalaman kakitangan pada tahun 2011 ialah 9.8 hari.</p> <p>Dalam menyokong perkongsian pengetahuan berterusan di kalangan kakitangan, rangka kerja Pengurusan Pengetahuan dibentuk. Model Kecekapan dimantapkan dan disepadukan ke dalam fungsi-fungsi sumber manusia seperti pengambilan kakitangan dan pemilihan, pengurusan prestasi, perancangan penggajian dan pembangunan kepimpinan. Petunjuk Prestasi Utama dan inisiatif korporat disampaikan kepada semua kakitangan menerusi pendekatan atas-bawah sebagai asas bagi pengurusan prestasi. Pelan penggajian bagi jawatan-jawatan utama dikemas kini.</p> <p>Bagi membolehkan kami mengambil dan mengekalkan tenaga kerja penting, kami memastikan ganjaran dan manfaat kami adil, saksama dan kompetitif dengan pasaran menggunakan sistem penilaian kerja berasaskan Hay yang tidak berat sebelah dan neutral dari segi jantina. Kakitangan PIDM mewakili pelbagai budaya dan falsafah kerja yang sejajar dengan nilai-nilai Korporat hormat dan saksama. Pada 31 Disember 2011, nisbah kakitangan kami ialah 45% lelaki dan 55% wanita.</p>	<p>Pengurusan modal insan: Meneruskan penekanan kepada keperluan Pembelajaran dan Pembangunan kakitangan menggunakan model Kecekapan untuk membimbing pengenalpastian keperluan latihan. Ini menyediakan kepada kakitangan akses peluang latihan lebih luas bagi memastikan mereka memperoleh pengetahuan dan pemahaman yang perlu mengenai Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta peranan PIDM dalam mentadbir sistem perlindungan konsumer kewangan. Susulan pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Pengetahuan, Polisi dan Prosedur Pengurusan Pengetahuan akan dibangunkan.</p>

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2011

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2011	MASA HADAPAN
	<p>Program Biasiswa: Sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat, kami meneruskan pelaksanaan Program Biasiswa pelbagai tahun dan menganugerahkan biasiswa kepada 10 individu yang layak, peningkatan lima orang berbanding tahun sebelumnya. Program ini juga termasuk program bimbingan mentor bagi pemegang biasiswa PIDM.</p> <p>Hubungan kakitangan: Kami menjalankan Kaji Selidik Kepuasan Kerja Kakitangan Ke-4 menggunakan penyedia perkhidmatan kaji selidik baharu yang membolehkan kami mengukur tahap kepuasan kerja kakitangan dan membandingkan keputusan kami dengan organisasi Malaysia dan syarikat berprestasi tinggi global. Penglibatan kakitangan merupakan ukuran komposit tentang pemikiran, pendapat dan tindakan kakitangan, termasuk rasa bangga, mengesyorkan kerja di Perbadanan, menyokong nilai-nilai dan matlamatnya, kesanggupan melaksanakan kerja melebihi keperluan tugas, pertimbangan untuk meneruskan kerja di Perbadanan dan kepuasan keseluruhan. Skor penglibatan kakitangan PIDM ialah 90%, iaitu mengatasi penanda aras nasional biasa di Malaysia sebanyak 13% dan mengatasi norma syarikat berprestasi tinggi global sebanyak 5%.</p> <p>Kami menganjurkan beberapa acara bagi menggalakkan budaya tempat kerja optimum seperti Hari Keluarga dan majlis Buka Puasa bagi semua kakitangan dan ahli keluarga mereka, taklimat kesihatan dan motivasi, sambutan hari jadi bulanan, Majlis Makan Malam Tahunan dan majlis minum petang akhir tahun bagi meraikan pencapaian organisasi.</p> <p>Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan kami yang aktif menghadiri sesi latihan selama dua hari mengenai cara menjadi ahli jawatankuasa efektif dan mengesyorkan sesi maklumat yang memanfaatkan kakitangan seperti latihan teknik memandu defensif serta “Latihan Menjaga Keselamatan Diri Di Bandar” bagi kakitangan wanita.</p>	<p>Program Biasiswa: Meneruskan pengurusan program itu bagi 10 lagi siswazah di Malaysia.</p> <p>Hubungan kakitangan: Terus menggalakkan persekitaran tempat kerja yang optimum dan menganjurkan pelbagai aktiviti untuk menggalakkan interaksi dan penglibatan kakitangan serta budaya tempat kerja yang selamat dan bebas daripada diskriminasi dan gangguan.</p> <p>Automasi proses sumber manusia: Meneruskan pembangunan Sistem Maklumat Sumber Manusia dengan menumpukan kepada mengautomatiskan pelantikan pekerja, pengurusan prestasi kakitangan, pembelajaran dan pembangunan serta proses pengurusan penggantian.</p>

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2011	MASA HADAPAN
<p>Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan</p> <p>Bahagian ini bertanggungjawab terutamanya bagi kesediaan intervensi yang melibatkan pembangunan polisi dan prosedur berkaitan Intervensi dan Resolusi Kegagalan termasuk sistem, polisi dan prosedur pembayaran balik deposit. Bahagian ini juga bertanggungjawab bagi menguruskan dan mengendalikan aktiviti berkaitan intervensi dan resolusi kegagalan PIDM, apabila diperlukan, dengan cara meminimumkan kos kepada sistem kewangan.</p>	<p>Intervensi dan Resolusi Kegagalan: Menyempurnakan dokumentasi bagi 13 bahagian yang dikenal pasti berkaitan dengan pelaksanaan Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi Sistem Insurans Deposit dan penyelidikan bagi Model dan Sistem Penilaian. Membangunkan pelan hala tuju bagi menilai dan memantau tahap kesediaan untuk menangani institusi ahli yang bermasalah di mana bahagian-bahagian utama yang dikenal pasti dibahagikan kepada tiga fasa yang menumpukan kepada kesediaan dalaman, penyelarasan efektif dan kerjasama dengan agensi Kerajaan relevan dan membangunkan strategi Intervensi dan Resolusi Kegagalan yang jelas berkenaan Institusi Ahli. Terus membangunkan kesediaan kami bagi Sistem Insurans Deposit dengan menjalankan sesi latihan Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi semua kakitangan, serta dua latihan simulasi mini dan satu latihan simulasi dua hari setengah. Memulakan dokumentasi Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.</p> <p>Pembayaran Balik Deposit: Menyempurnakan penyepaduan antara modul sistem Pembayaran Balik Deposit, iaitu Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit, Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit, Sistem Pendaftaran Produk, Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Pengurusan Pertanyaan bagi memudahkan pembayaran balik deposit yang efektif sekiranya berlaku kegagalan bank ahli. Memulakan pengesahan data maklumat pendeposit dalam Piawaian Format Fail yang diserahkan oleh bank-bank ahli.</p>	<p>Intervensi dan Resolusi Kegagalan: Bagi Sistem Insurans Deposit, meneruskan pembangunan komponen akhir aktiviti Intervensi dan Resolusi Kegagalan untuk membolehkan Perbadanan melaksanakan dengan efektif pelbagai pilihan Intervensi dan Resolusi Kegagalan seperti pembangunan Model Penilaian yang membolehkan Perbadanan memudahkan analisis kos paling sedikit, pembangunan pangkalan data maklumat berkaitan institusi ahli tertentu yang berguna untuk membangunkan strategi Intervensi dan Resolusi Kegagalan dan pembangunan pangkalan data penyedia perkhidmatan yang cekap, antara lainnya. Dalam menyokong rangka kerja dan proses intervensi, Intervensi dan Resolusi Kegagalan akan terus menjalankan sesi simulasi dan latihan kakitangan bagi meningkatkan kesediaan intervensi. Berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, Intervensi dan Resolusi Kegagalan akan meneruskan dokumentasi pilihan Intervensi dan Resolusi Kegagalan yang telah dikenal pasti.</p> <p>Pembayaran Balik Deposit: Bagi Sistem Insurans Deposit, menyelesaikan pengesahan data Format Fail Piawaian yang diserahkan oleh bank-bank ahli dan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, Intervensi dan Resolusi Kegagalan akan mula membangunkan rangka kerja, proses dan infrastruktur bagi melaksanakan mandat pembayaran balik deposit kepada pemilik polisi.</p>

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2011

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2011	MASA HADAPAN
<p>Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko</p> <p>Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko menyediakan penilaian dan pemantauan risiko secara bebas, jitu dan tepat pada masa berkenaan institusi ahli kami bagi membolehkan pengesanan awal institusi ahli berisiko tinggi serta penaksiran premium yang cekap. Bahagian ini juga bertanggungjawab membangunkan dan memantapkan insurans deposit Islam.</p>	<p>Penilaian dan pemantauan risiko: Bagi Sistem Insurans Deposit, terus memantapkan Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko dan melaksanakan Borang Pelaporan (Maklumat Kuantitatif) Sistem Premium Berbeza mengikut kriteria disemak semula bagi Sistem Premium Berbeza. Berkaitan dengan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, Premium Pertama dan Premium Tahunan berkenaan dengan Aturan Ahli Penginsurans 2011 diwartakan dan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2011. Kami juga menyempurnakan pembangunan Rangka Kerja Penilaian Risiko Takaful dan Insurans serta memulakan pembangunan Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza.</p> <p>Polisi dan peraturan: Mengeluarkan garis panduan kepada ahli penginsurans dan memantapkan garis panduan yang terpakai kepada bank ahli.</p> <p>Insurans deposit Islam: Menganjurkan dengan jayanya seminar ketiga Insurans Deposit Islam yang diadakan di Khartoum, Sudan, yang dihadiri lebih 60 peserta asing dan tempatan.</p> <p>Perkongsian efektif: Terus mengekalkan hubungan kerja yang erat dan kerjasama dengan pemegang kepentingan utama termasuk BNM menerusi acara sukan serta institusi ahli. Mengadakan sesi perkongsian pengetahuan dengan delegasi daripada <i>Brunei Deposit Protection Corporation</i>, <i>Deposit Insurance of Vietnam</i> dan <i>Deposit Protection Fund Board, Kenya</i>.</p>	<p>Penilaian dan pemantauan risiko: Meneruskan kajian semula dan pengukuhan Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko serta garis panduan Sistem Premium Berbeza bagi Sistem Insurans Deposit. Berkenaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, membangunkan sistem dan infrastruktur yang perlu untuk menyokong penilaian dan pemantauan risiko ahli penginsurans, membangunkan rangka kerja dan garis panduan Sistem Levi Berbeza serta garis panduan program pengesahan luaran bagi ahli penginsurans.</p> <p>Insurans deposit Islam: Meneruskan sokongan kepada Kumpulan Insurans Deposit Islam dan menumpukan usaha kami menerajui pembangunan nota bimbingan, kertas penyelidikan dan prinsip teras berkaitan operasi insurans deposit Islam.</p>

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2011	MASA HADAPAN
<p>Bahagian Perundangan</p> <p>Bahagian ini memberi sokongan khidmat nasihat undang-undang yang melindungi kepentingan Perbadanan. Bahagian ini juga menyediakan khidmat sekretariat dan khidmat nasihat tadbir urus kepada Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab bagi semua perkara berkaitan dengan prosiding dan pentadbiran Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah.</p>	<p>Khidmat nasihat undang-undang: Mengkaji semula, menasihati dan mendraf kontrak bagi Perbadanan. Berkenaan Program Pematuhan, kami terus menganjurkan latihan pematuhan polisi dan prosedur utama bagi kakitangan. Kami juga terus mengesah produk deposit yang ditawarkan oleh bank-bank ahli menerusi Sistem Pendaftaran Produk kami dan menyempurnakan penyelidikan Sistem Pendaftaran Produk bagi syarikat insurans dan pengendali takaful. Berhubung projek-projek utama PIDM termasuk Intervensi dan Resolusi Kegagalan, Pembayaran Balik Deposit, rangka kerja pembiayaan dan rangka kerja Dana Sasaran, kami terus menyediakan sokongan khidmat nasihat undang-undang kepada bahagian-bahagian relevan.</p> <p>Tadbir urus korporat: Terus mengekalkan pertanggungjawapan dan rejim pelaporan yang kukuh dan hubungan kerja efektif dengan Lembaga Pengarah, menyokong Lembaga Pengarah dalam tadbir urus korporatnya. Terus melaksanakan rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah bagi Pengarah baharu serta Pengerusi baharu Lembaga Pengarah. Kami mengadakan beberapa sesi pendidikan Lembaga Pengarah, dalam pelbagai bahagian seperti penilaian dan pemantauan risiko, Dana Sasaran, Intervensi dan Resolusi Kegagalan serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, bagi Para Pengarah pada tahun 2011. Sila lihat halaman 44 hingga 60 bagi butiran lanjut dalam Penyata Tadbir Urus.</p> <p>Lain-lain: Kami juga terus menyediakan sokongan kepada Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE) dan persatuan Alumni (FIDE Forum). Berhubung Tanggungjawab Sosial Korporat, kami menaja sebahagian daripada Program Celik Kewangan bagi golongan belia cacat pendengaran untuk menyediakan pendidikan kewangan dan kemahiran pengurusan wang kepada mereka.</p>	<p>Perundangan: Kajian semula Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) bagi pindaan yang perlu dan relevan.</p> <p>Khidmat nasihat undang-undang: Terus memberi sokongan dalam mendraf kontrak bagi PIDM, persijilan produk deposit yang ditawarkan oleh bank ahli dan peruntukan sokongan nasihat undang-undang bagi projek-projek utama.</p> <p>Tadbir urus korporat: Terus mengguna pakai dan mematuhi amalan terbaik dalam tadbir urus dan menyokong Lembaga Pengarah mencapai matlamat tahunannya dan tanggungjawab tadbir urus korporatnya yang berterusan.</p> <p>Automasi proses undang-undang: Meneruskan pembangunan Sistem Pengetahuan Undang-Undang / Pengurusan Perundangan.</p>

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2011

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2011	MASA HADAPAN
<p>Bahagian Polisi dan Antarabangsa Bahagian ini menilai dan membangunkan polisi mantap berkaitan dengan mandat dan operasi PIDM. Bahagian ini juga menerajui dan menyelaraskan aktiviti bagi perhubungan antarabangsa.</p>	<p>Polisi dan peraturan: Membangunkan polisi berkaitan dengan peraturan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan polisi relevan lain berkaitan Sistem Insurans Deposit.</p> <p>Pemegang kepentingan terdidik dan bermaklumat: Menyediakan bimbingan dan membantu Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam mengadakan taklimat kepada Institusi Ahli dan orang awam mengenai Garis Panduan Pendedahan Maklumat Insurans Deposit, Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011 dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.</p> <p>Perkongsian efektif: Terus mengekalkan hubungan baik dengan BNM dan pemegang kepentingan utama termasuk penginsurans deposit lain menerusi penyertaan aktif dalam IADI. Menyertai pelbagai sesi perkongsian pengetahuan dan menjadi tuan rumah lawatan sambil belajar bagi penginsurans deposit lain dan bank-bank pusat. Untuk menggalakkan kolaborasi dan pindahan pengetahuan, kami memeterai Memorandum Persefahaman dengan <i>Central Deposit Insurance Corporation (CDIC)</i>, Taiwan. Selain itu, PIDM juga menyertai Inisiatif Latihan Pengawal Selia Kewangan Kerjasama Ekonomi Asia (APEC - FRTI) Kumpulan Penasihat bagi Pentadbir Bank.</p> <p>Forum antarabangsa: Di peringkat antarabangsa, Pengurus Besar Bahagian Polisi dan Antarabangsa dilantik sebagai Ahli Majlis Eksekutif IADI dan kami terus menyumbang secara aktif dalam pelbagai jawatankuasa kecil IADI. Kami menyertai dalam 20 forum antarabangsa, melibatkan peserta tempatan dan antarabangsa, dalam pelbagai kapasiti termasuk menggalakkan perkongsian pengetahuan menerusi mesyuarat, bertugas sementara dan latihan dengan rakan sejawatan kami di rantau ini, serta menyediakan wakil sumber untuk berucap di persidangan di acara peringkat tempatan dan antarabangsa.</p>	<p>Pemegang kepentingan terdidik dan bermaklumat: Mengkaji semula Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011. Terus membantu Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam mengadakan taklimat kepada institusi ahli dan orang awam.</p> <p>Perkongsian efektif: Terus membina kredibiliti, reputasi dan keupayaan PIDM menerusi pembangunan polisi yang kukuh dan mantap. Bahagian Polisi dan Antarabangsa akan terus membangunkan perkongsian strategik dan mengekalkan hubungan baik dengan kedua-dua pemegang kepentingan utama tempatan dan antarabangsa bagi pembangunan kapasiti dan perkongsian pengetahuan.</p> <p>Penilaian keberkesanan: Sebagai sebahagian daripada Program Penilaian Sektor Kewangan yang dikendalikan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia, PIDM akan dinilai berbanding Prinsip Teras IADI bagi Sistem Insurans Deposit Efektif.</p> <p>Polisi dan peraturan: Bagi Sistem Insurans Deposit, melaksanakan peraturan-peraturan faedah dan dividen boleh dibayar dan menyempurnakan pembangunan peraturan surcaj premium serta melaksanakan terma dan syarat keahlian bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.</p> <p>Forum antarabangsa: Kami akan menjadi tuan rumah bagi Seminar Serantau Pengurusan / Penyelesaian Krisis dengan Bank-Bank Bermasalah yang dianjurkan oleh <i>APEC Financial Regulators Training Initiative (APEC – FRTI)</i>. Selain itu, terus menyertai dan menyumbang secara aktif dalam aktiviti IADI termasuk menjadi tuan rumah Bengkel Kerja Antarabangsa seterusnya mengenai Sistem Insurans Deposit Bersepadu.</p>

BAHAGIAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2011	MASA HADAPAN
<p>Bahagian Perancangan Strategik</p> <p>Bahagian ini bertanggung-jawab bagi pelaksanaan proses perancangan strategik PIDM serta menyokong Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam penetapan hala tuju strategik Perbadanan dan pembangunan pelan strategik.</p>	<p>Perancangan strategik: Memudahkan dan membantu Bahagian-Bahagian untuk membangunkan kad skor masing-masing dan menyelaraskan inisiatif kepada objektif, misi dan visi korporat. Mengendalikan Bengkel Kerja Perancangan Strategik tahunan untuk pengurusan kanan dan kakitangan yang mana Bahagian ini membimbing perbincangan mengenai Petunjuk Prestasi Utama dan inisiatif peringkat korporat dan Bahagian. Mengendalikan sesi Perancangan Strategik Lembaga Pengarah tahunan.</p> <p>Pengurusan prestasi: Meneruskan pemantauan prestasi PIDM berbanding sasaran dalam pelan yang telah diluluskan setiap suku tahun menggunakan pendekatan Kad Skor Terimbang. Laporan tersebut dibentangkan kepada Pengurusan dan Jawatankuasa Audit, dan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah.</p> <p>Automasi proses pengurusan prestasi: Memulakan pembangunan Sistem Pengurusan Prestasi Korporat, sistem pelaporan Kad Skor Terimbang bagi memantapkan kecekapan dan keberkesanan untuk mengkaji semula, mengesan dan memantau Petunjuk Prestasi Utama dan sasaran. Ini juga termasuk pemusatan pelaporan kemajuan oleh Bahagian-Bahagian.</p> <p>Penerbitan korporat: Membangunkan Rancangan Korporat 2012 - 2014 yang mengketengahkan hala tuju strategik, fokus, inisiatif dan bajet PIDM. Bekerjasama dengan Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam serta Bahagian Kewangan dan Pentadbiran, menyelaraskan dan menguruskan pembangunan dan penerbitan Laporan Tahunan PIDM.</p>	<p>Perancangan strategik: Meneruskan penggunaan pakai pendekatan bersepadu dalam proses perancangan strategik, mengambil kira kelebihan dan risiko yang dihadapi oleh PIDM, termasuk mengguna pakai pendekatan perancangan senario, bagi memastikan mandat, visi dan misi kami dipenuhi.</p> <p>Automasi proses pengurusan prestasi: Meneruskan pembangunan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Prestasi Korporat bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses pengurusan prestasi.</p>

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN TINJAUAN KEWANGAN

KEPUTUSAN OPERASI

	2011	2011	Perbezaan		2010
	Sebenar	Bajet	Bajet berbanding		Sebenar
	RM'000	RM'000	RM'000	%	RM'000
Hasil premium	201,239	242,700	(41,461)	(17)	105,687
Pendapatan pelaburan	21,821	11,000	10,821	98	9,314
Keuntungan daripada jualan pelaburan tersedia-untuk-dijual	3,715	-	3,715	-	-
Jumlah Pendapatan	226,775	253,700	(26,925)	(11)	115,001
Manfaat kakitangan	31,037	44,309	13,272	30	26,409
Perhubungan awam dan pengiklanan	9,882	9,755	(127)	(1)	6,434
Susut nilai	5,159	5,500	341	6	2,791
Pajakan operasi	5,563	5,986	423	7	3,124
Perbelanjaan lain	18,018	23,950	5,932	25	15,398
Jumlah Perbelanjaan Operasi	69,659	89,500	19,841	22	54,156
Lebihan Bersih Operasi	157,116	164,200	(7,084)	(4)	60,845
Wang dan pelaburan diterima daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	922,437	-	922,437	-	-
Lebihan Bersih Tahun Semasa	1,079,553	164,200	915,353	557	60,845
Keuntungan / (kerugian) bersih tidak terealisasi bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual	(573)	-	(573)	-	-
Jumlah Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Semasa	1,078,980	164,200	914,780	557	60,845

PERBELANJAAN MODAL

	2011	2011	Perbezaan		2010
	Sebenar	Bajet	Bajet berbanding		Sebenar
	RM'000	RM'000	RM'000	%	RM'000
Perabot, kelengkapan dan ubah suai pejabat	614	550	(64)	(12)	7,784
Sistem komputer dan peralatan pejabat	1,374	6,950	5,576	80	5,731
Kenderaan motor	6	-	(6)	-	-
Jumlah Perbelanjaan Modal	1,994	7,500	5,506	73	13,515

ULASAN PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2011

Bagi tahun kewangan 2011, kami mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM226.8 juta, yang merupakan peningkatan sebanyak RM111.8 juta atau 97.2% berbanding tahun kewangan sebelumnya. Kenaikan ketara berbanding tahun sebelumnya adalah disebabkan kemasukan premium daripada Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta peningkatan skop perlindungan bagi Sistem Insurans Deposit daripada RM60,000 kepada RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli.


Perbelanjaan operasi bagi tahun 2011 meningkat sebanyak 28.6% daripada RM54.2 juta pada tahun 2010 kepada RM69.7 juta. Peningkatan perbelanjaan ini adalah hasil peluasan mandat kami bagi melindungi pemilik polisi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Peningkatan perbelanjaan dijangka akan berterusan dalam tempoh beberapa tahun akan datang hasil pembangunan dan pemantapan kapasiti dan keupayaan modal insan, proses, sistem dan infrastruktur kami, terutamanya bagi operasi yang berkaitan dengan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Namun demikian, kami akan terus mengamalkan pengurusan kewangan berhemat dan pengelolaan kewangan yang mampan dalam mencapai objektif seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Korporat kami. Bagi tahun 2011, perbelanjaan operasi kami adalah RM19.8 juta atau 22.2% lebih rendah berbanding bajet.

Sehingga 31 Disember 2011, perbelanjaan modal yang telah dikontrak adalah sebanyak RM2 juta atau 27% daripada bajet perbelanjaan modal bagi tahun 2011 yang berjumlah RM7.5 juta.

Lebih bersih bagi tahun 2011 berjumlah RM1.1 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM1 bilion daripada tahun 2010. Lebih bersih bagi tahun ini meningkat dengan ketara disebabkan pindahan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans berjumlah RM922.4 juta yang sebelum ini ditadbir oleh BNM.

Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit pada 31 Disember 2011 meningkat sebanyak 20.4% kepada RM518.5 juta manakala Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans berjumlah RM991.2 juta. Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ini akan digunakan untuk menampung kerugian yang mungkin berlaku dalam menyediakan perlindungan kepada pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans.

Carta 1: Aliran Kewangan Utama dari tahun 2007 hingga 2011



PENDAPATAN


Hasil Premium – Sistem Insurans Deposit

Premium tahunan ditaksir berdasarkan Jumlah Deposit Diinsuranskan yang dipegang oleh bank-bank ahli. Seajar dengan peningkatan had insurans deposit daripada RM60,000 kepada RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli, serta kemasukan deposit mata wang asing sebagai sebahagian daripada deposit boleh diinsuranskan, Jumlah Deposit Diinsuranskan bagi tahun taksiran 2011 telah meningkat sebanyak 76.5% kepada RM366.5 bilion berbanding RM207.6 bilion bagi tahun taksiran 2010.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN KEWANGAN

Carta 2: Aliran Jumlah Deposit Diinsuranskan dari tahun taksiran 2007 hingga 2011



Kadar premium bank-bank ahli ditaksir berdasarkan kepada Sistem Premium Berbeza PIDM. Sistem Premium Berbeza ini bertujuan untuk menyediakan insentif kepada bank-bank ahli untuk mengamalkan pengurusan risiko yang wajar dan mantap termasuk mengekalkan tahap kecukupan modal yang kukuh. Di bawah sistem ini, bank-bank ahli dengan profil risiko yang lebih rendah akan membayar premium lebih rendah berbanding bank ahli dengan profil risiko yang lebih tinggi.


Sistem Premium Berbeza dikaji semula secara berterusan bagi memastikan kriteria sedia ada dan faktor-faktor yang digunakan masih relevan dan terkini memandangkan perubahan dan pembangunan dalam persekitaran operasi dan kawal selia. Dalam tahun 2011, PIDM mengeluarkan semakan semula garis panduan mengenai Sistem Premium Berbeza. Sebagai sebahagian daripada semakan semula tersebut, berkuat kuasa dari tahun taksiran 2011, premium minimum perlu dibayar oleh sesebuah bank ahli kini tertakluk kepada kategori premium Sistem Premium Berbeza seperti yang ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah. Bagi tahun-tahun sebelumnya, premium minimum perlu dibayar oleh sesebuah bank ahli ialah RM250,000, tanpa mengira kategori premium Sistem Premium Berbeza bank tersebut.

Jadual 1: Kategori Premium Sistem Premium Berbeza dan Premium Minimum Perlu Dibayar

KATEGORI PREMIUM	KADAR PREMIUM TAHUNAN	AMAUN MINIMUM PREMIUM TAHUNAN
Kategori 1	0.03%	RM100,000
Kategori 2	0.06%	RM200,000
Kategori 3	0.12%	RM400,000
Kategori 4	0.24%	RM800,000

Bagi tahun 2011, keseluruhan penarafan Sistem Premium Berbeza telah bertambah baik berikutan peningkatan umum dalam prestasi dan amalan pengurusan risiko bank-bank ahli. Bagaimanapun, jumlah premium diterima daripada bank-bank ahli bagi tahun 2011 yang berjumlah RM120.5 juta, adalah lebih tinggi berbanding RM105.7 juta bagi tahun sebelumnya, disebabkan terutamanya tahap Jumlah Deposit Diinsuranskan yang lebih tinggi berikutan peningkatan had insurans deposit seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Carta 3: Aliran Premium dari tahun 2007 hingga 2011



Bagi tahun 2012, premium sebanyak RM115.1 juta telah dibajetkan untuk bank-bank ahli, yang mana bajet premium ini adalah RM5.4 juta atau 4.5% lebih rendah berbanding premium sebenar diterima bagi 2011. Ini disebabkan peningkatan yang dijangkakan dalam penarafan Sistem Premium Berbeza bagi bank-bank ahli serta jangkaan pertumbuhan sederhana dalam Jumlah Deposit Diinsuranskan yang dipegang oleh bank ahli.

Hasil premium – Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Pentadbiran Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans bermula pada 31 Disember 2010 sebagai sebahagian daripada pakej konsumer kewangan yang diperkukuhkan susulan daripada enakmen Akta PIDM 2011. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ini bertujuan untuk melindungi pemilik polisi insurans dan sijil takaful daripada kehilangan manfaat mereka yang layak sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans. Mulai tahun kewangan 2011, PIDM menyenggara dan mentadbir empat Kumpulan Dana tambahan (seperti yang diuraikan dalam Jadual 2) bagi setiap segmen urus niaga dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Jadual 2: Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

NO.	KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS
1	Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Keluarga
2	Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat
3	Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am
4	Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am


Sama seperti Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dibiayai premium yang dibayar oleh pengendali takaful dan syarikat insurans. Bagi kadar premium tahun pertama, ahli penginsurans ditaksir berdasarkan kepada kadar rata yang dikenakan ke atas jumlah asas premium yang relevan pada 31 Disember tahun sebelumnya, seperti yang dijadualkan dalam Jadual 3. Asas premium terpakai bagi tahun taksiran 2011 ialah liabiliti penilaian aktuari berjumlah RM91 bilion dan premium bersih / sumbangan yang berjumlah RM9.7 billion. PIDM ketika ini sedang membangunkan sistem levi berbeza bagi ahli penginsurans yang serupa seperti Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2013.

Jadual 3: Segmen Urus Niaga, Kadar Premium dan Asas Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

JENIS URUS NIAGA	PREMIUM KADAR RATA	ASAS PREMIUM
Takaful Keluarga & Insurans Hayat	0.06%	Liabiliti penilaian aktuari pada 31 Disember tahun taksiran sebelumnya
Takaful Am & Insurans Am	0.25%	Premium bersih diterima pada 31 Disember tahun taksiran sebelumnya

Bagi tahun kewangan 2011, premium diterima daripada ahli penginsurans ialah sebanyak RM80.7 juta, iaitu 1.4% atau RM1.2 juta lebih rendah berbanding bajet. Bagi tahun 2012, kami telah membajetkan premium sebanyak RM84.2 juta bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Carta 4: Premium daripada Ahli Penginsurans bagi tahun 2011



Pendapatan Berkaitan Pelaburan

Aktiviti pelaburan PIDM dijalankan sejajar dengan Polisi Pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PIDM serta polisi yang diluluskan berkaitan dengan pengurusan risiko kewangan, iaitu risiko-risiko mudah tunai, pasaran dan kredit. PIDM terus melabur dalam sekuriti denominasi Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana yang diterbitkan oleh Kerajaan atau BNM serta penempatan lebih dana operasi dalam instrumen pasaran wang jangka pendek.

Pada 30 September 2011, PIDM telah menerima aset daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang sebelum ini ditadbir oleh BNM. Aset-aset ini dengan nilai saksama pada 30 September 2011 berjumlah RM922.4 juta adalah dalam bentuk wang dan pelaburan dan telah dikreditkan kepada Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am (RM921.3 juta) dan Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat (RM1.1 juta). Pindahan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans ini diluluskan oleh Menteri Kewangan menurut Seksyen 212 Akta PIDM. Pindahan aset Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans kepada PIDM dilaksanakan tanpa sebarang bayaran dan diiktiraf dalam penyata kewangan PIDM sebagai butiran luar biasa di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.


Sebahagian daripada portfolio Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang dipindahkan kepada PIDM terdiri daripada sekuriti pelaburan yang tidak sejajar dengan Polisi Pelaburan PIDM yang diluluskan. Justeru, kelulusan khas daripada Lembaga Pengarah telah diperolehi untuk mengecualikan sebahagian daripada sekuriti pelaburan tersebut daripada mematuhi Polisi Pelaburan. Sekuriti pelaburan yang dikecualikan daripada mematuhi Polisi Pelaburan adalah Sekuriti Kerajaan tempoh jangka panjang serta Sekuriti Hutang Swasta gred tinggi Syarikat Berkaitan Kerajaan. Pelaburan ini dipegang sehingga tempoh matang sekuriti-sekuriti tersebut. Baki sekuriti pelaburan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang tidak sejajar dengan Polisi Pelaburan akan dilupus dan dilaburkan semula dalam sekuriti pelaburan yang selari dengan Polisi Pelaburan PIDM. Sekuriti-sekuriti pelaburan ini dikelaskan sebagai pelaburan “tersedia-untuk-dijual” apabila sekuriti-sekuriti ini dipindahkan kepada PIDM.

Pendapatan pelaburan kami bagi tahun 2011 ialah sebanyak RM21.8 juta (Kumpulan Dana Insurans Deposit: RM12.9 juta, Kumpulan Dana Manfaat Takaful dan Insurans: RM8.9 juta), iaitu 98.4% atau RM10.8 juta lebih tinggi berbanding bajet. Peningkatan ini disebabkan oleh pendapatan pelaburan berkaitan dengan portfolio Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans. Kadar pulangan purata berwajaran bagi pelaburan ialah 2.63% (2010: 2.32%) bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan 3.25% (2010: Sifar) bagi Kumpulan Dana Manfaat Takaful dan Insurans.


Bagi tahun semasa, kami juga telah mengiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif, keuntungan bersih yang dijana daripada penjualan pelaburan tersedia-untuk-dijual yang berjumlah RM3.7 juta.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN TINJAUAN KEWANGAN

Carta 5: Aliran Pendapatan Pelaburan dari tahun 2007 hingga 2011




Carta 6: Aliran Kadar Pulangan Purata Berwajaran dari tahun 2009 hingga 2011



PERBELANJAAN OPERASI

Carta berikut menunjukkan aliran perbelanjaan operasi kami bagi tempoh lima tahun.

Carta 7: Aliran Perbelanjaan Operasi dari tahun 2007 hingga 2011




Jumlah perbelanjaan operasi bagi tahun semasa berjumlah RM69.7 juta, iaitu RM19.8 juta atau 22.2% lebih rendah daripada bajet tetapi RM15.5 juta atau 28.6% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Perbezaan positif berbanding bajet adalah disebabkan perbelanjaan lebih rendah bagi perbelanjaan berkaitan kakitangan serta khidmat pakar runding dan penasihat undang-undang. Peningkatan aliran perbelanjaan operasi kami dari tahun-tahun sebelumnya adalah hasil daripada peluasan mandat PIDM dan usaha berterusan untuk membina kapasiti dan keupayaan, terutamanya bagi pentadbiran dan operasi berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Manfaat Kakitangan

Berkenaan Modal Insan, tumpuan utama bagi tahun kewangan semasa adalah untuk mengekal dan membangunkan kakitangan kami kerana tenaga kerja kritikal yang relevan kepada mandat PIDM masih sukar diperolehi. Sepanjang tahun 2011, kami terus melatih dan membangunkan kakitangan kami bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang sesuai yang diharapkan. Strategi kami adalah bagi menyediakan ganjaran yang berdaya saing bagi menarik minat tenaga kerja yang sesuai dan mengekalkan kakitangan kami. Pertambahan bilangan kakitangan sejak beberapa tahun ini menunjukkan usaha berterusan kami untuk membangunkan kapasiti dan keupayaan bagi memastikan keberkesanan dan kesediaan operasi serta pengurusan pergantian yang efektif bagi kemampuan organisasi.

Carta 8: Bilangan Kakitangan dari tahun 2007 hingga 2011




Pertambahan utama bilangan kakitangan bagi tahun 2011 adalah bagi bahagian operasi penting, terutamanya bagi penilaian dan pemantauan risiko ahli penginsurans. Pertambahan ini juga disebabkan sumber tambahan yang diperlukan bagi bahagian utama lain untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta membangunkan kapasiti dan keupayaan bagi memastikan kesediaan operasi. Perbelanjaan manfaat kakitangan bagi tahun 2011 hanya mencerminkan sebahagian daripada kos sumber tambahan yang dilantik pada tahun 2011 kerana terdapat ramai kakitangan baharu yang mula berkhidmat pada suku ketiga dan akhir tahun 2011.

Bagi tahun 2011, perbelanjaan manfaat kakitangan berjumlah RM31 juta, iaitu 17.5% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Namun demikian, jumlah ini adalah RM13.3 juta atau 30% lebih rendah berbanding bajet.

Perhubungan Awam dan Pengiklanan

Komunikasi dan kesedaran awam memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan Sistem Insurans Deposit dan Sistem Manfaat Takaful dan Insurans kami. Bajet perhubungan awam dan pengiklanan bagi tahun 2011 masih tertumpu kepada Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun PIDM dengan tumpuan tambahan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman mengenai PIDM selepas Jaminan Deposit Kerajaan yang telah tamat tempoh pada akhir tahun 2010, serta pengenalan dan kesedaran mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah penerbitan risalah maklumat awam baharu dan artikel serta mengadakan taklimat media, jerayawara dan wawancara. Sebagai sebahagian daripada inisiatif berterusan kami untuk meningkatkan lagi pemahaman awam mengenai insurans deposit serta perlindungan manfaat takaful dan insurans, kami juga meneruskan program pendidikan kami bagi sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Carta 9: Perbelanjaan Perhubungan Awam dan Pengiklanan dari tahun 2007 hingga 2011




Perbelanjaan perhubungan awam dan pengiklanan bagi tahun 2011 berjumlah RM9.9 juta, iaitu 53.6% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Perbelanjaan ini juga 1.3% lebih tinggi berbanding bajet.

Perbelanjaan Modal dan Susut Nilai

Kami meneruskan pembangunan infrastruktur operasi yang kukuh dan efektif, terutamanya bagi Teknologi Maklumat (IT). Bagi tahun 2011, kami terus menumpukan usaha kami terhadap pengukuhan dan pembangunan sistem IT teras termasuk sistem pembayaran balik deposit serta Tapak Pemulihan Bencana kami.

Carta 10: Aliran Perbelanjaan Modal dari tahun 2007 hingga 2011




PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN KEWANGAN

Sehingga 31 Disember 2011, PIDM telah memeterai kontrak-kontrak bagi sebilangan projek berjumlah RM2 juta atau 27% daripada jumlah bajet perbelanjaan modal bagi tahun 2011, iaitu RM7.5 juta. Perbezaan positif RM5.5 juta ialah hasil pengutamaan semula beberapa sistem IT yang akan dilaksanakan dalam tahun 2012, bagi membolehkan kami menumpukan perhatian kami untuk menstabilkan operasi, terutamanya dalam mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta menyempurnakan sistem pembayaran balik.

Carta 11: Pecahan Perbelanjaan Modal Utama dari tahun 2007 hingga 2011




Perbelanjaan susut nilai bagi tahun semasa berjumlah RM5.2 juta atau 84.8% lebih tinggi berbanding tahun kewangan sebelumnya. Ini disebabkan kenaikan jumlah aset yang disusut nilai, termasuk sistem IT, perabot dan kelengkapan di pejabat baharu kami di Quill 7, KL Sentral dan Tapak Pemulihan Bencana.


Pajakan Operasi dan Perbelanjaan Lain

Kategori perbelanjaan ini berkait dengan perbelanjaan am dan pentadbiran, seperti sewa pejabat, fi khidmat profesional dan perundingan, perbelanjaan latihan dan pembangunan, perbelanjaan perjalanan, kos pencetakan dan alat-alat tulis serta kos telekomunikasi. Peningkatan aliran kos am dan pentadbiran dari setahun ke setahun ini adalah disebabkan peningkatan sumber manusia, infrastruktur dan inisiatif kami.

Carta 12: Aliran Pajakan Operasi dan Perbelanjaan Lain dari tahun 2007 hingga 2011



Carta 13: Butiran utama dalam Pajakan Operasi dan Perbelanjaan Lain dari tahun 2007 hingga 2011




Perbelanjaan pajakan operasi berkait dengan sewa pejabat dan sewa ruang bagi Tapak Pemulihan Bencana kami. Peningkatan yang ketara dalam perbelanjaan pajakan operasi adalah disebabkan impak penuh tahun pertama pejabat baharu kami di Quill 7, KL Sentral serta perbelanjaan berkaitan dengan sewa ruang baharu kami bagi Tapak Pemulihan Bencana.

Peningkatan dalam perbelanjaan lain, iaitu daripada RM15.4 juta bagi tahun 2010 kepada RM18 juta bagi tahun 2011 adalah disebabkan penggunaan khidmat pakar runding bagi pembangunan rangka kerja dan simulasi Intervensi dan Resolusi Kegagalan. Keseluruhan perbelanjaan kami dalam kategori perbelanjaan ini ialah sebanyak RM5.9 juta atau 24.8% lebih kurang berbanding bajet. Ini adalah disebabkan pengaturan masa dan penjimatan bagi pelaksanaan beberapa aktiviti utama kami, khususnya penggunaan khidmat pakar runding serta fi penasihat undang-undang.

Maklumat Segmen


Carta 14: Perbelanjaan Operasi bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Manfaat Takaful dan Insurans bagi tahun 2011




Menurut Akta PIDM serta Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Peruntukan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) 2011 (Perintah Peruntukan Kos), PIDM perlu mengkredit atau memperuntukkan semua pendapatan dan perbelanjaannya kepada Kumpulan Dana yang berkaitan. Berdasarkan Perintah Peruntukan Kos, perbelanjaan langsung dicajkan terus kepada Kumpulan Dana masing-masing manakala perbelanjaan tidak langsung dicajkan sama ada kepada Kumpulan Dana Insurans Deposit atau Kumpulan Dana Manfaat Takaful dan Insurans atau dicajkan kepada kesemua enam Kumpulan Dana, berasaskan kepada premium yang diterima. Nota 2.2 (d) di dalam penyata kewangan memperincikan asas dan peratusan peruntukan yang digunakan untuk memperuntukkan perbelanjaan tidak langsung kepada Kumpulan Dana masing-masing menurut Perintah Peruntukan Kos.

Daripada perspektif enam Kumpulan Dana yang diuruskan oleh PIDM, pembahagian jumlah perbelanjaan operasi kepada Kumpulan Dana masing-masing bagi tahun 2011 dihuraikan di dalam Carta 15 di bawah.

Carta 15: Perbelanjaan Operasi yang Diperuntukkan kepada Enam Kumpulan Dana Perlindungan bagi tahun 2011



Carta 16: Aliran Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional dan Islam dari tahun 2007 hingga 2011




Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit pada 31 Disember 2011 berjumlah RM518.5 juta yang merupakan peningkatan sebanyak 20.4% daripada tahun sebelumnya. Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional meningkat sebanyak 20.1% kepada RM450 juta manakala Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam naik sebanyak 22.1% kepada RM68.5 juta.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN KEWANGAN


Carta 17: Baki Kumpulan Dana Manfaat Takaful dan Insurans pada 31 Disember 2011



Kumpulan Dana Manfaat Takaful dan Insurans bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2011 berjumlah RM991.2 juta. Amaun ini termasuk aset-aset Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang dipindahkan kepada PIDM berjumlah RM922.4 juta. Baki setiap Kumpulan Dana Manfaat Takaful dan Insurans dinyatakan di dalam Carta 17 seperti di atas.

SOROTAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Carta 18: Komposisi Aset




Tunai, Kesetaraan Tunai dan Pelaburan pada 31 Disember 2011

Aset kami kekal cair dengan tunai, kesetaraan tunai dan pelaburan pada 31 Disember 2011 berjumlah RM1.5 bilion atau 97.6% daripada jumlah aset.

Pada 31 Disember 2011, jumlah tunai dan kesetaraan tunai termasuk pelaburan jangka pendek kurang daripada 90 hari bagi kesemua Kumpulan Dana berjumlah RM339.4 juta (Kumpulan Dana Insurans Deposit: RM265.6 juta dan Kumpulan Dana Manfaat Takaful dan Insurans: RM73.8 juta). Sumber-sumber dan kegunaan tunai dan kesetaraan tunai dihuraikan dalam Penyata Aliran Tunai di Bahagian 5 Laporan Tahunan ini.

Jumlah pelaburan PIDM pada 31 Disember 2011 berjumlah RM1.1 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 405% berbanding RM226.4 juta bagi tahun 2010. Peningkatan ketara ini disebabkan sekuriti pelaburan yang diterima daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans. Daripada jumlah ini, RM98 juta merupakan pelaburan yang dikelaskan sebagai tersedia-untuk-dijual. Pelaburan ini terdiri daripada Sekuriti Hutang Swasta yang merupakan sebahagian daripada portfolio Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang dipindahkan kepada PIDM yang akan dilupuskan dan dilabur semula dalam pelaburan yang sejajar dengan Polisi Pelaburan PIDM yang diluluskan. Pelaburan tersedia-untuk-dijual tersebut dinyatakan dalam penyata kewangan pada 31 Disember 2011 pada nilai saksamanya, yang ditentukan menerusi rujukan kepada harga pasaran indikatif pada tarikh tersebut yang diperolehi daripada agensi penetapan harga bon di Malaysia. Harga pasaran indikatif ini mewakili Tahap 2 hierarki bagi tujuan pendedahan nilai saksama, menurut *Financial Reporting Standards (FRS) 7 Financial Instrument: Disclosures*. Pelaburan selebihnya dikelaskan sebagai pelaburan dipegang hingga matang dan dinyatakan dalam penyata kewangan pada nilai kos yang diselaraskan bagi pelunasan premium atau akresi diskaun.

Carta 19: Pengelasan Pelaburan pada 31 Disember 2011



Semua pelaburan (kecuali sekuriti pelaburan yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans) dilaburkan dalam sekuriti yang mematuhi Polisi Pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pelaburan-pelaburan ini pada 31 Disember 2011 terdiri daripada Nota Bank Negara Malaysia dan Sekuriti Pelaburan Kerajaan Malaysia dengan tempoh jangka pendek daripada 113 hari hingga 357 hari. Tempoh paling panjang adalah sehingga November 2012. Bagi pelaburan daripada portfolio Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang dipindahkan kepada PIDM, tempoh paling panjang bagi sekuriti pelaburan yang dipegang akan matang pada Ogos 2021.

Hartanah dan peralatan serta aset-aset lain pada 31 Disember 2011

Hartanah dan peralatan kami pada 31 Disember 2011 berjumlah RM23.8 juta (2010: RM24.1 juta). Tambahan utama kepada hartanah dan peralatan bagi tahun 2011 adalah bagi aset yang masih dalam pembinaan, terutamanya bagi pembangunan sistem pembayaran balik kami.

Aset-aset lain terdiri daripada deposit dan prapembayaran, pendapatan pelaburan belum terima, aset-aset lain dan akaun belum terima lain berjumlah RM12 juta. Baki pada akhir tahun ialah 237.3% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya disebabkan peningkatan pendapatan pelaburan belum terima hasil daripada sekuriti pelaburan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans.

Liabiliti pada 31 Disember 2011

Jumlah liabiliti meningkat sebanyak RM1.2 juta kepada RM8.4 juta bagi tahun 2011 yang terdiri daripada akaun belum bayar bagi utiliti, perkhidmatan komunikasi, sistem IT, peruntukan bagi cuti yang tidak digunakan serta perkhidmatan yang disediakan berkaitan dengan penggunaan khidmat pakar runding dan bekalan barangan.

SUMBER PEMBIAYAAN DAN KEUPAYAAN KEWANGAN

Rangka kerja pembiayaan

Sumber kewangan yang mencukupi adalah perlu bagi memastikan operasi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang kukuh dan mantap. Ketersediaan sumber seperti ini adalah penting untuk memastikan tahap keyakinan yang tinggi terhadap kemampuan PIDM untuk menangani risiko yang dihadapinya. Sebagai organisasi perlindungan konsumen kewangan, kami mempunyai pendedahan langsung terhadap kerugian akibat fungsi melindungi deposit yang dipegang oleh bank-bank ahli serta manfaat takaful dan insurans yang disediakan oleh ahli penginsurans. Sehingga tarikh ini, tiada sebarang peristiwa yang memerlukan PIDM merekodkan peruntukan khusus di dalam penyata kewangan menurut FRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Sebagai sebuah badan berkanun, sumber pembiayaan kami dan keupayaan masa hadapan bagi memenuhi liabiliti dan komitmen yang berbangkit jelas dinyatakan di dalam Akta PIDM. Bagi mentadbir dan membiayai program perlindungan konsumen kewangan, objektif utama rangka kerja pembiayaan PIDM ialah untuk (i) memastikan ketersediaan sumber kewangan yang mencukupi bagi membolehkan PIDM membiayai operasi harian dan (ii) membina rizab bagi memastikan PIDM berupaya memenuhi obligasi masa hadapan kepada pendeposit serta pemilik sijil

takaful dan polisi insurans. Rangka kerja pembiayaan tersebut mengambil kira peranan PIDM dalam jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangannya berkaitan dengan sumber pembiayaan, serta menyediakan objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luarnya.

(a) **Pembiayaan dalaman** dibangunkan menerusi pengumpulan lebihan bersih daripada operasi PIDM. Lebihan bersih tahunan dikredit dan dikumpulkan ke dalam Kumpulan Dana Perlindungan masing-masing sebagai rizab untuk memenuhi obligasi masa hadapan yang mungkin berbangkit akibat daripada menyediakan program perlindungan konsumen kewangan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, perbelanjaan operasi dikreditkan kepada Kumpulan Dana Perlindungan masing-masing menurut asas peruntukan kos seperti dihuraikan dalam Nota 2.2 (d) di dalam penyata kewangan.

Kumpulan Dana Insurans Deposit

Kumpulan Dana Insurans Deposit ialah rizab terkumpul bertujuan untuk menampung kerugian insurans bersih akibat daripada menyediakan perlindungan insurans deposit. Menurut Akta PIDM, PIDM menyenggara Kumpulan Dana Insurans Deposit berasingan bagi kedua-dua Sistem Insurans Deposit Konvensional dan Islam. Kumpulan Dana Insurans Deposit dikumpul daripada lebihan operasi bersih tahunan yang terdiri daripada lebihan hasil premium dan pendapatan pelaburan serta mengambil kira perbelanjaan operasi bagi tahun tertentu.

Dalam tahun 2011, PIDM telah membentuk satu rangka kerja bagi menentukan paras rizab Kumpulan Dana Insurans Deposit yang perlu dikumpulkan bagi tempoh jangka panjang untuk mencapai mandatnya. Paras rizab ini (yang dikenali sebagai Dana Sasaran) merupakan paras dana yang perlu bagi menampung kerugian insurans bersih daripada aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Dana Sasaran biasanya dihuraikan sebagai peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan, dan bagi PIDM, dikhususkan sebagai jajaran paras sasaran (jajaran lebih rendah dan lebih tinggi).

Pada 31 Disember 2011, jajaran Dana Sasaran telah ditetapkan antara 0.6% hingga 0.9% bagi Jumlah Deposit Diinsuranskan bagi kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional dan Islam. Berdasarkan kepada paras Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember 2010, jajaran ialah di antara RM2 bilion hingga RM3 bilion bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional dan antara RM240 juta hingga RM360 juta bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam.

	KUMPULAN DANA PADA 31 DISEMBER 2011		PARAS DANA SASARAN			
	KONVENSIONAL RM JUTA / %	ISLAM RM JUTA / %	KONVENSIONAL RM JUTA / %		ISLAM RM JUTA / %	
Kumpulan Dana Insurans Deposit	450	68.5	2,000	3,000	240	360
Peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan*	0.14%	0.17%	0.60%	0.90%	0.60%	0.90%

* Berdasarkan kepada paras Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember 2010

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN KEWANGAN

Butiran lanjut mengenai Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dijelaskan seperti di bawah.

Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
Dengan operasi Akta PIDM baharu yang berkuat kuasa pada 31 Disember 2010, empat Kumpulan Dana baharu diwujudkan bagi pentadbiran Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, iaitu Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am, Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat, Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am dan Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Keluarga (secara bersama dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans). Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans mula dikumpulkan menerusi pembayaran premium oleh ahli penginsurans bagi tahun taksiran 2011.

Pada 30 September 2011, Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang sebelum ini ditadbir oleh BNM telah dipindahkan kepada PIDM untuk membentuk sebahagian daripada Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menurut Seksyen 212 Akta PIDM. Daripada jumlah Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans pada 30 September 2011 yang berjumlah RM922.4 juta, RM921.3 juta telah dikreditkan ke dalam Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am manakala RM1.1 juta telah dikreditkan ke dalam Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat.

Baki Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:

	INSURANS AM RM JUTA	INSURANS HAYAT RM JUTA	TAKAFUL AM RM JUTA	TAKAFUL KELUARGA RM JUTA
Kumpulan Dana Perlindungan	948	36.7	2.1	4.4

PIDM akan membangunkan satu rangka kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, serupa seperti Kumpulan Dana Insurans Deposit, dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

(b) Pembiayaan luaran boleh dibuat melalui pinjaman daripada Kerajaan, pasaran modal atau sumber-sumber lain yang dianggap perlu dan wajar. Akta PIDM memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menyediakan pinjaman kerajaan kepada PIDM bagi memenuhi obligasinya. Pinjaman seumpama itu akan berdasarkan kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri Kewangan. PIDM juga boleh membuat pembiayaan daripada pasaran modal, iaitu melalui penerbitan sekuriti hutang awam yang dijamin Kerajaan apabila keadaan persekitaran atau pasaran adalah kondusif.

Dengan adanya pembiayaan dalaman dan luaran yang tersedia kepada PIDM, keupayaan kewangan PIDM untuk memenuhi obligasinya adalah terjamin.

Dana Sasaran bagi Sistem Insurans Deposit

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, PIDM telah membentuk satu rangka kerja Dana Sasaran bagi menentukan paras dana yang perlu dikumpulkan bagi memenuhi obligasinya dalam menyediakan perlindungan insurans deposit kepada pendeposit. PIDM menasarak untuk mengumpul dana yang mencukupi bagi menampung kerugian insurans bersih akibat daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

Penentuan Dana Sasaran adalah berdasarkan kepada keadaan makro-ekonomi dalam pasaran yang kemungkinan secara langsung atau tidak langsung memberi kesan kepada kadar potensi kegagalan bank-bank ahli. Dana Sasaran ini yang ditetapkan sebagai jajaran dan dinyatakan sebagai peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan bergantung kepada beberapa faktor, yang antara lainnya profil risiko setiap bank ahli, jangkaan pendedahan kewangan kepada PIDM dalam menyediakan perlindungan insurans deposit serta jangkaan pendapatan semula daripada sebarang potensi aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Dana Sasaran ini tidak statik dan akan dikaji semula serta disahkan setiap tahun bagi memastikan paras dana ini relevan dan sejajar dengan sebarang perubahan dalam andaian dan input. Premium ditaksir bagi bank ahli juga akan diselaraskan bagi membolehkan Kumpulan Dana Insurans Deposit dikumpul untuk mencapai paras Dana Sasaran dalam tempoh masa yang wajar. Tempoh masa seumpama itu akan ditetapkan selepas rundingan dengan pemegang kepentingan utama.

Dalam menentukan jajaran bagi Dana Sasaran, PIDM mengguna pakai pendekatan saintifik menerusi penggunaan pemodelan statistik serta pendekatan mengikut budi bicara.

Pendekatan pemodelan – PIDM menggunakan pemodelan statistik bagi menilai anggaran pendedahan kewangan bersih terhadap PIDM dalam menyediakan perlindungan insurans deposit. Dalam menentukan model yang bersesuaian bagi PIDM, perbandingan telah dilakukan terhadap model-model digunapakai oleh penginsurans deposit lain. Hasil daripada perbandingan tersebut, PIDM telah mengguna pakai kaedah pemodelan yang mencerminkan cara PIDM mengurus risikonya. Model ini mengandaikan dua pendekatan meluas yang mungkin diguna pakai dalam menangani bank ahli bermasalah: (a) pembubaran bank ahli dan (b) resolusi bagi memastikan urusniaga yang berterusan. Model statistik ini menentukan jangkaan kerugian bagi PIDM dengan menggunakan pembolehubah input utama berikut:

- (i) **Kebarangkalian Kegagalan (*Probability of Default*)** – Kebarangkalian Kegagalan mengukur kadar kebarangkalian bank ahli gagal dalam tempoh masa khusus. Dalam menentukan kebarangkalian kegagalan, data penarafan telah diperolehi daripada Institusi Penilaian Kredit Luaran antarabangsa – seperti Standard & Poors, Moody's serta Fitch. Jika terdapat lebih daripada satu penarafan bagi sesebuah institusi, penarafan purata digunakan.
- (ii) **Pendedahan Semasa Kegagalan (*Exposure at Default*)** – Pendedahan Semasa Kegagalan merupakan pendedahan kewangan kepada PIDM sekiranya berlaku kegagalan bank ahli. PIDM mengguna pakai Pendedahan Semasa Kegagalan yang berbeza bagi pendekatan resolusi secara pembubaran dan resolusi bagi memastikan urus niaga yang berterusan.

PIDM menggunakan Jumlah Deposit Diinsuranskan (pada had RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli) sebagai Pendedahan Semasa Kegagalan bagi pendekatan resolusi secara pembubaran dan permodalan semula sebagai proksi bagi pendekatan resolusi bagi memastikan urus niaga yang berterusan.

- (iii) **Kerugian Akibat Kegagalan (*Lost Given Default*)** – Kerugian Akibat Kegagalan ditakrif sebagai kerugian bersih kepada PIDM selepas mengambil kira pendapatan semula sebarang tindakan intervensi dan resolusi kegagalan bagi bank ahli tidak berdaya maju. Kerugian Akibat Kegagalan yang diguna pakai juga mengambil kira pendekatan resolusi secara pembubaran dan resolusi bagi memastikan urus niaga yang berterusan.

Dalam menganggarkan Dana Sasaran menggunakan model statistik, PIDM menggunakan pendekatan simulasi *Monte Carlo* yang melibatkan pemrosesan sepuluh juta senario kerugian secara rawak bagi membina agihan kerugian statistik. Bagi setiap percubaan senario, kerugian insurans ditentukan menerusi pembolehubah input yang diuraikan di atas. Daripada agihan kerugian inilah ditentukan paras dana yang perlu untuk menampung kerugian berasaskan kepada tahap keyakinan tertentu. Dalam mengenal pasti paras dana yang wajar, PIDM menggunakan tahap keyakinan 98.75%.

Pendekatan mengikut budi bicara – Dalam menentukan jajaran Dana Sasaran, PIDM juga mengambil kira faktor kualitatif seperti mandat dan kuasa perundangan PIDM, landskap industri perbankan dan persekitaran operasi serta rejim kawal selia dan penyeliaan kewangan di Malaysia. Faktor-faktor kualitatif ini digunakan secara langsung dalam model statistik atau digunakan dalam penentuan jajaran Dana Dasar.

Risiko dan Sensitiviti

Proses menganggarkan paras Dana Sasaran tertakluk kepada ketidakpastian kerana input-input kepada model tersebut adalah berasaskan kepada set andaian. Risiko dan sensitiviti model yang menjadi dasar Dana Sasaran adalah seperti berikut:

a) Faktor-faktor yang memberi kesan kepada paras Dana Sasaran

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, beberapa pemboleh ubah input utama digunakan dalam pemodelan jangkaan kerugian insurans bersih. Justeru, model tersebut didasarkan dan bergantung kepada beberapa faktor utama seperti berikut:

- (i) **Persekitaran operasi** – Model tersebut berasaskan kepada andaian bahawa persekitaran yang mana bank ahli beroperasi tidak berubah dengan ketara pada masa terdekat. Ini termasuk keadaan ekonomi dan profil risiko individu bank ahli, landskap industri perbankan serta rejim pengawalseliaan. Perubahan ketara atau drastik kepada ciri-ciri tersebut atau ciri-ciri yang lain yang relevan mungkin menghasilkan paras Dana Sasaran yang berbeza berbanding apa yang dianggarkan sebelum ini. PIDM berpandangan bahawa keadaan ekonomi semasa dan risiko-risiko yang memberi kesan kepada bank-bank ahli dijangka tidak berubah dengan ketara pada masa terdekat. Namun demikian, persekitaran operasi akan dikaji semula dan disahkan terhadap model yang digunakan setiap tahun;

- (ii) **Jumlah Deposit Diinsuranskan** – adalah petunjuk Pendedahan Semasa Kegagalan yang digunakan dalam pemodelan paras Dana Sasaran. Justeru, perubahan ketara dalam Jumlah Deposit Diinsuranskan akan memberi kesan langsung kepada Pendedahan Semasa Kegagalan serta paras Dana Sasaran; dan

- (iii) **Mandat dan Kuasa** – Mandat dan kuasa PIDM digariskan di dalam Akta PIDM, yang antara lainnya membolehkan PIDM melaksanakan intervensi dan resolusi terhadap institusi bermasalah dengan segera bagi meminimumkan kesan kegagalan institusi tersebut terhadap sistem kewangan. Pemodelan dan anggaran Dana Sasaran dibuat berdasarkan kepada mandat dan kuasa terkini yang digariskan di dalam Akta PIDM. Sebarang perubahan ketara kepada mandat dan kuasa PIDM mungkin menjejaskan andaian pemodelan dan anggaran paras Dana Sasaran. Bagaimanapun, PIDM tidak menjangka akan berlakunya sebarang perubahan ketara dalam mandat dan kuasanya dalam tempoh terdekat ini.

b) Faktor-faktor yang memberi kesan kepada Masa-Capaian-Dana

PIDM ketika ini sedang mengkaji semula rangka kerja bagi menentukan Masa-Capaian-Dana yang sesuai dan wajar untuk ditetapkan bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit.

Masa-Capaian-Dana merujuk kepada tempoh masa (biasanya ditetapkan sebagai bilangan tahun) yang diperlukan untuk mencapai paras Dana Sasaran yang ditentukan, dengan mengambil kira paras yang premium dicajkan kepada bank ahli serta paras lebihan bersih yang akan dikumpulkan setiap tahun. Masa-Capaian-Dana ini didasarkan dan bergantung kepada faktor-faktor berikut:

- (i) **Pertumbuhan Jumlah Deposit Diinsuranskan** – Apabila kadar pertumbuhan Jumlah Deposit Diinsuranskan lebih tinggi daripada yang dijangkakan, anggaran Masa-Capaian-Dana akan turut bertambah. Sebaliknya, anggaran tersebut akan berkurangan sekiranya kadar pertumbuhan Jumlah Deposit Diinsuranskan lebih rendah daripada yang dijangkakan;
- (ii) **Pendapatan pelaburan** – Premium diterima daripada bank ahli dilaburkan dalam pelaburan pendapatan tetap yang berisiko rendah dan stabil. Sehubungan itu, pulangan bagi pelaburan yang berbeza daripada dijangkakan akan memberi kesan sebaliknya kepada Masa-Capaian-Dana, yang mana kadar pulangan pelaburan yang lebih tinggi berbanding yang dijangkakan akan menghasilkan Masa-Capaian-Dana yang lebih singkat; dan
- (iii) **Perbelanjaan operasi** – Di masa hadapan, perbelanjaan operasi PIDM dijangka meningkat sedikit dan akan mula stabil selepas semua sumber yang diperlukan diperolehi dan semua infrastruktur, sistem dan proses utama telah dilaksanakan.

Di masa hadapan, PIDM akan terus melapor kemajuannya dalam mencapai paras Dana Sasaran.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT 2012 - 2014

Di PIDM, kami menitikberatkan perancangan sebagai suatu yang penting bagi membolehkan Perbadanan menunjukkan daya tahan, kebolehsuaian dan kekukuhan dalam pelbagai persekitaran operasi dan bersedia dari segi operasi untuk memenuhi mandat berkanunnya sebagai organisasi perlindungan konsumen kewangan nasional. Rancangan Korporat tersebut menyediakan pelan tindakan bagi menyempurnakan keutamaan kami untuk tempoh tiga tahun akan datang dan menyediakan hala tuju strategik yang menumpukan kepada tugas Perbadanan. Rancangan ini juga menghuraiakan kaedah-kaedah yang akan digunakan bagi tujuan mencapai matlamat dan hasil yang disasarkan oleh Perbadanan serta mengenal pasti faktor-faktor di luar kawalan PIDM yang boleh menjejaskan pencapaian Rancangan kami.

Dalam penyelarasan inisiatif rancangan kami kepada hala tuju strategik dan objektif korporat kami, kami terus mengguna pakai pendekatan bersepadu dalam membangunkan Rancangan Korporat tiga tahun kami yang mana kami mengenal pasti dan menilai cabaran dan risiko-risiko utama yang dihadapi oleh PIDM menggunakan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi. Seperti tahun-tahun sebelumnya, kami mengguna pakai pendekatan perancangan senario dengan sasaran mengambil tindakan secara efektif sekiranya berlaku intervensi dalam sesebuah institusi ahli yang bermasalah yang mungkin menjejaskan Rancangan diluluskan kami. Berikut ialah ringkasan Rancangan kami yang harus dirujuk bersama dengan Rancangan Korporat 2012 - 2014 kami, yang boleh didapati daripada laman sesawang kami di www.pidm.gov.my.

STRATEGI KAMI

Memandangkan mandat kami yang diperluaskan untuk mentadbir sistem perlindungan konsumen kewangan bersepadu, tempoh beberapa tahun akan datang juga dijangka mencabar bagi PIDM. Dalam Rancangan ini, kami mentakrifkan hala tuju strategik, objektif korporat dan inisiatif utama kami bagi tempoh tiga tahun akan datang bagi menghadapi cabaran-cabaran ini. Bagi tempoh perancangan 2012 - 2014, hala tuju strategik berteraskan inisiatif-inisiatif untuk:

- memantapkan kapasiti dan keupayaan organisasi dengan tumpuan kepada kecekapan kakitangan;
- mengukuhkan kesediaan operasi Perbadanan; dan
- menggalakkan kesedaran awam dan pendidikan.

Kami juga akan meneruskan pembangunan dan pelaksanaan polisi, proses, sistem dan infrastruktur yang perlu bagi operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans di samping memantapkan dan mengukuhkan pengalaman dan kepakaran kakitangan kami.

TUMPUAN KAMI

Bidang-bidang berikut akan menjadi tumpuan usaha kami dalam tempoh perancangan 2012 - 2014.

Memantapkan kapasiti dan keupayaan organisasi dengan tumpuan kepada kecekapan kakitangan

Kakitangan kami adalah aset yang paling berharga justeru, kami mensasar untuk memantapkan keupayaan Perbadanan dengan memperkasakan kakitangan kami bagi membangunkan kemahiran, pengetahuan dan profesionalisme mereka. Rancangan Strategik Modal Insan menumpukan kepada menarik minat, membangunkan dan mengekalkan tenaga kerja yang boleh memenuhi mandat PIDM. Rancangan ini menumpukan kepada kemampunan jangka panjang dan keperluan bagi Perbadanan untuk membangunkan tenaga kerjanya, dan mengekal serta memantapkan kepakaran yang dimiliki oleh kakitangan kami. Pembelajaran dan pembangunan akan terus diberi penekanan dan model Kecekapan akan memacu usaha mengenal pasti keperluan latihan, yang mana kakitangan akan mempunyai akses kepada peluang latihan lebih luas bagi memastikan mereka memperoleh pengetahuan dan pemahaman yang perlu mengenai Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta peranan PIDM dalam mentadbir sistem perlindungan konsumen kewangan. Selain itu, rancangan tersebut juga akan terus menggalakkan persekitaran dan budaya tempat kerja yang optimum, serta ganjaran yang kompetitif untuk melantik dan mengekalkan tenaga kerja.

Mengukuhkan kesediaan operasi Perbadanan

Satu bahagian utama tanggungjawab PIDM adalah untuk bersedia mengambil tindakan terhadap institusi ahli bermasalah agar konsumen kewangan boleh dilindungi, dan pada masa yang sama, membolehkan resolusi teratur dibuat bagi institusi ahli yang bermasalah. Bagi tujuan ini, PIDM akan meneruskan tumpuan kepada pemantapan aspek-aspek kesediaan utama termasuk menilai dan memantau risiko-risiko yang memberi kesan kepada institusi ahli serta mengembangkan kapasiti aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan kami. Penambahbaikan infrastruktur dan operasi Perbadanan juga penting bagi memastikan Perbadanan bersedia dari segi operasi dan mempunyai keupayaan menangani dengan segera institusi ahli yang bermasalah.

- **Penilaian dan Pemantauan Risiko:** Adalah penting bagi PIDM untuk mengenal pasti dan bertindak dengan segera terhadap risiko yang boleh memberi kesan kepada institusi ahli. Perbadanan memantau secara berterusan persekitaran ekonomi dan kewangan, serta menjalankan kajian semula menyeluruh profil risiko dan prestasi kewangan setiap institusi ahli dan keseluruhan industri institusi ahli. Tumpuan utama pada masa ini adalah untuk membangunkan sistem dan infrastruktur yang perlu bagi menyokong penilaian dan pemantauan risiko

ahli penginsurans, membangunkan rangka kerja dan garis panduan Sistem Levi Berbeza serta garis panduan program pengesahan luaran bagi ahli penginsurans. Kami juga akan meneruskan kajian semula dan pemantapan rangka kerja penilaian risiko dan garis panduan Sistem Premium Berbeza bagi bank ahli. Bagi menempatkan Perbadanan di kedudukan strategik sebagai peneraju dalam bidang insurans deposit Islam, Perbadanan akan terus menumpukan usahanya dalam menerajui pembangunan nota panduan, kertas penyelidikan dan prinsip teras berkaitan operasi insurans deposit Islam.

- **Intervensi dan Resolusi Kegagalan:** Dalam memenuhi mandat kami secara efektif dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan, PIDM perlu berada dalam keadaan bersedia untuk melaksanakan intervensi lebih awal dalam urusan institusi ahli yang bermasalah. Perbadanan juga perlu berurusan dengan peserta jaringan keselamatan kewangan lain dan pemegang kepentingan utama dengan sewajarnya. Kami telah membangunkan pelan hala tuju, dengan tumpuan terhadap kesediaan dalaman, penyelarasan efektif dan kerjasama dengan agensi Kerajaan yang relevan dan membangunkan strategi Intervensi dan Resolusi Kegagalan yang terperinci berkaitan institusi ahli, bagi menilai dan memantau tahap kesediaan kami menangani institusi ahli yang bermasalah. Bagi Sistem Insurans Deposit, kami akan meneruskan pembangunan komponen akhir aktiviti Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi membolehkan Perbadanan melaksanakan pelbagai opsyen Intervensi dan Resolusi Kegagalan dengan efektif. Perbadanan juga akan menumpukan usaha untuk meningkatkan keupayaannya mengendalikan pembayaran balik deposit dengan segera dan tepat. Berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, tumpuan adalah untuk membangunkan polisi dan prosedur bagi pelbagai opsyen Intervensi dan Resolusi Kegagalan seperti Kajian Terperinci, Pindahan Urus Niaga, Institusi Perantara dan Penstrukturan Semula. Perbadanan juga akan memulakan pembangunan rangka kerja, proses dan infrastruktur bagi melaksanakan mandat pembayaran balik depositnya kepada pemilik polisi. Selain itu, bagi menyokong rangka kerja dan proses intervensi, Perbadanan memastikan latihan kakitangan yang berterusan dan menjalankan sesi simulasi bagi meningkatkan kesediaan intervensinya.

- **Menambah Baik Infrastruktur dan Operasi:** Pelan Strategik Teknologi Maklumat memperuntukkan keupayaan teknologi maklumat kepada bahagian-bahagian fungsian bagi menyokong pencapaian visi, misi dan objektif korporat serta menyumbang kepada kapasiti kami untuk melaksanakan intervensi dengan segera terhadap institusi ahli yang bermasalah. Bagi menyokong kesediaan operasi Perbadanan, infrastruktur Teknologi Maklumat harus kekal terkini dalam persekitaran teknologi yang berkembang dan sejajar dengan amalan terbaik industri. Tambahan lagi, kolaborasi proses dan sistem penting dalam mewujudkan platform perkongsian maklumat yang bersepadu dan selamat.

Bagi memastikan Perbadanan dilengkapi dengan infrastruktur yang perlu untuk meneruskan fungsi-fungsi kritikal urusannya sekiranya berlaku bencana, program

Pengurusan Kesenambungan Urusan PIDM akan menumpukan pembangunan Tapak Pemulihan Bencana tetap, yang juga dirancang sebagai tapak alternatif penuh yang boleh digunakan bagi fungsi operasi lain seperti lokasi latihan, mesyuarat luar pejabat, pejabat kedua serta kemudahan simpanan luar pejabat. Sementara itu, ujian tahunan akan dijalankan di tapak sementara Perbadanan, yang beroperasi penuh pada September 2011, bagi memastikan Pelan Pengurusan Kesenambungan Urusan kekal terkini dan relevan.

Menggalakkan kesedaran awam dan pendidikan

Kesedaran awam tentang PIDM, Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans kekal sebagai keutamaan dalam menggalakkan keyakinan terhadap PIDM dan sistem kewangan negara. Ini seterusnya menyumbang kepada kestabilan kewangan. Pelan Komunikasi Bersepadu 2012 - 2016 dipacu oleh tiga teras strategik yang menyokong strategi dan inisiatif komunikasinya, iaitu meningkatkan kesedaran tentang Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta menggalakkan keyakinan dalam peranan PIDM; menyumbang secara aktif kepada pemantapan kesedaran dan celik kewangan menerusi inisiatif dan program pendidikan; dan meningkatkan interaksi dengan institusi ahli dan rakan kongsi strategik yang relevan. Bagi tujuan ini, Perbadanan akan terus menyebarkan maklumat secara langsung, jelas dan mudah difahami serta mengukuhkan penampilan jenamanya serta kesedaran tentang Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Sebagai organisasi perlindungan konsumer kewangan, Perbadanan juga akan terus mendidik orang awam mengenai Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta peranan PIDM, dan pada masa yang sama, mendidik pelajar tentang kepentingan menabung dan pengurusan kewangan berhemat. Perbadanan juga akan bekerjasama dan berinteraksi dengan pemegang kepentingan utama menerusi pelbagai aktiviti berkaitan kesedaran termasuk mengadakan taklimat, sesi latihan dan seminar bagi kakitangan institusi ahli dan orang awam.

Butiran terperinci inisiatif utama dalam menyokong objektif korporat kami diuraikan dalam Kad Skor Korporat 2012 - 2014 yang terdapat dalam Lampiran.

SOKONGAN PELAN KEWANGAN

Pelan Kewangan 2012 telah dibangunkan untuk menyokong pencapaian inisiatif 2012 serta pengurusan operasi harian kami. Hasil premium dibajetkan sebanyak RM199.3 juta, terdiri daripada unjuran RM115.1 juta daripada bank ahli dan RM84.2 juta daripada ahli penginsurans. Digabungkan dengan pendapatan pelaburan yang dibajetkan sebanyak RM49.4 juta, jumlah pendapatan PIDM dijangka berjumlah RM248.7 juta bagi tahun 2012. Jumlah perbelanjaan operasi dibajetkan pada RM95 juta manakala perbelanjaan modal dibajetkan pada RM22.2 juta. Pada akhir tahun 2012, kami mengunjurkan lebih bersih daripada operasi sebanyak RM153.7 juta, yang akan meningkatkan jumlah Kumpulan Dana Perlindungan yang ditadbir oleh PIDM kepada RM1,655.8 juta merangkumi RM611.1 juta bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan RM1,044.7 juta bagi Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT 2012 - 2014

MASA HADAPAN

Melangkah ke tahun ketujuh operasi kami, kami telah mencatatkan kemajuan cemerlang dan usaha-usaha, pencapaian dan sumbangan kami turut mendapat pengiktirafan, di dalam dan di luar negara, seperti yang dibuktikan daripada penerimaan anugerah “Organisasi Insurans Deposit Terbaik Tahun 2011” yang disampaikan oleh Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (IADI). Pada masa hadapan, kami akan menasarkankan pencapaian inisiatif utama kami seperti yang ditetapkan dalam Rancangan Korporat kami dengan menumpukan usaha dan sumber kami bagi mengukuhkan tahap kesediaan Perbadanan dalam menyumbang kepada keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan.



Bahagian 5
PENYATA KEWANGAN



PENYATA KEWANGAN

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Dengan ini, para Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

AKTIVITI UTAMA

PIDM ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM 2005). Berkuat kuasa dari 31 Disember 2010, Akta PIDM 2005 telah digantikan oleh Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM 2011). Peruntukan Akta PIDM 2011 mengenai penyediaan penyata kewangan adalah serupa dengan peruntukan yang terdapat di dalam Akta PIDM 2005.

Tanggungjawab utama PIDM ialah untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Sistem Insurans Deposit menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM juga merupakan badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas.

Akta PIDM 2011 menyediakan perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan konvensional serta bagi manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga. Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Kumpulan Dana berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit serta empat Kumpulan Dana berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	2011 RM'000	2010 RM'000
Lebih bersih bagi tahun kewangan:		
Kumpulan Dana Insurans Deposit	87,774	60,845
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	991,779	-
Jumlah lebih bersih	1,079, 553	60,845

	2011 RM'000	2010 RM'000
Kumpulan Dana Insurans Deposit:		
Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional	450,003	374,645
Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam	68,504	56,088
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit	518,507	430,733

	2011 RM'000	2010 RM'000
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am	948,034	-
Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat	36,670	-
Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am	2,091	-
Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Keluarga	4,411	-
Jumlah Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	991,206	-

PARA PENGARAH

Nama para Pengarah PIDM yang berkhidmat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 ialah:

- Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha (Pengerusi – bersara pada 14 Ogos 2011)
- Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias (Pengerusi – dilantik pada 15 Ogos 2011)
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
- Dato' Halipah Esa
- Encik George Anthony David Dass
- Encik Lim Tian Huat
- Encik Alex Foong Soo Hah (dilantik pada 15 Ogos 2011)

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dan Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dilantik sebagai pengarah *ex officio* atas dasar jawatan mereka, menurut subseksyen 11(2) Akta PIDM 2011. Selain daripada ahli *ex officio*, ahli Lembaga Pengarah PIDM telah dilantik oleh Menteri Kewangan mengikut subseksyen 11(2) Akta PIDM 2011.

Selepas tahun kewangan berakhir dan sehingga tarikh laporan ini, dua pengarah baharu telah dilantik seperti berikut:

- Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff
(dilantik pada 1 Januari 2012)
- Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad
(dilantik pada 1 Januari 2012)

MANFAAT PENGARAH

Sepanjang tahun kewangan dan pada tarikh laporan ini, tiada Pengarah PIDM yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada ganjaran Pengarah yang dinyatakan dalam penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh PIDM dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah itu ialah seorang ahli atau dengan syarikat yang mana Pengarah itu memegang kepentingan kewangan yang ketara.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Selain daripada pindahan lebih bersih ke dalam Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta pindahan keuntungan dan kerugian yang tidak terealisasi bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual ke dalam Rizab Lain, tiada pindahan lain yang dibuat ke dalam atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan.

HUTANG LAPUK DAN RAGU

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah telah berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk untuk dihapus kira atau hutang ragu yang perlu dibuat peruntukan atau mereka sedar akan apa-apa keadaan yang memerlukan tindakan tersebut.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang berbangkit yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada dalam akaun PIDM mengelirukan atau tidak sesuai.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan PIDM yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

PERKARA LUAR BIASA

Selain daripada perkara yang termaktub secara khusus di dalam penyata kewangan ini, para Pengarah berpendapat bahawa hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian penting yang luar biasa.

Sepanjang tempoh antara tahun kewangan berakhir dengan tarikh laporan ini, hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan semasa yang mana laporan ini disediakan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian penting dan luar biasa.

Pada tarikh laporan ini, tidak berlaku sebarang caj ke atas aset PIDM yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain.

KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS AM DAN HAYAT

Menurut Sekysen 212 Akta PIDM 2011 dan seperti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, semua aset dalam Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang dahulunya ditadbir oleh Bank Negara Malaysia telah dipindahkan ke PIDM pada 30 September 2011. Wang dan pelaburan daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans tersebut yang mempunyai nilai saksama sebanyak RM922 juta pada 30 September 2011 telah dipindahkan ke PIDM tanpa sebarang bayaran dan seterusnya dikreditkan kepada Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am (RM921 juta) dan Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat (RM1 juta).

LIABILITI LUAR JANGKA

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah Sistem Insurans Deposit serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini. Sepanjang tahun semasa, tiada kejadian berlaku yang memerlukan PIDM membuat peruntukan khusus di dalam penyata kewangan selaras dengan Piawai Pelaporan Kewangan (*Financial Reporting Standards – FRS*) 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Sebagai sebahagian daripada mandat, PIDM melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerjasama rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera. Walaubagaimanapun, PIDM bergantung kepada badan kawal selia untuk mengambil tindakan awal yang perlu untuk mengelakkan daripada kegagalan institusi ahli. Bagi bank ahli, PIDM mengukuhkan disiplin kewangan menerusi sistem premium berbeza yang menyediakan insentif kepada bank ahli untuk mengguna pakai amalan pengurusan risiko yang utuh dan mantap termasuk penyenggaraan kedudukan modal yang kukuh. PIDM juga kini sedang membangunkan satu sistem premium berbeza yang serupa bagi ahli penginsurans untuk dilaksanakan pada tahun 2013.

Sekiranya berlaku kegagalan, PIDM diberi mandat dan mempunyai kuasa untuk melaksanakan intervensi dan membuat resolusi terhadap institusi ahli dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan Kumpulan Dana Perlindungannya menerusi pengumpulan lebih bersih operasi tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi. Lebih terkumpul disimpan di dalam setiap Dana bagi memenuhi kewajipan untuk menampung kerugian apabila ia berlaku.

PENYATA KEWANGAN

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Lebih terkumpul di dalam sesuatu Kumpulan Dana tidak boleh digunakan untuk menampung kewajipan terhadap Kumpulan Dana yang lain. Seperti yang dibincangkan di Nota 8 dalam penyata kewangan, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit. PIDM juga akan membangunkan satu rangka kerja Dana Sasaran yang serupa bagi Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, dalam tempoh beberapa tahun lagi.

Sekiranya sesuatu Kumpulan Dana tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi kewajipannya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Dalam memberikan pendapat berhubung penyata kewangan, para Pengarah telah bergantung kepada pernyataan Pengurusan mengenai proses dan sistem kawalan dalaman serta fungsi audit dalaman dan luaran yang direka bagi memastikan bahawa:

- i) Penyata kewangan telah disediakan mengikut peruntukan Akta PIDM 2011 dan Piawaian Pelaporan Kewangan (*Financial Reporting Standards - FRS*) yang berkenaan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. FRS ialah piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board - MASB*) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian; dan
- ii) Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam serta Kumpulan Dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah, seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM 2011.


JURUAUDIT

Menurut Akta PIDM 2011, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah



Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias
Pengerusi Lembaga Pengarah



Encik Lim Tian Huat
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
28 Februari 2012

PENYATA KEWANGAN

PERNYATAAN PENGARAH

Kami, Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias dan Encik Lim Tian Huat, dua daripada Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan disediakan dan dibentangkan mengikut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM) dan *Financial Reporting Standards* yang berkenaan, iaitu piawaian *Malaysian Accounting Standards Board* yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Para Pengarah juga berpendapat bahawa Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam serta Kumpulan Dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah, seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah



Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias
Pengerusi Lembaga Pengarah



Encik Lim Tian Huat
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
28 Februari 2012

PENYATA KEWANGAN

AKUAN BERKANUN OLEH PIHAK PENGURUSAN BERHUBUNG TANGGUNGJAWAB PELAPORAN KEWANGAN

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan maklumat berhubung penyata kewangan ini adalah tanggungjawab pihak Pengurusan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM) dan *Financial Reporting Standards* yang berkenaan iaitu piawaian *Malaysian Accounting Standards Board* yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam serta Kumpulan Dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan integriti dan kesaksamaan penyata kewangan, pihak Pengurusan menyenggara sistem kawalan dan amalan kewangan dan pengurusan serta fungsi audit dalaman yang direka untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa transaksi telah diluluskan dengan sewajarnya, aset adalah dilindungi dan rekod disenggarakan dengan teratur mengikut Akta PIDM serta Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Penyata kewangan ini telah diaudit dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara Malaysia dan hasil pengauditan telah diambil maklum dengan sewajarnya oleh pihak Pengurusan. Juruaudit mempunyai akses kepada semua dokumen dan rekod PIDM semasa melaksanakan audit. Juruaudit juga mempunyai akses kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang menyelia tanggungjawab pihak Pengurusan dalam menyenggara sistem kawalan dan kualiti pelaporan kewangan yang mencukupi serta mengesyorkan penyata kewangan ini kepada Lembaga Pengarah.

Penyata kewangan telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui resolusi yang dilaksanakan pada 28 Februari 2012.

Kami, Jean Pierre Sabourin dan Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi, dua pegawai utama yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan PIDM, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan, dengan sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah betul dan kami membuat pengakuan ini dengan berhemat dan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama yang dinyatakan di atas di Kuala Lumpur pada 28 Februari 2012



Jean Pierre Sabourin
Ketua Pegawai Eksekutif



Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi
Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Besar,
Bahagian Kewangan dan Pentadbiran

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah



Level 16, Menara TM Asia Life,
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Saya telah mengaudit penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan penyata kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
8 MAC 2012



PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER

	Nota	2011 RM'000	2010 RM'000
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	339,363	184,015
Pelaburan			
<i>Pelaburan tersedia-untuk-dijual</i>	4a	98,037	-
<i>Pelaburan pegangan-hingga-matang</i>	4b	1,045,023	226,368
Aset lain	5	11,976	3,551
Hartanah dan peralatan	6	23,750	24,059
Jumlah Aset		1,518,149	437,993
LIABILITI			
Akaun belum bayar	7	8,436	7,260
Jumlah Liabiliti		8,436	7,260
KUMPULAN DANA DAN RIZAB			
Kumpulan Dana Insurans Deposit			
<i>Lebihan terkumpul</i>	8a	518,507	430,733
<i>Rizab lain</i>		-	-
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans			
<i>Lebihan terkumpul</i>	8b	991,779	-
<i>Rizab lain</i>	8b	(573)	-
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		1,509,713	430,733
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		1,518,149	437,993

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA KEWANGAN

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2011 RM'000	2010 RM'000
Hasil premium	9	201,239	105,687
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	21,821	9,314
Keuntungan / (kerugian) daripada penjualan pelaburan tersedia-untuk-dijual	11a	3,715	-
Jumlah hasil		226,775	115,001
Manfaat kakitangan	12	31,037	26,409
Perhubungan awam dan pengiklanan		9,882	6,434
Susut nilai	6	5,159	2,791
Pajakan operasi		5,563	3,124
Perbelanjaan lain	13	18,018	15,398
Jumlah perbelanjaan		69,659	54,156
Lebih bersih operasi		157,116	60,845
Perkara luar biasa:			
Wang dan pelaburan diterima daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	19	922,437	-
Lebih bersih tahun semasa		1,079,553	60,845
Pendapatan komprehensif lain			
Keuntungan / (kerugian) bersih tidak terealisasi bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual	11b	(573)	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		1,078,980	60,845

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA KEWANGAN

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN DANA DAN RIZAB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

Kumpulan Dana Insurans Deposit

	Nota	Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional		Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam		Jumlah kumpulan dana dan rizab
		Lebihan terkumpul	Rizab lain	Lebihan terkumpul	Rizab lain	
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2010	8a	320,894	-	48,994	-	369,888
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		53,751	-	7,094	-	60,845
Pada 31 Disember 2010	8a	374,645	-	56,088	-	430,733
Pada 1 Januari 2011	8a	374,645	-	56,088	-	430,733
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		75,358	-	12,416	-	87,774
Pada 31 Disember 2011	8a	450,003	-	68,504	-	518,507

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA KEWANGAN

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN DANA DAN RIZAB BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER (sambungan)

Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Nota	Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am		Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat		Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am		Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Keluarga		Jumlah kumpulan dana dan rizab RM'000
	Lebihan terkumpul RM'000	Rizab lain RM'000	Lebihan terkumpul RM'000	Rizab lain RM'000	Lebihan terkumpul RM'000	Rizab lain RM'000	Lebihan terkumpul RM'000	Rizab lain RM'000	
Pada 1 Januari 2010	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2010	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 1 Januari 2011	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	948,607	(573)	36,670	-	2,091	-	4,411	-	991,206
Pada 31 Disember 2011	948,607	(573)	36,670	-	2,091	-	4,411	-	991,206

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA KEWANGAN

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	2011	2010
Nota	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Penerimaan premium daripada institusi ahli	201,239	105,687
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan	(61,167)	(53,167)
Penerimaan pendapatan pelaburan	19,532	7,532
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	159,604	60,052
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan	905,486	528,800
Pembelian sekuriti pelaburan	(940,597)	(549,013)
Penerimaan daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	37,153	-
Pembelian hartanah dan peralatan	(6,298)	(13,001)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(4,256)	(33,214)
Kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	184,015	157,177
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	339,363	184,015
3		

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

1. AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM 2005). Berkuat kuasa dari 31 Disember 2010, Akta PIDM 2005 telah digantikan oleh Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM 2011). Peruntukan Akta PIDM 2011 mengenai penyediaan penyata kewangan adalah serupa dengan peruntukan yang terdapat di dalam Akta PIDM 2005.

Tanggungjawab utama PIDM adalah untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Sistem Insurans Deposit menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM juga ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa intervensi dan resolusi kegagalan yang luas.

Akta PIDM 2011 menyediakan perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan konvensional serta bagi manfaat dilindungi berkaitan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful keluarga. Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua Kumpulan Dana berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit serta empat Kumpulan Dana berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Alamat pejabat PIDM ialah Aras 12, Quill 7, No. 9, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Lembaga Pengarah telah meluluskan Penyata Kewangan ini melalui resolusinya pada 28 Februari 2012.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN

2.1 Asas perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah kecuali bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual, yang mana pelaburan ini dinilai pada nilai saksama. Sebagai polisi, penyata kewangan ini disediakan menurut Akta PIDM 2011

dan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan (*Financial Reporting Standards – FRS*) yang berkenaan, iaitu piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board – MASB*) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian.

Penyata kewangan ini merangkumi aktiviti berhubung pentadbiran kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans oleh PIDM. Kumpulan Dana Perlindungan Islam disenggara dan ditadbir menurut keperluan Syariah dan mematuhi Akta PIDM 2011.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000), kecuali dinyatakan sebaliknya.

Pada 19 November 2011, MASB telah meluluskan rangka kerja perakaunan MASB yang baru, iaitu Rangka kerja Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia [*Malaysia Financial Reporting Standards Framework (MFRS Framework)*].

PIDM akan dikehendaki untuk menyediakan penyata kewangan yang menggunakan *MFRS Framework* dalam penyata kewangannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

Para Pengarah dan Pengurusan berpendapat bahawa prestasi kewangan dan kedudukan kewangan PIDM seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 tidak akan jauh berbeza jika disediakan menurut *MFRS Framework*.

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan

(a) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila PIDM menjadi pihak yang terikat kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

(i) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit boleh panggil di bank dan pelaburan mudah tunai jangka pendek yang sedia untuk ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang rendah. Penyata Aliran Tunai disediakan secara kaedah langsung. Ini termasuk pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang kurang daripada 90 hari.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

(ii) Pelaburan tersedia-untuk-dijual

Pelaburan tersedia-untuk-dijual terdiri daripada Sekuriti Hutang Swasta yang akan dijual mengikut keperluan polisi dalaman. Sekuriti ini diukur pada nilai saksama selepas ukuran awal. Sebarang keuntungan dan kerugian tidak terealisasi selepas mengaplikasikan kaedah pelunasan kos, diiktiraf secara terus dalam Rizab Lain kecuali kerugian penjejasan nilai. Apabila sekuriti dijual, sebarang keuntungan atau kerugian tidak terealisasi terkumpul yang dahulunya diiktiraf dalam Rizab Lain akan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian daripada penjualan pelaburan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. Faedah atau pulangan yang diperoleh semasa memegang pelaburan ini, termasuk pelunasan premium atau akresi diskaun yang dikira berdasarkan kaedah pulangan berkesan, akan diiktiraf sebagai pendapatan pelaburan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. Sebarang kerugian akibat daripada penjejasan nilai pelaburan ini diiktiraf sebagai kerugian di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dan dikeluarkan daripada Rizab Lain.

(iii) Pelaburan pegangan-hingga-matang

Pelaburan yang dikelaskan sebagai pegangan-hingga-matang terdiri terutamanya daripada sekuriti pelaburan Kerajaan Malaysia dan juga sekuriti pelaburan Bank Negara Malaysia yang mudah dipasarkan. PIDM melabur dalam sekuriti mata wang Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana yang bertujuan untuk dipegang sehingga tempoh matang dan bukan untuk diurusniagakan. Sekuriti ini yang berbayaran tetap atau boleh tentu dan mempunyai tempoh matang yang tetap dinyatakan pada kos yang diselaraskan kepada pelunasan premium atau akresi diskaun yang dikira berdasarkan kaedah pulangan berkesan, daripada tarikh pembelian sehingga tarikh matang serta mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf. Faedah atau pulangan yang diperoleh semasa memegang pelaburan ini, termasuk pelunasan premium atau akresi diskaun yang dikira berdasarkan kaedah pulangan berkesan, serta sebarang kerugian penjejasan nilai akan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif.

(iv) Akaun belum terima dan aset lain

Akaun belum terima dan aset lain dinyatakan pada nilai boleh direalisasi bersih yang dijangkakan. Hutang lapuk akan dihapus kira setelah dikenal pasti. Peruntukan hutang ragu, jika ada, dibuat selepas mengambil kira semua jumlah tertunggak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

(v) Akaun belum bayar

Akaun belum bayar dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

(vi) Nilai saksama instrumen kewangan

FRS 7 *Financial Instrument: Disclosures* memerlukan semua instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama dikategorikan kepada salah satu daripada tiga tahap hierarki yang diterangkan di bawah untuk tujuan pendedahan. Setiap tahap adalah berdasarkan ketelusan input yang digunakan untuk mengukur nilai saksama aset dan liabiliti:

Tahap 1 - input adalah harga yang tidak diubah bagi instrumen yang serupa yang diperoleh dari pasaran aktif.

Tahap 2 - input adalah harga atau nilai aset atau liabiliti selain daripada harga yang dinyatakan bagi Tahap 1, yang boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3 - input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan.

Penentuan nilai saksama dan hierarki yang terhasil memerlukan penggunaan data pasaran yang boleh diperhatikan apabila data ini tersedia ada. Pengelasan instrumen kewangan dalam hierarki adalah berdasarkan kepada tahap input paling rendah yang ketara bagi ukuran nilai saksama.

Pelaburan dan setara tunai dinilai pada harga pasaran indikatif yang diperoleh daripada agensi penetapan harga bon dan jika berkaitan, oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, ia berada di Tahap 2 hierarki bagi tujuan pendedahan nilai saksama. Selain daripada pelaburan dan setara tunai, tiada pasaran aktif atau cairan wujud yang mana aset kewangan dan liabiliti PIDM boleh diniagakan. Jika tiada pasaran wujud bagi instrumen kewangan, anggaran nilai saksama adalah berdasarkan pertimbangan mengenai peristiwa-peristiwa semasa dan masa depan ekonomi, ciri-ciri risiko instrumen, dan lain-lain faktor yang berkenaan. Tiada pindahan antara tahap telah berlaku pada tahun semasa atau sebelumnya.

(b) Penjejasan nilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, PIDM mengkaji amaun bawaan asetnya, selain daripada aset kewangan, bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Jika terdapat petunjuk tersebut, amaun yang boleh diperoleh semula dianggarkan bagi menentukan jumlah kerugian penjejasan nilai.

Bagi akaun muhibah, aset tidak ketara yang mempunyai jangka hayat tidak terhad dan aset tidak ketara yang belum dapat digunakan, amaun yang boleh diperoleh semula dianggarkan pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan atau lebih kerap apabila petunjuk penjejasan nilai dikenal pasti.

Bagi tujuan ujian penjejasan nilai aset-aset ini, amaun yang boleh diperoleh semula dianggarkan ke atas penilaian individu setiap aset. Amaun yang boleh diperoleh semula ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama aset tersebut setelah dikurangkan kos jualan dengan nilai guna sesuatu aset. Dalam menentukan nilai guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan ke nilai kini menggunakan kadar diskaun yang menggambarkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai tunai hadapan dan risiko aset tersebut. Apabila amaun bawaan untuk sesuatu aset melebihi amaun yang boleh diperoleh semula, aset tersebut dianggap terjejas dan nilai bawannya akan dikurangkan kepada amaun yang boleh diperoleh semula.

Kerugian penjejasan nilai diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif tahun yang sama ia berlaku, melainkan aset itu dibawa pada amaun yang dinilai semula, yang mana penjejasan nilai tersebut hendaklah diakaunkan sebagai penilaian semula yang dikurangkan setakat mana amaun kerugian penjejasan nilai itu tidak melebihi amaun yang diambil kira di dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset selain akaun muhibah akan dibalikkan semula jika, dan hanya jika, terdapat perubahan antara anggaran yang digunakan untuk menilai amaun yang boleh diperoleh semula dengan anggaran susut nilai yang diiktiraf sebelumnya. Selain daripada aset muhibah, nilai bawaan aset boleh dinaikkan kepada amaun yang boleh diperoleh semula, selagi amaun tersebut tidak melebihi nilai bawaan yang sepatutnya ditentukan (nilai selepas ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai bagi aset tersebut diiktiraf pada tahun sebelumnya. Suatu pembalikan semula kerugian penjejasan nilai bagi aset selain daripada aset muhibah akan diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif, melainkan aset tersebut direkodkan pada amaun dinilai semula, yang mana, dalam situasi ini, pembalikan semula tersebut harus diakaunkan sebagai penambahan penilaian semula. Penjejasan nilai bagi aset muhibah tidak boleh dibalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

(c) Hartanah dan peralatan, dan susut nilai

Semua butiran hartanah dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos. Kos tambahan berikutnya akan dimasukkan ke dalam nilai bawaan atau dianggap sebagai aset yang lain, mengikut kesesuaian, hanya apabila kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan dengannya diperoleh oleh PIDM dan penilaian kos butiran tersebut boleh dipercayai. Amaun bawaan bagi bahagian atau komponen aset yang diganti akan diselaraskan semula. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain akan diakaunkan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif tahun kewangan yang mana kos tersebut berlaku.

Selepas diiktiraf, hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai dan sebarang kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi mengurangkan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut, mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Perabot dan kelengkapan	20%
Kenderaan motor	20%
Ubah suai pejabat	20%
Peralatan pejabat dan sistem komputer	33.3%

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tahun disusut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak penggunaan manfaat ekonomi hartanah dan peralatan tersebut. Hartanah dan peralatan tidak lagi diiktiraf setelah dilupuskan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan diperoleh daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif. Bahagian amaun lebih penilaian yang belum digunakan akan diiktiraf terus ke dalam Rizab Penilaian Semula dalam Dana dan Rizab.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

(d) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Semua pendapatan dan perbelanjaan operasi berkaitan dengan Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans diiktiraf mengikut asas akrual. Akta PIDM 2011 memberi kuasa kepada PIDM untuk mengkredit semua pendapatan operasi secara langsung kepada, dan mengcajkan perbelanjaan terhadap Kumpulan Dana yang berkaitan. Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada mana-mana Kumpulan Dana yang berkaitan akan diperuntukkan berdasarkan keperluan Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Peruntukan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) 2011. Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Kumpulan Dana yang khusus boleh dikategorikan kepada dua kategori seperti berikut:

- (i) *Perbelanjaan yang boleh dikaitkan kepada Sistem Insurans Deposit atau Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans tetapi adalah perbelanjaan tidak langsung bagi sistem perlindungan masing-masing.* Bagi tahun kewangan 2011, perbelanjaan di dalam kategori ini telah diperuntukkan kepada sistem masing-masing berdasarkan nisbah premium yang dikutip untuk sistem masing-masing dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011. Kadar peruntukan yang digunakan sepanjang tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	SISTEM INSURANS DEPOSIT		SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS			
	KONVENSIONAL	ISLAM	INSURANS AM	INSURANS HAYAT	TAKAFUL AM	TAKAFUL KELUARGA
2011	85.4%	14.6%	27.2%	61.5%	3.6%	7.7%
	100%		100%			
2010	82.8%	17.2%	-	-	-	-
	100%		-			

Bagi tahun taksiran selepas tahun 2011, peruntukan ini akan berdasarkan kadar premium yang dikutip untuk sistem masing-masing pada tahun sebelumnya.

- (ii) *Perbelanjaan yang merupakan kos tidak langsung untuk mentadbir kedua-dua Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.* Perbelanjaan yang tidak boleh dirujuk secara khusus kepada Sistem Insurans Deposit atau Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, perlu diperuntukkan berdasarkan amaun premium dikutip bagi setiap Kumpulan Dana di dalam Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagi tahun kewangan 2011, perbelanjaan jenis ini telah dicajkan kepada Kumpulan Dana masing-masing berdasarkan pembahagian premium yang dikutip bagi setiap Kumpulan Dana dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011. Asas pembahagian yang digunakan adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH	SISTEM INSURANS DEPOSIT		SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS			
		KONVENSIONAL	ISLAM	INSURANS AM	INSURANS HAYAT	TAKAFUL AM	TAKAFUL KELUARGA
2011	100%	51.1%	8.7%	10.9%	24.7%	1.5%	3.1%
2010	100%	82.8%	17.2%	-	-	-	-

Bagi tahun taksiran selepas tahun 2011, peruntukan ini akan berdasarkan kadar premium yang dikutip untuk Kumpulan Dana masing-masing di dalam Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada tahun sebelumnya.

Pendapatan premium diiktiraf dalam sesuatu tempoh kewangan adalah berdasarkan risiko yang diambil semasa tempoh kewangan tersebut. Institusi ahli membayar premium tahunan bagi tempoh perlindungan risiko yang sama dengan tempoh kewangan PIDM.

Pendapatan pelaburan termasuk pendapatan daripada penempatan dalam perjanjian pembelian semula pasaran wang (*money market repurchase agreements* - REPO) diiktiraf mengikut asas pembahagian masa yang menggambarkan pulangan berkesan aset tersebut.

e) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan manfaat lain seperti faedah kesihatan dan elaun diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan PIDM. Cuti berganjaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ia boleh dikumpul dan ditokok tambah atas kelayakan masa hadapan. Cuti berganjaran jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit diiktiraf pada masa ketidakhadiran berlaku.

(ii) Rancangan caruman tetap

Rancangan caruman tetap ialah manfaat yang diberikan selepas tamat perkhidmatan yang mana PIDM membayar caruman tetap ke dalam dana atau kepada sebuah entiti berasingan.

PIDM tidak mempunyai obligasi untuk membuat caruman tambahan sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar manfaat kakitangan berdasarkan perkhidmatan kakitangan pada tahun kewangan semasa atau sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif apabila ia berlaku. Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, PIDM membuat caruman kepada skim pencen berkanun nasional, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial.

(f) Mata wang asing

(i) Mata wang yang digunakan dan dinyatakan

Penyata kewangan PIDM dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang utama bagi ekonomi yang mana PIDM beroperasi (mata wang fungsian).

(ii) Urus niaga mata wang asing

Bagi penyediaan penyata kewangan PIDM, urus niaga dalam mata wang asing selain daripada mata wang fungsian PIDM akan direkodkan dalam mata wang fungsian dengan kadar tukaran yang digunakan semasa tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, butiran kewangan dalam mata wang asing akan ditukar mengikut kadar tukaran semasa tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dalam mata wang asing akan ditukar pada kadar tukaran yang digunakan pada tarikh nilai saksamanya ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur mengikut kos sejarah dalam mata wang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran asing akibat daripada penyelesaian dan penukaran butiran kewangan akan diambil kira di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif untuk tempoh berkaitan. Perbezaan tukaran asing bagi penukaran butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama diambil kira di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif untuk tempoh berkaitan kecuali bagi perbezaan disebabkan penukaran butiran bukan kewangan yang mana keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab. Perbezaan tukaran asing bagi keuntungan atau kerugian butiran tersebut juga akan diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab.

2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan

Polisi perakaunan yang diguna pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan yang lalu kecuali seperti yang dicatatkan di bawah.

PIDM telah mengguna pakai FRS mandatori yang telah dipinda seperti berikut, yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2011:

- Pindaan kepada FRS 7 *Financial Instruments: Disclosures – Improving Disclosures about Financial Instruments*; dan
- Lain-lain penambahbaikan kepada FRS berkenaan yang dikeluarkan pada tahun 2010, termasuk pindaan kepada FRS 101 *Presentation of Financial Statements*, FRS 121 *The Effects of Changes in Foreign Exchange Rates*, FRS 132 *Financial Instruments: Presentation* dan FRS 139 *Financial Instruments: Recognition and Measurement*.

Pindaan dan penambahbaikan kepada FRS yang berikut pada ketika ini tidak berkaitan dengan operasi PIDM:

- FRS 1 *First-time Adoption of Financial Reporting Standards*;
- FRS 2 *Share-based Payment – Group Cash-settled Share-based Payment Transactions*;
- FRS 3 *Business Combinations*;
- FRS 128 *Investment in Associates*;
- FRS 131 *Interests in Joint Ventures*; dan;
- FRS 134 *Interim Financial Reporting*.

Penggunaan pindaan dan penambahbaikan kepada FRS seperti yang di atas tidak mempunyai apa-apa kesan ke atas prestasi atau kedudukan kewangan PIDM. Perubahan ini juga tidak menyebabkan perubahan ketara dalam polisi perakaunan PIDM kecuali FRS 7, yang mana kesan perubahan tersebut telah diterangkan dalam Nota 2.2 (a) (vi). Pindaan kepada FRS 7 juga telah diguna pakai kepada pendedahan perbandingan, jika berkenaan. Pendedahan baru juga telah dimasukkan ke seluruh penyata kewangan PIDM bagi tahun berakhir 31 Disember 2011.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2011		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Deposit dengan Bank Negara Malaysia	24,243	157	24,086
Baki tunai dan baki di bank	27,230	21,483	5,747
Pelaburan jangka pendek:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	82,539	82,539	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	201,088	157,225	43,863
	283,627	239,764	43,863
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	4,263	4,129	134
	287,890	243,893	43,997
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	339,363	265,533	73,830
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2011:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	83,989	83,989	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	203,603	159,601	44,002
Jumlah nilai pasaran pelaburan jangka pendek	287,592	243,590	44,002

3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (sambungan)

	2010		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Deposit dengan Bank Negara Malaysia	835	835	-
Baki tunai dan baki di bank	7,759	7,759	-
Pelaburan jangka pendek:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	34,284	34,284	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	139,022	139,022	-
	173,306	173,306	-
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	2,115	2,115	-
	175,421	175,421	-
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	184,015	184,015	-
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2010:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	34,161	34,161	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	138,201	138,201	-
Jumlah nilai pasaran pelaburan jangka pendek	172,362	172,362	-

Pelaburan jangka pendek yang mempunyai tempoh matang kurang daripada 90 hari dikategorikan sebagai kesetaraan tunai. Pelaburan jangka pendek ini bertujuan untuk dipegang hingga tempoh matang dan, dinyatakan pada kos yang diselaraskan untuk pelunasan premium atau akresi diskaun.

Nilai pasaran pelaburan jangka pendek ini adalah berasaskan kepada harga pasaran indikatif yang mewakili Tahap 2 hierarki bagi tujuan pendedahan nilai saksama, selaras dengan FRS 7 *Financial Instruments: Disclosures*.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

4. PELABURAN

a. Pelaburan tersedia-untuk-dijual

	2011		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti Hutang Swasta	98,037	-	98,037
Jumlah pelaburan tersedia-untuk-dijual	98,037	-	98,037

	2010		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti Hutang Swasta	-	-	-
Jumlah pelaburan tersedia-untuk-dijual	-	-	-

Pelaburan tersedia-untuk-dijual diukur dan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama. Nilai saksama ini ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran indikatif yang diperoleh daripada agensi penetapan harga bon. Harga pasaran indikatif mewakili Tahap 2 Hierarki bagi tujuan pendedahan nilai saksama, selaras dengan FRS 7 *Financial Instruments: Disclosures*.

4. PELABURAN (sambungan)

b. Pelaburan pegangan-hingga-matang

	2011		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	255,767	161,965	93,802
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	174,276	68,240	106,036
Sekuriti Hutang Swasta	612,860	-	612,860
	1,042,903	230,205	812,698
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	2,120	1,780	340
Jumlah pelaburan pegangan-hingga-matang	1,045,023	231,985	813,038
Nilai pasaran pelaburan yang dipegang pada 31 Disember 2011:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	257,782	163,512	94,270
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	175,136	68,519	106,617
Sekuriti Hutang Swasta	614,681	-	614,681
Jumlah nilai pasaran pelaburan	1,047,599	232,031	815,568

	2010		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	124,275	124,275	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	100,044	100,044	-
Sekuriti Hutang Swasta	-	-	-
	224,319	224,319	-
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	2,049	2,049	-
Jumlah pelaburan pegangan-hingga-matang	226,368	226,368	-
Nilai pasaran pelaburan yang dipegang pada 31 Disember 2011:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	124,303	124,303	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	100,008	100,008	-
Sekuriti Hutang Swasta	-	-	-
Jumlah nilai pasaran pelaburan	224,311	224,311	-

Pelaburan adalah dalam nilai Ringgit Malaysia.

Nilai pasaran pelaburan dalam kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit serta Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans seperti yang dinyatakan di atas menunjukkan nilai saksama mereka pada akhir tahun kewangan dan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran indikatif yang diperoleh daripada agensi penetapan harga bon dan jika berkenaan, Bank Negara Malaysia. Harga pasaran indikatif mewakili Tahap 2 Hierarki bagi tujuan pendedahan nilai saksama, selaras dengan FRS 7 *Financial Instruments: Disclosures*.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

5. ASET LAIN

	2011		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Deposit dan bayaran terdahulu	3,197	2,815	382
Pendapatan pelaburan belum terima	8,060	12	8,048
Akaun belum terima lain	689	632	57
Aset lain	30	30	-
Jumlah aset lain	11,976	3,489	8,487

	2010		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Deposit dan bayaran terdahulu	3,090	3,090	-
Pendapatan pelaburan belum terima	337	337	-
Akaun belum terima lain	94	94	-
Aset lain	30	30	-
Jumlah aset lain	3,551	3,551	-

6. HARTANAH DAN PERALATAN

	2011					
	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	Jumlah RM'000
Kos						
Baki pada 1 Januari 2011	9,096	3,034	412	9,728	9,424	31,694
Penambahan	327	-	6	319	4,228	4,880
Pengelasan semula	3,146	-	-	276	(3,452)	(30)
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2011	12,569	3,034	418	10,323	10,200	36,544
Susut nilai terkumpul						
Baki pada 1 Januari 2011	3,730	1,346	305	2,254	-	7,635
Caj bagi tahun semasa	2,599	520	60	1,950	-	5,129
Pengelasan semula	30	-	-	-	-	30
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2011	6,359	1,866	365	4,204	-	12,794
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2011	6,210	1,168	53	6,119	10,200	23,750

* Aset masih dalam pembinaan berjumlah RM10,201,828 (2010: RM9,424,553) terdiri daripada Sistem Pembayaran Semula Deposit berjumlah RM8,475,028, penambahan perkakasan dan perisian berjumlah RM178,070, Sistem Pengurusan Prestasi Korporat berjumlah RM529,455 dan Sistem Pendaftaran Produk RM1,019,275.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

	2010					
	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan* RM'000	Jumlah RM'000
Kos						
Baki pada 1 Januari 2010	4,609	1,728	412	3,250	8,546	18,545
Penambahan	1,568	-	-	-	11,947	13,515
Pengelasan semula	3,285	1,306	-	6,478	(11,069)	-
Pelupusan	(366)	-	-	-	-	(366)
Baki pada 31 Disember 2010	9,096	3,034	412	9,728	9,424	31,694
Susut nilai terkumpul						
Baki pada 1 Januari 2010	2,607	989	223	1,391	-	5,210
Caj bagi tahun semasa	1,489	357	82	863	-	2,791
Pengelasan semula	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	(366)	-	-	-	-	(366)
Baki pada 31 Disember 2010	3,730	1,346	305	2,254	-	7,635
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2010	5,366	1,688	107	7,474	9,424	24,059

* Aset masih dalam pembinaan berjumlah RM9,424,553 (2009: RM8,546,563) terdiri daripada Sistem Pembayaran Semula Deposit RM8,476,685, perkakasan bagi pusat data dan pusat pemulihan bencana berjumlah RM798,643, penambahbaikan sistem pengurusan kewangan berjumlah RM83,600 dan Sistem Pendaftaran Produk berjumlah RM65,625.

6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit

	2011					
	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos						
Baki pada 1 Januari 2011	9,096	3,034	412	9,728	9,424	31,694
Penambahan	196	-	4	191	3,833	4,224
Pengelasan semula	3,146	-	-	165	(3,341)	(30)
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2011	12,438	3,034	416	10,084	9,916	35,888
Susut nilai terkumpul						
Baki pada 1 Januari 2011	3,730	1,346	305	2,254	-	7,635
Caj bagi tahun semasa	2,599	520	60	1,948	-	5,127
Pengelasan semula	30	-	-	-	-	30
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2011	6,359	1,866	365	4,202	-	12,792
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2011	6,079	1,168	51	5,882	9,916	23,096

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit (sambungan)

	2010					
	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos Baki pada 1 Januari 2010	4,609	1,728	412	3,250	8,546	18,545
Penambahan	1,568	-	-	-	11,947	13,515
Pengelasan semula	3,285	1,306	-	6,478	(11,069)	-
Pelupusan	(366)	-	-	-	-	(366)
Baki pada 31 Disember 2010	9,096	3,034	412	9,728	9,424	31,694
Susut nilai terkumpul Baki pada 1 Januari 2010	2,607	989	223	1,391	-	5,210
Caj bagi tahun semasa	1,489	357	82	863	-	2,791
Pengelasan semula	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	(366)	-	-	-	-	(366)
Baki pada 31 Disember 2010	3,730	1,346	305	2,254	-	7,635
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2010	5,366	1,688	107	7,474	9,424	24,059

6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

	2011					
	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos						
Baki pada 1 Januari 2011	-	-	-	-	-	-
Penambahan	131	-	2	128	395	656
Pengelasan semula	-	-	-	111	(111)	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2011	131	-	2	239	284	656
Susut nilai terkumpul						
Baki pada 1 Januari 2011	-	-	-	-	-	-
Caj bagi tahun semasa	-	-	-	2	-	2
Pengelasan semula	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2011	-	-	-	2	-	2
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2011	131	-	2	237	284	654

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (sambungan)

	2010					
	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos Baki pada 1 Januari 2010	-	-	-	-	-	-
Penambahan	-	-	-	-	-	-
Pengelasan semula	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2010	-	-	-	-	-	-
Susut nilai terkumpul Baki pada 1 Januari 2010	-	-	-	-	-	-
Caj bagi tahun semasa	-	-	-	-	-	-
Pengelasan semula	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2010	-	-	-	-	-	-
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2010	-	-	-	-	-	-

7. AKAUN BELUM BAYAR

	2011		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Amaun terhutang kepada Bank Negara Malaysia	192	-	192
Akaun belum bayar lain	7,477	5,121	2,356
Akaun belum bayar runcit	36	23	13
Peruntukan cuti yang tidak terambil	731	452	279
Jumlah akaun belum bayar	8,436	5,596	2,840

	2010		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Amaun terhutang kepada Bank Negara Malaysia	421	421	-
Akaun belum bayar lain	6,134	6,134	-
Akaun belum bayar runcit	33	33	-
Peruntukan cuti yang tidak terambil	672	672	-
Jumlah akaun belum bayar	7,260	7,260	-

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

8. KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit:

Lebih terkumpul

	2011		
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000
Baki pada 1 Januari	430,733	374,645	56,088
Lebih bersih	87,774	75,358	12,416
Baki pada 31 Disember	518,507	450,003	68,504

	2010		
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000
Baki pada 1 Januari	369,888	320,894	48,994
Lebih bersih	60,845	53,751	7,094
Baki pada 31 Disember	430,733	374,645	56,088

Kumpulan Dana Insurans Deposit ialah rizab terkumpul yang disimpan untuk memenuhi obligasi masa hadapan akibat perlindungan insurans deposit. Menurut Akta PIDM 2011, PIDM menyenggara Kumpulan Dana Insurans Deposit berasingan bagi Sistem Insurans Deposit Konvensional dan Islam. Kumpulan Dana Insurans Deposit dikumpul daripada lebihan bersih operasi tahunan.

Pada tahun 2011, PIDM telah merangka satu rangka kerja untuk menentukan paras Kumpulan Dana Insurans Deposit yang perlu dikumpulkan sebagai rizab bagi tempoh jangka panjang untuk memenuhi obligasi masa hadapan. Paras ini (yang dikenali sebagai Dana Sasaran) merupakan paras dana yang perlu bagi menampung kerugian insurans bersih daripada aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Dana Sasaran biasanya dihuraikan sebagai peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan, dan bagi PIDM, ditetapkan sebagai jajaran paras sasaran (jajaran paling rendah dan paling tinggi).

Pada 31 Disember 2011, jajaran Dana Sasaran telah ditetapkan antara 0.6% hingga 0.9% bagi kedua-dua Dana Insurans Deposit Konvensional dan Islam. Berdasarkan kepada paras Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember 2010, jajaran dalam terma mutlak RM ialah antara RM2 bilion hingga RM3 bilion bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional dan antara RM240 juta hingga RM360 juta bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam. Pada masa ini, paras dana bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional dan Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam sebagai peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan ialah di antara 0.14% dan 0.17% masing-masing.

PIDM ketika ini sedang mengkaji semula rangkanya bagi membolehkan paras Dana Sasaran dicapai dalam tempoh masa yang sewajarnya.

8. KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN (sambungan)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:

i. Lebihan terkumpul

	2011				
	Jumlah RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Baki pada 1 Januari	-	-	-	-	-
Lebihan bersih	991,779	948,607	36,670	2,091	4,411
Baki pada 31 Disember	991,779	948,607	36,670	2,091	4,411

Dengan penguatkuasaan Akta PIDM 2011 mulai 31 Disember 2010, empat Kumpulan Dana baharu telah disenggara bagi pentadbiran Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, iaitu Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am, Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat, Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am dan Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Keluarga (secara terkumpul dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans). Ahli penginsurans telah mula membayar premium dari tahun taksiran 2011 dan lebihan yang terhasil daripada operasi telah dikreditkan kepada Kumpulan Dana masing-masing.

Pada 30 September 2011, Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans, yang dahulunya ditadbir oleh Bank Negara Malaysia, telah dipindahkan kepada PIDM untuk membentuk sebahagian daripada Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menurut Seksyen 212 Akta PIDM 2011. Daripada jumlah amaun Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans pada 30 September 2011 dengan nilai saksama berjumlah RM922 juta, RM921 juta telah dikreditkan ke dalam Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am manakala RM1 juta telah dikreditkan ke dalam Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat.

ii. Rizab lain

	2011				
	Jumlah RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Baki pada 1 Januari	-	-	-	-	-
Keuntungan bersih tidak terealisasi bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual yang timbul bagi tahun semasa	3,142	3,142	-	-	-
Keuntungan bersih terealisasi bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual yang dipindahkan kepada Penyata Pendapatan Komprehensif	(3,715)	(3,715)	-	-	-
Baki pada 31 Disember	(573)	(573)	-	-	-

Komposisi kerugian bersih tidak terealisasi bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual pada 31 Disember 2011 dinyatakan di dalam Nota 11b.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

9. HASIL PREMIUM

a. Hasil premium daripada bank ahli

	2011		
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000
Premium pertama	750	750	-
Premium tahunan	119,759	102,256	17,503
Jumlah hasil premium daripada bank ahli	120,509	103,006	17,503

Bagi tahun kewangan 2011, hasil premium telah dikenakan mengikut Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium Pertama Berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011 (Perintah Premium 2011), yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2011.

i. Kadar premium tahunan di bawah sistem premium berbeza

Jika kategori premium bagi suatu bank ahli yang dikelaskan untuk suatu tahun taksiran adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), kadar bagi premium tahunan yang perlu dibayar oleh bank ahli itu bagi tahun taksiran tersebut adalah kadar premium yang dinyatakan bersementaraan dengannya dalam ruang (2), seperti berikut:

KATEGORI PREMIUM [RUANG (1)]	KADAR PREMIUM [RUANG (2)]
1	0.03%
2	0.06%
3	0.12%
4	0.24%

Jika suatu bank ahli dikelaskan dalam kategori premium yang berlainan berkenaan dengan deposit Islam diinsuranskan dan deposit konvensional diinsuranskan, kadar premium tahunan yang perlu dibayar bagi deposit yang diinsuranskan tersebut adalah kadar premium bagi kategori premium deposit masing-masing.

Premium tahunan yang perlu dibayar oleh bank ahli tertakluk kepada premium minimum berasaskan kepada kategori premium menurut sistem premium berbeza seperti berikut:

KATEGORI PREMIUM	AMAUN MINIMUM PREMIUM (RM)
1	100,000
2	200,000
3	400,000
4	800,000

9. HASIL PREMIUM (sambungan)

a. Hasil premium daripada bank ahli (sambungan)

ii. Kadar bagi premium pertama

Sebuah bank ahli baharu [sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima deposit) 2011] yang memegang deposit Islam diinsuranskan atau deposit konvensional diinsuranskan, kadar premium pertama bank ahli itu adalah sama dengan kadar premium untuk kategori premium 1.

	2010		
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000
Premium pertama	250	250	-
Premium tahunan	105,437	90,405	15,032
Jumlah hasil premium daripada bank ahli	105,687	90,655	15,032

Bagi tahun kewangan 2010, premium yang dikenakan adalah mengikut Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium Pertama) 2008 (Perintah Premium 2008). Peruntukan-peruntukan Perintah Premium 2008 adalah serupa dengan Perintah Premium 2011, kecuali peruntukan yang berhubung dengan premium minimum yang perlu dibayar. Perintah Premium 2008 memperuntukkan bahawa premium minimum yang perlu dibayar bagi premium pertama dan premium tahunan ialah RM250,000.

b. Hasil premium daripada anggota penginsurans

	2011				
	Jumlah RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Premium pertama	80,730	21,973	49,656	2,930	6,171
Premium tahunan	-	-	-	-	-
Jumlah hasil premium daripada ahli penginsurans	80,730	21,973	49,656	2,930	6,171

Di bawah Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Premium Pertama dan Premium Tahunan berkaitan Anggota Penginsurans), kadar premium tahun pertama ahli penginsurans ditaksir berdasarkan kepada kadar rata yang dikenakan ke atas asas yang berkaitan dalam tahun sebelumnya, seperti berikut:

SEGMENT URUS NIAGA	KADAR PREMIUM
Insurans Am / Takaful Am	0.25% daripada jumlah premium bersih diterima
Insurans Hayat / Takaful Keluarga	0.06% daripada penilaian aktuari liabiliti insurans hayat / liabiliti takaful keluarga

Premium pertama dibayar oleh setiap ahli penginsurans adalah tertakluk kepada kadar premium minimum RM250,000.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

10. PENDAPATAN PELABURAN

	2011		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	6,499	6,167	332
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	7,777	6,617	1,160
Sekuriti Hutang Swasta	7,376	-	7,376
Penempatan dalam Perjanjian Pembelian Semula Pasaran Wang	169	134	35
Jumlah pendapatan pelaburan	21,821	12,918	8,903

	2010		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	6,004	6,004	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	3,210	3,210	-
Sekuriti Hutang Swasta	-	-	-
Penempatan dalam Perjanjian Pembelian Semula Pasaran Wang	100	100	-
Jumlah pendapatan pelaburan	9,314	9,314	-

Kadar pulangan purata berwajaran bagi sekuriti pelaburan untuk tahun kewangan semasa ialah 2.63% (2010: 2.32%) dan 3.25% (2010: Tiada) bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans masing-masing.

11. KEUNTUNGAN ATAU (KERUGIAN) BERKAITAN DENGAN PELABURAN TERSEDIA-UNTUK- DIJUAL

a. Keuntungan atau (kerugian) terealisasi

	2011		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Keuntungan / (kerugian) daripada penjualan pelaburan tersedia-untuk-dijual	3,715	-	3,715
Keuntungan / (kerugian) bersih daripada penjualan pelaburan tersedia-untuk-dijual	3,715	-	3,715

Termasuk dalam 'keuntungan / (kerugian) daripada penjualan pelaburan tersedia-untuk-dijual' adalah jumlah sebanyak RM3.7 juta yang dipindahkan daripada Rizab Lain kepada keuntungan / (kerugian) terealisasi di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif berikutan penjualan pelaburan tersedia-untuk-dijual.

b. Keuntungan atau (kerugian) tidak terealisasi yang diiktiraf di dalam Rizab Lain

	2011		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Keuntungan / (kerugian) tidak terealisasi yang diiktiraf di dalam Rizab Lain pada akhir tahun merangkumi:			
Keuntungan tidak terealisasi bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual	48	-	48
Kerugian tidak terealisasi bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual	(621)	-	(621)
Keuntungan / (kerugian) bersih yang tidak terealisasi bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual	(573)	-	(573)

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

12. PERBELANJAAN MANFAAT KAKITANGAN

	2011		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Gaji dan upahan	25,755	14,816	10,939
Caruman kepada rancangan caruman tetap	3,169	1,843	1,326
Peruntukan cuti yang tidak terambil	75	(204)	279
Manfaat lain	2,038	1,334	704
Jumlah perbelanjaan manfaat kakitangan	31,037	17,789	13,248

	2010		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Gaji dan upahan	21,940	21,940	-
Caruman kepada rancangan caruman tetap	2,645	2,645	-
Peruntukan cuti yang tidak terambil	92	92	-
Manfaat lain	1,732	1,732	-
Jumlah perbelanjaan manfaat kakitangan	26,409	26,409	-

Bilangan kakitangan pada akhir tahun kewangan berjumlah satu ratus lapan belas (118) (2010: 99).

13. PERBELANJAAN LAIN

	2011		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Yuran audit	36	22	14
Saraan dan fi Pengarah*	469	274	195
Sewa tempat letak kereta	431	270	161
Perbelanjaan Pra-Pelaksanaan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	-	-	-
Percetakan dan alat tulis	1,407	863	544
Fi penasihat dan perundingan	8,392	6,999	1,393
Yuran langganan dan keahlian	447	346	101
Latihan dan pembangunan	1,852	1,135	717
Perbelanjaan perjalanan	1,231	740	491
Telekomunikasi dan sistem komputer	2,112	1,416	696
Pembangunan dan penyelenggaraan laman sesawang	46	28	18
Pelbagai	1,595	1,001	594
Jumlah perbelanjaan lain	18,018	13,094	4,924

	2010		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Yuran audit	32	32	-
Saraan dan fi Pengarah*	362	362	-
Sewa tempat letak kereta	345	345	-
Perbelanjaan Pra-Pelaksanaan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	535	535	-
Percetakan dan alat tulis	834	834	-
Fi penasihat dan perundingan	7,445	7,445	-
Yuran langganan dan keahlian	340	340	-
Latihan dan pembangunan	1,544	1,544	-
Perbelanjaan perjalanan	860	860	-
Telekomunikasi dan sistem komputer	2,094	2,094	-
Pembangunan dan penyelenggaraan laman sesawang	25	25	-
Pelbagai	982	982	-
Jumlah perbelanjaan lain	15,398	15,398	-

* Para Pengarah dibayar berdasarkan struktur fi dan elaun yang telah diluluskan oleh Menteri Kewangan.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

14. PERCUKAIAN

PIDM diberi pengecualian penuh daripada cukai pendapatan di peringkat statutori.

15. PAJAKAN OPERASI

PIDM telah memeterai satu kontrak sewaan yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang pejabat di Aras 12, 13, 15 dan 16, Quill 7, Kuala Lumpur Sentral. Sewaan ini adalah bagi tempoh 3 tahun (Penggajal pertama) mulai 1 September 2010 pada kadar sewaan tetap dan mengandungi pilihan untuk memperbaharui sewaan bagi tempoh 2 tahun lagi (Penggajal Kedua) pada kadar sewaan tetap yang sama. Selepas tempoh tersebut, PIDM mempunyai pilihan untuk memperbaharui sewaan bagi tempoh selama 3 tahun (Penggajal Ketiga) dan tambahan selama 2 tahun (Penggajal Keempat), kedua-duanya pada kadar sewaan mengikut nilai pasaran lazim tertakluk kepada kenaikan minimum sebanyak 10% dan maksimum sebanyak 20% ke atas sewa bulanan bagi Penggajal Kedua. Kontrak ini tidak mengandungi klausa pilihan pembelian. Dalam memeterai kontrak ini, PIDM tidak tertakluk kepada sebarang sekatan.

PIDM juga mempunyai sub-pajakan bagi ruang pejabatnya di Aras 19, 1 Sentral, Kuala Lumpur Sentral kepada pihak ketiga pada kadar yang setara dengan kadar pasaran. Kontrak yang dimeterai bagi sub-pajakan tersebut tidak boleh dibatalkan dan adalah untuk baki tempoh kontrak pajakan yang dimeterai oleh PIDM dengan tuan tanah bagi tempoh 5 tahun mulai 18 April 2007. Pendapatan daripada sewaan yang diterima melalui sub-pajakan ini mengurangkan sepenuhnya komitmen PIDM terhadap pajakan ruang pejabat tersebut sehingga tamat tempoh.

PIDM telah memeterai satu kontrak sewaan yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang untuk pusat pemulihan bencananya. Sewaan ini adalah bagi tempoh 2 tahun (Penggajal Pertama) mulai 1 April 2011 pada kadar sewaan tetap. Selepas tempoh tersebut, PIDM mempunyai pilihan untuk memperbaharui sewaan bagi tempoh 2 tahun lagi (Penggajal Kedua) dan tambahan selama 2 tahun (Penggajal Ketiga), kedua-duanya pada kadar sewaan yang akan dipersetujui oleh PIDM dan pihak tuan tanah. Kontrak ini tidak mempunyai pilihan pembelian.

PIDM juga memeterai pajakan untuk pelbagai peralatan pejabat melalui kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan. Pajakan ini adalah untuk tempoh sehingga 5 tahun dengan peruntukan pembaharuan automatik sekiranya PIDM tidak memberi notis penamatan dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh luput penggajal utama pajakan. Kontrak ini tidak mengandungi pilihan pembelian atau klausa menambah.

Agregat pembayaran minimum pajakan untuk masa hadapan di bawah kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan, yang dimeterai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan tetapi tidak diiktiraf sebagai liabiliti adalah seperti berikut:

	2011 RM'000	2010 RM'000
Pembayaran pajakan minimum untuk masa hadapan:		
Tidak lebih daripada 1 tahun	5,602	5,876
Melebihi daripada 1 tahun tetapi tidak lebih daripada 5 tahun	13,290	18,377
Jumlah komitmen pajakan operasi	18,892	24,253

16. KOMITMEN MODAL

	2011 RM'000	2010 RM'000
Diluluskan dan dikontrakkan bagi:		
Hartanah dan peralatan	313	3,169
Jumlah komitmen modal	313	3,169

17. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

a. Transaksi dengan pihak berkaitan

Dalam tahun kewangan semasa, tiada berlaku sebarang transaksi dengan pihak yang berkaitan dengan mana-mana para Pengarah atau pegawai PIDM.

b. Ganjaran kakitangan pengurusan utama

	2011 RM'000	2010 RM'000
Manfaat jangka pendek	9,587	10,080
Manfaat selepas persaraan:		
Caruman kepada rancangan caruman tetap	764	836
Jumlah ganjaran kakitangan pengurusan utama	10,351	10,916

Ganjaran kakitangan pengurusan utama di atas termasuk ganjaran Ketua Pegawai Eksekutif dan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, iaitu mereka yang diberi kuasa dan tanggungjawab bagi merancang, mengendalikan dan mengawal aktiviti PIDM.

Bagaimanapun, ia tidak termasuk ganjaran bagi para Pengarah yang didedahkan secara berasingan di dalam Nota 13. Ganjaran kakitangan pengurusan utama turut didedahkan di dalam Nota 12.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

18. MAKLUMAT SEGMENT

Pelaporan dana

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2011

ASET	Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit		Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
			Konvensional RM'000	Am RM'000				
Tunai dan kesetaraan tunai	3	339,363	231,145	34,388	58,671	8,466	2,150	4,543
Pelaburan								
<i>Pelaburan tersedia-untuk-dijual</i>	4a	98,037	-	-	98,037	-	-	-
<i>Pelaburan pegangan-hingga-matang</i>	4b	1,045,023	201,352	30,633	783,760	29,278	-	-
Aset lain	5	11,976	2,814	675	8,164	272	17	34
Hartanah dan peralatan	6	23,750	19,501	3,595	178	402	24	50
Jumlah Aset		1,518,149	454,812	69,291	948,810	38,418	2,191	4,627
LIABILITI								
Akaun belum bayar	7	8,436	4,809	787	776	1,748	100	216
Jumlah Liabiliti		8,436	4,809	787	776	1,748	100	216
KUMPULAN DANA DAN RIZAB								
Lebihan terkumpul	8	1,510,286	450,003	68,504	948,607	36,670	2,091	4,411
Rizab lain	8	(573)	-	-	(573)	-	-	-
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		1,509,713	450,003	68,504	948,034	36,670	2,091	4,411
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		1,518,149	454,812	69,291	948,810	38,418	2,191	4,627

18. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2010

	Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
ASET								
Tunai dan kesetaraan tunai	3	184,015	153,200	30,815	-	-	-	-
Pelaburan								
<i>Pelaburan tersedia-untuk-dijual</i>	4a	-	-	-	-	-	-	-
<i>Pelaburan pegangan-hingga-matang</i>	4b	226,368	204,222	22,146	-	-	-	-
Aset lain	5	3,551	3,017	534	-	-	-	-
Hartanah dan peralatan	6	24,059	20,275	3,784	-	-	-	-
Jumlah Aset		437,993	380,714	57,279	-	-	-	-
LIABILITI								
Akaun belum bayar	7	7,260	6,069	1,191	-	-	-	-
Jumlah Liabiliti		7,260	6,069	1,191	-	-	-	-
KUMPULAN DANA DAN RIZAB								
Lebihan terkumpul	8	430,733	374,645	56,088	-	-	-	-
Rizab lain	8	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		430,733	374,645	56,088	-	-	-	-
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		437,993	380,714	57,279	-	-	-	-

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

18. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2011

Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
9	201,239	103,006	17,503	21,973	49,656	2,930	6,171
10	21,821	11,195	1,723	8,052	719	42	90
11a	3,715	-	-	3,715	-	-	-
Jumlah hasil	226,775	114,201	19,226	33,740	50,375	2,972	6,261
12	31,037	15,094	2,695	3,518	8,209	492	1,029
6	5,159	4,377	780	-	2	-	-
13	5,563	3,203	502	509	1,141	67	141
	18,018	11,111	1,983	1,345	3,025	178	376
Jumlah perbelanjaan	69,659	38,843	6,810	6,454	14,821	881	1,850
Lebih bersih operasi	157,116	75,358	12,416	27,286	35,554	2,091	4,411
19	922,437	-	-	921,321	1,116	-	-
Lebih bersih tahun semasa	1,079,553	75,358	12,416	948,607	36,670	2,091	4,411
Pendapatan komprehensif lain							
11b	(573)	-	-	(573)	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif komprehensif bagi tahun semasa	1,078,980	75,358	12,416	948,034	36,670	2,091	4,411

18. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2010

Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
Hasil premium	9	105,687	90,655	15,032	-	-	-
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	9,314	8,078	1,236	-	-	-
Keuntungan / (kerugian) daripada penjualan pelaburan tersedia-untuk-dijual	11a	-	-	-	-	-	-
Jumlah hasil		115,001	98,733	16,268	-	-	-
Manafaat kakitangan	12	26,409	21,881	4,528	-	-	-
Perhubungan awam dan pengiklanan		6,434	5,320	1,114	-	-	-
Susut nilai	6	2,791	2,433	358	-	-	-
Pajakan operasi		3,124	2,588	536	-	-	-
Perbelanjaan lain	13	15,398	12,760	2,638	-	-	-
Jumlah perbelanjaan		54,156	44,982	9,174	-	-	-
Lebihan bersih operasi		60,845	53,751	7,094	-	-	-
Wang dan pelaburan yang diterima daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	19	-	-	-	-	-	-
Lebihan bersih tahun semasa		60,845	53,751	7,094	-	-	-
Pendapatan komprehensif lain		-	-	-	-	-	-
Keuntungan / (kerugian) bersih tidak terealisasi bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual	11b	-	-	-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		60,845	53,751	7,094	-	-	-

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

18. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2011

	Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA								
AKTIVITI OPERASI								
Penerimaan premium daripada institusi ahli		201,239	103,006	17,503	21,973	49,656	2,930	6,171
Pembayaran operasi semasa kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan		(61,167)	(35,567)	(5,480)	(5,080)	(12,816)	(784)	(1,440)
Penerimaan pendapatan pelaburan		19,532	9,985	1,536	7,534	354	40	83
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		159,604	77,424	13,559	24,427	37,194	2,186	4,814
ALIRAN TUNAI DARIPADA								
AKTIVITI PELABURAN								
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		905,486	530,214	88,500	207,716	55,576	7,561	15,919
Pembelian sekuriti pelaburan		(940,597)	(525,767)	(97,750)	(209,603)	(83,985)	(7,560)	(15,912)
Penerimaan daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans		37,153	-	-	36,541	612	-	-
Pembelian hartanah dan peralatan		(6,298)	(3,906)	(736)	(410)	(931)	(37)	(278)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(4,256)	521	(9,986)	34,244	(28,728)	(36)	(271)
Kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		155,348	77,945	3,573	58,671	8,466	2,150	4,543
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		184,015	153,200	30,815	-	-	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	3	339,363	231,145	34,388	58,671	8,466	2,150	4,543

18. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI	Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit		Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Keluarga RM'000
			Konvensional RM'000	Islam RM'000				
Penerimaan premium daripada institusi ahli		105,687	90,655	15,032	-	-	-	-
Pembayaran operasi semasa kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan		(53,167)	(44,119)	(9,048)	-	-	-	-
Penerimaan pendapatan pelaburan		7,532	6,683	849	-	-	-	-
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		60,052	53,219	6,833	-	-	-	-
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN								
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		528,800	455,622	73,178	-	-	-	-
Pembelian sekuriti pelaburan		(549,013)	(478,757)	(70,256)	-	-	-	-
Penerimaan daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans		-	-	-	-	-	-	-
Pembelian hartanah dan peralatan		(13,001)	(10,770)	(2,231)	-	-	-	-
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(33,214)	(33,905)	691	-	-	-	-
Kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		26,838	19,314	7,524	-	-	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		157,177	133,886	23,291	-	-	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	3	184,015	153,200	30,815	-	-	-	-

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

19. KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS AM DAN HAYAT

Menurut Seksyen 212 Akta PIDM 2011 dan seperti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, semua aset dalam Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang dahulunya ditadbir oleh Bank Negara Malaysia telah dipindahkan kepada PIDM pada 30 September 2011. Wang dan pelaburan daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans tersebut yang mempunyai nilai saksama sebanyak RM922 juta pada 30 September 2011 telah dipindahkan kepada PIDM tanpa sebarang bayaran dan seterusnya dikreditkan kepada Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am (RM921 juta) dan Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat (RM1 juta).

20. INSTRUMEN KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan PIDM bertujuan untuk memastikan sumber kewangan adalah mencukupi bagi menjalankan aktiviti PIDM disamping menguruskan risiko-risiko mata wang, kadar faedah dan kadar pulangan, kecairan, pasaran dan kredit. PIDM beroperasi mengikut garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Polisi PIDM ialah untuk melabur hanya dalam sekuriti mata wang Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana Kerajaan dan Bank Negara Malaysia dengan tempoh matang yang berbeza. Berhubung dengan pengurusan tunai operasi harian, PIDM boleh menempatkan lebihan dana dalam pasaran wang atau penempatan semalaman dengan bank-banknya. Tiada pelaburan dibuat dengan bank-bank ahli memandangkan PIDM ialah penginsurans deposit bank-bank ahli tersebut.

Sebahagian daripada portfolio Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans (rujuk Nota 19) yang dipindahkan kepada PIDM terdiri daripada sekuriti pelaburan yang tidak mematuhi Polisi Pelaburan PIDM yang diluluskan. Kelulusan khusus daripada Lembaga Pengarah telah diperoleh untuk mengecualikan sebahagian daripada sekuriti pelaburan tersebut daripada mematuhi Polisi Pelaburan PIDM. Sekuriti pelaburan yang telah dikecualikan daripada mematuhi Polisi Pelaburan PIDM terdiri daripada sekuriti Kerajaan dengan tempoh jangka panjang serta Sekuriti Hutang Swasta yang diterbitkan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan dan bertujuan untuk dipegang sehingga tempoh matang sekuriti berkenaan. Sekuriti pelaburan selebihnya yang tidak selari dengan Polisi Pelaburan sedang dilupuskan dan dilaburkan semula dalam pelaburan yang mematuhi Polisi Pelaburan.

a. Risiko mata wang asing

Pada masa ini PIDM mempunyai pendedahan minimal terhadap risiko mata wang asing memandangkan kebanyakan transaksi diurusniagakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan

Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan PIDM akan timbul terutamanya daripada perbezaan tarikh matang aset dan liabiliti kewangannya.

Aset kewangan terdiri terutamanya daripada aset pelaburan yang dipegang dalam Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia. Risiko kadar faedah dalam hal ini timbul daripada turun naik kadar faedah pasaran yang boleh memberi kesan kepada nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan. Risiko kadar pulangan ialah impak faktor pasaran yang berpotensi menjejaskan pulangan atas aset dan seterusnya boleh mengakibatkan nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan ini terjejas. Bagi mengurangkan risiko-risiko ini, PIDM pada masa ini hanya melabur dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana yang mengurangkan sebarang kesan perubahan kadar faedah pasaran atau kadar pulangan atas nilai pasaran sekuriti berkenaan.

Pada masa ini PIDM tidak mempunyai sebarang liabiliti yang terdedah kepada risiko kadar faedah.

20. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan nilai bawaan, Kadar Pulangan Purata Berwajaran pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan tempoh matang instrumen kewangan PIDM yang terdedah kepada risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan.

Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional		Kadar Pulangan Purata Berwajaran	Dalam tempoh 3 bulan	4 - 12 bulan	13 - 36 bulan	37 - 60 bulan	61 - 120 bulan	Jumlah
Nota	%	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
31 Disember 2011								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	3	2.95	231,145	-	-	-	-	231,145
Pelaburan	4	2.90	-	201,352	-	-	-	201,352
31 Disember 2010								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	3	2.55	153,200	-	-	-	-	153,200
Pelaburan	4	2.78	-	204,222	-	-	-	204,222
Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam								
31 Disember 2011								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	3	2.81	34,388	-	-	-	-	34,388
Pelaburan	4	2.91	-	30,633	-	-	-	30,633
31 Disember 2010								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	3	2.63	30,815	-	-	-	-	30,815
Pelaburan	4	2.76	-	22,146	-	-	-	22,146

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

20. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan (sambungan)

Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am	Nota	Kadar Pulangan Purata Berwajaran %	Dalam tempoh 3 bulan RM'000	4 - 12 bulan RM'000	13 - 36 bulan RM'000	37 - 60 bulan RM'000	61 - 120 bulan RM'000	Jumlah RM'000
31 Disember 2011								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	3	2.94	58,671	-	-	-	-	58,671
Pelaburan	4	6.33	-	309,123	177,926	247,479	147,269	881,797
31 Disember 2010								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	3	-	-	-	-	-	-	-
Pelaburan	4	-	-	-	-	-	-	-
Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat								
31 Disember 2011								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	3	2.64	8,466	-	-	-	-	8,466
Pelaburan	4	2.92	-	29,278	-	-	-	29,278
31 Disember 2010								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	3	-	-	-	-	-	-	-
Pelaburan	4	-	-	-	-	-	-	-

**Kumpulan Dana Perlindungan
Takaful Am**

	Nota	Kadar Pulangan Purata Berwajaran %	Dalam tempoh 3 bulan RM'000	4 - 12 bulan RM'000	13 - 36 bulan RM'000	37 - 60 bulan RM'000	61 - 120 bulan RM'000	Jumlah RM'000
--	------	--	--------------------------------------	---------------------------	----------------------------	----------------------------	-----------------------------	------------------

31 Disember 2011**Kadar tetap**

Tunai dan kesetaraan tunai	3	2.41	2,150	-	-	-	-	2,150
Pelaburan	4	-	-	-	-	-	-	-

31 Disember 2010**Kadar tetap**

Tunai dan kesetaraan tunai	3	-	-	-	-	-	-	-
Pelaburan	4	-	-	-	-	-	-	-

**Kumpulan Dana Perlindungan
Takaful Keluarga****31 Disember 2011****Kadar tetap**

Tunai dan kesetaraan tunai	3	2.83	4,543	-	-	-	-	4,543
Pelaburan	4	-	-	-	-	-	-	-

31 Disember 2010**Kadar tetap**

Tunai dan kesetaraan tunai	3	-	-	-	-	-	-	-
Pelaburan	4	-	-	-	-	-	-	-

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2011

20. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

b. Risiko kadar faedah dan kadar risiko pulangan (sambungan)

Berdasarkan kepada kumpulan pelaburan PIDM pada 31 Disember 2011, jadual berikut menunjukkan bagaimana kesan terhadap lebihan bersih hasil daripada kenaikan atau penurunan 50 mata asas dalam kadar pulangan purata berwajaran.

	Lebihan Bersih	
	2011 RM'000	2010 RM'000
Kenaikan 50 mata asas	3,976	3,030
Penurunan 50 mata asas	(3,976)	(3,030)

c. Risiko kecairan

Risiko kecairan PIDM berkait rapat dengan keupayaan PIDM memenuhi obligasinya apabila diperlukan, tanpa menyebabkan kerugian yang tidak boleh diterima. Ini mungkin berlaku akibat ketidakupayaan untuk membubarkan aset apabila diperlukan atau memperoleh pembiayaan untuk memenuhi keperluan kecairannya. Sejumlah besar dana daripada kumpulan dana yang diperuntukkan untuk tujuan pelaburan telah dilaburkan dalam sekuriti jangka pendek. PIDM berusaha untuk mengurus profil kematangan sekuriti ini secara berterusan bagi memastikan terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa, untuk menampung keperluan modal kerja harian atau untuk menangani mana-mana pendedahan risiko kewangan mengikut had pendedahan yang diluluskan. Nilai pelaburan mengikut profil kematangan didedahkan di dalam Nota 20 (b).

PIDM juga mempunyai rangka kerja pembiayaan untuk mengurus keperluan pembiayaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Objektif utama rangka kerja itu ialah untuk memastikan PIDM mempunyai sumber kewangan mencukupi bagi operasi sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans yang kukuh dan mantap. Rangka kerja pembiayaan ini juga mengambil kira peranan PIDM dalam jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangannya berkaitan dengan sumber pembiayaan serta objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luaran.

- i. **Pembiayaan dalaman** disediakan menerusi pengumpulan lebihan bersih operasi. Pengumpulan lebihan bersih dikreditkan ke dalam Kumpulan Dana Perlindungan masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi masa hadapan yang mungkin timbul hasil daripada penyediaan program perlindungan konsumen kewangan.
- ii. **Pembiayaan luaran** boleh diperoleh menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pinjaman daripada pasaran modal atau sumber-sumber lain yang dianggap perlu dan sesuai. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk meminjam atau memperoleh dana bagi memenuhi obligasinya. PIDM boleh meminjam daripada Kerajaan dengan kelulusan daripada Menteri Kewangan dengan terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.

d. Risiko pasaran

Risiko pasaran PIDM berkait rapat dengan risiko kerugian yang disebabkan oleh perubahan negatif dalam nilai pegangan aset berikutan pergerakan dalam kadar atau harga pasaran. Risiko pasaran bagi PIDM termasuk risiko yang berkaitan dengan pelaburan. Pendedahan risiko pasaran PIDM boleh berubah semasa operasi biasa atau kesan daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Pelaburan PIDM dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana adalah bertujuan untuk dipegang sehingga tempoh matang. Oleh itu, pendedahan PIDM kepada risiko pasaran dalam konteks pelaburan ini adalah minimum.

e. Risiko kredit

PIDM melabur dalam Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia, Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia, yang secara amnya dianggap sebagai aset berisiko rendah. PIDM tidak menjangkakan pihak yang berurusan dengannya akan gagal dalam membuat pembayaran dan oleh sebab itu, menganggap risiko kredit ke atas aset pelaburannya sebagai amat minimum.

Selain sekuriti pelaburan Kerajaan dan Nota Bank Negara Malaysia, PIDM juga mempunyai pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta yang merupakan sebahagian daripada aset pelaburan yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans (sila rujuk Nota 19) dalam tahun semasa. Daripada sekuriti-sekuriti ini, PIDM hanya mengekalkan Sekuriti Hutang Swasta yang diterbitkan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan dengan penarafan minimum AA+. Oleh kerana Sekuriti Hutang Swasta ini berpotensi mendedahkan PIDM kepada risiko kemungkiran kredit, PIDM terus memantau kedudukan kredit penerbit Sekuriti Hutang Swasta bagi sebarang potensi risiko penurunan gred dalam penarafan kredit. Risiko kredit yang dinyatakan di sini hanya berkaitan dengan Sekuriti Hutang Swasta yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans.

f. Nilai saksama

Secara amnya, nilai bawaan aset dan liabiliti kewangan Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans hampir setara dengan nilai saksama mereka, kecuali bagi pelaburan dalam Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia serta pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta, yang mana nilai saksamanya boleh diwakili oleh nilai pasaran sekuriti ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam Nota 3 dan 4.

21. MATA WANG

Semua amaun dinyatakan dalam nilai Ringgit Malaysia.

22. LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah Sistem Insurans Deposit serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini. Sepanjang tahun ini, tiada kejadian berlaku yang memerlukan PIDM membuat peruntukan khusus di dalam penyata kewangan selaras dengan FRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Sebagai sebahagian daripada mandat, PIDM melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerjasama rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera. Walaubagaimanapun, PIDM bergantung kepada badan kawal selia untuk mengambil tindakan awal yang perlu untuk mengelakkan daripada kegagalan institusi ahli. Bagi bank ahli, PIDM mengukuhkan disiplin kewangan menerusi sistem premium berbeza yang menyediakan insentif kepada bank ahli untuk mengguna pakai amalan pengurusan risiko yang utuh dan mantap termasuk penyenggaraan kedudukan modal yang kukuh. PIDM juga kini sedang membangunkan satu sistem premium berbeza yang serupa bagi ahli penginsurans untuk dilaksanakan pada tahun 2013.

Sekiranya berlaku kegagalan, PIDM diberi mandat dan mempunyai kuasa untuk melaksanakan intervensi dan membuat resolusi terhadap institusi ahli dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan Kumpulan Dana Perlindungannya menerusi pengumpulan lebih bersih operasi tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi. Lebih terkumpul disimpan dalam setiap Kumpulan Dana bagi memenuhi kewajipan untuk menampung kerugian apabila ia berlaku. Lebih terkumpul dalam sesuatu Kumpulan Dana tidak boleh digunakan untuk menampung kewajipan terhadap Kumpulan Dana yang lain. Seperti yang dibincangkan di dalam Nota 8, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit. PIDM juga akan membangunkan satu rangka kerja Dana Sasaran yang serupa bagi Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, dalam tempoh beberapa tahun lagi.

Sekiranya sesuatu Kumpulan Dana tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi kewajipannya, PIDM sebagai sebuah badan berkanun, mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana, serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Bahagian 6

TINJAUAN KEAHLIAN



TINJAUAN KEAHLIAN

Pada tahun 2011, bilangan ahli institusi Perbadanan meningkat dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya. Keahlian meningkat kepada 88 institusi daripada hanya 42 pada tahun 2010, disebabkan terutamanya oleh kemasukan ahli penginsurans.

Meskipun dalam persekitaran ekonomi global yang agak sukar, tahun 2011 menjadi satu lagi tahun yang baik bagi institusi ahli dari segi prestasi kewangan keseluruhan mereka. Asas kekukuhan tersebut ialah ekonomi tempatan yang mapan yang disokong oleh pengawalseliaan berhemat yang mantap dan proaktif. Malahan yang lebih penting, tiada peralihan ketara dalam profil risiko institusi ahli.

Bank ahli terus mengekalkan profil risiko keseluruhan yang kukuh, terutamanya disebabkan kualiti aset yang kukuh, pertumbuhan pinjaman yang teguh dan tahap pinjaman terjejas yang rendah. Modal mereka kekal kukuh dan cukup untuk menyokong pertumbuhan aset, memandangkan kualiti aset yang baik. Prestasi perolehan terus bertambah baik dan tiada kebimbangan rintangan mudah tunai dalam kalangan bank ahli secara kolektif.

Ahli penginsurans menunjukkan trend yang sama, dengan pertumbuhan stabil dalam aset dan premium. Malahan yang lebih penting, mereka mengekalkan modal mencukupi yang melebihi tahap sasaran pengawalseliaan. Ahli penginsurans juga mengekalkan portfolio pelaburan yang amat pelbagai dengan kebanyakan pegangan dalam aset tempatan berisiko rendah.




TINJAUAN KEAHLIAN

BANK AHLI

Modal yang Kukuh untuk Menyokong Pertumbuhan

Secara kolektif, aset pinjaman bank ahli meningkat dengan kukuh sebanyak 13.6% pada tahun 2011. Ini menunjukkan kenaikan sebanyak 7.9% dalam jumlah aset berwajaran risiko dari tahun ke tahun. Walaupun demikian, permodalan ahli kekal kukuh, melebihi keperluan pengawalseliaan minimum 8%. Nisbah modal berwajaran risiko dan nisbah modal teras masing-masing adalah sebanyak 14.8% (akhir 2010: 14.4%) dan 12.8% (akhir 2010: 12.6%) pada Disember 2011. Serupanya, nisbah leveraj kekal pada tahap 12.5 kali jumlah aset (akhir 2010: 11.1 kali) sepanjang tempoh yang sama. Pada tahap modal masa ini, bank-bank ahli mempunyai penimbal sebanyak RM72.7 bilion melebihi had pengawalseliaan minimum.

Carta 1: Kedudukan Modal




Kualiti Aset Kekal Kukuh

Kualiti aset keseluruhan bank-bank ahli terus bertambah baik, dengan bacaan nilai terjejas yang lebih rendah. Pinjaman terjejas mutlak jatuh sebanyak RM2.5 bilion atau 8.5% pada tahun 2011 berbanding peningkatan sebanyak 2.9% pada tahun 2010. Nisbah pinjaman terjejas kasar bertambah baik dengan rekod terendah sebanyak 2.7% sementara nisbah pinjaman terjejas bersih adalah sebanyak 1.8% pada akhir tahun 2011.


Pembiayaan sektor isi rumah kekal sebagai pemacu pertumbuhan utama, mewakili 55.5% jumlah pinjaman yang diberikan oleh bank ahli secara kolektif pada akhir Disember 2011. Permintaan bagi pinjaman segmen isi rumah mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 13.4% (2010: 13.1%), kebanyakannya dipacu oleh hartanah kediaman. Walaupun kadar tertunggak dan mungkir pinjaman isi rumah kekal rendah secara konsisten (antara 1.2% dan 2.4%), kebimbangan wujud terhadap tahap hutang isi rumah yang tinggi berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar. Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan langkah awal bagi memupuk budaya risiko yang lebih berhemat dan amalan pemberian pinjaman yang lebih bertanggungjawab oleh bank-bank ahli.

Carta 2: Trend bagi Pinjaman Terjejas



Walaupun terdapat peningkatan peminjaman, kadar mungkir dalam segmen pinjaman teras kekal rendah. Dengan kualiti aset keseluruhan yang baik, kami akan terus berwaspada, dengan memberi tumpuan, khususnya, terhadap pertumbuhan dan pemberian pinjaman berlebihan dalam segmen yang lebih tempu.

Carta 3: Kadar Mungkir Segmen Terpilih




Prestasi Perolehan yang Bertambah Baik

Prestasi perolehan bank ahli semakin bertambah baik pada tahun 2011, dengan pertumbuhan pinjaman yang mapan dan tahap pinjaman terjejas dengan rekod terendah mengimbangi margin faedah bersih yang lebih rendah. Keuntungan sebelum cukai bank-bank ahli bagi tahun 2011 meningkat kepada RM25.1 bilion berbanding RM22.3 bilion pada tahun 2010. Pulangan atas aset dikekalkan pada 1.6% pada tahun 2011 sama seperti tahun sebelumnya. Sementara itu, margin faedah bersih terus menurun kepada 2.2% pada tahun 2011 daripada 2.4% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Mudah Tunai dan Pendanaan yang Mencukupi

Dengan adanya mudah tunai yang mencukupi dalam pasaran, tiada kebimbangan terhadap mudah tunai dalam sektor perbankan. Pertumbuhan dalam deposit pelanggan adalah lebih tinggi pada tahun 2011 (pertumbuhan tahunan sebanyak 14.4% berbanding 7.4% pada tahun 2010). Walaupun pertumbuhan pinjaman yang kukuh, nisbah pinjaman kepada deposit kekal pada tahap selesa sebanyak 79.3% pada akhir Disember 2011, lebih tinggi sedikit berbanding 79.8% yang dilaporkan pada tahun sebelumnya. Pada tahap ini, nisbah pinjaman kepada deposit boleh menyokong pengembangan pinjaman akan datang tanpa memberi tekanan kepada kadar faedah. Sementara itu, kami akan terus memantau komposisi deposit, khususnya bagi sebarang trend dalam penumpuan negatif. Komposisi pendeposit secara keseluruhan dalam bank-bank ahli tidak banyak berubah dan kekal pelbagai sejak tahun 2008. Pada Disember 2011, deposit pelanggan terdiri daripada deposit daripada individu (36.2%), syarikat perniagaan tempatan (37.4%) dan, pada tahap yang lebih rendah, Kerajaan (6.4%).

Carta 4: Trend Keberuntungan




AHLI PENGINSURANS

Modal yang Kukuh Untuk Menyokong Pertumbuhan

Kedudukan modal ahli penginsurans kekal stabil dan kukuh, melepasi tahap sasaran pengawalseliaan sebanyak 130%. Dalam usaha mereka untuk memperkukuh kedudukan modal, ahli penginsurans terus mengurus pendedahan mereka terhadap perniagaan berisiko tinggi, menstruktur semula gabungan pelaburan mereka, mempercepat penyelesaian tuntutan dan meningkatkan pemindahan insurans semula. Penimbal modal yang kukuh menyediakan platform yang lebih kukuh kepada ahli penginsurans untuk meneruskan trend pertumbuhan mereka dan menyerap sebarang kerugian yang tidak dijangka pada masa hadapan. Walaupun dengan modal yang kukuh, ahli penginsurans harus berwaspada untuk mengekalkan penimbal modal bagi menyokong trend menaik dalam keperluan modal dalam perniagaan yang mereka taja jamin.

Carta 5: Nisbah Kecukupan Modal dan Komponen Utamanya



Pertumbuhan Aset yang Memuaskan


Pertumbuhan dalam perniagaan konvensional dan takaful serta lebih pendapatan berbanding perbelanjaan yang dicatatkan pada tahun berkenaan menyokong pengembangan jumlah aset penginsurans dan pengendali takaful. Jumlah aset perniagaan insurans nyawa dan insurans am langsung masing-masing meningkat sebanyak 7.4% dan 8.6%, terutamanya daripada tunai dan deposit. Pengendali takaful keluarga dan takaful am masing-masing mencatatkan pertumbuhan aset yang ketara sebanyak 15.8% dan 15.7%, terutamanya daripada pelaburan. Daripada jumlah aset tersebut, pelaburan kekal sebagai komponen terbesar (72.2%) manakala pendedahan kepada ekuiti dan hartanah masing-masing dikekalkan pada tahap minimum sebanyak 14.8% dan 1.2%, pada akhir Disember 2011.

Pertumbuhan Perniagaan yang Mantap

Pertumbuhan premium bagi perniagaan insurans nyawa dan takaful keluarga dihadkan disebabkan sentimen berwaspada dan persekitaran pelaburan yang lemah. Premium / caruman bersih bagi perniagaan insurans nyawa dan takaful keluarga masing-masing berkembang secara marginal sebanyak 4.6% dan 9.2% pada tahun 2011. Bagi premium / caruman perniagaan baharu pula, walaupun pertumbuhan dalam polisi bertempoh tetap agak perlahan, produk perubatan dan kesihatan terus mencatatkan pertumbuhan mantap. Kami menjangka pertumbuhan tersebut akan berterusan, disokong oleh rancangan BNM dalam Pelan Sektor Kewangan 2011 - 2020.

Melangkah ke hadapan, kami menjangkakan ahli penginsurans kekal utuh dan terus meningkatkan bahagian mereka dalam perniagaan yang kurang berisiko, agar dapat memelihara modal dan mengekalkan pertumbuhan mantap dalam premium. Di samping itu, kami yakin bahawa perniagaan takaful keluarga akan terus berkembang pada kadar yang lebih pantas daripada perniagaan konvensional, disebabkan oleh pasaran yang belum dimasuki.


Carta 6: Perniagaan Insurans Nyawa dan Takaful Keluarga – Premium / Caruman Bersih



Sementara itu, pertumbuhan premium bagi perniagaan insurans dan takaful am kekal kukuh. Premium / caruman kasar bagi perniagaan insurans dan takaful am masing-masing meningkat sebanyak 7.9% dan 19.2% pada tahun 2011. Pertumbuhan dalam perniagaan insurans am disumbangkan terutamanya oleh perniagaan insurans perubatan dan kesihatan serta perniagaan berkaitan minyak luar pesisir. Bagi perniagaan takaful am pula, pertumbuhan tersebut disumbangkan oleh kontraktor semua risiko dan kejuruteraan serta perniagaan kargo marin.

Dari segi komposisi perniagaan, perniagaan permotoran terus mendominasi perniagaan insurans dan takaful am masing-masing sebanyak 46.2% dan 54.9%. Melangkah ke hadapan, pelaksanaan rangka kerja perlindungan motor baharu merupakan petanda baik bagi ahli penginsurans kerana memberi lebih banyak peluang kepada mereka untuk menetapkan harga premium motor dengan wajar.

Carta 7: Perniagaan Insurans Am dan Takaful – Premium / Caruman Kasar



Prestasi Perolehan yang Stabil

Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan bagi perniagaan insurans nyawa menyusut daripada RM12.6 bilion pada tahun 2010 kepada RM10.97 bilion pada tahun 2011, menunjukkan peningkatan kematangan industri dengan kematangan lebih banyak polisi atau peningkatan tuntutan manfaat kematian di samping pertumbuhan lebih perlahan dalam pendapatan premium bersih dan kerugian bersih belum terealisasi daripada ekuiti yang lebih tinggi. Kemudahubahan dalam pasaran ekuiti dan caj risiko yang agak tinggi telah mengingatkan ahli penginsurans agar lebih konservatif dan memantapkan pelaburan dalam aset kurang berisiko, iaitu deposit tetap dan sekuriti hutang berkualiti baik. Sementara itu, bagi perniagaan takaful keluarga, lebih pendapatan berbanding perbelanjaan adalah lebih tinggi sebanyak 13.9% berjumlah RM1.6 bilion pada tahun 2011 sejajar dengan pertumbuhan perniagaan yang baik.

Prestasi keseluruhan perniagaan insurans dan takaful am kekal stabil dengan nisbah margin operasi masing-masing sebanyak 18.6% dan 20.9% pada tahun 2011. Bagi perniagaan insurans am langsung, diperkukuhkan lagi dengan penambahbaikan am dalam nisbah tuntutan tertanggung bersih daripada 62.8% pada tahun 2010 kepada 61% pada tahun 2011, nisbah margin penajajaminan bertambah baik daripada 9.4% pada tahun 2011 (2010: 7.4%). Penambahbaikan tersebut adalah sejajar dengan usaha bersama BNM untuk memupuk amalan penajajaminan dan pengurusan tuntutan yang lebih berhemat dalam kalangan ahli penginsurans. Bagaimanapun, kami akan memantau trend negatif dalam nisbah margin penajajaminan bagi perniagaan takaful am yang mempunyai korelasi tinggi dengan nisbah tuntutan yang lebih tinggi. Pertumbuhan dalam perniagaan yang kurang menguntungkan seperti motor boleh menyumbang kepada penyusutan nisbah tuntutan tertanggung bersih dan nisbah margin penajajaminan masing-masing kepada 63.9% (2010: 56.7%) dan 7.1% (2010: 12%) pada tahun 2011.

TINJAUAN DAN KESIMPULAN

Dengan prestasi yang kukuh pada tahun 2011, ketidakpastian tetap wujud. Sehubungan ini, tahun 2012 dijangka akan menjadi tahun yang mencabar bagi institusi ahli. Memandangkan persekitaran ekonomi yang mencabar dan pengetatan peminjaman pengguna, penyederhanaan dalam pertumbuhan pinjaman dan premium adalah dijangkakan.

Bagaimanapun, kesempatan tetap wujud dengan sokongan berterusan Kerajaan Malaysia terhadap pertumbuhan ekonomi melalui inisiatif seperti pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi Malaysia dan Pelan Sektor Kewangan 2011 - 2020. Tambahan lagi, terdapat usaha bersama di peringkat global untuk memperkenalkan keperluan pengawalseliaan yang baharu bagi memastikan pertumbuhan perniagaan yang berterusan, mampan dan bertanggungjawab serta amalan pengurusan risiko yang dimantapkan. Institusi ahli kami agak bersedia untuk mengambil kesempatan ke atas inisiatif ini dengan langkah dan perancangan pengurusan risiko yang berhemat.

Walaupun kami tidak menjangkakan sebarang isu yang ketara pada tahun akan datang yang akan menjejaskan daya maju industri dalam tempoh terdekat, kami beriltizam untuk terus berwaspada.

Bahagian 7
ARTIKEL



PIDM

Perbadanan Insurans Deposit
Protecting Your Insurance And Deposits

AHLI PIDM
MEMBER OF PIDM

PIDM 的成員
PIDM-மின் உறுப்புக் கழகம்
www.pidm.gov.my
Toll-free: 1-800-88-1266



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Malaysia Deposit Insurance Corporation

PENGENALAN


Sejak penubuhannya pada tahun 2005, PIDM belum pernah lagi menangani kegagalan mana-mana institusi ahli. Bagaimanapun, sebagai pihak berkuasa perlindungan dan resolusi bagi institusi ahli, kami menumpukan sebahagian besar usaha dan sumber ke arah membangunkan kesediaan operasi PIDM untuk mengurus aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan bagi memenuhi mandat berkanun kami. Kesediaan operasi penting bagi membina keyakinan awam terhadap sistem perlindungan konsumer kewangan dan pembiayaan efektif merupakan satu daripada aspek utama kesediaan tersebut. Tumpuan PIDM dalam bahagian ini adalah sejajar dengan Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit Efektif yang dikeluarkan pada Jun 2009 oleh *Basel Committee on Banking Supervision* dan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers – IADI*). Petikan daripada panduan penjelasan dan sokongan kepada Prinsip 11 mengenai Pembiayaan adalah seperti berikut:

“Penyusunan pembiayaan yang kukuh penting kepada keberkesanan sesebuah sistem insurans deposit. Pembiayaan ‘ex-ante’ boleh membantu mengurangkan keandalan sistem insurans deposit kepada dana awam semasa tempoh kekangan dan krisis kewangan. Bagi negara-negara yang menggunakan nisbah atau jajaran dana sasaran ‘ex-ante’, kaedah yang dipilih perlu mencukupi untuk mengurangkan kemungkinan dana menjadi insolvensi kepada tahap minimum yang boleh diterima.”

PIDM menggunakan sistem pembiayaan *ex-ante* yang mana ia menaksir premium tahunan bank-bank ahlinya berdasarkan kepada Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember tahun sebelumnya. Bagi Sistem Insurans Deposit, PIDM menyanggah dua Kumpulan Dana berasingan, iaitu bagi Insurans Deposit Islam dan Insurans Deposit Konvensional. Pengurusan dua Kumpulan Dana ini adalah untuk menunjukkan dengan jelas pengasingan antara sistem perbankan Islam dan konvensional yang beroperasi secara selari dalam sistem kewangan Malaysia, sejajar dengan peruntukan perundangan dan pematuhan kepada keperluan Syariah.

RANGKA KERJA PEMBIAYAAN BAGI SISTEM INSURANS DEPOSIT

Rangka kerja pembiayaan PIDM memperincikan objektif pembiayaan PIDM, sumber dana-dananya serta penggunaannya. Sebagaimana lazimnya, seperti kebanyakan penginsurans deposit lain, objektif pembiayaan PIDM diselaraskan kepada mandatnya.



Gambar Rajah 1: Rangka kerja pembiayaan PIDM bagi Sistem Insurans Deposit

Objektif pembiayaan PIDM ialah untuk menampung perbelanjaan operasi harian kami dan membina rizab bagi memenuhi obligasi masa hadapan PIDM kepada pendeposit.

Rangka kerja pembiayaan PIDM dibentuk berasaskan kepada beberapa pertimbangan utama. Pertama, peranan PIDM dalam jaringan keselamatan kewangan. Objektif berkanunnya memerlukan PIDM menggalak dan mengekalkan keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan dan bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan. Kedua, PIDM mempunyai peruntukan perundangan yang memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk meluluskan pinjaman daripada Kerajaan atau membolehkan PIDM mengumpul dana dengan cara yang bersesuaian, termasuk daripada pasaran modal. Sehubungan ini, PIDM tidak perlu membina rizab yang terlalu besar bagi tujuan kecairan tetapi membangunkan saiz dana yang mencukupi untuk menampung kerugian insurans deposit bersih, disokong oleh sumber pembiayaan luaran untuk keperluan kecairan.

Seperti yang dinyatakan di atas, rangka kerja pembiayaan PIDM menjelaskan perbezaan antara objektif pembiayaan dalaman dan luaran. Pembiayaan luaran PIDM ialah untuk memenuhi keperluan kecairan bagi intervensi dan resolusi kegagalan manakala pembiayaan dalaman ialah untuk menampung perbelanjaan operasi serta kerugian bersih akibat daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

Berkaitan pinjaman, PIDM sedang menyediakan penyusunan dan dokumentasi bersesuaian bagi memudahkan pinjaman daripada Kerajaan, yang akan menjadi sumber pertama atau utama pembiayaan luaran bagi keperluan kecairan. Ini adalah untuk memastikan PIDM berupaya mengumpul dana dengan segera sekiranya terdapat keperluan untuk menangani institusi ahli yang bermasalah. Pembiayaan daripada pasaran modal, iaitu menerusi penerbitan sekuriti hutang yang dijamin Kerajaan, juga merupakan satu pilihan apabila persekitaran atau pasaran kondusif untuk berbuat demikian. Premium ditaksir *ex-post* intervensi atau resolusi kegagalan serta hasil daripada pendapatan semula aset ahli yang gagal akan digunakan untuk membayar balik semua pinjaman dan hutang.

DANA SASARAN: KONSEP UMUM

Istilah Dana Sasaran atau nisbah rizab sasaran secara umumnya merujuk kepada paras dana dalaman yang disasarkan oleh sesebuah penginsurans deposit bagi memenuhi obligasi dan mandatnya. Kertas Panduan IADI bagi Pembiayaan Sistem Insurans Deposit yang dikeluarkan oleh IADI pada 6 Mei 2009 (halaman 17), menekankan kepentingan penentuan saiz optimum dana insurans deposit, iaitu:

“Paras sasaran perlu mencukupi sekurang-kurangnya bagi menampung potensi kerugian penginsurans dalam keadaan normal. Banyak faktor perlu diambil kira termasuk: komposisi bank-bank ahli (bilangan, saiz, bidang perniagaan), liabiliti ahli dan pendedahan penginsurans kepada mereka, kebarangkalian kegagalan dan ciri-ciri kerugian yang boleh dijangka oleh penginsurans”.

Tiada satu saiz Dana Sasaran yang boleh memenuhi obligasi dan mandat setiap penginsurans deposit. Dana Sasaran

(yang biasanya dinyatakan sebagai peratusan deposit yang diinsuranskan) berbeza daripada satu bidang kuasa dengan bidang kuasa yang lain bergantung kepada mandat, persekitaran operasi serta rejim pengawalseliaan setiap penginsurans deposit. Sebagai contoh, sesebuah penginsurans deposit yang mempunyai mandat terhad, iaitu membayar balik kepada pendeposit apabila sesebuah bank gagal (juga dikenali sebagai penginsurans deposit ‘pay-box’) perlu mengekalkan paras dana yang mencukupi bagi memenuhi kewajipannya untuk membayar balik kepada pendeposit. Sekiranya penginsurans deposit *pay-box* tidak mempunyai keupayaan atau sokongan pembiayaan luaran, ia perlu mengekalkan paras dana dalaman yang tinggi untuk memenuhi keperluan kecairan pembayaran balik deposit. Sebaliknya, bagi sesebuah penginsurans deposit yang mempunyai kuasa untuk melaksanakan intervensi lebih awal dalam sesebuah bank bermasalah akan berupaya mengurangkan kerugiannya, justeru, mampu mengekalkan paras dana yang rendah berbanding sebaliknya. Komposisi bank-bank ahli serta keberkesanan rejim pengawalseliaan juga mempengaruhi paras dana yang perlu dikekalkan oleh sesebuah penginsurans deposit.

Pendekatan dan metodologi berbeza yang diguna pakai dalam menentukan paras Dana Sasaran juga menyumbang kepada perbezaan dalam Dana Sasaran antara pelbagai bidang kuasa. Metodologi tersebut terdiri daripada pendekatan mengikut pertimbangan, yang bergantung kepada penilaian budi bicara (contohnya paras dana mencukupi untuk menampung pendedahan kepada deposit yang diinsuranskan bagi semua bank-bank kecil dan dua daripada bank bersaiz sederhana), hinggalah kepada pendekatan lebih canggih yang menggunakan pemodelan statistik bagi menganggarkan pendedahan kepada kerugian (contohnya pemodelan “nilai-pada-risiko”, yang biasanya digunakan oleh bank-bank untuk menilai risiko kredit).

NEGARA	PARAS DANA SASARAN	NEGARA	PARAS DANA SASARAN
Hong Kong	0.25% daripada deposit diinsuranskan	Amerika Syarikat	2.00% daripada deposit diinsuranskan
Indonesia	2.50% daripada deposit boleh diinsuranskan	Kanada	0.40% – 0.50% daripada deposit diinsuranskan
Kazakhstan	5.00% daripada deposit boleh diinsuranskan	Colombia	4.50% daripada deposit diinsuranskan
Korea	Bank, syarikat pelaburan kewangan, syarikat insurans bukan hayat: 0.825% - 1.1% daripada deposit diinsuranskan	Jordan	3.00% daripada asas diinsuranskan
Filipina	P75.5 bilion (Sasaran bagi tahun 2010 – dikaji semula setiap tahun)	Argentina	0.50% daripada asas diinsuranskan
Singapura	0.30% daripada deposit diinsuranskan	Jamaica	5.00% daripada asas diinsuranskan
Taiwan	2.00% daripada deposit dilindungi	Brazil	2.00% daripada asas diinsuranskan


Jadual 1: Perbandingan paras Dana Sasaran bagi negara-negara tertentu pada 31 Disember 2011

PIDM berpandukan kepada empat prinsip panduan berikut dalam menubuhkan Dana Sasaran bagi sistem insurans depositnya:

PRINSIP-PRINSIP PANDUAN
<p>Prinsip Pertama: Dana Sasaran seharusnya ditubuhkan untuk menangani kegagalan berkala dan bukan kegagalan bersistem. Sistem insurans deposit di Malaysia dibentuk untuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dengan menggalak pengurusan risiko mantap dalam bank-bank ahli dan melaksanakan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan yang tepat pada masa. Bagaimanapun, sistem ini bukan dibentuk untuk menangani kegagalan bersistem, yang perlu ditangani menerusi usaha bersama semua peserta jaringan keselamatan kewangan termasuk Kerajaan.</p>
<p>Prinsip Kedua: Dana Sasaran sepatutnya cukup besar untuk menampung kerugian insurans bersih dalam kebanyakan situasi kerugian yang mungkin dihadapi PIDM. Penyusunan pembiayaan luaran akan digunakan untuk menyokong keperluan kecairan sekiranya berlaku intervensi. Kos utama atau kerugian bersih kepada penginsurans deposit sekiranya berlaku aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan adalah kos keseluruhan resolusi setelah mengambil kira pendapatan semula aset-aset daripada bank ahli yang gagal atau bermasalah. Bagaimanapun, keperluan kecairan bagi intervensi dan resolusi kegagalan, terutamanya sekiranya berlaku pembayaran balik deposit kepada pendeposit, akan lebih tinggi berbanding kerugian insurans bersih. Penubuhan Dana Sasaran yang memenuhi keperluan kecairan memerlukan sejumlah dana yang amat besar, yang mana tidak dapat diwajarkan memandangkan saiz pendedahan deposit yang diinsuranskan. Justeru, bagi menangani perkara ini, Akta PIDM memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menyediakan dana Kerajaan kepada PIDM dalam bentuk pinjaman. PIDM juga mempunyai kuasa di bawah Akta PIDM untuk mengumpul dana dengan cara yang bersesuaian, termasuk daripada pasaran modal.</p>
<p>Prinsip Ketiga: Paras Dana Sasaran perlu mencerminkan pendekatan resolusi pragmatik bagi mendapatkan paras sasaran yang boleh dicapai. Saiz Dana Sasaran optimum seharusnya mencukupi untuk membina keyakinan tetapi bukan sehingga menjejaskan dengan ketara keuntungan bank-bank ahli. Paras permodalan yang kukuh merupakan bentuk pertahanan pertama bagi sistem kewangan yang mantap. Bank-bank ahli seharusnya membina penimbal modal dan bukannya PIDM memegang kumpulan aset cair hasil rendah yang berlebihan. Bagi menubuhkan Dana Sasaran yang tidak berlebihan, PIDM mengambil kira pelbagai kuasa resolusi serta keupayaannya untuk melaksanakan intervensi lebih awal dalam ahli bermasalah bagi meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan.</p>
<p>Prinsip Keempat: Saiz Dana Sasaran ditetapkan sebagai “jajaran” dan bukan amaun mutlak. Dana Sasaran merupakan anggaran kerugian insurans masa hadapan yang mungkin berlaku. Anggaran ini akan berubah apabila komponen atau pemboleh ubah input bagi model tersebut berubah. Perubahan dalam persekitaran ekonomi dan landskap industri serta paras pertumbuhan deposit boleh memberi kesan kepada paras Dana Sasaran. Dengan mempunyai jajaran amaun bagi Dana Sasaran akan membolehkan ia kekal relevan meskipun terdapat perubahan kepada pemboleh ubah, justeru, tidak wujud keperluan untuk menukar saiz Dana terlalu kerap.</p>

Dalam membangunkan rangka kerja Dana Sasaran, PIDM menilai dan menanda aras model-model yang digunakan oleh penginsurans deposit lain serta memilih pendekatan dan model yang mencerminkan cara PIDM menguruskan risikonya.

Rangka Kerja Dana Sasaran PIDM dibangun menggunakan pendekatan pemodelan statistik, di samping mempertimbangkan faktor-faktor kualitatif termasuk kuasa perundangan PIDM, persekitaran operasi serta rejim pengawalseliaan yang mempunyai implikasi kepada pendedahan PIDM kepada kerugian. Faktor-faktor kualitatif ini dipertimbangkan secara langsung dalam model statistik atau digunakan dalam penentuan jajaran Dana Sasaran.




Gambar Rajah 2: Rangka Kerja Dana Sasaran PIDM bagi Sistem Insurans Deposit

DANA SASARAN BAGI SISTEM INSURANS DEPOSIT

Pemodelan statistik ini mengandaikan dua pendekatan umum yang mungkin diguna pakai dalam menangani bank ahli bermasalah: (a) pembubaran bank ahli (b) resolusi bagi memastikan urus niaga yang berterusan. Model statistik tersebut menentukan kerugian yang dijangkakan bagi PIDM dengan menggunakan pemboleh ubah input utama berikut:

PEMBOLEH UBAH UTAMA DAN DEFINISI	RINGKASAN PENDEKATAN YANG DIGUNA PAKAI
<p>1. Kebarangkalian Kegagalan (<i>Probability of Default</i>): Kebarangkalian Kegagalan mengukur kadar kebarangkalian bank ahli gagal dalam tempoh masa khusus.</p>	Dalam menentukan Kebarangkalian Kegagalan, data daripada Institusi Penilaian Kredit Luaran seperti Standard & Poors, Moody's and Fitch, dan lain-lain diperoleh. Jika terdapat lebih daripada satu penarafan bagi sesebuah institusi, kaedah penarafan purata digunakan. Data ini juga ditanda aras berbanding data penarafan dalaman daripada Sistem Penilaian Risiko PIDM.
<p>2. Pendedahan Semasa Kegagalan (<i>Exposure at Default</i>): Pendedahan Semasa Kegagalan ialah pendedahan kewangan kepada PIDM sekiranya berlaku kegagalan bank ahli.</p>	PIDM mengguna pakai Pendedahan Semasa Kegagalan yang berbeza bagi pendekatan resolusi secara pembubaran dan resolusi bagi memastikan urus niaga yang berterusan. PIDM menggunakan Jumlah Deposit Diinsuranskan bagi pendekatan resolusi secara pembubaran dan permodalan semula sebagai proksi bagi pendekatan resolusi bagi memastikan urus niaga yang berterusan.
<p>3. Kerugian Akibat Kegagalan: Kerugian Akibat Kegagalan ditakrif sebagai <i>kerugian bersih</i> kepada PIDM selepas mengambil kira pendapatan semula aset selepas tindakan intervensi dan resolusi kegagalan berkaitan dengan bank ahli tidak berdaya maju.</p>	Penentuan Kerugian Akibat Kegagalan mengambil kira kedua-dua resolusi secara pembubaran dan resolusi bagi memastikan urus niaga yang berterusan.

Dalam menganggarkan Dana Sasaran menggunakan model statistik, PIDM menggunakan pendekatan simulasi *Monte Carlo* yang melibatkan pemprosesan 10 juta senario kerugian rawak bagi membina agihan kerugian statistik. Bagi setiap senario, kerugian bersih ditentukan oleh pemboleh ubah input yang diuraikan seperti di atas. Daripada agihan kerugian ini, PIDM kemudiannya menentukan paras dana yang mencukupi untuk menampung kerugian berasaskan kepada tahap keyakinan khusus. Dalam mengenal pasti tahap yang sesuai bagi dana yang diperlukan, PIDM menggunakan sela keyakinan kira-kira 1.25% (atau 98.75% tahap keyakinan). Dalam erti kata lain, terdapat kemungkinan 98.75% paras dana yang ditetapkan mencukupi untuk menampung kerugian insurans bersih dalam menyediakan perlindungan insurans deposit.



Gambar Rajah 3: Contoh Keluk Agihan Kerugian

Daripada keputusan pemodelan dan selepas mengambil kira faktor-faktor kualitatif seperti yang dinyatakan sebelum ini, PIDM menetapkan jajaran Dana Sasaran pada **0.6%** ke **0.9%** daripada Jumlah Deposit Diinsuranskan bagi kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional dan Islam. Berasaskan kepada paras Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember 2010, jajaran Dana Sasaran dalam amaun Ringgit Malaysia mutlak adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

PARAS DANA SASARAN	KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT KONVENSIONAL	KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM
60 mata asas (0.6%)	RM1.96 bilion	RM239 juta
90 mata asas (0.9%)	RM2.94 bilion	RM359 juta

Jadual 2: Paras Dana Sasaran berasaskan kepada Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember 2010

MASA-CAPAIAN-DANA

Istilah "Masa-Capaian-Dana" merujuk kepada tempoh masa (biasanya ditetapkan sebagai bilangan tahun) yang diperlukan untuk mencapai paras Dana Sasaran yang ditetapkan, dengan mengambil kira paras premium yang akan ditaksir terhadap bank-bank ahli dan paras lebih bersih yang akan dikumpul setiap tahun. Pemodelan Masa-Capaian-Dana didasarkan dan tertakluk kepada faktor-faktor berikut:

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBERI KESAN KEPADA MASA-CAPAIAN-DANA
<p>Pertumbuhan dalam Jumlah Deposit Diinsuranskan: Oleh kerana Dana Sasaran ditetapkan sebagai peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan, paras sasaran dalam terma Ringgit Malaysia mutlak akan berbeza mengikut pertumbuhan Jumlah Deposit Diinsuranskan dari tahun ke tahun. Dalam memodelkan Masa-Capaian-Dana ini, sekiranya kadar pertumbuhan dalam Jumlah Deposit Diinsuranskan lebih tinggi daripada yang dijangkakan, Masa-Capaian-Dana yang dianggarkan juga turut bertambah. Begitu juga sebaliknya, sekiranya kadar pertumbuhan Jumlah Deposit Diinsuranskan lebih rendah daripada yang dijangkakan.</p>
<p>Premium: Paras premium ditaksir terhadap bank-bank ahli merupakan pemacu utama dalam mencapai Masa-Capaian-Dana yang disasarkan kerana ia mempunyai impak langsung dan ketara bagi lebih bersih yang akan dikumpul setiap tahun.</p>
<p>Pendapatan pelaburan: Premium yang diterima daripada institusi ahli dilaburkan dalam sekuriti pelaburan pendapatan tetap berisiko rendah dan stabil. Sehubungan ini, paras pulangan bagi pelaburan yang menyumbang kepada lebih bersih yang dikumpul setiap tahun, akan mempunyai kesan songsang ke atas Masa-Capaian-Dana – iaitu lebih tinggi pulangan bagi pelaburan, lebih pendek Masa-Capaian-Dana.</p>
<p>Perbelanjaan operasi: Di masa hadapan, perbelanjaan operasi PIDM dijangka meningkat sedikit dan akan mula stabil selepas semua sumber yang diperlukan telah diperolehi dan semua infrastruktur, sistem dan proses utama telah dilaksanakan.</p>

Paras premium merupakan faktor yang paling penting di kalangan empat faktor yang akan memberi kesan kepada Masa-Capaian-Dana.

NEGARA	ASAS PENAKSIRAN PREMIUM	SISTEM PREMIUM	KADAR PREMIUM	DANA SASARAN	PARAS DANA SASARAN
Malaysia	Deposit diinsuranskan	Sistem Premium Berbeza	<u>Sistem Insurans Deposit:</u> Kategori 1: 0.03% Kategori 2: 0.06% Kategori 3: 0.12% Kategori 4: 0.24%	Ya	0.6% hingga 0.9% daripada Jumlah Deposit Diinsuranskan bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional dan Islam
	Asas Penaksiran Yang Relevan	Kadar sama rata	<u>Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:</u> <ul style="list-style-type: none"> Insurans Am / Takaful Am: 0.25% daripada jumlah premium bersih yang diterima Insurans Hayat / Takaful Keluarga: 0.06% daripada liabiliti penilaian aktuari 	Tidak	Tidak terpakai

NEGARA	ASAS PENAKSIRAN PREMIUM	SISTEM PREMIUM	KADAR PREMIUM	DANA SASARAN	PARAS DANA SASARAN
Hong Kong	Deposit diinsuranskan	Sistem Premium Berbeza	Kategori 1: 0.0175% Kategori 2: 0.0280% Kategori 3: 0.0385% Kategori 4: 0.0490%	Ya	0.25% daripada deposit diinsuranskan
Indonesia	Deposit boleh diinsuranskan	Kadar sama rata	0.20%	Ya	0.25% daripada deposit boleh diinsuranskan
Kazakhstan	Deposit boleh diinsuranskan	Sistem Premium Berbeza	Kategori 1: 0.04% Kategori 2: 0.08% Kategori 3: 0.11% Kategori 4: 0.19% Kategori 5: 0.38%	Ya	5.00% daripada deposit boleh diinsuranskan
Korea	Deposit boleh diinsuranskan	Kadar sama rata	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi bank-bank: 0.08% • Bagi syarikat pelaburan kewangan, bank saudagar: 0.15% • Bagi bank tabungan bersama: 0.4% 	Ya	<ul style="list-style-type: none"> • Bank, syarikat pelaburan kewangan: 0.825% - 1.10% • Bank tabungan bersama: 1.65% - 1.925%
	Purata aritmetik rizab polisi dan premium diperoleh	Kadar sama rata	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi syarikat insurans: 0.15% 	Ya	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat bukan insurans hayat: 0.825% - 1.10% • Syarikat insurans hayat: 0.66% - 0.935%
Filipina	Jumlah liabiliti deposit	Kadar sama rata	0.20%	Ya	P75.5 bilion (Sasaran bagi 2010 – dikaji semula setiap tahun)
Singapura	Deposit diinsuranskan	Sistem Premium Berbeza	Kategori 1: 0.02% Kategori 2: 0.03% Kategori 3: 0.07%	Ya	0.30% daripada deposit diinsuranskan
Taiwan	Deposit boleh diinsuranskan	Sistem Premium Berbeza*	Kategori 1: 0.05% Kategori 2: 0.06% Kategori 3: 0.08% Kategori 4: 0.11% Kategori 5: 0.15%	Ya	2.00% daripada deposit diinsuranskan
		Kadar sama rata**	0.005%		
Thailand	Deposit boleh diinsuranskan	Kadar sama rata	0.40%	Tidak	Tidak terpakai
Vietnam	Deposit diinsuranskan	Kadar sama rata	0.15%	Tidak	Tidak terpakai

* Kadar premium berbeza bagi deposit diinsuranskan

** Kadar premium sama rata bagi deposit melebihi perlindungan insurans maksimum


Jadual 3: Perbandingan paras Dana Sasaran, kadar dan paras premium Kumpulan Dana Insurans Deposit dan dana-dana perlindungan bagi negara-negara terpilih pada 31 Disember 2011

PIDM ketika ini sedang mengkaji semula rangka kerjanya untuk menentukan Masa-Capaian-Dana yang sesuai dan wajar bagi Kumpulan Dana Insurans Depositnya.

PENDEDAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN

Dana Sasaran adalah unik kepada urusan berkaitan insurans deposit. Setakat ini, tiada piawaian atau garis panduan perakaunan khusus berkaitan dengan pendedahan Dana Sasaran dalam penyata kewangan. Justeru, perubahan yang ketara wujud dalam pendekatan pendedahan diguna pakai oleh penginsurans deposit di seluruh dunia.

Dalam kes Malaysia, piawaian perakaunan relevan termasuk Piawaian Pelaporan Kewangan (*Financial Reporting Standards – FRS*) 7 *Financial Instruments: Disclosures*, FRS 101 *Presentation of Financial Statements* dan FRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.



Gambar Rajah 4: Rangka Kerja Pendedahan Dana Sasaran PIDM

Dalam membentuk rangka kerja pendedahan yang sesuai yang mengimbangi keperluan bagi ketelusan dan integriti berbanding potensi impak negatif ke atas keyakinan terhadap sistem kewangan, PIDM telah mengambil kira piawaian perakaunan yang relevan di Malaysia, aspek kuantitatif dan kualitatif pendedahan, dan ditanda aras berbanding pendedahan penginsurans deposit lain.

Pendedahan Dana Sasaran PIDM boleh didapati di bahagian Perbincangan dan Analisis Pengurusan Laporan Tahunan ini di halaman 95 hingga 97 serta dalam Nota 8 kepada Penyata Kewangan di halaman 130 dan 131.

DI MASA HADAPAN

Seperti yang dinyatakan di atas dan sejajar dengan keperluan Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit Efektif, kecukupan pembiayaan bagi penginsurans deposit adalah penting untuk memastikan keberkesanan Sistem Insurans Deposit. Kunci kepada rangka kerja pembiayaan yang efektif dan kukuh adalah dengan mempunyai dana dalaman yang memenuhi objektif operasi dan pembiayaan penginsurans deposit tersebut, serta disokong oleh mekanisme pembiayaan luaran yang sesuai.

Dana Sasaran tidak statik dan mungkin berubah dari semasa ke semasa apabila persekitaran operasi berubah. Sehubungan ini, PIDM akan menjalankan kajian semula berkala bagi pemodelan Dana Sasaran, termasuk mengkaji semula pemboleh ubah model dan andaian pemodelan bagi memastikan ia kekal terkini dan relevan.

Pencapaian paras Dana Sasaran itu sendiri akan mengambil masa. Penginsurans deposit di kebanyakan negara masih sedang berusaha mencapai paras Dana Sasaran mereka. Penetapan tempoh masa yang wajar untuk mencapai paras Dana Sasaran adalah penting bagi memastikan kredibiliti rangka kerja pembiayaan sesebuah penginsurans deposit. Kami di PIDM, ketika ini sedang mengkaji semula rangka kerja Masa-Capaian-Dana serta kadar premium Sistem Premium Berbeza bagi bank-bank ahli dalam memenuhi objektif ini.

PIDM juga merancang membangunkan rangka kerja Dana Sasaran yang sama bagi ahli penginsurans di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Bahagian 8

INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

INISIATIF KESEDARAN AWAM



PENCAPAIAN PELAN KOMUNIKASI BERSEPADU 2007-2011

Tahun 2011 menandakan tahun akhir pelaksanaan Pelan Komunikasi Bersepadu (Pelan) lima tahun PIDM bagi 2007 hingga 2011. PIDM melancarkan Pelan ini bagi memacu inisiatif komunikasinya berasaskan dua teras strategik – mewujudkan kesedaran mengenai Sistem Insurans Deposit dan membina keyakinan terhadap peranan PIDM sebagai pentadbir Sistem Insurans Deposit.

Bagi mencapai teras strategik pertama, mesej komunikasi utama ditumpukan kepada had perlindungan insurans deposit pada masa itu, iaitu RM60,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli, insurans deposit disediakan secara automatik tanpa sebarang kos langsung kepada pendeposit, dan PIDM membayar balik deposit diinsuranskan kepada pendeposit dengan serta-merta sekiranya berlaku kegagalan bank.

Teras strategik kedua menumpukan kepada peranan dan sumbangan PIDM, termasuk PIDM sebagai pentadbir Sistem Insurans Deposit disokong Kerajaan di Malaysia, PIDM menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian


atau kesemua deposit yang disimpan di institusi ahli, PIDM menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan dan sumbangan PIDM kepada kestabilan sistem kewangan.

Sempena memasuki tahun keenam operasinya pada tahun 2011, PIDM berasa bangga dengan peningkatan tahap kesedaran awam tentang insurans deposit dan PIDM berbanding tahun-tahun awal penubuhannya. Tahap kesedaran awam diukur menerusi kaji selidik konsumen tahunan di seluruh negara yang dijalankan oleh PIDM dan dikendalikan oleh sebuah agensi penyelidikan bebas. Pada akhir tahun 2011, kesedaran awam tentang insurans deposit meningkat kepada 27% daripada 21% pada tahun 2010, manakala kesedaran tentang PIDM juga meningkat kepada 40% daripada 18% semasa tempoh yang sama. Dalam kaji selidik konsumen bagi tahun 2011, PIDM juga mengukur tahap kesedaran tentang Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans buat pertama kalinya memandangkan sistem ini hanya mula beroperasi pada 31 Disember 2010. Kesedaran tentang sistem ini dicatatkan pada 37% pada akhir tahun 2011.

INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

INISIATIF KESEDARAN AWAM

Graf ini menunjukkan tahap kesedaran tentang insurans deposit dan PIDM dari tahun 2006 hingga 2011.



Kejayaan PIDM dalam memupuk kesedaran awam dan membina keyakinan awam terhadap peranannya sebagai penginsurans nasional diperakui bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa, seperti yang dibuktikan daripada kejayaan meraih “Anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2011”, yang disampaikan oleh Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa. Pengiktirafan seumpama itu sesungguhnya merupakan suatu pencapaian yang luar biasa bagi sebuah organisasi yang hanya baru beroperasi selama enam tahun. Lanjutan itu, PIDM juga merupakan penerima anugerah “Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senarai Awam” bagi Laporan Tahunan 2010 kami, daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) buat tahun ketiga berturut-turut.

Elemen utama strategi dan inisiatif komunikasinya yang menyumbang kepada pencapaian Rancangan ini termasuklah:

- Akses langsung dan mudah kepada maklumat mengenai perlindungan insurans deposit dalam bahasa pilihan individu;
- Penubuhan Pusat Panggilan bebas tol bagi mengendalikan pertanyaan awam dalam empat bahasa utama Malaysia (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil) sejak hari pertama operasi;

- Kesediaan maklumat terus kepada orang awam dalam bentuk bahan bercetak terutamanya risalah maklumat awam yang dicetak dalam empat bahasa utama dan dua bahasa tambahan, iaitu Kadazandusun dan Iban, yang digunakan oleh kumpulan etnik utama masing-masing di Sabah dan Sarawak;
- Penggunaan teknologi dalam menyebarkan maklumat jitu yang tepat pada masa, terutamanya menerusi laman sesawang PIDM di www.pidm.gov.my, dikekalkan dalam empat bahasa sejak tempoh beberapa bulan awal operasi PIDM; dan
- Penggunaan hasil kaji selidik konsumen dalam pembangunan, kajian semula dan pelaksanaan inisiatif komunikasi seperti pengiklanan, publisiti, hubungan pemegang kepentingan dan program pendidikan.

Bagi maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada Laporan-Laporan Tahunan PIDM lepas, yang boleh diperolehi daripada laman sesawang PIDM dalam bahasa yang berbeza.

Soalan-soalan lazim dan maklumat mengenai Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans juga boleh didapati di laman sesawang PIDM di www.pidm.gov.my.

TINJAUAN INISIATIF KAMI PADA TAHUN 2011

Tahun 2011 merupakan tahun yang dinamik dan mencabar bagi PIDM dari segi komunikasi dan usaha kesedaran awamnya. Satu kempen komunikasi menyeluruh dibangunkan dengan objektif utama mendidik orang awam dan pemegang kepentingan utama mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan, termasuk pengenalan had perlindungan insurans deposit baharu pada RM250,000, peningkatan skop perlindungan yang kini merangkumi deposit mata wang asing, pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011.

Pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang ditadbir oleh PIDM memerlukan pembangunan strategi komunikasi bagi mencapai audien sasaran lebih meluas yang kini termasuk pemilik polisi produk insurans dan takaful serta ahli pengendali takaful dan syarikat insurans. Kumpulan-kumpulan ini mempunyai perspektif, keperluan dan ciri-ciri berbeza berbanding konsumer perbankan dan produk deposit serta bank-bank ahli.



INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

INISIATIF KESEDARAN AWAM

SOROTAN INISIATIF KAMI PADA TAHUN 2011

INISIATIF	PENCAPAIAN
<p>PENGIKLANAN DAN PUBLISITI</p>	<p>Kempen Pengiklanan PIDM bagi tahun 2011 dilaksanakan dalam fasa-fasa yang terancang dan terselaras bagi memastikan penyebaran mesej-mesej utama dengan efektif mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan.</p> <p>Iklan disiarkan dalam media cetak, televisyen, radio dan portal berita dalam talian bagi mendidik orang awam mengenai Sistem Insurans Deposit yang diperkukuhkan dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang baru dilaksanakan serta peranan PIDM.</p> <p>Tiga jenis risalah maklumat baharu dalam enam bahasa – mengenai insurans deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit – diterbitkan bagi edaran umum. Sebuah buku panduan baharu mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan buku panduan terkini mengenai insurans deposit diterbitkan untuk pengedaran kepada institusi ahli dan pemegang kepentingan lain.</p> <div data-bbox="542 884 1380 1400"> </div> <div data-bbox="542 1422 1380 1680"> </div> <div data-bbox="542 1702 1380 2027"> </div>

INISIATIF	PENCAPAIAN
-----------	------------

KESEDARAN DAN CELIK KEWANGAN

Susulan kejayaan pengenalan Projek PIDM MoneySmart pada tahun 2010, program itu diperluaskan pada tahun 2011 merangkumi 250 sekolah menengah dan 50 institusi pengajian tinggi.

Menerusi program itu, yang disasarkan untuk meningkatkan kesedaran kewangan di kalangan generasi muda, kami mengendalikan ceramah kepada kira-kira 92,000 pelajar di sekolah menengah dan mengedarkan risalah Projek PIDM MoneySmart kepada 286,000 pelajar. Semasa jerayawara di institut pengajian tinggi, kami berinteraksi dengan penuntut dan mengedarkan risalah Projek PIDM MoneySmart, yang memberi manfaat secara langsung kepada sejumlah 100,000 penuntut.

PIDM menambah satu lagi bahagian kepada program pendidikannya dengan mengendalikan seminar pengurusan kewangan kepada 2,200 guru di 30 sekolah menengah.



INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

INISIATIF KESEDARAN AWAM

INISIATIF	PENCAPAIAN
<p>HUBUNGAN MASYARAKAT</p>	<p>Capaian Korporat</p> <p>Sejumlah 87 orang terdiri daripada pegawai Kerajaan dan pemimpin masyarakat menghadiri Taklimat Makan Malam Khas yang diadakan sebagai sebahagian daripada program Capaian Korporat tahunan PIDM di Johor Bahru. Dua sesi ceramah awam juga diadakan bagi kira-kira 280 orang, termasuk 81 Pegawai Tentera.</p> <p>Capaian Korporat tersebut diadakan setiap tahun bagi membolehkan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan berinteraksi dengan pegawai Kerajaan tempatan dan pemimpin masyarakat di negeri berbeza di seluruh Malaysia.</p> <p>Pameran dan Jerayawara</p> <p>Wakil-wakil PIDM mengendalikan ceramah awam dan taklimat kepada kakitangan Majlis Perbandaran Sungai Petani, universiti, kolej, Angkatan Tentera Malaysia dan ahli-ahli Persatuan Usahanita di Sungai Petani semasa Minggu Kesedaran Kewangan (M2K) di Sungai Petani, Kedah.</p> <p>Selain PIDM, agensi yang menyertainya termasuklah BNM, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Biro Pengantaraan Kewangan. PIDM menyertai M2K tahunan itu sebagai penganjur bersama dan pempamer sejak pertama kali diadakan pada tahun 2008. M2K ialah kempen kesedaran kewangan yang dianjurkan oleh BNM bagi orang awam.</p> <p>PIDM juga menyertai beberapa pameran dan jerayawara, termasuk Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) Ke-8, Karnival Pengguna Malaysia, Sidang Kemuncak Insurans Malaysia Pertama dan Program Hari Pengguna Malaysia yang dianjurkan oleh Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).</p> <p>Bagi senarai lengkap penyertaan kami dalam pameran dan jerayawara, sila rujuk kepada Kalendar Peristiwa Tahun 2011 (halaman 178 hingga 187).</p> <div data-bbox="544 1227 863 1697"> </div> <div data-bbox="887 1227 1382 1559"> </div> <div data-bbox="887 1576 1382 1908"> </div>

INISIATIF	PENCAPAIAN
-----------	------------

INTERAKSI DENGAN PEMEGANG KEPENTINGAN

Susulan pelaksanaan Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan, PIDM menggiatkan aktiviti interaksinya dengan institusi ahli dan pemegang kepentingan lain.

Taklimat diadakan bagi bank-bank ahli serta ahli penginsurans dan ejen-ejen mereka di pelbagai tempat di negara ini dengan kerjasama bersama Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) dan Institut Insurans Malaysia (MII).

Sejumlah 67 sesi taklimat diadakan bagi pelbagai kumpulan pemegang kepentingan termasuk institusi ahli, agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi dan orang awam.

Satu dialog tahunan diadakan dengan bank-bank ahli dan ahli penginsurans bersempena dengan pelancaran Laporan Tahunan PIDM 2010 pada 12 Mei. Dialog tahunan itu menyediakan platform untuk membincangkan isu-isu industri dengan Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan institusi ahli.

Bagi senarai lengkap taklimat dan dialog kami, sila rujuk Kalendar Peristiwa tahun 2011 (halaman 178 hingga 187).



PERHUBUNGAN MEDIA

Dengan tujuan mengukuhkan pemahaman awam tentang had baharu dan skop perlindungan insurans deposit, ciri-ciri Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan peluasan mandat PIDM, Perbadanan mengadakan tiga taklimat media, iaitu di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching.

Para pegawai kanan PIDM juga memberikan wawancara eksklusif kepada pelbagai media cetak dan penyiaran.

Satu sidang media juga diadakan susulan pelancaran Laporan Tahunan PIDM 2010. Pada tahun 2011, PIDM mengeluarkan lima siaran akhbar dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.



INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

INISIATIF KESEDARAN AWAM

MELANGKAH KE HADAPAN DENGAN PELAN KOMUNIKASI BERSEPADU 2012 - 2016

Pencapaian Pelan Komunikasi Bersepadu PIDM bagi tahun 2007 hingga 2011 telah menyediakan asas kukuh kepada PIDM untuk membangunkan Pelan Komunikasi Bersepadu bagi tahun 2012 hingga 2016 dengan tujuan memantapkan lagi pemahaman mengenai peranan PIDM dalam menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara.

Pelan Komunikasi Bersepadu PIDM bagi tahun 2012 hingga 2016 dipacu oleh tiga teras strategik yang menyokong strategi dan inisiatif komunikasinya:

- Menguatkan **kesedaran** tentang Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan menggalakkan keyakinan terhadap peranan PIDM;
- Menyumbang secara aktif dalam meningkatkan kesedaran dan celik kewangan menerusi inisiatif dan program **pendidikan**; dan
- Menggiatkan **interaksi** dengan institusi ahli dan rakan kongsi strategik relevan.

Bagi tujuan ini, PIDM akan menumpukan usahanya bagi strategi berikut:

- Memperluaskan asas audien sasaran relevan bagi penyebaran maklumat optimum dan capaian awam yang maksimum;
- Melaksanakan secara berterusan inisiatif dan instrumen komunikasi utama yang efektif seperti pengiklanan dalam media cetak, penyiaran dan elektronik, program interaksi bersama pemegang kepentingan dan program pendidikan, antara lainnya; dan
- Menguatkan perkongsian sedia ada dengan pemegang kepentingan utama dan menjalin perkongsian dengan pemegang kepentingan baharu yang relevan.

Pelan pelbagai tahun itu menyediakan pendekatan tiga serampang bagi mencapai objektif kesedaran jangka panjang serta sebagai platform bagi strategi jangka panjang menerusi penggunaan pakai pelbagai instrumen inisiatif dan komunikasi.

(i) **Maklumat mengenai penjenamaan korporat, pengukuhan ketampakan jenama PIDM, serta kesedaran tentang Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans**

PIDM akan terus menyampaikan dan menyebarkan maklumat kepada orang awam dengan cara yang jelas, mudah dan secara langsung. Dalam pendekatan yang sama, PIDM juga menasabah untuk menguatkan identiti dan penonjolan jenamanya untuk memastikan orang awam mengenal pasti peranannya sebagai

penyedia perlindungan konsumen kewangan di Malaysia. Justeru, PIDM akan terus memantapkan infrastruktur komunikasinya, terutamanya Pusat Panggilan dan laman sesawang, serta membangunkan dan melaksanakan inisiatif pengiklanan dan program interaksi bersama pemegang kepentingan yang disediakan khusus untuk disesuaikan dengan profil demografi audien sasaran berbeza masing-masing.

(ii) **Mendidik orang awam mengenai manfaat dan had Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans**

Sebagai organisasi perlindungan konsumen kewangan nasional, PIDM akan meneruskan Program Pendidikannya bagi membantu meningkatkan kesedaran dan celik kewangan di kalangan orang awam serta generasi muda, terutamanya mengenai kepentingan menabung dan pengurusan kewangan berhemat, dan pada masa yang sama, mendidik mereka tentang Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta peranan PIDM.

Program Pendidikan PIDM akan terus menjadi instrumen utama untuk menyampaikan pengetahuan dan kesedaran kepada pelajar dan kakitangan akademik sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi di Malaysia.

(iii) **Interaksi dengan pemegang kepentingan utama**

Menyadari kepentingan perkongsian strategik dalam jaringan keselamatan kewangan yang efektif dan efisien, PIDM akan terus mengadakan pelbagai aktiviti, termasuk taklimat, sesi latihan dan seminar, untuk berinteraksi dan bekerjasama dengan pemegang kepentingan utama, iaitu:

- Bank-bank ahli dan ahli penginsurans;
- Media;
- Pihak berkuasa pengawalseliaan dan agensi seperti BNM, Kementerian Kewangan, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Biro Pengantaraan Kewangan;
- Jabatan dan agensi Kerajaan; dan
- Persatuan relevan dengan capaian awam meluas seperti persatuan pengguna.

KESIMPULAN

PIDM akan meneruskan pembangunan berasaskan pencapaian dalam komunikasinya sebagai sebahagian daripada usaha memenuhi mandatnya untuk menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara. Penekanan berterusan kepada kesedaran awam penting bagi membina keyakinan awam terhadap sistem kewangan negara.

INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM menyokong agenda strategik yang melambangkan komitmen Perbadanan kepada pelbagai pemegang kepentingannya dan mendekatkan diri serta menyumbang balik kepada masyarakat. Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat disasarkan untuk menyediakan nilai mapan kepada alam sekitar dan kepada masyarakat secara umumnya, yang sebahagiannya diilhamkan daripada hasrat untuk menyokong Kerajaan dalam usaha pembangunan negaranya.

Program Biasiswa

Program Biasiswa PIDM dicetuskan pada tahun 2009 dengan tujuan untuk membangunkan generasi muda Malaysia yang berpotensi. PIDM menyokong pembelajaran dan pembangunan berterusan individu seumpama itu untuk menyumbang kepada pewujudan kumpulan tenaga kerja bagi Malaysia secara umumnya dan sektor perkhidmatan kewangan secara khususnya.

Program Biasiswa ini dilaksanakan pada tahun 2010 dengan lima pemegang biasiswa. Bilangan penerima biasiswa bagi program 2011 meningkat kepada 10 orang.

Biasiswa PIDM bertujuan untuk menyediakan bantuan kepada mereka yang mencapai keputusan akademik yang cemerlang tetapi tidak mampu meneruskan pengajian di peringkat tinggi disebabkan kekurangan sokongan kewangan. Asas pembiayaan bagi program biasiswa ini kekal tidak berubah daripada tahun 2010 dengan menyediakan bantuan kewangan sehingga RM86,000 bagi setiap penerima untuk program pengajian empat tahun dengan pilihan untuk menjalani program pelatih selama enam bulan dengan Perbadanan selepas tamat pengajian.

Bagi pemegang biasiswa tahun 2011, enam daripadanya melanjutkan pelajaran dalam ijazah undang-undang, tiga dalam ijazah Ekonomi dan seorang dalam ijazah Sains Aktuari.

Kami dengan sukacitanya melaporkan bahawa prestasi akademik lima pemegang biasiswa daripada program 2010 sangat memberangsangkan. Empat pemegang biasiswa tersebut memperoleh Senarai Dekan atau Senarai Presiden bagi sekurang-kurangnya satu semester pada tahun 2010 dengan skor Purata Mata Gred Kumulatif (CGPA) antara 3.4 dan 4. Seorang pemegang biasiswa telah dipilih mewakili universitinya di bawah program pertukaran pelajar dengan Teesside University di United Kingdom bagi tempoh enam bulan.

Program Biasiswa PIDM menerapkan pendekatan yang menyeluruh dan dilaksanakan dalam tiga bahagian: Induksi, Bimbingan Mentor dan Latihan dan Program Pelatih. Semasa tempoh induksi, pemegang biasiswa diperkenalkan kepada mandat, visi, misi dan nilai PIDM dan didedahkan kepada pelbagai fungsi Bahagian-Bahagian dalam PIDM.

Aspek bimbingan mentor dan latihan dalam program biasiswa PIDM membezakannya daripada program biasiswa yang lain. Semasa tempoh memegang biasiswa, setiap penerima akan mendapat mentor daripada Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM, membolehkan penerima memanfaatkan pengalaman luas mentor tersebut serta mendapatkan sokongan dan nasihat sepanjang tempoh pengajian. Satu sesi bimbingan mentor telah diadakan pada 19 Ogos 2011 yang mana pemegang biasiswa baharu diperkenalkan dan berkenalan lebih dekat dengan mentor mereka. Pada tahun 2011, PIDM juga menyediakan satu sesi latihan kemahiran insaniah.

Selain program pelatih yang ditawarkan semasa tempoh pengajian, pemegang biasiswa diberikan peluang menjalani latihan praktikal dengan PIDM semasa cuti semester mereka. Dua daripada pemegang biasiswa 2010 kami telah mengambil peluang ini untuk bekerja di pejabat selama beberapa minggu.

Perancangan bagi Program Biasiswa 2012 telahpun bermula dan 10 lagi pemegang biasiswa akan dipilih.



INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Program Celik Kewangan

Sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat kami pada tahun 2011, kami juga memulakan pelaksanaan program celik kewangan bagi golongan cacat pendengaran. Susulan kajian kemungkinan untuk menilai program celik kewangan semasa yang tersedia di Malaysia, kami mengenal pasti keperluan program celik kewangan di kalangan golongan cacat penglihatan, pendengaran dan anggota badan. Meskipun terdapat beberapa program yang disasarkan bagi golongan kurang upaya, didapati bahawa program itu kebanyakannya tidak mapan disebabkan kekurangan sumber atau keupayaan.

Keputusannya jelas menunjukkan keperluan dan kepentingan pendidikan kewangan di kalangan golongan kurang upaya. Laporan itu juga menekankan keperluan akses yang lebih besar bagi rangkaian produk kewangan dan pilihan kredit yang lebih meluas serta akses fizikal kepada kemudahan seperti mesin teler automatik (ATM), mesin cek atau mesin deposit tunai.

Sebagai permulaan, pada tahun 2011, kami mula bekerjasama dengan pihak-pihak lain dalam usaha untuk mempelajari cara bagaimana kami boleh menyumbang dengan bermanfaat dalam bahagian ini. Dua inisiatif, yang sebahagiannya ditaja oleh Perbadanan, dilaksanakan untuk menyediakan kepada golongan muda cacat pendengaran (termasuk pelajar-pelajar di sebuah sekolah di Pulau Pinang) kemahiran pengurusan wang. Manfaat daripada program ini termasuklah seperti berikut:

- pendidikan kepada golongan muda cacat pendengaran mengenai perkara-perkara pengurusan wang, membantu mereka memahami dengan lebih baik tentang kepentingan menabung, dan keupayaan untuk menguruskan kewangan dan masa depan mereka;
- kami dapat memanfaatkan “program MoneySmart” kami sebagai alat mengajar dan meningkatkan kesedaran mengenai PIDM dan peranan serta tanggungjawabnya; dan
- kakitangan kami dapat terlibat secara langsung dan menyumbang kepada program tersebut.

Kami menerima maklum balas positif daripada para peserta dan di masa hadapan, kami merancang untuk mempertimbangkan cara bagaimana kami boleh mendapat capaian lebih luas bagi golongan kurang upaya dan langkah-langkah untuk mencapai kemampunan dalam inisiatif-inisiatif ini, kemungkinan dengan bekerjasama bersama organisasi yang mempunyai pandangan serupa.

Kami percaya inisiatif-inisiatif ini adalah sejajar dengan mandat kami. Meskipun kami menyedari pasti ada cabaran untuk mencapai kemampunan bagi program-program seumpama itu, namun kami terus komited untuk meneruskan program celik kewangan bagi golongan kurang upaya yang kami percaya mempunyai tujuan dan maksud.

Program Kitar Semula dan Aktiviti Lain

Bagi program kitar semula kami, kami terus mengasingkan sisa sampah pejabat kami. Hasil daripada jualan kertas dirincik dan surat khabar, barangan plastik dan logam disalurkan ke dalam dana Tanggungjawab Sosial Korporat dan akan dipadankan dengan sumbangan ringgit bagi ringgit oleh Perbadanan. Kakitangan juga digalakkan mengasingkan sisa domestik mereka dan membawa barangan kitar semula yang sama daripada rumah mereka bagi tujuan ini.

Bagi menggalakkan penglibatan berterusan kakitangan dalam aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat kami, Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat kami, terdiri daripada kakitangan suka rela, telah mempelawa semua kakitangan mengusulkan idea mereka berkaitan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat. Cadangan itu diperlukan untuk diselaraskan dengan tema teras Tanggungjawab Sosial Korporat Perbadanan, iaitu kesejahteraan kakitangan, penglibatan masyarakat dan pemeliharaan alam sekitar. Cadangan itu kemudiannya akan diundi di kalangan ahli Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat bagi mendapatkan idea terbaik, yang akan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat kami pada tahun 2012. Jawatankuasa ini membuat pilihan bagi meraikan dan mengadakan aktiviti untuk golongan berusia, anak-anak yatim dan golongan kurang upaya dan akan merangka strategi lawatan rasmi ke rumah bagi golongan kurang bernasib baik ini.

KESIMPULAN

Tanggungjawab Sosial Korporat berkisar tentang mewujudkan persekitaran mapan yang memberi manfaat kepada masyarakat. Di PIDM, kami diberi galakan oleh kepimpinan kami dalam menyokong kedermawanan korporat dan komited meningkatkan kualiti persekitaran yang mana kami beroperasi. Justeru, kami sebagai individu dan sebuah organisasi, bersetuju dengan falsafah Aristotle, iaitu “...sifat-sifat murni terbaik adalah golongan mereka yang paling berguna dan memberi manfaat kepada orang lain”.



Bahagian 9 KALENDAR PERISTIWA



PIDM
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Deposit Insurance and Deposit Protection Board

PIDM
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Deposit Insurance and Deposit Protection Board

PIDM
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Deposit Insurance and Deposit Protection Board

MAY 2012		JULAI 2012	
4	5	1	2
11	12	8	9
18	19	15	16
25	26	22	23

Handwritten notes on calendar:

- 5: MEDIA SAERING ✓
- 12: MEDIA SAERING ✓
- 21: MEMBER MEETUP SAERING (circled in red)
- 22: STUDY VISIT (IDIC)
- 23: STUDY VISIT (IDIC)
- 10: PIDM FAMILY DAY
- 16: COMMUNITY TALK

Other text on calendar:

- ANNUAL
- PERLINDUNGAN INSURANS DEPOSIT BERKUALITI
- Simpa... Anda... Dilindu... Sehingga... RM25...
- Perindungan Insurans de...
 - Tutang... RM250,000...
 - Simpa... dilindu... RM250,000...
 - Simpa... dilindu... RM250,000...

KALENDAR PERISTIWA

JANUARI

17 Januari, PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

19 - 21 Januari, Bangkok, Thailand

Persidangan Antarabangsa dan Mesyuarat Tahunan Jawatankuasa Serantau Asia Pasifik Ke-9
Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers – IADI*)

27 Januari, Kuala Lumpur

Majlis Penyampaian Anugerah Laporan Korporat Tahunan Nasional 2010

28 Januari, PIDM, Kuala Lumpur

Sesi Pendidikan Lembaga Pengarah



FEBRUARI

10 Februari, PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus

11 Februari, PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

16 Februari, PIDM, Kuala Lumpur

Lawatan Sambil Belajar oleh *Central Bank of Sudan*

21 - 23 Februari, Basel, Switzerland

Mesyuarat Majlis Eksekutif dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Ke-32 IADI

23 Februari, PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Lembaga Pengarah

28 Februari, PIDM, Kuala Lumpur

Wawancara oleh Utusan Malaysia dengan Ketua Pegawai Operasi PIDM



MAC

3 Mac, Kuala Lumpur

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan bagi
Program Peningkatan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (*Financial Sector Talent
Enrichment Programme – FSTEP*)

3 Mac, PIDM, Kuala Lumpur

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada
pelajar dan kakitangan akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) Jengka, Pahang

4 Mac, PIDM, Kuala Lumpur

Dialog bersama Pegawai Perhubungan Institusi Ahli

8 - 9 Mac, Melbourne, Australia

Penyampaian oleh PIDM di Simposium Serantau Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (*Asia-Pacific
Economic Cooperation – APEC*) mengenai Pengukuhan Polisi Kewangan dan Tindak Balas
Pengawalseliaan kepada Krisis Kewangan Global

22 Mac, PIDM, Kuala Lumpur

Taklimat kepada Bank Ahli mengenai Garis Panduan Sistem Premium Berbeza dan
Jumlah Deposit Diinsuranskan

29 Mac, PIDM, Kuala Lumpur

Taklimat kepada Bank Ahli mengenai Garis Panduan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan
Insurans mengenai Penyerahan bagi Pulangan ke atas Pengiraan Premium

30 - 31 Mac, Bucharest, Romania

Penyampaian oleh PIDM di Seminar Jawatankuasa Serantau Eropah mengenai Pemantapan
Keyakinan menerusi Kesedaran



APRIL

4 April, Kuala Lumpur

Penyampaian oleh PIDM mengenai Peranan Insurans Deposit dalam Perlindungan Konsumer dan Pendidikan Kewangan di Forum Penggubal Polisi Inklusi Kewangan 2011

5 - 7 April, Arlington, USA

Penyampaian oleh PIDM di Program Latihan Eksekutif IADI mengenai Penilaian Insurans Deposit dan Pengurusan Dana

6 - 9 April, Kuala Lumpur

Pameran Perdagangan Halal Antarabangsa Ke-8 2011

13 - 14 April, PIDM, Kuala Lumpur

Lawatan Sambil Belajar oleh Lembaga Penjamin Simpanan, Indonesia (*Indonesia Deposit Insurance Corporation - IDIC*)

18 April, Shah Alam, Selangor

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada pelajar dan kakitangan akademik SMK Bukit Jelutong

19 April, PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

21 April, PIDM, Kuala Lumpur

Taklimat Media mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan

21 April, Kuala Lumpur

Rancangan bual bicara secara langsung di saluran televisyen Astro Awani dengan Ketua Pegawai Operasi PIDM

21 - 22 April, Seoul, Korea Selatan

Penyampaian oleh PIDM di Bengkel Kerja Bersama Antarabangsa mengenai Sistem Insurans Deposit Bersepadu: Pengalaman dan Pembangunan Masa Hadapan

23 April, Rawang, Selangor

Ceramah Komuniti anjuran Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (*The Federation of Malaysian Consumers Associations - FOMCA*)

24 - 28 April, Khartoum, Sudan

Penganjuran bersama Seminar Ke-3 mengenai Insurans Deposit Islam: Membangunkan Sistem Insurans Deposit Islam yang Efektif dengan *Bank Deposit Security Fund (BDSF)*, Sudan



KALENDAR PERISTIWA

MEI

3 Mei, Kota Kinabalu, Sabah

Taklimat Media mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan

4 Mei, Kuching, Sarawak

Taklimat Media mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan

7 Mei, Kuala Lumpur

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada ejen insurans dan orang awam

12 Mei, Kuala Lumpur

- Pelancaran Laporan Tahunan PIDM 2010
- Dialog Tahunan bersama Institusi Ahli
- Sidang Media

16 Mei, PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

18 Mei, PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus

18 Mei, Kuala Lumpur

Rancangan bual bicara secara langsung di saluran televisyen TV3 dengan Ketua Pegawai Operasi PIDM

19 Mei, Pulau Pinang

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Institusi Ahli

24 Mei, Johor Bahru, Johor

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Institusi Ahli

26 Mei, PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Lembaga Pengarah

26 Mei, Kuala Lumpur

- Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada kakitangan Allianz Life Insurance Malaysia Berhad
- Penyampaian oleh PIDM mengenai Peranan dan Fungsi PIDM dalam Menyokong Kestabilan Kewangan di Kursus Perbankan Pusat Pertengahan Ke-31

30 Mei, Kuala Lumpur

Rancangan bual bicara secara langsung dalam program Selamat Pagi Malaysia di saluran televisyen RTM1 dengan Ketua Pegawai Operasi PIDM

31 Mei, Kuala Lumpur

Rancangan bual bicara secara langsung dalam program *Hello On Two* di saluran televisyen TV2 dengan Ketua Pegawai Eksekutif PIDM

31 Mei, PIDM, Kuala Lumpur

Lawatan Sambil Belajar oleh Perbadanan Perlindungan Deposit Brunei Darussalam (*Brunei Deposit Protection Corporation*)



JUN

1 Jun, Kuala Lumpur

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada kakitangan Takaful Ikhlas Sdn Bhd

6 - 9 Jun, Basel, Switzerland

Mesyuarat Majlis Eksekutif Ke-33 IADI dan Persidangan Penyelidikan IADI

9 Jun, Kuala Lumpur

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada kakitangan HSBC Bank Malaysia Berhad

11 Jun, Johor Bahru, Johor

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada ejen insurans dan orang awam

14 Jun, Kuala Lumpur

- Rancangan bual bicara secara langsung dalam program *The Lite Breakfast* di saluran radio Lite FM dengan Ketua Pegawai Eksekutif PIDM
- Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada kakitangan Great Eastern Life Assurance

18 Jun, Petaling Jaya, Selangor

Hari Keluarga PIDM

21 Jun, PIDM, Kuala Lumpur

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada ejen insurans Prudential Life Assurance

22 Jun, Kuala Lumpur

Rancangan bual bicara secara langsung di saluran radio Sinar FM dengan Ketua Pegawai Operasi PIDM

22 - 24 Jun, Victoria Falls, Zimbabwe

Penyampaian oleh PIDM mengenai Kesedaran Awam dan Peningkatan Keyakinan Awam terhadap Sistem Kewangan dan Perbankan Islam: Tinjauan dan Produk di Persidangan Tahunan Jawatankuasa Serantau Afrika IADI

23 Jun, Kuala Terengganu, Terengganu

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Institusi Ahli

23 - 24 Jun, Bangkok, Thailand

Lawatan Sambil Belajar Memorandum Persefahaman dengan IDIC dan *Deposit Protection Agency* (DPA) Thailand mengenai Sistem Pengurusan Dana

25 Jun, Pulau Pinang

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada ejen insurans dan orang awam

25 Jun, Petaling Jaya, Selangor

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM – Bengkel Kerja Kerjaya dan Bijak Wang bagi Komuniti Cacat Pendengaran

28 - 29 Jun, Shah Alam, Selangor

Bengkel Kerja Perancangan Strategik bagi Pengurusan Kanan PIDM



KALENDAR PERISTIWA

JULAI

1 Julai, Kuala Lumpur

Karnival Sukan PIDM - BNM

4 - 6 Julai, Johor Bahru, Johor

Program Capaian Korporat PIDM 2011

8 Julai, Taipei, Taiwan

Memorandum Persefahaman dengan *Central Deposit Insurance Corporation (CDIC)* Taiwan

10 Julai, Kota Bharu, Kelantan

Ceramah Komuniti anjuran FOMCA

11 Julai, Shah Alam, Selangor

Pameran PIDM MoneySmart di SMK Bukit Jelutong

16 Julai, Ipoh, Perak

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada ejen insurans dan orang awam

19 Julai, Kuching, Sarawak

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Institusi Ahli

19 - 21 Julai, PIDM, Kuala Lumpur

Lawatan Sambil Belajar oleh *Deposit Insurance of Vietnam*

20 Julai, Ampang, Selangor

Seminar Guru mengenai PIDM MoneySmart di SMK Bukit Indah

23 - 24 Julai, Ipoh, Perak

Pameran di Karnival Pengguna Malaysia 2011

25 - 26 Julai, Kuala Lumpur

Penyampaian oleh PIDM di Sidang Kemuncak Insurans Malaysia Pertama 2011 anjuran Institut Insurans Malaysia

26 Julai, Kota Kinabalu, Sabah

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Institusi Ahli

30 Julai, Ipoh, Perak

Pameran di Hari Pengguna Malaysia 2011 anjuran FOMCA



OGOS

3 Ogos, Melaka

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada pelajar dan kakitangan akademik Fakulti Kewangan dan Perbankan Universiti Multimedia (*Multimedia University – MMU*)

8 Ogos, Kuala Lumpur

Majlis Berbuka Puasa dengan Ahli Media

9 Ogos, PIDM, Kuala Lumpur

Hari Terbuka mengenai Intervensi dan Resolusi Kegagalan

18 Ogos, PIDM, Kuala Lumpur

- Program Induksi Biasiswa PIDM
- Majlis Berbuka Puasa bagi kakitangan PIDM dan ahli keluarga

19 Ogos, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran

22 Ogos, PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

23 Ogos, PIDM, Kuala Lumpur

Wawancara oleh akhbar Malaysian Reserve dengan Ketua Pegawai Eksekutif PIDM

24 Ogos, Kuantan, Pahang

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada ejen insurans dan orang awam

24 dan 26 Ogos, PIDM, Kuala Lumpur

Latihan Simulasi Mini Intervensi dan Resolusi Kegagalan

25 Ogos, Kuala Lumpur

Penyampaian oleh PIDM mengenai Peranan dan Fungsi PIDM dalam Menyokong Kestabilan Kewangan di Kursus Perbankan Pusat Pertengahan Ke-32

29 Ogos, PIDM, Kuala Lumpur

Wawancara oleh penerbitan Money Compass dengan Ketua Pegawai Eksekutif PIDM

31 Ogos, Melbourne, Australia

Penyampaian oleh PIDM di Program Latihan Pembangunan Kapasiti bagi Penggubal Polisi Serantau dan Pengawal Selia Sistem Kewangan APEC



KALENDAR PERISTIWA

SEPTEMBER

8 - 9 September, Tanjung Bungah, Pulau Pinang

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM – Bengkel Kerja Kerjaya dan Bijak Wang bagi Pelajar Cacat Pendengaran, Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang

13 September, PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus

17 September, Kuala Lumpur

Majlis Anugerah Program Biasiswa PIDM

20 September, PIDM, Kuala Lumpur

Sesi Pendidikan Lembaga Pengarah

23 September, Kuala Lumpur

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan bagi FSTEP

24 September, Kuala Lumpur

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada pelajar dan kakitangan akademik Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya

26 September, Kuala Lumpur

- Pameran di Persidangan Pencen Swasta dan Penjagaan Kesihatan Malaysia 2011
- Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada kakitangan Public Bank Berhad

27 September, Alor Setar, Kedah

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Institusi Ahli

29 September, PIDM, Kuala Lumpur

Sesi Lembaga Pengarah – Perancangan Strategik

29 - 30 September, Jakarta, Indonesia

Lawatan Sambil Belajar Memorandum Persefahaman dengan IDIC dan DPA Thailand mengenai Resolusi Bank dan Proses Pembayaran Balik Deposit



OKTOBER

4 Oktober, PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Lembaga Pengarah

6 Oktober, PIDM, Kuala Lumpur

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Institusi Ahli

10 - 12 Oktober, Kuala Lumpur

Menjadi tuan rumah bagi Program Latihan Juruaudit Dalam mengenai Pemantapan Pemahaman dan Pengurusan Risiko Perbankan

11 Oktober, PIDM, Kuala Lumpur

Sesi Pendidikan Lembaga Pengarah

12 Oktober, Sungai Petani, Kedah

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada kakitangan Majlis Perbandaran Sungai Petani

12 - 14 Oktober, PIDM, Kuala Lumpur

- Latihan Simulasi Intervensi dan Resolusi Kegagalan
- Lawatan Sambil Belajar oleh *Deposit Insurance and Credit Guarantee Corporation (DICGC) India*

13 Oktober, Ipoh, Perak

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Institusi Ahli

14 Oktober, PIDM, Kuala Lumpur

Lawatan Sambil Belajar oleh *Deposit Protection Fund Board of Kenya*

14 - 16 Oktober, Sungai Petani, Kedah

Pameran Minggu Kesedaran Kewangan (M2K)

16 Oktober, Sungai Petani, Kedah

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada pelajar dan kakitangan akademik Kolej Komuniti Sungai Petani

17 Oktober, Sungai Petani, Kedah

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Kem Tentera Diraja

17 - 21 Oktober, Warsaw, Poland

- Persidangan Tahunan dan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-10 IADI
- Majlis Penyampaian Anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik Tahun 2011

18 Oktober, Sungai Petani, Kedah

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Persatuan Ibu Tunggal dan pegawai polis di Ibu Pejabat Polis Sungai Petani

18 Oktober, Melaka

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Institusi Ahli

19 Oktober, Seremban, Negeri Sembilan

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Institusi Ahli

24 Oktober, Kuala Lumpur

- Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada kakitangan Bank Muamalat
- Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada kakitangan Citibank

27 Oktober, PIDM, Kuala Lumpur

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada pelajar dan kakitangan akademik RIMTAC, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)



KALENDAR PERISTIWA

NOVEMBER

2 November, PIDM, Kuala Lumpur

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Institusi Ahli

11 - 12 November, Shah Alam, Selangor

Latihan Simulasi Krisis Pelan Kesyinambungan Urusan

14 - 16 November, Jodhpur, India

Penyampaian oleh PIDM di Persidangan IADI-DICGC mengenai Peranan Insurans Deposit dalam Rangka Kerja Resolusi Bank: Pembelajaran daripada Krisis Kewangan

15 November, Kota Bharu, Kelantan

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Institusi Ahli

15 November, Kuala Lumpur

Majlis Penyampaian Anugerah Laporan Korporat Tahunan Nasional 2011

15 - 18 November, Taipei, Taiwan

Penyampaian oleh PIDM di Program Latihan Eksekutif IADI mengenai Penilaian Insurans Deposit dan Pengurusan Dana

17 November, Kuantan, Pahang

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada Institusi Ahli

17 November, Kuala Lumpur

Penyampaian oleh PIDM di Forum Kestabilan Kewangan Islam Ke-4 mengenai Pelaksanaan Sistem Insurans Deposit Islam bagi Industri Perkhidmatan Kewangan Islam

22 November, PIDM, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

23 - 24 November, Toronto, Canada

Penyampaian oleh PIDM di Forum Antarabangsa Pertama bagi Skim Jaminan Insurans mengenai Peningkatan Kesedaran Global bagi Perlindungan Pemegang Polisi



DISEMBER

1 Disember, Kuala Lumpur

Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran

2 Disember, PIDM, Kuala Lumpur

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada pelajar dan kakitangan akademik Kelab Mahasiswa Kewangan, UniSZA

3 Disember, Kuala Lumpur

Majlis Makan Malam Tahunan Ke-5 PIDM

6 Disember, PIDM, Kuala Lumpur

- Mesyuarat Lembaga Pengarah
- Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada pelajar dan kakitangan akademik Universiti Pengurusan dan Sains (*Management and Science University* - MSU)

8 - 9 Disember, PIDM, Kuala Lumpur

Lawatan Sambil Belajar Memorandum Persefahaman dengan IDIC dan DPA Thailand mengenai Sistem Premium Berbeza, Pengurusan Risiko Organisasi dan Pendekatan PIDM dalam Membangunkan Sistem Pembayaran Balik Deposit

9 Disember, PIDM, Kuala Lumpur

Sesi Pendidikan Lembaga Pengarah

14 Disember, Kuala Lumpur

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada kakitangan Maybank

19 Disember, Ipoh, Perak

Taklimat mengenai Pakej Perlindungan Konsumer Kewangan yang Diperkukuhkan kepada ejen insurans Star Planner Sdn Bhd (ING Insurance)



LAMPIRAN



15 November 2011

Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism

15 November 2011



LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA TADBIR URUS

1.0 MANDAT

Menurut Seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu Jawatankuasa Tadbir Urus ditubuhkan.

2.0 OBJEKTIF

Jawatankuasa Tadbir Urus (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Perbadanan) bertanggungjawab untuk mengarahkan pelaksanaan dan pematuhan kepada prinsip tadbir urus yang utuh dalam Perbadanan. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa ialah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasan: pengkalan prinsip dan amalan tadbir urus korporat yang berkesan; penilaian dan penaksiran fungsi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan; pencalonan individu yang berkelayakan untuk menjadi Pengarah selaras dengan kriteria yang diluluskan oleh Perbadanan; dan perancangan pengurusan penggantian.

3.0 PRINSIP OPERASI

3.1 Fungsi dan Komposisi

- (a) Jawatankuasa hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- (b) Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada Pengurusan.
- (c) Jawatankuasa hendaklah melaksanakan fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dan aktiviti sampingan yang konsisten dengan Piagam ini sebagaimana yang dianggap perlu atau sesuai oleh Jawatankuasa atau Lembaga Pengarah.

3.2 **Pengerusi** – Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah. Sekiranya Pengerusi Jawatankuasa tidak hadir di mana-mana mesyuarat atau sebahagian daripada mesyuarat, ahli-ahli yang hadir akan melantik salah seorang ahli yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat.

3.3 **Kuorum** – Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa.

3.4 **Pengundian** – Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

3.5 **Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat** – Tertakluk kepada Piagam ini dan mana-mana resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan perkara tertentu, Pengerusi akan menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

3.6 **Setiausaha dan Minit** – Setiausaha Korporat hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dihantar oleh Setiausaha Korporat kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila minit telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

3.7 **Kekerapan Mesyuarat** – Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi, tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada dua kali setahun.

3.8 **Notis Mesyuarat** – Tempoh notis wajar untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa ialah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

3.9 **Agenda Mesyuarat** – Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa serta dokumen berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

3.10 **Kehadiran Tambahan** – Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya akan dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

3.11 **Terma Pelantikan / Penggiliran Ahli Jawatankuasa** – Ahli Jawatankuasa hendaklah diganti mengikut kesesuaian dan secara tetap. Penggantian itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak diganti dalam satu-satu masa.

3.12 **Pelaporan** – Jika perlu, Jawatankuasa akan menyediakan satu laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.

3.13 **Semakan Piagam** – Jawatankuasa hendaklah menyemak dan menilai kecukupan Piagam ini sekurang-kurangnya sekali setahun. Sekiranya Jawatankuasa mencadangkan apa-apa pindaan, Jawatankuasa hendaklah mengemukakan Piagam yang disemak semula kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.

LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA TADBIR URUS

- 3.14 **Penilaian Kendiri** – Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap yang mana Jawatankuasa akan menyemak semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang dinyatakan dalam Piagam ini.
- 3.15 **Pendedahan** – Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan komposisi keahliannya didedahkan kepada umum.
- 3.16 **Penasihat Bebas atau Penasihat Lain** – Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding bebas dan / atau pakar lain yang diperlukan bagi menyemak semula apa-apa perkara di bawah tanggungjawabnya mengikut resolusi atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.
- 3.17 **Konflik Kepentingan** – Sekiranya perkara yang sedang dipertimbangkan adalah mengenai pelantikan semula Pengerusi atau pelantikan semula Pengarah bukan *ex officio* Lembaga Pengarah yang merupakan seorang ahli Jawatankuasa, Pengerusi atau Pengarah bukan *ex officio* tersebut hendaklah tidak mengambil bahagian dalam mesyuarat ketika Jawatankuasa membincangkan, mengulas atau membuat keputusan mengenai perkara tersebut. Pada ketika itu, Pengerusi atau Pengarah bukan *ex officio* tidak akan hadir dalam mesyuarat tersebut.

4.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

4.1 Pengawasan Tadbir Urus Korporat

- (a) Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula pada setiap tahun pendekatan Perbadanan terhadap isu tadbir urus dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan semakan terhadap dasar tadbir urus Perbadanan. Jawatankuasa hendaklah membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai dasar berkenaan tempoh perkhidmatan, persaraan dan penggantian pengarah.
- (b) Jawatankuasa hendaklah memastikan terdapat pentadbiran dasar dan prosedur yang berterusan yang membolehkan Jawatankuasa Lembaga Pengarah atau ahli Lembaga Pengarah mendapatkan khidmat penasihat bebas atau penasihat lain yang berasingan dalam keadaan yang sesuai, dan perbelanjaannya ditanggung oleh Perbadanan.
- (c) Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula mandat Perbadanan sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia secara berkala dan membuat sebarang cadangan yang wajar kepada Lembaga Pengarah.

- (d) Jawatankuasa hendaklah mengikuti perkembangan mutakhir mengenai tadbir urus korporat untuk memastikan amalan urus tadbir Perbadanan adalah sejajar dengan amalan terbaik.
- (e) Jawatankuasa hendaklah melaksanakan inisiatif tadbir urus lain yang perlu atau dikehendaki bagi memastikan bahawa terdapat proses, struktur dan maklumat yang sesuai dan perlu bagi hala tuju dan pengawasan yang berkesan agar dapat menyumbang kepada keutuhan tadbir urus dan pengurusan Perbadanan.

4.2 Penilaian Operasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- (a) Melalui rundingan dengan Ketua Pegawai Eksekutif, Jawatankuasa hendaklah menilai keperluan Lembaga Pengarah mengenai kekerapan dan lokasi mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa, agenda mesyuarat, dokumen dan maklumat dan pengendalian mesyuarat, serta membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah seperti yang dikehendaki.
- (b) Jawatankuasa hendaklah menyemak, pada setiap tahun, mandat dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Pengerusi Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- (c) Jawatankuasa hendaklah melaksanakan, menyemak secara kerap, pada setiap tahun, proses untuk membantu Lembaga Pengarah menentukan sama ada Lembaga Pengarah berpuas hati dengan cara, kekerapan dan ketepatan masa terhadap isu penting yang dibawa kepada perhatiannya serta kesesuaian maklumat tersebut.
- (d) Jawatankuasa hendaklah melaksanakan, dan menyemak secara kerap, pada setiap tahun, kaedah untuk menilai dan menaksir secara tetap keberkesanan Lembaga Pengarah dan setiap ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan serta mencadangkan sebarang pelan tindakan untuk menangani mana-mana dapatan yang ketara.
- (e) Jawatankuasa hendaklah menyemak pada setiap tahun, Piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara bersama, selepas Jawatankuasa berkenaan telah menjalankan semakan tahunan terhadap Piagam masing-masing, dan mencadangkan pindaan (sekiranya ada) terhadap Piagam Jawatankuasa kepada Lembaga Pengarah.

4.3 **Pencalonan Lembaga Pengarah**

- (a) Jawatankuasa hendaklah membuat semakan pada setiap tahun, kedua-dua profil Lembaga Pengarah dan profil kelayakan dan kemahiran serta ciri-ciri individu setiap ahli Lembaga Pengarah dengan mengambil kira kekuatan, kemahiran dan pengalaman semasa Lembaga Pengarah, terma, tarikh persaraan dan hala tuju strategik Perbadanan.
- (b) Jawatankuasa hendaklah mengenal pasti senarai calon Lembaga Pengarah yang berpotensi yang mempunyai kemahiran, pengetahuan dan ciri-ciri yang menepati profil dan mengemas kini senarai tersebut secara tetap.
- (c) Apabila terdapat kekosongan dalam Lembaga Pengarah atau menjangkakan terdapat kekosongan tersebut, Jawatankuasa hendaklah menyediakan dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah senarai calon yang berpotensi.
- (d) Membangunkan dan melaksanakan strategi untuk mengemukakan profil dan calon berpotensi kepada Menteri.
- (e) Jawatankuasa hendaklah menyemak secara berkala program ganjaran ahli Lembaga Pengarah dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah.
- (f) Jawatankuasa hendaklah membuat cadangan mengenai program orientasi, latihan dan pembangunan berterusan bagi ahli Lembaga Pengarah.

4.4 **Perancangan Pengurusan Penggantian** –

Jawatankuasa perlu mengkaji semula rancangan pengurusan penggantian bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai korporat lain serta membuat cadangan mengenainya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

4.5 **Keperluan Kepimpinan** –

Jawatankuasa hendaklah sentiasa meneliti keperluan kepimpinan Perbadanan, bagi kedua-dua eksekutif dan bukan eksekutif, bagi memastikan keupayaan Perbadanan untuk memenuhi mandatnya dengan cekap dan berkesan.

4.6 **Pelaporan dan Pendedahan** –

Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah kandungan laporan tadbir urus seperti yang diperlukan atau dianggap wajar untuk didedahkan kepada umum.

LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA GANJARAN

1.0 MANDAT

Menurut Seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu Jawatankuasa Ganjaran ditubuhkan.

2.0 OBJEKTIF

Jawatankuasa Ganjaran (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Perbadanan) bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Perbadanan mempunyai dasar sumber manusia yang adil dan saksama dalam menetapkan profil bagi pelantikan dan pengekalan kakitangan yang mempunyai kepakaran dan kelayakan yang sesuai. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa ialah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasan: sumber manusia dan perihal ganjaran; perancangan pengurusan penggantian secara amnya; penyemakan semula dan kelulusan objektif tahunan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan melaksanakan penilaian tahunan; serta dasar dan proses berhubung dengan tatalaku urusan dan tingkah laku beretika kakitangan.

3.0 PRINSIP OPERASI

3.1 Fungsi dan Komposisi

- (a) Jawatankuasa hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- (b) Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada Pengurusan.
- (c) Jawatankuasa hendaklah melaksanakan fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dan aktiviti sampingan yang konsisten dengan Piagam ini sebagaimana yang dianggap perlu dan sesuai oleh Jawatankuasa atau Lembaga Pengarah.

3.2 **Pengerusi** – Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh salah seorang ahli jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Sekiranya Pengerusi Jawatankuasa tidak hadir di mana-mana mesyuarat atau sebahagian daripada mesyuarat, ahli-ahli yang hadir akan melantik salah seorang ahli yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat.

3.3 **Kuorum** – Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa.

3.4 **Pengundian** – Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

3.5 **Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat** – Tertakluk kepada Piagam ini dan mana-mana resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan perkara tertentu, Pengerusi akan menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

3.6 **Setiausaha dan Minit** – Setiausaha Korporat hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dihantar oleh Setiausaha Korporat kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila minit telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

3.7 **Kekerapan Mesyuarat** – Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada dua kali setahun.

3.8 **Notis Mesyuarat** – Tempoh notis wajar untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa ialah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

3.9 **Agenda Mesyuarat** – Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa serta dokumen berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

3.10 **Kehadiran Tambahan** – Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya akan dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

3.11 **Terma Pelantikan / Penggiliran Ahli Jawatankuasa** – Ahli Jawatankuasa hendaklah diganti mengikut kesesuaian dan secara tetap. Penggantian itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak diganti dalam satu-satu masa.

3.12 **Pelaporan** – Jika perlu, Jawatankuasa akan menyediakan satu laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.

- 3.13 **Semakan Piagam** – Jawatankuasa hendaklah menyemak dan menilai kecukupan Piagam ini sekurang-kurangnya sekali setahun. Apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada Piagam akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Ganjaran untuk dicadangkan kepada Lembaga Pengarah.
- 3.14 **Penilaian Kendiri** – Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap yang mana Jawatankuasa akan menyemak semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang dinyatakan dalam Piagam ini.
- 3.15 **Pendedahan** – Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan komposisi keahliannya didedahkan kepada umum.
- 3.16 **Penasihat Bebas atau Penasihat Lain** – Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding bebas dan / atau pakar lain yang diperlukan bagi menyemak semula apa-apa perkara di bawah tanggungjawabnya mengikut resolusi atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

4.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

4.1 Dasar dan Strategi

- (a) Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dasar dan strategi utama sumber manusia dan mencadangkan sebarang perubahan yang perlu.
- (b) Jawatankuasa hendaklah menyemak semula falsafah ganjaran Perbadanan dan dasar yang berkaitan serta membuat cadangan, jika ada, kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- (c) Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Perbadanan membangunkan secara berterusan, dasar, strategi, kawalan, proses dan prosedur yang mencukupi, sesuai dan berkesan dalam Perbadanan untuk mengekalkan persekitaran organisasi yang memupuk amalan urusan dan tingkah laku beretika kakitangan, komitmen kakitangan terhadap operasi Perbadanan dan tahap kepuasan yang tinggi dalam kalangan kakitangan serta menyemak semula dasar dan kod yang berkaitan serta membuat cadangan, jika ada, kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

4.2 Pematuhan dan Laporan – Jawatankuasa hendaklah menyemak semula laporan mengenai:

- (a) pematuhan terhadap keperluan perundangan dan dasar utama korporat berhubung hal-hal sumber manusia pada setiap tahun; dan

(b) pematuhan terhadap dasar berkenaan amalan urusan dan tingkah laku beretika kakitangan pada setiap tahun atau sebaik sahaja keadaan memerlukan. Jika perlu, Jawatankuasa hendaklah meminta Pengurusan untuk mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Audit sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau telah timbul sesuatu perkara yang memerlukan pengemukaan laporan.

4.3 Perkara yang Dirujuk oleh Ketua Pegawai Eksekutif – Jawatankuasa hendaklah menyemak apa-apa perkara berhubung sumber manusia dan perihal ganjaran yang dirujuk kepadanya oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

4.4 Laporan kepada Lembaga Pengarah – Jika perlu, Jawatankuasa hendaklah membuat laporan kepada Lembaga Pengarah mengenai sumber manusia dan perihal ganjaran serta prestasi Pengurusan berkaitan perkara ini.

4.5 Pemberian Bonus – Jawatankuasa hendaklah menyemak semula dan meluluskan pemberian bonus kepada setiap kakitangan sebagaimana yang disyorkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Jawatankuasa juga hendaklah menjalankan semakan semula terhadap dasar Perbadanan mengenai pemberian bonus dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah, jika diperlukan.

4.6 Objektif dan Penilaian Ketua Pegawai Eksekutif – Jawatankuasa hendaklah:

- (a) Menyemak semula pernyataan objektif tahunan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan mengesyorkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan; dan
- (b) Menyemak semula prestasi Ketua Pegawai Eksekutif berdasarkan penilaian oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, dengan mengambil kira pernyataan objektif dan sebarang faktor lain yang relevan. Sekiranya ada, Jawatankuasa hendaklah membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai ganjaran dan bonus Ketua Pegawai Eksekutif.

4.7 Aduan – Jawatankuasa hendaklah bertindak sebagai titik perhubungan awal di peringkat Lembaga Pengarah bagi sebarang aduan mengenai Ketua Pegawai Eksekutif yang sampai kepada pengetahuan Lembaga Pengarah dengan pemahaman bahawa mekanisme penyelesaian yang lazim hendaklah diikuti dan aduan akan hanya diajukan apabila proses rayuan yang lain telah gagal, melainkan ia dinyatakan dengan jelas dalam mana-mana Piagam atau dasar lain Lembaga Pengarah.

LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA AUDIT

1.0 MANDAT

Menurut Seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu Jawatankuasa Audit ditubuhkan.

2.0 OBJEKTIF

Jawatankuasa Audit (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Perbadanan) bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pengauditan, prinsip dan amalan perakaunan adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan Malaysia serta mematuhi kesemua keperluan perundangan. Sehubungan ini, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasan: integriti penyata kewangan Perbadanan; proses pelaporan kewangan; sistem kawalan dalaman bagi perakaunan dan kewangan; prestasi fungsi audit dalaman Perbadanan; pengenalpastian dan pengurusan risiko utama Perbadanan; serta pematuhan Perbadanan kepada dasar yang berkaitan dengan etika serta keperluan perundangan dan pengawalseliaan.

3.0 PRINSIP OPERASI

- 3.1 (a) **Fungsi dan Komposisi** – Jawatankuasa hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada Pengurusan. Jawatankuasa akan menjalankan apa-apa fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah.
- (b) **Kecekapan** – Semua ahli Jawatankuasa yang dilantik hendaklah sama ada:
- arif dalam bidang kewangan semasa pelantikan, iaitu mempunyai kefahaman asas tentang kewangan dan perakaunan serta berkebolehan membaca dan memahami asas penyata kewangan termasuklah kunci kira-kira, penyata pendapatan dan penyata aliran tunai; atau
 - memperoleh pengetahuan dalam bidang kewangan dalam tempoh masa yang munasabah selepas pelantikan sebagai ahli Jawatankuasa.

Pengerusi dan Naib Pengerusi (sekiranya dilantik) hendaklah mempunyai kepakaran kewangan. “Kepakaran kewangan” bermaksud seseorang yang mempunyai kelayakan profesional sebagai akauntan dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengauditan.

Jika perlu, ahli Jawatankuasa akan meningkatkan pengetahuan mereka tentang amalan kewangan dan perakaunan serta bidang lain yang berkaitan dengan tanggungjawab mereka dengan mengikuti perkembangan arah aliran dan amalan terbaik dalam bidang-bidang tersebut termasuk mempertimbangkan isu semasa dan aplikasinya kepada Perbadanan serta dengan mengambil bahagian dalam sesi pendidikan atau peluang latihan lain.

- 3.2 **Pengerusi** – Pengerusi merupakan Pengarah bukan *ex officio* yang dilantik oleh Lembaga Pengarah
- 3.3 **Naib Pengerusi** – Naib Pengerusi, sekiranya difikirkan sesuai oleh Lembaga Pengarah, bagi tujuan perancangan pengurusan penggantian, dilantik di kalangan Pengarah bukan *ex officio*, sebagaimana yang dicalonkan oleh Lembaga Pengarah. Ketika ketiadaan Pengerusi, sekiranya terdapat Naib Pengerusi, beliau akan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa, dan ketika itu, beliau mempunyai semua kuasa Pengerusi. Sekiranya Pengerusi atau Naib Pengerusi tidak hadir atau tiada Naib Pengerusi, seorang Pengerusi akan dilantik oleh ahli-ahli yang hadir, yang akan mempengerusikan mesyuarat tersebut, atau sehingga ketibaan Pengerusi atau Naib Pengerusi, tertakluk kepada keadaan. Naib Pengerusi (sekiranya dilantik) ialah timbalan Pengerusi, dan akan menjalankan tugas bagi pihak Pengerusi sebagaimana yang diwakilkan oleh Pengerusi.
- 3.4 **Kuorum** – Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa.
- 3.5 **Pengundian** – Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.
- 3.6 **Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat** – Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan perkara tertentu, Pengerusi akan menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.
- 3.7 **Setiausaha dan Minit** – Setiausaha Korporat hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dihantar oleh Setiausaha Korporat kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila minit telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

- 3.8 **Kekerapan dan Panggilan Mesyuarat** – Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada empat kali setahun.
- 3.9 **Notis Mesyuarat** – Tempoh notis wajar untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa ialah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.
- 3.10 **Ketua Audit Negara** – Ketua Audit Negara, menurut Akta Audit 1957 (Pindaan 1972) (Akta 62):
- (a) berhak menerima notis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa yang mana perbelanjaannya ditanggung oleh Perbadanan untuk menghadiri dan didengari pada setiap mesyuarat dan akan dijemput menghadiri mana-mana atau bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa; dan
- (b) boleh meminta untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa.
- 3.11 **Mesyuarat Sulit** – Jawatankuasa boleh bermesyuarat secara sulit sebagai suatu jawatankuasa dan secara berkala dengan Pengurusan, Ketua Audit Negara dan ketua-ketua pengurusan risiko organisasi dan fungsi audit dalaman dalam sesi sulit yang berasingan.
- 3.12 **Agenda Mesyuarat** – Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa serta dokumen berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 3.13 **Kehadiran Tambahan** – Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya akan dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.
- 3.14 **Terma Pelantikan / Penggiliran Ahli Jawatankuasa** – Ahli Jawatankuasa hendaklah diganti mengikut kesesuaian dan secara tetap. Penggantian itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak diganti dalam satu-satu masa.
- 3.15 **Pelaporan** – Jika perlu, Jawatankuasa akan menyediakan satu laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.
- 3.16 **Semakan Piagam** – Jawatankuasa hendaklah menyemak dan menilai kecukupan Piagam ini pada setiap tahun. Apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada Piagam akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus untuk dicadangkan kepada Lembaga Pengarah.
- 3.17 **Penilaian Kendiri** – Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap yang mana Jawatankuasa akan menyemak semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang dinyatakan dalam Piagam ini.
- 3.18 **Pendedahan** – Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan komposisi keahliannya didedahkan kepada umum.
- 3.19 **Penasihat Bebas atau Penasihat Lain** – Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding audit bebas dan / atau pakar lain yang diperlukan bagi menyemak semula apa-apa perkara di bawah tanggungjawabnya mengikut resolusi atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

4.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

- 4.1 **Nasihat dan Cadangan Kepada Lembaga Pengarah** – Jawatankuasa bergantung kepada kepakaran Pengurusan, fungsi audit dalaman Perbadanan dan Ketua Audit Negara dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Walaupun Jawatankuasa Audit tidak menjalankan audit dalaman, Jawatankuasa memantau audit yang dibuat dan menyemak semula laporan serta membuat siasatan yang munasabah bagi membolehkannya memberi nasihat dan cadangan yang wajar kepada Lembaga Pengarah.
- 4.2 **Penyiasatan** – Jawatankuasa diberi kuasa untuk menyiasat sebarang perkara yang dibawa kepada perhatiannya dengan akses penuh kepada semua buku, rekod, kemudahan, Ketua Audit Negara dan kakitangan Perbadanan bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan peranan penyeliaannya. Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah supaya penyiasatan khas dijalankan ke atas perkara yang difikirkan sesuai berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya.
- 4.3 **Pelaporan Kewangan** – Jawatankuasa hendaklah membantu Lembaga Pengarah memainkan peranan pengawasannya terhadap pelaporan kewangan yang benar, tepat dan jelas, termasuk menyemak semula penyata kewangan tahunan Perbadanan serta laporan Perbincangan dan Analisis Pengurusan sebelum memperoleh kelulusan Lembaga Pengarah dan menyemak dengan sewajarnya serta menerbitkan kepada umum maklumat kewangan bukan umum yang penting. Semakan tersebut, sekiranya perlu, tetapi sekurang-kurangnya sekali setahun, harus merangkumi perbincangan dengan Pengurusan, fungsi audit dalaman dan Ketua Audit Negara berkenaan isu penting mengenai prinsip perakaunan, dasar perakaunan Perbadanan serta anggaran dan pertimbangan penting yang dibuat oleh Pengurusan, termasuk kualiti dan kebolehterimaan prinsip perakaunan yang diterima umum.

Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa prosedur yang mencukupi tersedia bagi semakan pendedahan awam maklumat kewangan Perbadanan yang disediakan atau dipetik daripada penyata kewangan Perbadanan, selain daripada pendedahan awam di dalam penyata kewangan tahunan Perbadanan dan laporan Perbincangan dan Analisis Pengurusan, dan mesti menilai secara berkala, kecukupan prosedur tersebut.

4.4 Proses Pelaporan Kewangan, Dasar Perakaunan dan Struktur Kawalan Dalam – Pengurusan bertanggungjawab dalam penyediaan, pengemukaan dan integriti penyata kewangan Perbadanan dan penyenggaraan prinsip, dasar, kawalan dalaman dan prosedur pelaporan perakaunan dan kewangan yang dirangka bagi memastikan pematuhan kepada piawai perakaunan serta undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

Jawatankuasa hendaklah mendapat pandangan Pengurusan dan Ketua Audit Negara tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk menambah baik kualiti prinsip perakaunan Perbadanan yang diguna pakai dalam laporan kewangannya, menyiasat pelaksanaan alternatif yang telah dipertimbangkan tetapi ditolak kemudiannya, mengkaji keagresifan atau konservatisme prinsip dan anggaran perakaunan Perbadanan, dan menyemak semula situasi yang mana nasihat Ketua Audit Negara atas perkara berkaitan perakaunan atau pendedahan tidak diambil kira.

Secara khususnya, Jawatankuasa hendaklah membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasan proses pelaporan kewangan Perbadanan termasuklah:

- (a) menyemak semula dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai penyata kewangan tahunan Perbadanan;
- (b) menyemak semula dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan laporan audit tahunan Ketua Audit Negara;
- (c) mengkaji semula perubahan utama yang berlaku kepada prinsip dan amalan pengauditan dan perakaunan Perbadanan sebagaimana yang dicadangkan oleh Ketua Audit Negara, fungsi audit dalaman atau Pengurusan;
- (d) memastikan bahawa Pengurusan mempunyai dasar dan prosedur berkaitan kawalan dalaman, menurut undang-undang, peraturan dan panduan yang diguna pakai, bagi memberikan jaminan yang wajar tentang kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman Perbadanan; dan menyemak semula pelaporan berkaitan daripada Pengurusan dan fungsi audit dalaman tentang kawalan dalaman tersebut;

- (e) mengkaji semula integriti proses dan struktur kawalan dalaman pelaporan kewangan Perbadanan;
- (f) mengkaji semula proses berhubung perakuan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan tentang integriti penyata kewangan Perbadanan;
- (g) mengkaji semula rancangan bagi audit tahunan dengan menilai kewajaran skop dan pelan audit serta menentukan sama ada Perbadanan menerima liputan audit dan usaha keseluruhan yang sewajarnya, memastikan bahawa Ketua Audit Negara telah mempertimbangkan kerja fungsi audit dalaman dalam membangunkan strategi audit keseluruhannya dan menilai tahap jaminan bahawa Lembaga Pengarah berupaya mengambil alihnya daripada kerja Ketua Audit Negara. Oleh itu, Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa skop audit tidak terhad dalam mana-mana cara sekalipun dan bahawa bidang yang penting kepada Lembaga Pengarah diambil kira dengan sewajarnya;
- (h) mengkaji semula dan memantau pelaksanaan cadangan yang dibuat melalui audit tahunan oleh Ketua Audit Negara dan sebarang surat pengurusan yang disediakan oleh Ketua Audit Negara serta maklum balas Pengurusan terhadap laporan dan surat tersebut;
- (i) mewujudkan sistem pelaporan kepada Jawatankuasa oleh Pengurusan, Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman berkenaan apa-apa pertimbangan penting yang dibuat dalam penyediaan penyata kewangan oleh Pengurusan dan sebarang kesulitan yang dihadapi ketika semakan atau audit, termasuklah apa-apa halangan ke atas skop kerja atau akses kepada maklumat yang dikehendaki; dan
- (j) melalui pengawasan ke atas fungsi audit dalaman, memastikan bahawa Perbadanan menyenggarakan buku akaun, rekod berkaitan kawalan kewangan dan pengurusan serta sistem maklumat dan amalan pengurusan mengikut cara yang boleh memberikan jaminan yang wajar bahawa:
 - (i) aset Perbadanan dilindungi dan terkawal;
 - (ii) transaksi Perbadanan adalah menurut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), peruntukan perundangan, arahan, pekeliling atau garis panduan lain (yang diguna pakai) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan atau Jabatan Perdana Menteri; dan

(iii) sumber kewangan, manusia dan fizikal Perbadanan diuruskan dengan cermat dan cekap dan operasi Perbadanan dijalankan dengan berkesan.

4.5 Pengawasan Strategik dan Pengurusan Kewangan:

- (a) Rancangan Korporat dan Bajet Modal Operasi – semakan semula dan cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan Rancangan Korporat Perbadanan dan memantau serta menasihati Lembaga Pengarah mengenai prestasi Pengurusan berbanding rancangan tersebut.
- (b) Pembiayaan – menyemak semula dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dengan dasar dan prosedur Perbadanan yang berkaitan dengan terma dan syarat apa-apa pembiayaan luaran yang hendak dibuat atau diambil oleh Perbadanan melalui hutang Perbadanan atau selainnya.
- (c) Pelaburan – menyemak semula dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan dasar dan prosedur Perbadanan yang berkaitan dengan terma dan syarat pelaburan aset tunai Perbadanan dalam sekuriti jangka pendek dan jangka panjang.
- (d) Perbelanjaan Pengerusi dan Pegawai – menerima laporan daripada Pengurusan dan menyemak semula laporan tersebut daripada fungsi audit dalaman dan / atau Ketua Audit Negara tentang semakan mereka ke atas akaun perbelanjaan Pengerusi dan Pegawai Perbadanan.

4.6 **Fungsi Audit Dalaman** – Fungsi audit dalaman ialah untuk menyiasat serta memberi maklumat dan jaminan kepada Jawatankuasa dan Pengurusan tentang buku akaun dan rekod Perbadanan; keberkesanan dan prestasi kawalan kewangan dan pengurusan; sistem maklumat dan amalan pengurusan; serta jaminan bahawa operasi Perbadanan dijalankan secara efektif mengikut perundangan yang berkaitan.

Bagi memenuhi tanggungjawabnya, fungsi audit dalaman memerlukan status bebas bagi melaporkan secara langsung kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa, dan dari segi pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Hubungan ini memerlukan Jawatankuasa dan fungsi audit dalaman mempunyai akses secara langsung tanpa sekatan antara satu sama lain.

Jawatankuasa bertanggungjawab bagi pengawasan kerja fungsi audit dalaman serta ganjaran dan pengawasan Ketua Juruaudit Dalaman. Pengerusi Jawatankuasa perlu dirunding sebelum pelantikan atau penamatan perkhidmatan Ketua Juruaudit Dalaman dan hendaklah mengadakan temu duga pelantikan dan penamatan perkhidmatan dengannya. Pelantikan Ketua Juruaudit Dalaman mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Audit menyelia audit dalaman Perbadanan. Tanggungjawab khusus Jawatankuasa termasuklah:

- (a) mengkaji semula mandat fungsi audit dalaman setiap tahun;
- (b) menilai keupayaan fungsi audit dalaman;
- (c) mengkaji semula kebebasan fungsi audit dalaman dan struktur pelaporannya;
- (d) mengkaji semula rancangan fungsi audit dalaman, bajet, kualiti dan kuantiti kakitangan dan sumber lain yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan;
- (e) mengkaji semula prestasi fungsi audit dalaman termasuk prestasi terhadap rancangan audit dan bajetnya;
- (f) mengkaji semula laporan fungsi audit dalaman;
- (g) memantau pelaksanaan laporan dan syor fungsi audit dalaman;
- (h) memastikan penyelarasan fungsi audit dalaman dengan audit Ketua Audit Negara dan pemeriksaan khas tahunan; dan
- (i) mengkaji semula operasi keseluruhan fungsi audit dalaman dengan mengambil kira mandatnya dan piawaian audit dalaman semasa.

4.7 **Pengurusan Risiko** – Fungsi pengurusan risiko organisasi menyediakan nasihat bebas, memantau dan menyenggara rangka kerja pengurusan risiko organisasi Perbadanan, menggalakkan pengurusan efektif bagi semua kategori risiko dan memupuk serta mengekalkan budaya risiko efektif dalam operasi Perbadanan.

Ketua Pegawai Risiko sebagai ketua fungsi pengurusan risiko organisasi, bertanggungjawab melaksana, dan menyenggara rangka kerja pengurusan risiko organisasi bagi Perbadanan. Fungsi pengurusan risiko organisasi membantu dan menyediakan maklumat kepada Jawatankuasa berhubung semua aktiviti pengurusan risiko organisasi dan hasil proses pengurusan risiko organisasi, iaitu, pengenalpastian, penaksiran, penilaian, pengendalian, pemantauan dan komunikasi risiko utama yang memberi kesan kepada Perbadanan. Fungsi pengurusan risiko organisasi juga menyediakan penilaian bebas berhubung keupayaan pengurusan risiko Perbadanan, dan memberikan cadangan untuk menambah baik keupayaan ini, mengikut kesesuaian. Ketua Pegawai Risiko bertanggungjawab membuat pelaporan secara tetap kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa.

Bagi menunaikan tanggungjawabnya dengan efektif, Ketua Pegawai Risiko memerlukan status bebas, justeru, melapor secara fungsian terus kepada Jawatankuasa dan melapor daripada segi pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Hubungan ini memerlukan Jawatankuasa dan Ketua Pegawai Risiko mempunyai akses tanpa had kepada antara satu sama lain secara langsung.

LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa juga bertanggungjawab bagi pengawasan tugas fungsi pengurusan risiko organisasi dan bagi prestasi dan pengawasan Ketua Pegawai Risiko, dan perlu memastikan fungsi pengurusan risiko organisasi mempunyai sumber yang berkualiti dan mencukupi, bagi memenuhi peranannya. Pengerusi Jawatankuasa perlu dirunding sebelum pelantikan atau penamatan perkhidmatan Ketua Pegawai Risiko dan hendaklah mengadakan temu duga pelantikan dan tamat perkhidmatan dengannya. Pelantikan Ketua Pegawai Risiko mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa hendaklah:

- (a) memastikan bahawa dasar, garis panduan dan amalan yang utuh dilaksanakan bagi pengurusan risiko korporat yang penting;
- (b) menerima maklumat yang mencukupi bagi memahami keadaan dan magnitud risiko penting yang dihadapi oleh Perbadanan;
- (c) mengkaji semula bersama Pengurusan dan menasihati Lembaga Pengarah tentang dasar dan garis panduan yang dilaksanakan bagi mengurus pendedahan risiko Perbadanan, serta mengkaji semula dasar dan garis panduan itu sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan bahawa ia masih sesuai dan berhemat;
- (d) mendapatkan jaminan yang wajar secara tetap bahawa dasar dan garis panduan pengurusan risiko penting Perbadanan dipatuhi;
- (e) melapor kepada Lembaga Pengarah tentang: profil risiko penting; pelan dan kawalan mitigasi bagi menguruskan risiko penting; dan keberkesanan keseluruhan proses pengurusan risiko itu;
- (f) mempertimbangkan peranan Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman secara berkala berkenaan pengurusan risiko dalam Perbadanan dan menilai prestasi Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman pada setiap tahun berhubung peranan itu;
- (g) meminta laporan daripada fungsi audit dalaman yang mengesahkan penilaian risiko Pengurusan; dan
- (h) menyemak semula bersama Pengurusan dan menasihati Lembaga Pengarah sama ada pendekatan yang utuh dan berkesan telah diambil dalam membangunkan pengaturan perancangan kesinambungan urusan Perbadanan, termasuk sama ada pelan pemulihan bencana telah diuji secara berkala.

4.8 **Pematuhan Etika dan Perundangan** – Jawatankuasa hendaklah:

- (a) menyemak semula bersama penasihat Perbadanan sebarang hal perundangan yang boleh mempunyai kesan yang ketara terhadap penyata kewangan Perbadanan;
- (b) memastikan pengawasan etika dan integriti serta pengekalan reputasi Perbadanan dengan menerima laporan tentang pematuhan dasar atau kod amalan urusan dan etika tingkah laku Perbadanan daripada Pengurusan dan apa-apa perkara lain yang boleh mendatangkan liabiliti kepada Perbadanan; dan dengan menyemak semula mana-mana laporan yang diterima daripada fungsi audit dalaman, Ketua Audit Negara dan / atau Pengerusi Jawatankuasa lain tentang semakan semula pematuhan mereka;
- (c) memastikan terdapat sistem bagi memantau pematuhan Perbadanan terhadap undang-undang dan peraturan serta mendapatkan laporan pada setiap tahun bahawa Perbadanan mematuhi kehendak perundangan yang diguna pakai;
- (d) menyemak semula hasil penyiasatan Pengurusan dan tindakan yang diambil berkaitan mana-mana kawalan dalaman atau perkara perakaunan yang boleh dipersoalkan;
- (e) memantapkan dan mengkaji semula dari semasa ke semasa, proses bagi (i) penerimaan, penyimpanan dan layanan aduan atau perkara berkenaan perakaunan, kawalan dalaman atau pengauditan; (ii) pengemukaan rahsia dan tanpa nama, mengikut dasar korporat yang mantap oleh kakitangan Perbadanan berkaitan perkara perakaunan atau pengauditan yang boleh dipersoalkan; dan (iii) penerimaan, penyimpanan dan layanan aduan berkaitan Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan Perbadanan. Jawatankuasa juga memantapkan dan mengkaji semula dari semasa ke semasa, proses bagi penilaian, penyiasatan dan resolusi berkenaan perakaunan, kawalan dalaman atau pengauditan yang boleh dipersoalkan; dan
- (f) menyiasat apa-apa dakwaan bahawa mana-mana pegawai atau Pengarah Perbadanan atau pihak lain yang bertindak di bawah arahan mereka telah mengambil tindakan untuk mempengaruhi, memaksa, memanipulasi atau mengelirukan pihak yang dilantik untuk melaksanakan audit penyata kewangan Perbadanan bagi tujuan menyebabkan penyata kewangan itu mengelirukan dan mengambil atau mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tindakan disiplin yang sewajarnya jika dakwaan itu terbukti benar.

LAMPIRAN

KAD SKOR KORPORAT 2012 - 2014

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama (PPU) / Inisiatif Korporat	Sasaran		
			2012	2013	2014
Pemegang Kepentingan	A Pemegang kepentingan yang terdidik dan berklumat	1. Indeks kesedaran awam: a. Kesedaran umum mengenai PIDM b. Kesedaran umum mengenai sistem insurans deposit c. Kesedaran umum mengenai sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans	39% 35% 15%	42% 39% 20%	45% 42% 25%
		2. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Pelan Komunikasi Bersepadu b. Program Pendidikan	Disempurnakan Dilaksanakan dan dipantau	Disempurnakan Dilaksanakan dan kajian semula	Disempurnakan Dilaksanakan dan kajian semula
	B Perkongsiian efektif	3. Hubungan PIDM dengan: a. Bank Negara Malaysia b. Institusi ahli c. Penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik d. Penginsurans deposit lain e. Pemegang kepentingan lain	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Memuaskan	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Memuaskan	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Memuaskan
		4. Menyertai forum antarabangsa	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif
		5. Menyokong Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan dan Alumni	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif
	C Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	6. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap: a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai b. Polisi dan amalan utama yang dipatuhi c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi Tahap kepuasan tinggi
7. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Polisi Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah b. Akta PIDM 2011		Kajian semula dan dipertingkatkan Kajian semula	Kajian semula dan dipertingkatkan Kajian semula	Kajian semula dan dipertingkatkan -	
D Tadbir Urus dan Proses Dalam	Penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta keupayaan resolusi yang kukuh	8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Rangka kerja Sistem Premium Berbeza, Jumlah Deposit Diinsuranskan, Sistem Levi Berbeza dan Jumlah Polisi Dilindungi: i. Mengkaji semula dan memantapkan peraturan-peraturan berkaitan Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Sistem Premium Berbeza bagi Sistem Insurans Deposit ii. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja Sistem Levi Berbeza dan Penyata Jumlah Polisi Dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: a(ii)(1). Rangka kerja Sistem Levi Berbeza a(ii)(2). Garis panduan dan peraturan-peraturan bagi Sistem Levi Berbeza a(ii)(3). Pengesahan pengawal selia terhadap Penyata Jumlah Polisi Dilindungi a(ii)(4). Pengesahan juruaudit luaran terhadap Penyata Jumlah Polisi Dilindungi b. Metodologi dan Rangka Kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko: i. Memantapkan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Insurans Deposit ii. Membangunkan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans c. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Amaran Awal: i. Sistem Insurans Deposit ii. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans d. Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan termasuk polisi, proses dan prosedur: i. Sistem Insurans Deposit: d(i)(1). Membangunkan dan melaksanakan komponen akhir aktiviti Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi bank-bank ahli d(i)(2). Membangunkan dan melaksanakan Sistem dan Model Penilaian ii. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: d(ii)(1). Meminda polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan untuk penggunaan pakai terhadap ahli penginsurans	Kajian semula Dibangunkan dan dirundingkan Dibangunkan dan dirundingkan Dibangunkan dan dirundingkan Dilaksanakan dan kajian semula - Dibangunkan dan dilaksanakan Dibangunkan Dibangunkan dan dilaksanakan - Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan dan disahkan Dikaji selidik Dibangunkan Dibangunkan Dibangunkan dan disempurnakan	Dibangunkan dan dirundingkan Dilaksanakan Dilaksanakan Kajian semula Kajian semula - Dibangunkan Kajian semula Dibangunkan dan dilaksanakan Dibangunkan dan dilaksanakan Dikaji selidik Disempurnakan Dibangunkan Kajian semula	Dilaksanakan Kajian semula Kajian semula - Dilaksanakan Kajian semula dan dipertingkatkan Kajian semula dan dipertingkatkan Dilaksanakan Dibangunkan Dilaksanakan Dipertingkatkan

LAMPIRAN

KAD SKOR KORPORAT 2012 - 2014

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama (PPU) / Inisiatif Korporat	Sasaran				
		2012	2013	2014		
Tadbir Urus dan Proses Dalam	D Penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta keupayaan resolusi yang kukuh	e. Polisi dan peraturan: i. Sistem Insurans Deposit: e(i)(1). Garis panduan / peraturan faedah dan dividen boleh dibayar e(i)(2). Surcay premium e(i)(3). Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian 2008 e(i)(4). Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Mengenai Insurans Deposit 2011 ii. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: e(ii)(1). Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian e(ii)(2). Peraturan-Peraturan Maklumat Mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans f. Menjalankan simulasi bagi: i. Pembayaran Balik Deposit ii. Intervensi dan Resolusi Kegagalan g. Menyempurnakan pembangunan program audit bagi memastikan integriti Data, Sistem dan Proses Pembayaran Balik Deposit bagi bank-bank ahli h. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans: i. Fasa 1a: Sistem Pendaftaran Produk ii. Fasa 1b: Sistem Pengurusan Tuntutan iii. Fasa 1c: Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi iv. Fasa 2: Sistem Pengurusan Pembayaran i. Program pematuhan institusi ahli	Dilaksanakan Disempurnakan Kajian semula dan dilaksanakan Kajian semula dan dilaksanakan	Kajian semula Kajian semula - Dipantau	Dipertingkatkan Dipertingkatkan - Dipantau	
		9. Pelaporan menerusi: a. Laporan Tahunan b. Rancangan Korporat	Disempurnakan Disempurnakan	Disempurnakan Disempurnakan	Disempurnakan Disempurnakan	
		10. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	±10% perbezaan	±10% perbezaan	
		11. Pematuhan Kawalan Dalam	Kukuh	Kukuh	Kukuh	
		12. Tahap kepuasan terhadap perkhidmatan antara Bahagian	75%	75%	75%	
		13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Polisi dan Prosedur bagi Fasa 1: Pinjaman Kerajaan dan Fasa 2: Pembiayaan daripada pasaran modal b. Rangka kerja Dana Sasaran bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans c. Membangunkan dan melaksanakan pelan strategik berikut: i. Pelan Strategik Teknologi Maklumat Tahunan ii. Pelan Pengurusan Kesenambungan Urusan Tahunan d. Tapak Pemulihan Bencana dan infrastruktur berkaitan e. Rangka Kerja Keselamatan Maklumat Korporat	Kajian semula dan dipertingkatkan - Disempurnakan Disempurnakan Memperoleh tanah Kajian semula dan dipertingkatkan	- Dikaji selidik Disempurnakan Disempurnakan Pembinaan Dilaksanakan	- Dibangunkan Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Kajian semula dan dipertingkatkan	
		F Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	14. Membangunkan dan melaksanakan pelan pembelajaran dan pembangunan tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
			15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Menyepadukan rangka kerja Kecekapan dalam proses Modal Insan b. Polisi dan Prosedur Pengurusan Pengetahuan	Kajian semula dan dipertingkatkan Dibangunkan	Dilaksanakan Dilaksanakan	Dilaksanakan Kajian semula dan dipertingkatkan
		G Persekitaran korporat yang kondusif	16. Indeks kepuasan kerja kakitangan (Tinjauan dijalankan dua tahun sekali)	-	75%	-
			17. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Melaksanakan program berkaitan kakitangan bagi menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan

LAMPIRAN

SENARAI INSTITUSI AHLI

Pada 1 Februari 2012, institusi ahli PIDM ialah seperti berikut:

Bank Perdagangan (25)

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank (M) Berhad
4. Bangkok Bank Berhad
5. Bank of America Malaysia Berhad
6. Bank of China (Malaysia) Berhad
7. Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad
8. BNP Paribas Malaysia Berhad
9. CIMB Bank Berhad
10. Citibank Berhad *
11. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad *
12. Hong Leong Bank Berhad
13. HSBC Bank Malaysia Berhad
14. Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
15. J.P. Morgan Chase Bank Berhad
16. Malayan Banking Berhad
17. Mizuho Corporate Bank (Malaysia) Berhad
18. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
19. Public Bank Berhad
20. RHB Bank Berhad
21. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
22. Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad
23. The Bank of Nova Scotia Berhad
24. The Royal Bank of Scotland Berhad
25. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

**institusi ini menyediakan perkhidmatan perbankan Islam*

Bank Islam (16)

1. Affin Islamic Bank Berhad
2. Alliance Islamic Bank Berhad
3. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
4. AmIslamic Bank Berhad
5. Asian Finance Bank Berhad
6. Bank Islam Malaysia Berhad
7. Bank Muamalat Malaysia Berhad
8. CIMB Islamic Bank Berhad
9. Hong Leong Islamic Bank Berhad
10. HSBC Amanah Malaysia Berhad
11. Kuwait Finance House (M) Berhad
12. Maybank Islamic Berhad
13. OCBC Al-Amin Bank Berhad
14. Public Islamic Bank Berhad
15. RHB Islamic Bank Berhad
16. Standard Chartered Saadiq Berhad

Syarikat Insurans (35)

1. ACE Synergy Insurance Berhad
2. Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad
3. Allianz Life Insurance Malaysia Berhad
4. American International Assurance Bhd.
5. AmG Insurance Berhad
6. AmLife Insurance Berhad
7. AXA Affin General Insurance Berhad
8. AXA Affin Life Insurance Berhad
9. Berjaya Sompo Insurance Berhad
10. Chartis Malaysia Insurance Berhad
11. CIMB Aviva Assurance Berhad
12. Etiqa Insurance Berhad
13. Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad
14. Hong Leong Assurance Berhad
15. ING Insurance Berhad
16. Kurnia Insurance (Malaysia) Berhad
17. Lonpac Insurance Berhad
18. Malaysian Assurance Alliance Berhad
19. Manulife Insurance Berhad
20. MCIS Zurich Insurance Berhad
21. MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.
22. MUI Continental Insurance Berhad
23. Multi-Purpose Insurans Berhad
24. Oriental Capital Assurance Berhad
25. Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad
26. Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
27. Progressive Insurance Berhad
28. Prudential Assurance Malaysia Berhad
29. QBE Insurance (Malaysia) Berhad
30. RHB Insurance Berhad
31. The Pacific Insurance Berhad
32. Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
33. Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
34. Uni.Asia General Insurance Berhad
35. Uni.Asia Life Assurance Berhad

Pengendali Takaful (12)

1. AIA AFG Takaful Berhad
2. AmFamily Takaful Berhad
3. CIMB Aviva Takaful Berhad
4. Etiqa Takaful Berhad
5. Great Eastern Takaful Sdn. Bhd.
6. Hong Leong MSIG Takaful Berhad
7. HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.
8. ING PUBLIC Takaful Ehsan Berhad
9. MAA Takaful Berhad
10. Prudential BSN Takaful Berhad
11. Syarikat Takaful Malaysia Berhad
12. Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

LAMPIRAN

GLOSARI ISTILAH

Ahli penginsurans

Semua pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Takaful 1984 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga dan / atau am di Malaysia serta syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat dan / atau am di Malaysia, seperti yang ditakrifkan di bawah Akta PIDM. Keahlian diwajibkan di bawah Akta PIDM. Senarai penuh ahli penginsurans ini boleh didapati di muka surat 201.

Aset risiko berwajaran

Aset risiko berwajaran merujuk kepada konsep yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Basel untuk Penyeliaan Bank bagi menentukan nisbah kecukupan modal. Aset diwajibkan mengikut faktor yang mewakili tahap risiko dan potensi kemungkiran.

Bahaya moral

Insentif bagi pengambilan risiko tambahan yang boleh timbul daripada penyediaan insurans deposit atau jaminan deposit dan institusi-institusi kewangan tidak akan mengalami kerugian akibat pengambilan risiko ini.

Bank ahli

Semua bank perdagangan (termasuk bank asing yang diperbadankan di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983. Keahlian diwajibkan di bawah Akta PIDM. Senarai penuh bank ini boleh didapati di muka surat 201.

Bantuan kewangan

Bentuk bantuan kewangan yang ditetapkan di bawah Seksyen 25(2)(a)(ii) hingga (iv) dan Seksyen 25(2)(e) Akta PIDM yang diperuntukkan bagi tujuan lanjutan matlamat PIDM dalam menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dana Insurans Deposit Islam

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank-bank Islam ahli atau bank-bank perdagangan ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam dan pulangan yang dibuat ditolak kos langsung operasi sistem insurans deposit Islam.

Dana Insurans Deposit Konvensional

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan konvensional dan faedah diperoleh, ditolak kos langsung operasi sistem insurans deposit konvensional.

Dana Perlindungan Insurans Am

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans am dan faedah diperoleh, ditolak kos langsung operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Insurans Hayat

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat dan faedah diperoleh, ditolak kos langsung operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Am

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful am dan faedah diperoleh, ditolak kos langsung operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga dan pulangan dibuat, ditolak kos langsung operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana sasaran

Dana sasaran, pada umumnya, merupakan paras dana terkumpul yang diperlukan bagi menanggung dengan sewajarnya kerugian yang dijangkakan daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

Institusi ahli

Institusi ahli PIDM yang terdiri daripada bank ahli dan ahli penginsurans.

Institusi perantara (*Bridge institution*)

Sebuah institusi (berasingan daripada penginsurans deposit) yang akan mengambil alih dan menjalankan operasi sebahagian atau kesemua perniagaan, aset dan liabiliti institusi ahli yang mengalami kegagalan, dan terus menyediakan perkhidmatan kepada pendeposit, sehingga pembeli bagi perniagaan, aset dan liabiliti boleh dikenal pasti bagi membeli institusi perantara tersebut. Di negara lain, institusi perantara sering digunakan sebagai pilihan resolusi bagi memelihara nilai francais institusi yang bermasalah, serta membolehkan peruntukan masa yang lebih lama untuk menangani masalah institusi dan mengenal pasti pembeli.

Intervensi dan resolusi kegagalan

Intervensi merujuk kepada tindakan yang diambil oleh PIDM ke atas sesebuah institusi ahli bagi menangani keprihatinan tertentu terhadap institusi ahli. Tindakan ini biasanya diambil sebelum sebarang resolusi kegagalan diambil ke atas institusi ahli tersebut. Resolusi kegagalan merujuk kepada tindakan dalam menangani sesebuah institusi ahli yang gagal yang telah diisytiharkan sebagai tidak berdaya maju.

Jaminan Deposit Kerajaan

Jaminan Deposit Kerajaan yang diumumkan oleh Kerajaan Malaysia pada 16 Oktober 2008 merupakan suatu jaminan deposit sementara yang memberi perlindungan sepenuhnya kepada deposit dan instrumen yang dijamin dalam institusi ahli dan institusi kewangan lain yang dijamin. Jaminan Deposit Kerajaan ini merupakan suatu langkah awal dan berjaga-jaga sejajar dengan langkah yang diambil oleh negara jiran bagi mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan dan berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2010.

Jaringan keselamatan kewangan

Lazimnya merangkumi fungsi insurans deposit, pengawalseliaan berhemat dan pemberi pinjaman usaha akhir.

Jumlah Deposit yang Diinsuranskan

Jumlah deposit yang dilindungi oleh PIDM dalam institusi ahli.

Kumpulan Dana Perlindungan

Kumpulan Dana Perlindungan merujuk kepada Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam, Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional, Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am, Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Keluarga, Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am dan Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat.

Kumpulan Dana Perlindungan Islam

Kumpulan Dana Perlindungan Islam merujuk kepada Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam, Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am dan Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Manfaat Insurans

Agregat manfaat insurans yang ditanggung oleh sesebuah syarikat insurans atas mana-mana individu dalam urusan biasa perniagaan insurans bagi syarikat insurans tersebut.

Manfaat Takaful

Agregat manfaat takaful yang ditanggung oleh sesebuah pengendali takaful atas mana-mana individu dalam urusan biasa perniagaan takaful bagi pengendali takaful tersebut.

Mata wang asing

Mana-mana mata wang selain Ringgit, mata wang Malaysia.

Nisbah Kecukupan Modal

Nisbah kecukupan modal ialah nisbah modal pengawalseliaan sebuah bank terhadap pendedahan aset risiko berwajaran. Piawaian antarabangsa mengesyorkan nisbah minimum lapan peratus bertujuan untuk membolehkan bank menyerap kerugian tanpa menjadi insolven, bagi melindungi pendeposit.

Pembayaran Balik

Proses yang dilaksanakan oleh PIDM untuk membayar balik deposit yang diinsuranskan kepada pendeposit yang layak, atau manfaat yang dilindungi kepada benefisiari takaful atau orang yang diinsuranskan yang layak bagi institusi ahli yang tidak berdaya maju menurut seksyen 55 dan 56 serta seksyen 80 dan 81 Akta PIDM.

Pembelian dan pengambilalihan

Satu kaedah resolusi yang melibatkan institusi kewangan yang kukuh atau sekumpulan pelabur yang membeli sebahagian atau kesemua aset serta mengambil alih sebahagian atau kesemua liabiliti, termasuk semua deposit yang diinsuranskan di sesebuah institusi ahli.

Pemilik polisi

Individu yang mempunyai hak milik sah kepada polisi insurans dan termasuk pemilik serah hak, wakil persendirian pemilik polisi yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Pemilik sijil

Individu yang mempunyai hak milik sah kepada sijil takaful dan termasuk pemilik serah hak, wakil persendirian pemilik sijil yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Pengambilalihan kawalan

Sebaik sahaja institusi ahli telah ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai tidak berdaya maju atau dijangka menjadi tidak berdaya maju, PIDM boleh mengambil alih kawalan sebahagian atau kesemua perniagaan, aset, liabiliti dan hal ehwal institusi ahli yang tidak berdaya maju menurut perenggan 99(1)(c) Akta PIDM, bagi melaksanakan intervensi atau resolusi kegagalan sejajar dengan mandatnya.

Pengurusan pembayaran

Satu proses bagi mengendalikan pembayaran balik kepada pendeposit yang diinsuranskan, benefisiari takaful dan orang yang diinsuranskan, termasuk menyediakan penyata pembayaran, menyimpan fail dokumen pembayaran dan memantau status pembayaran.

Penstrukturan semula

Kaedah resolusi yang melibatkan penstrukturan semula kedudukan kewangan sesebuah institusi ahli atau berkenaan dengan aspek bukan kewangan yang lain.

Perjanjian perwakilan (Agency arrangements)

Satu kaedah resolusi yang melibatkan perjanjian antara PIDM, institusi ahli dan bank wakil atau pengendali takaful wakil atau syarikat insurans wakil (perantara). Perantara ini bertindak bagi pihak institusi ahli bagi mengendalikan pembubaran institusi ahli secara teratur dan memenuhi tuntutan pendeposit atau benefisiari takaful atau orang yang diinsuranskan yang harus dibayar.

Prinsip Syariah

Undang-undang Islam, berasaskan al-Quran, Sunnah (hadis dan pelakuan Nabi Muhammad S.A.W), Ijma' (persetujuan cendekiawan Islam) dan Qiyas (perumpamaan).

Rancangan Komunikasi Bersepadu

Rancangan lima tahun ini mengenal pasti strategi dan inisiatif untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran sistem insurans deposit. Rancangan ini berasaskan tiga teras utama: mewujudkan kesedaran mengenai Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta menggalak keyakinan terhadap peranan PIDM; menyumbang secara aktif dalam meningkatkan kesedaran dan celik kewangan menerusi program dan inisiatif pendidikan; dan memperkukuhkan penglibatan dengan institusi ahli dan rakan strategik relevan.

Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan

Rangka kerja yang akan memberi panduan kepada PIDM dalam pembangunan polisi dan prosedur operasi intervensi dan resolusi kegagalan. Rangka kerja ini menggariskan pendekatan menyeluruh PIDM berhubung intervensi dan resolusi kegagalan serta polisi dan prosedur berkaitan dengan pelbagai tindakan dan pilihan yang sedia ada bagi membolehkan PIDM menangani institusi ahli yang bermasalah atau gagal.

Sijil berkumpulan / Polisi berkumpulan

Insurans / takaful yang melindungi sekumpulan individu (tiga atau lebih) di bawah satu polisi induk. Ia selalunya dikeluarkan kepada majikan untuk manfaat kakitangan atau ahli-ahli pertubuhan.

Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memproses butiran terperinci dan akaun deposit yang dipegang oleh pendeposit, dengan tujuan mengira amaun jumlah deposit yang diinsuranskan mengikut entiti. Sistem ini mengendalikan proses yang termasuk pengagregatan akaun deposit bagi entiti yang sama, membuat pelarasan pembayaran, penahanan pembayaran dan penghasilan fail dokumen pembayaran bagi pemrosesan seterusnya oleh Pengurusan Pembayaran.

Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit

Sistem ini merupakan komponen komunikasi dalam Sistem Pembayaran Balik Deposit PIDM. Sekiranya berlaku pembayaran balik deposit, Pusat Panggilan PIDM, yang menguruskan komunikasi, pertanyaan dan permintaan daripada pendeposit, akan menggunakan sistem ini sebagai pengantara (*interface*) dengan Sistem Pembayaran Balik Deposit.

Sistem Premium Berbeza

Sistem yang mengenakan premium kepada institusi ahli pada kadar yang berbeza berdasarkan profil risiko masing-masing.

Pengurusan Risiko Organisasi

Rangka kerja ini diguna pakai secara menyeluruh dalam organisasi untuk memastikan dan menunjukkan bahawa risiko ketara sesebuah entiti dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

Portal Enterpris

Portal Enterpris ialah sistem untuk menyepadukan maklumat, insan dan proses. Portal ini membenarkan pengguna mengakses maklumat yang disimpan di dalam portal ini melalui satu saluran sahaja.

LAMPIRAN

BUTIR-BUTIR HUBUNGAN

Untuk maklumat lanjut mengenai PIDM

- Hubungi Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan kami di:
Talian Bebas Tol **1-800-88-1266**
8.30 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat
- Layari laman sesawang kami di **www.pidm.gov.my**
Soalan-soalan lazim mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans boleh didapati di laman sesawang kami
- Emel kepada **info@pidm.gov.my**
- Tulis kepada:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Aras 12, Quill 7,
No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur.

Telefon: 603-2173 7436

Faks: 603-2173 7527 / 2260 7432

Untuk maklumat lanjut mengenai PIDM

- Hubungi Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan kami di:
Talian Bebas Tol **1-800-88-1266**
8.30 am to 5.30 pm, Mondays to Fridays
- Layari laman sesawang kami di **www.pidm.gov.my**
- Emel kepada **info@pidm.gov.my**
- Tulis kepada:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Aras 12, Quill 7,
No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur.

Telefon: 603-2173 7436

Faks: 603-2173 7527 / 2260 7432